

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 17**

**Khamis**

**12 Disember 2013**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2014 (halaman 27)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 63)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KETIGA**

**Khamis, 12 Disember 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Perdana Menteri menyatakan status dan tahap pengurusan mengenai keselamatan data, dokumen dan rahsia negara dan tindak balas kerajaan terhadap ancaman pengintipan dan pencerobohan asing terhadap keselamatan data, dokumen dan rahsia negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada soalan yang telah disampaikan. Implikasi kepada kebocoran rahsia kerajaan, akibat daripada pengintipan dan pencerobohan asing terhadap keselamatan data, dokumen dan rahsia negara ini sekiranya ada akan menyebabkan kerugian yang amat besar kepada ekonomi, pertahanan dan keselamatan negara atau boleh menjejaskan fungsi kerajaan dan imej negara.

Walau bagaimanapun, hingga ke tarikh ini kerajaan melalui Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan tidak menerima laporan rasmi daripada kementerian, jabatan, agensi mengenai kes-kes pengintipan rahsia kerajaan seperti yang dimaklumkan dalam media. Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah keselamatan perlindungan seperti di bawah bagi menjamin keselamatan data, dokumen dan rahsia rasmi negara supaya tidak jatuh ke tangan negara asing dan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab:

- (i) Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia sentiasa mengeluarkan Pekeliling Keselamatan dari semasa ke semasa selaras dengan Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi 1972;
- (ii) mengadakan program-program pendidikan dan kempen kesedaran keselamatan kepada penjawat awam dan sektor swasta supaya memberi perlindungan kepada rahsia kerajaan;
- (iii) mengarahkan semua penjawat awam membuat akuan bersumpah yakni perakuan selaras Akta Rahsia Rasmi 1972 sebagai peringatan awal supaya menjaga rahsia kerajaan;
- (iv) menjalankan inspektorat atau pun *inspectorate* keselamatan dan juga inspektorat anugerah khas keselamatan perlindungan atau pun *star rating*

- kepada semua kementerian, jabatan, agensi kerajaan peringkat persekutuan dan negeri;
- (v) melaksanakan sistem tapisan keselamatan dan sistem e-Vetting terhadap penjawat awam, kontraktor, *vendor* yang memberikan perkhidmatan kepada kerajaan dan juga pekerja-pekerja swasta yang bertugas di sasaran penting negara bagi proses pengesanan latar belakang dilaksanakan berdasarkan penglibatan di dalam pertubuhan dan persatuan sama ada di dalam atau pun di luar negara. Tapisan keselamatan ini dilaksanakan oleh cawangan khas PDRM dengan berdasarkan rekod PDRM dan lain-lain agensi seperti Jabatan Penjara, Jabatan Insolvensi, Jabatan Pendaftaran Negara dan lain-lain yang berkaitan; dan
  - (vi) mengadakan kolaborasi strategik dengan MAMPU, PDRM, SKMM, MKN, Cyber Security Malaysia dan lain-lain agensi bagi menangani pelbagai bentuk ancaman dari luar dan dalam negara.

Sehingga tarikh ini, Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri tidak menerima laporan rasmi mengenai kes-kes kebocoran rahsia kerajaan yang dilaporkan bagi lima tahun iaitu dari tahun 2009 sehingga tahun 2013. Walau bagaimanapun, pihak KPKK sentiasa memastikan agar dokumen dan maklumat rahsia rasmi diberi perlindungan seperti mana yang telah ditetapkan dalam buku arahan keselamatan. Pejabat KPKK merupakan kuasa pusat terhadap keselamatan dokumen dan maklumat rahsia rasmi kerajaan. Pejabat ini sentiasa mengadakan program-program pendidikan meliputi kursus-kursus jangka pendek, kempen dan penerangan serta menjalankan pemeriksaan keselamatan ke semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan bagi meningkatkan kesedaran dan memberi peringatan supaya mematuhi peraturan keselamatan perlindungan yang telah ditetapkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat kenyataan pada 5 November 2013 bahawa Malaysia menolak sebarang bentuk pengintipan dan *surveillance* dengan izin, oleh mana-mana pihak yang menjejaskan kedaulatan negara serta menjejaskan hubungan dua hala. Wisma Putra telah meminta penjelasan dari Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia pada 30 Oktober 2013. Tindakan tersebut disusuli arahan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra untuk memanggil Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia pada 1 November 2013 bagi menyerahkan nota bantahan kepada Amerika Syarikat terhadap isu ini. Nota bantahan tersebut mengatakan bahawa Malaysia amat terkejut dengan dakwaan kegiatan pengintipan dilakukan oleh Amerika Syarikat melalui kedutaan besar mereka di Malaysia yang mencerooboh kedaulatan negara dan hak privasi seseorang.

Wisma Putra juga turut menyatakan kekesalan dan kekecewaan Malaysia terhadap aktiviti pengintipan yang dilakukan dan kementerian meminta agar kegiatan tersebut dihentikan sertamerta kerana ia akan memberi kesan buruk terhadap kerjasama dua hala di antara kedua belah pihak. Wisma Putra telah bekerjasama dan berbincang bersama agensi-agensi yang terlibat bagi menyusun langkah yang perlu diambil bagi mengekang aktiviti tersebut. Sekiranya wujud, juga untuk mencari bukti kukuh bagi menyokong pendedahan yang telah dibuat oleh Edward Snowden.

■ 1010

Wisma Putra akan terus memantau perkembangan isu ini dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya terdapat bukti kukuh berhubung dengan hal ini. Terima kasih.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya – Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi garis, cara-cara, langkah kerajaan untuk menangani ketirisan. Walau bagaimanapun, masih terdapat ketirisan itu sehingga kini.

Saya ingin bertanya bagaimanakah kerajaan menangani ketirisan dan kebocoran maklumat dan urusan rahsia rasmi kerajaan di mana ketirisan ini disebabkan oleh sikap tidak amanah penjawat awam yang tinggi dan juga anggota keselamatan seperti pegawai tentera kita yang mengambil upah membocorkan maklumat rahsia keselamatan untuk negara lain. Ada juga maklumat yang dibocorkan yang dikategorikan rahsia besar kerajaan. Adakah satu skim atau rejim yang lebih efektif tentang prosedur merekodkan dan menyimpan dokumen rahsia negara terutama yang melibatkan elemen keselamatan negara? Adakah kerajaan perlu meminda...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat. Berapa soalan?

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Sedikit sahaja. Ini *last*. Adakah kerajaan perlu meminda Akta Rahsia Rasmi supaya dapat dikenakan penalti atau hukuman yang lebih berat memandangkan Akta Rahsia Rasmi kerajaan ini terakhir dipinda pada 2006 dan dalam tempoh tujuh tahun terdapat banyak perkembangan teknologi maklumat dan seharusnya dalam isu ini kerajaan hendaklah mengikut peredaran masa. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Rahsia Rasmi yang ada sekarang ini kalau sekiranya mereka membocorkan rahsia seumumnya, maka mereka akan dihukum mandatori satu tahun dan tidak lebih daripada tujuh tahun. Ini yang telah termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi. Baru-baru ini sebenarnya benda ini telah pun dibentangkan dan ditarik balik. Mungkin akan dibentangkan lagi dalam mesyuarat yang akan datang. Akan tetapi buat sementara waktu ini, akta ini boleh *cover* apa yang telah saya sebutkan. Akan tetapi kalau sekiranya dia melibatkan penderhakaan iaitu bocor rahsia rasmi yang menyebabkan ancaman keselamatan dan sebagainya, dalam Akta Rahsia Rasmi ini juga menyebut bahawa dia boleh dihukum sehingga seumur hidup. Jadi sekarang ini hukuman sedia ada dan peraturan sedia ada.

Apa yang penting sekarang ini kita hendak buktikan bahawa terdapat orang ataupun orang-orang yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu melakukan kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi dan kita boleh ambil tindakan. Ini kerana tuduhan Yang Berhormat sebutkan itu agak serius sebab ia melibatkan pegawai-pegawai tentera membocor rahsia kepada negara-negara lain. *Insyallah* kalau Yang Berhormat boleh bagi maklumat yang agak terperinci sedikit, kita akan ambil tindakan dan siasatan mengenainya. Jadi buat sementara waktu, Akta Rahsia Rasmi mampu untuk memberi hukuman kepada mereka yang terlibat dengan membocorkan rahsia kerajaan dan juga yang jadi penderhaka kepada negara.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya hendak tahu, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjawabnya. Saya difahamkan ada seorang penceramah dari KDN. Penceramah

ini membuat kenyataan yang amat kontroversi iaitu melibatkan akidah orang Islam. Jadi semasa Imam Abdul Rahman Al-Sudais datang ke perhimpunan agung tempoh hari, dia ada menyatakan bahawa Imam Al-Sudais ini adalah tergolong daripada orang Wahabi, pengikut Wahabi. Saya harap adakah Yang Berhormat Menteri tahu perkara ini berlaku dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi jawapan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih kepada soalan yang telah dibangkitkan. Sebenarnya ini telah menjadi isu yang besar dalam media sosial di mana pegawai yang berkenaan dengan berani membuat ceramah di merata tempat menghukum orang sebagai Wahabi, Syiah, liberal dengan menyebut nama orang tersebut. Memang tepat seperti Yang Berhormat telah sebutkan. Semasa Imam nombor satu Masjidil Haram Mekah, Imam Al-Sudais datang itu, dia mengeluarkan kenyataan bahawa imam tersebut sebagai Wahabi dan fasik. JAKIM terpaksa meminta maaf dan Kerajaan Malaysia meminta maaf kepada Kerajaan Saudi kerana keceloparan pegawai yang berkenaan. Kita sedar bahawa pegawai berkenaan sekarang ini bertugas sebagai Penasihat Agama di bahagian khas Polis Diraja Malaysia dan perkara ini saya telah maklumkan kepada Menteri dan saya percaya Menteri boleh memikirkan apa tindakan yang sesuai diambil kepada pegawai berkenaan.

Saya tengok dalam media sosial tentang kenyataan kepada musuh-musuh agamanya. Contohnya dia hentam Asri sebagai ahli neraka, Ustaz Fathul Bari sebagai ulama muda UMNO yang menyeleweng dan pelbagai lagi. Jadi pegawai ini telah mendapat— Menteri Dalam Negeri telah maklum tentang sikap pegawai ini dan sudah pasti tindakan akan diambil. Keceloparan kita mesti ada tahapnya. Kalau kita anggota kerajaan, kita kena jaga mulut kerana perkataan Wahabi itu sendiri sebenarnya perlu diperjelaskan dan *insya-Allah* dalam jawapan Jabatan Perdana Menteri ini. Dari segi aspek politik, saya akan terangkan bahawa sebenarnya Wahabi yang cuba dihantukan oleh banyak pihak sebenarnya tidak wujud benda itu tetapi macam hantu. Kita kata ada hantu kubur, hantu toyol tetapi tidak ada siapa pun jumpa hantu lagi di dunia ini. Demikian juga perkataan Wahabi itu. Apa dia Wahabi? Kita pun tidak tahu kerana dia bukan satu fahaman Syiah dan dia bukan satu kumpulan mazhab. Dia hanya satu gerakan yang menyeru umat Islam supaya kembali kepada jalan Rasulullah SAW supaya berjihad menentang penceroboh-penceroboh iaitu British pada masa itu terutamanya di India sebab British cuba mempertahankan India. British mengeluarkan perkataan Wahabi, puak-puak Melayu ini terutamanya dia kalau ada orang putih sedikit, dia kira satu benda yang seronok. Kalau dia sebut perkataan Inggeris, dia ada satu keseronokan bagi orang Melayu kononnya dia standard mengaji tinggi.

Akan tetapi kalau orang semua orang Melayu sebut Wahabi tanpa mengetahui apa itu Wahabi sama ada dia ada siung ataupun dia ada apa-apa kepala otakkah, sehingga kita menyebut satu perkataan yang kita tidak sendiri memahaminya. Jadi tindakan akan diambil kepada pegawai yang berkenaan. Terima kasih.

*[Soalan No.2 – Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam tidak hadir]*

**3. Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) tentang usaha-usaha penambahbaikan terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) sesuai dengan keadaan semasa. Sila nyatakan penambahbaikan yang sedang dan akan dirancang; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang akan menubuhkan agensi-agensi khusus untuk menanganinya. Kalau ada, sila nyatakan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan telah letakkan inisiatif pembanteras rasuah sebagai salah satu daripada tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Ini membuktikan keseriusan kerajaan dalam meningkatkan integriti perkhidmatan awam dan mengurangkan persepsi perlakuan rasuah di semua agensi penguatkuasaan. Dalam masa yang sama kerajaan juga turut memperkenalkan inisiatif unit integriti di setiap kementerian dan agensi penguatkuasaan. Segala urusan akan sentiasa dipantau dan diselaraskan oleh unit ini bagi memastikan semua prosedur dipatuhi dan kerenah birokrasi yang melambatkan urusan perkhidmatan dapat diperbaiki seterusnya integriti sektor awam dapat dipertingkatkan.

Bermula tahun 2009, kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan terhadap SPRM secara lebih menyeluruh seiring dengan pembentukannya pada 1 Januari 2009 seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Perubahan dilakukan bukan sekadar penjenamaan semula BPR kepada SPRM tetapi turut melibatkan rombakan struktur untuk meningkatkan keberkesanannya sebagai agensi pencegahan rasuah negara. Antara perubahan yang dilakukan turut melihat lima bandan pemantau yang bertindak sebagai mekanisme pengimbang ataupun sebagai *check and balance* dengan izin terhadap perjalanan operasi SPRM ini.

■1020

Kelima-lima badan itu ialah:

- (i) Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah;
- (ii) Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah;
- (iii) Jawatankuasa Aduan;
- (iv) Panel Penilaian Operasi; dan
- (v) Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah.

Keanggotaan ahli panel-panel ini terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat termasuk ahli profesional dalam bidang masing-masing dan memiliki integriti yang tinggi. Pelaksanaan program transformasi juga diperkukuhkan menerusi pelancaran Aspirasi SPRM 2010 yang telah memberi tumpuan ke atas usaha untuk mengubah persepsi serta mengembalikan keyakinan rakyat Malaysia dan pandangan antarabangsa ke atas usaha pencegahan rasuah ini dan program transformasi ini berasaskan tiga teras utama iaitu kebebasan, ketelusan dan profesional.

Ahli-ahli Yang Berhormat, SPRM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Transformasi (JET) pada 24 Julai 2011. JET merupakan satu mekanisme induk bagi menggerakkan program transformasi SPRM yang bermatlamat untuk mengkaji, memeriksa dan menasihati pengurusan tertinggi SPRM dalam pelaksanaan pelan strategik SPRM. JET diwakili oleh pelbagai individu yang pakar dalam bidang kehakiman, perundangan, kewangan dan strategik.

JET juga memainkan peranan penting untuk memandu projek *Management Office* Operasi (PMO), Modal Insan dan PMO pencegahan serta pasukan petugas pengurusan perubahan. Transformasi PMO operasi yang dilaksanakan sepenuhnya bermula pada tahun 2011 dengan memberi penekanan kepada keberkesanan sistem operasi siasatan dan risikan SPRM dalam menyelesaikan sesuatu kes dengan cara yang sistematik dan strategik melalui pendekatan pengurusan siasatan berkesan. PMO operasi ini telah mengambil masa 18 bulan untuk merangka strateginya.

Hasil kejayaan dapat dilihat melalui peningkatan kadar sabitan iaitu 54% pada tahun 2009 dan telah meningkat kepada 83% sehingga November tahun ini. Penyiapan kertas siasatan dalam masa setahun, penggunaan bilik temu bual berveideo bagi meningkatkan ketelusan SPRM semasa temu bual dilaksanakan dan penyelarasan bilik operasi gerakan siasatan yang telah menampakkan impak berkesan dalam aspek siasatan. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada ditubuhkan JET dan juga Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua dan wakil-wakil komponen parti-parti tetapi saya tengok kalau saya salah betulkan, peningkatan kepada rasuah meningkat. Apakah ini betul dan apakah kalau betul usaha-usaha lain yang boleh dijelmakan bagi menangani kes-kes rasuah yang semakin hari semakin meningkat. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan tersebut, disebutkan tentang jika betul sila akui ataupun jika tidak betul sila betulkan. Di situ menunjukkan bahawa wujud satu persepsi terhadap rasuah. Seperti yang sering kita nyatakan tidak ada satu ukuran untuk menetapkan kadar rasuah sesebuah negara. Apa yang ada adalah kedudukan persepsi rasuah sesebuah negara dan yang terbaru suka saya nyatakan di sini bahawa kedudukan negara kita sudah meningkat daripada kedudukan 54 ke tangga 53 dengan skor 49 ke 50 yang terbaru tahun 2013 atas persepsi rasuah negara-negara di dunia.

Jadi maksudnya, usaha untuk membanteras perlakuan rasuah tidak hanya sekitar kepada perlakuan rasuah tetapi kepada persepsi. Malahan saya tidak menolak persepsi yang dianjurkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar adalah andaian bahawa berlaku rasuah dalam negara. Saya suka untuk akhirnya menyatakan bahawa di dalam *survey* kaji selidik TI *International* bagi *chapter* Malaysia, mendapati bahawa persepsi terhadap usaha memerangi rasuah oleh kerajaan jatuh sehingga 39%, seolah-olah berlaku rasuah yang banyak tetapi dalam kaji selidik yang sama, rakyat kita memberikan 3% sahaja perlakuan rasuah. Ini bukan dibuat oleh kerajaan, ini dibuat oleh TI *International Chapter* Malaysia.

Maknanya apa? Bila ditanya rakyat, adakah rasuah teruk di dalam negara? Mereka akan mengatakan bahawa seolah-olah sangat teruk. Akan tetapi bila kita tanya adakah pernah lihat, pernah beri, pernah terima dan pernah minta? Ia hanya 3% sahaja rakyat yang mengalami situasi tersebut. Saya bukan mengatakan bahawa kita bebas sepenuhnya. Saya cuma hendak ulang balik dalam usaha

membanteras rasuah, tidak ada skor yang diberikan kepada kadar rasuah sesebuah negara tetapi ada skor mengenai persepsi rasuah negara tersebut.

Jadi saya ingin menyatakan bahawa kerajaan akan terus dan memohon semua lapisan masyarakat termasuk kepimpinan untuk bersama-sama dengan usaha kerajaan, kita membanteras rasuah dalam negara sehingga menjadikan persepsi rasuah negara kita berada dalam keadaan yang semakin baik.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sendiri memang sebagai seorang rakyat Malaysia dan semuanya benci kepada rasuah dan kita berharap perbuatan yang jijik ini kalau tidak dapat dihapuskan dapat dikurangkan seminimumnya.

Rasuah ini berlaku biasanya dua sahaja. Pertama, orang yang berkepentingan untuk mendapatkan sesuatu dan dia mampu mengeluarkan perbelanjaan untuk mendapatkan sesuatu. Kedua, orang yang mempunyai autoriti ataupun kuasa untuk memberi sesuatu dan dia mendapat habuan daripada kelulusan yang diberikan itu.

Pertanyaan saya ialah apakah langkah yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan ruang-ruang ataupun rongga-rongga orang yang berautoriti sama ada pegawai kerajaan, sama ada pihak berkuasa, sama ada orang politik yang menutup supaya dia tidak boleh melakukan rasuah? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof yang sebenarnya turut membahas banyak tentang SPRM sewaktu perbincangan bajet kita pada tahun ini yang saya akan jawab nanti hari Isnin. Akan tetapi saya hendak tambah sedikit, betullah itu. Rasuah kalau kita tanya orang, semua cakap pasal duit. Sebenarnya betul, dia bukan duit. Dia bukan sahaja ada seks ataupun apa yang boleh ditawarkan juga penggunaan kuasa.

Justeru itu, antara perkara yang mungkin menjadi perkara yang boleh kita lakukan pertama, masa untuk membuat keputusan bagi satu-satu perkara mesti dipendekkan. Contoh, berurusan dengan penguat kuasa di jalan raya ketika kereta ditahan tidak boleh terlalu lama. Begitu juga bila kita berurusan di pintu masuk negara dengan kastam. Maknanya sistem penyampaian mesti ditambah baik. Bila ada perlakuan yang lama bualnya dengan pihak penguat kuasa, di situ akan wujud persepsi. Belum tentu ada rasuah. Itu pertama. Maknanya kita hendak menambah baik sistem penyampaian kita.

Keduanya dari segi pematuhan SOP. Maknanya setiap kali kita buat satu kerja mestilah kita mengikut peraturan yang ada termasuk dari segi perolehan kerajaan hari ini. Kita ada *MyProcurement* yang kita keluarkan senarai mereka yang berjaya mendapat satu-satu tender perolehan kerajaan. Ketiganya dari segi pemantauan. Sebab itu disebutkan tadi Unit Integriti di setiap kementerian dan agensi penguat kuasa diwujudkan dengan latihan apa yang kita panggil CEIO untuk mereka memantau dan menyelia sesebuah agensi dan jabatan tersebut supaya segala bentuk perlakuan urusan yang boleh menjerumus kepada persepsi rasuah atau perlakuan rasuah dapat kita kurangkan.

Ketiganya adalah dari segi penyampaian maklumat kepada seluruh rakyat kita termasuk yang sedang kita lakukan hari ini adalah menubuhkan sekretariat di peringkat universiti dan juga bekerjasama dengan IPG supaya anak-anak kita di peringkat bangku sekolah dan universiti dapat kita



didik bahawa rasuah adalah satu perkara yang sangat keji dan boleh meruntuhkan pembangunan sebuah negara jika tidak ditangani secara berkesan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1030

4. **Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan projek perumahan swasta yang telah terbengkalai mulai 2009 sehingga sekarang dengan pecahan bilangan unit dan negeri dan dari jumlah ini, bilangan projek yang telah dipulihkan atau sedang dalam proses pemulihan mengikut pecahan negeri.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani bagi soalan nombor 36 kerana kedua-dua Ahli Yang Berhormat bertanyakan berkaitan dengan isu projek perumahan terbengkalai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai pada tahun 2009 pengurusan projek perumahan swasta terbengkalai bagi Semenanjung Malaysia telah pun diletakkan di bawah pengawasan dan juga tanggungjawab Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bagi tempoh antara 2009 sehingga 2013, sebanyak 205 projek perumahan swasta telah pun diisytiharkan terbengkalai oleh KPKT di bawah seksyen 11(CA) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Butir-butir terperinci berdasarkan kepada pecahan bilangan unit negeri dan juga bilangan yang dipulihkan seperti mana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat dan juga sedang dipulihkan mengikut negeri adalah seperti berikut:

**Status Projek Perumahan Terbengkalai Semenanjung Malaysia  
Tahun 2009 sehingga 10 Disember 2013**

Negeri	Rancang	Dalam Pembinaan	Siap Selesai	Jumlah	Unit
Selangor	10	15	34	59	24,118
Johor	4	9	29	42	8,691
Negeri Sembilan	2	3	9	24	4,005
Pulau Pinang	3	0	11	14	6,053
Kedah	1	3	10	14	2,750
Pahang	1	1	10	12	3,359
Perak	4	2	9	15	2,344
Kuala Lumpur	1	1	7	9	3,105
Melaka	0	1	7	8	1,225
Kelantan	1	1	5	7	1,144
Terengganu	0	0	1	1	21
<b>Jumlah</b>	<b>24</b>	<b>39</b>	<b>142</b>	<b>205</b>	<b>56,785</b>

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani, bagi tempoh yang sama Yang Berhormat terdapat sembilan projek perumahan swasta terbengkalai bagi Wilayah Persekutuan dan daripada jumlah tersebut Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua projek yang masih lagi belum selesai iaitu projek Li Garden Kepong, Kuala Lumpur dan juga projek Matahari Desa Sri Hartamas, Kuala Lumpur.

Bagi projek yang sudah pun selesai tujuh. Yang pertama ialah Sentul Utama fasa 2, sijil layak menduduki telah pun dikeluarkan pada 19 Februari 2009. Taman Mas Kiara Kuala Lumpur, sijil layak menduduki dikeluarkan 31 Disember 2011 dan bagi Desarina Kondominium Kuala Lumpur, sijil layak menduduki telah pun dikeluarkan pada 10 November 2011. Bagi Puncak Hartamas, Kuchai Ria Kondominium, Sentul Indah, Sentul, Casa Gemilang dan Cheras, semua dalam penukaran untuk cadangan pemajuan dan juga pemulangan deposit dan bagi perancangan awal sedang dipulihkan seperti mana yang saya sebutkan tadi Li Garden. Bagi kawasan projek Matahari Desa Tuan Yang di-Pertua, projek ini baru sahaja diisytiharkan sebagai pejabat terbengkalai oleh KPKT. Maka dengan itu KPKT sedang dalam peringkat untuk membuat kajian kemungkinan atau *probabilities study* ke atas projek tersebut untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut.

Bagi maklumat Yang Berhormat juga, kementerian akan mengumpulkan semua maklumat Tuan Yang di-Pertua untuk melaksanakan kajian-kajian ke atas mana-mana projek terbengkalai untuk dimasukkan dalam kajian pemulihan dalam tempoh tiga hingga enam bulan. Proses kerja tersebut Tuan Yang di-Pertua juga melibatkan usaha-usaha untuk kita mendapatkan pemaju-pemaju penyelamat untuk kita uruskan proses pengambilalihan projek oleh pemaju penyelamat dan juga proses-proses pemulihan projek sehingga siap dengan sijil layak menduduki.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini juga, kerajaan amat memandang serius permasalahan yang dihadapi oleh para pembeli terutama kepada projek-projek terbengkalai. Kita tahu masalah ini dan kita sedang berusaha untuk membantu pembeli menyelesaikan masalah yang ditanggung dengan menyelamatkan projek-projek terbengkalai yang ada. Sehubungan dengan itu kementerian juga telah pun mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah projek-projek terbengkalai iaitu:

- (i) kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara mengambil tindakan dengan mengenal pasti pemaju-pemaju yang berkeupayaan dan juga berpengalaman iaitu kita panggil *white knight* dan untuk mengambil alih pemulihan mana-mana pilihan raya perumahan swasta terbengkalai yang telah pun dikenal pasti;
- (ii) untuk melaksanakan pemulihan projek-projek perumahan swasta terbengkalai ini Tuan Yang di-Pertua, terutamanya bagi kategori kos rendah dan juga kos sederhana melalui peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan peruntukan ini adalah untuk menampung kos tambahan pemulihan kepada projek-projek tersebut;
- (iii) bekerjasama dengan Jabatan Insolvency Malaysia, pelikuidasi swasta bagi membantu untuk terus memulihkan projek-projek terbengkalai dan pihak kementerian bertindak sebagai *mediator* bagi membantu pelikuidasi dan juga

kontraktor penyelamat untuk berhubung dengan pihak berkuasa tempatan, agensi teknikal serta pihak-pihak pembiaya; dan

- (iv) mengenakan tindakan pendakwaan dan kompaun ke atas mana-mana pemaju yang tidak mematuhi mana-mana peraturan dan juga peruntukan yang terkandung di dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1969 [Akta 118].

Bagi makluman Yang Berhormat juga daripada 205 projek perumahan swasta terbengkalai yang saya sebutkan tadi daripada tahun 2009 hingga 2013 hanya 25 iaitu 12.2% projek perumahan terbengkalai ini yang diberikan dana suntikan oleh kerajaan. Manakala selebihnya iaitu 180 lagi iaitu 80.8% lagi projek dipulihkan oleh pemaju penyelamat tanpa suntikan dana daripada kerajaan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang terperinci tadi. Antara lain dalam jawapan itu kita dengar langkah-langkah yang sedang diambil kementerian. Dua soalan.

Satu mengenai langkah-langkah. Adakah kerajaan sedia menimbang untuk memperkenalkan sistem *build and sell* sebagai satu langkah untuk menangani isu projek terbengkalai. Itu pertama.

Kedua, memandangkan banyak sangat projek terbengkalai, saya cuma hendak tahu kaedah yang digunakan oleh kementerian untuk memilih projek untuk memulihkan. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. seperti mana yang saya nyatakan Yang Berhormat tadi, langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk menentukan supaya tidak berlaku lagi projek-projek terbengkalai ini untuk kita terus memantau supaya projek-projek yang akan dilaksanakan di mana-mana peringkat negeri dan daerah akan dapat diteruskan.

#### ■1040

Bagi makluman Yang Berhormat, bagi soalan yang pertama tadi bina dan kemudian jual. *Insya-Allah* kerajaan merancang untuk melaksanakannya bagi tahun 2015. Ya, *insya-Allah* dan apabila perancangan bina kemudian jual dapat dilaksanakan, saya yakin dengan peruntukan yang akan diletakkan oleh pihak kerajaan ini akan dapat membantu untuk memberikan keyakinan kepada pihak pengguna apabila sudah bina dan kemudian buat keputusan untuk membeli rumah-rumah yang sedia ada tanpa, yang dulu kita jual dulu baru bina. Itu yang banyak sangat masalah yang berbangkit yang menjadikan projek-projek terbengkalai antaranya selain daripada masalah-masalah yang lain. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, kerajaan akan terus melaksanakan dengan peruntukan-peruntukan yang telah saya nyatakan, supaya kawalan-kawalan ke atas projek-projek ini di bawah akta-akta yang ada terutama bagi Akta 118 akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Selain daripada itu Yang Berhormat, bagi mana-mana pemaju swasta yang berminat untuk memulihkan mana-mana projek terbengkalai akan diuruskan oleh pihak kerajaan. Maksudnya kerajaan dalam usaha untuk memilih mana-mana projek yang perlu dipulihkan semula juga bukan semua projek terbengkalai itu kita ambil. Kita memberikan keutamaan kepada mana-mana projek yang melibatkan perumahan kos rendah, kos sederhana rendah supaya yang ini diberikan

pembelaan kerana kerajaan memberikan suntikan hanya kepada projek-projek pemulihan yang melibatkan rumah-rumah kos rendah dan juga rumah-rumah kos sederhana rendah.

Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat dengan akan tertubuhnya Majlis Perumahan Negara yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat dalam ucapan bajetnya baru-baru ini. Maka dengan tertubuh dan terwujudnya Majlis Perumahan Negara ini, *insya-Allah* segala perancangan yang akan dilaksanakan, pemantauan yang perlu dibuat bukan saja oleh pihak KPKT, pihak kerajaan di peringkat pusat tetapi juga termasuk kerajaan di peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan akan dapat diuruskan dengan lebih baik lagi dan akan dapat dipantau dengan lebih tertib dan teratur dengan terwujudnya Majlis Perumahan Negara yang akan mula berfungsi *insya-Allah* pada bulan Januari pada tahun yang akan datang.

Terima kasih di atas keprihatinan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memuji usaha kerajaan untuk memulihkan, membantu dalam proses pemulihan rumah-rumah yang terbengkalai walaupun terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang sangat besar. Pada hemat saya, isu asas kepada rumah terbengkalai ini ialah pemaju dan juga kontraktor yang tidak mempunyai integriti dan tidak mempunyai modal yang cukup antara faktor utama yang menyumbang kepada isu ini. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan dengan panjang lebar dengan *remedial action* terhadap *outcome* ataupun kesan daripada rumah terbengkalai tadi.

Soalan saya ialah kalau kita pergi kepada bagaimana menyelesaikan isu asas iaitu pemilihan pemaju ataupun syarat-syarat sesebuah syarikat yang hendak jadi pemaju itu dengan modal berbayarnya, dengan kepakarannya. Itu perlu dilihat dan juga kontraktor-kontraktor yang membuat kerja-kerja itu. Selalunya isu rumah terbengkalai ini, itu dia berpunca daripada sama ada kontraktor itu cabut lari ataupun pemaju itu pun cabut lari. Jadi ini yang perlu dilihat oleh kerajaan. Memperketatkan lesen pemaju.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan kepada soalan Yang Berhormat. Soalannya.

**Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop:** Ini soalanlah ini. Jadi langkah jangka panjang ini yang saya maksudkan. Apakah langkah jangka panjang untuk menyelesaikan isu asas itu tadi? Lesen pemaju, lesen kontraktor yang berwibawa. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Cara Yang Berhormat tanya itu, saya terpikattlah dengan penuh rasa pembelaan kepada pembeli-pembeli terutamanya. Kita hendak membela nasib pembeli, bukan hendak membela pemaju. Pemaju bila dia ada duit, dia boleh buat projek perumahan dia tapi kita hendak bela pembeli. Inilah yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat, antara langkah-langkah, Yang Berhormat tanya dengan saya tadi apakah langkah masa depan untuk tentukan supaya projek perumahan terbengkalai ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang yang bukan saja menyusahkan pembeli, juga kerajaan terpaksa tanggung dengan suntikan dana untuk kita pulihkan pula projek-projek perumahan ini.

Kita dapat buat ialah seperti mana saya nyatakan tadi projek perumahan kos rendah dan juga kos sederhana rendah. Antara langkah-langkah yang kita ambil Tuan Yang di-Pertua bagi

menentukan, untuk mengelakkan projek perumahan terbengkalai ini tidak berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang. Antara langkah-langkah yang kita ambil ialah yang pertama ialah pindaan kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 iaitu [Akta 118] yang merangkumi beberapa pindaan peruntukan yang mungkin saya boleh nyatakan kepada Yang Berhormat.

Pertama ialah kerana tadi Yang Berhormat pun tanya dengan saya apakah tindakan perundangan yang kita akan ambil kepada pemaju-pemaju yang projek mereka ini terbengkalai. Jadi, yang pertama ialah peningkatan dalam defisit pemajuan perumahan daripada RM200 ribu kepada 3% daripada jumlah anggaran kos pembangunan fizikal ke dalam akaun pemajuan perumahan, itu yang pertama.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, pembeli rumah diberikan hak ataupun pilihan untuk membatalkan perjanjian jual beli, SPA dia sekiranya tiada kemajuan yang berlaku di tapak projek perumahan yang dibeli oleh mereka dalam tempoh masa enam bulan daripada tarikh SPA itu ditandatangani.

Ketiga meluas lagi skop Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) iaitu bagi membolehkan pembeli-pembeli rumah ini membuat tuntutan ganti rugi ke atas pemaju perumahan yang tidak berlesen dan yang keempat, kita naikkan lagi, ini mungkin Yang Berhormat suka. Kita naikkan lagi kadar penalti maksimum daripada RM20 ribu kecil sangat RM20 ribu ini kepada RM50 ribu bagi kesalahan yang dibuat oleh pemaju.

Kelima ialah peruntukan baru ini juga bertujuan Tuan Yang di-Pertua agar tindakan boleh dikenakan ke atas semua pemaju perumahan atas alasan mengabaikan sesuatu pemajuan perumahan selama tempoh enam bulan secara berterusan dan menyebabkan sesuatu pemajuan perumahan itu sengaja diterbengkalakan.

Terakhir sekali ialah definisi pemaju perumahan itu diluaskan lagi skopnya Yang Berhormat. Merangkumi sekali pelikwidasi supaya kewajipan perumahan ini dapat dipertanggungjawabkan sekali bersama kepada pelikwidasi ini. Selain daripada itu Yang Berhormat, antara usaha-usaha tambahan lagi yang akan dilakukan oleh Kementerian KPKT bagi menangani isu-isu projek perumahan terbengkalai ini. Antara usaha yang kita jalankan yang pertama ialah Kementerian KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN), kita mengambil tindakan Tuan Yang di-Pertua untuk mengenal pasti. Ini untuk menyelamatkan projek-projek terbengkalai. Saya hendak meyakinkan kepada Yang Berhormat supaya bila Yang Berhormat balik nanti ke Ledang boleh maklumkan kepada rakyat di Ledang dan juga boleh maklumkan kepada rakyat di negeri Johor.

Maknanya macam mana cara pilih untuk syarikat-syarikat yang akan menyelamatkan, kita kenal pasti pemaju yang berkeupayaan dan berpengalaman. Kemudian kita laksanakan pemulihan. Kategorinya saya sudah sebut tadi rumah kos rendah dan sederhana rendah dan kita adakan perundingan dari semasa ke semasa dengan pihak pemaju untuk kita kesan sekiranya ada masalah-masalah berlaku yang boleh dibantu oleh pihak kementerian. Kemudian Tuan Yang di-Pertua kita selaraskan semua usaha pemulihan yang akan kita lakukan dan kita akan terus pantau

dan mengambil tindakan pendakwaan dan juga kompaun kepada mereka-mereka, pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1050

5. **Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan strategi bagi memajukan golongan ibu tunggal sebagai golongan sasar untuk memastikan anak-anak mereka menjadi rakyat yang berjaya dan berguna kepada negara.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato Khairudin yang membawa persoalan ini ke Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensi-agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) komited dalam memastikan kebajikan ibu tunggal terpelihara dari segi sosioekonomi dan kesejahteraan emosi. Pendekatan ini penting supaya anak kepada ibu tunggal mendapat pembelaan yang sewajarnya bagi membolehkan masa hadapan mereka lebih terjamin. Kementerian menyediakan bantuan kebajikan melalui skim Bantuan Kanak-Kanak (BKK) bagi ibu tunggal yang menanggung anak berumur di bawah 18 tahun.

Pada tahun 2012, seramai 41,179 ibu tunggal telah menerima bantuan kewangan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM121 juta. Selain itu, sejumlah RM41.2 juta peruntukan telah diberikan kepada 20,099 buah keluarga ibu tunggal miskin pada tahun 2012 di bawah Skim Bantuan Am bagi membantu meringankan beban mereka. Namun, mereka juga digalakkan untuk berusaha memperbaiki tahap sosioekonomi mereka dan tidak bergantung sepenuhnya kepada bantuan kebajikan. Insentif dalam bentuk geran pelancaran disediakan untuk penerima bantuan termasuk ibu tunggal yang ingin menjalankan perniagaan bagi menjana pendapatan.

Pada tahun 2011, sebanyak RM240,010 telah disalurkan kepada 100 orang ibu tunggal. Manakala bagi tahun 2012, sejumlah RM779,936 disalurkan kepada 312 orang ibu tunggal sebagai modal permulaan untuk menjalankan perniagaan. Kementerian juga melalui Jabatan Pembangunan Wanita melaksanakan program inkubator – kemahiran ibu tunggal (I-KIT) yang bermatlamat untuk membasmi kemiskinan di kalangan ibu tunggal dengan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan terutamanya dalam bidang keusahawanan. Program I-KIT memberikan latihan intensif untuk kemahiran seperti jahitan, terapi kecantikan, kraf tangan, asuhan kanak-kanak, pelancongan dan pemprosesan makanan.

Bermula pada tahun 2008 hingga November 2013, seramai 4,420 orang ibu tunggal di seluruh negara telah menyertai program I-KIT. Selain latihan kemahiran, para peserta turut diberikan pendedahan dengan kemahiran *soft skill* seperti kemahiran bahasa, interpersonal, keterampilan dan asas keusahawanan sebagai persediaan untuk mereka menceburi bidang pekerjaan atau memulakan perniagaan sendiri. Sehingga bulan November 2013, seramai 2,014 orang peserta I-KIT telah berjaya memulakan perniagaan dan menjalankan perniagaan mereka sendiri.

Kementerian turut melaksanakan program kesejahteraan emosi termasuk program pengurusan stres serta penyediaan perkhidmatan kaunseling kepada ibu tunggal melalui Jabatan Pembangunan Wanita dan 13 Pejabat Pembangunan Wanita Negeri di seluruh negara secara percuma. Program ini bertujuan untuk membantu memulihkan dan meningkatkan keyakinan ibu tunggal agar mereka lebih bermotivasi untuk merencana masa depan keluarga masing-masing. Terima kasih.

**Dato' Khairudin bin E. S. Abd Samad:** Soalan tambahan saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, tidak ada lelaki. Akan tetapi, keluarga dan masyarakat. Saya ingin tahu kerana di luar sana ada juga bapa-bapa mithali yang mendapat hak penjagaan anak dan juga suami mithali yang kematian isteri tetapi tidak berkahwin lagi, tetapi hendak jaga anak, adakah mereka ini juga mendapat pembelaan seperti mana yang ibu-ibu tunggal ini dapat? Apakah kementerian telah pun merancang untuk bapa-bapa tunggal ini? Sekian.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Senator. Tentulah kita sayang juga kepada ibu tunggal. Walaupun kita Kementerian Wanita, namun kita *gender sensitive*. Semua dijaga. Jadi, kalau bapa tunggal yang menjaga anaknya dan memang layak untuk mendapat bantuan, sama juga. Bantuan untuk kanak-kanak itu adalah bukan sahaja untuk ibu tunggal, tetapi juga untuk bapa tunggal – untuk anak-anak merekalah. Jadi, tidak ada masalah untuk mereka mendapat bantuan daripada kita. Begitu juga dengan bantuan am. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan? Tidak ada lagi soalan tambahan. Baiklah, kita beralih ke soalan Tuan Mohd. Khalid. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya?

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Peraturan mesyuarat. Saya hendak merujuk Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat di mana dalam mengemukakan persoalan bagi pertanyaan jawab lisan, mengikut peraturan mesyuarat, jumlah perkataan yang dibenarkan hanya 40 patah perkataan. Akan tetapi saya lihat dalam soalan ini hampir melebihi 200 patah perkataan. Saya minta *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan beliau ini kalau mengikut peraturan mesyuarat memang 40, tetapi saya fikir ia telah – supaya soalan itu lebih jelas, saya fikir. Kalau diringkaskan mungkin ia tidak dapat. Mungkin Setiausaha pada masa yang akan datang, tentukan ia mengikut peraturan mesyuarat. Terima kasih Yang Berhormat. Soalan itu ringkaskan Yang Berhormat.

**6. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) mengikut statistik terkini apakah 10 sebab utama (mengikut ranking) yang telah menyebabkan kemalangan berlaku di Malaysia sejak 10 tahun yang lepas, apakah faktor-faktor utama yang akan mempengaruhi jangka hayat kenderaan di Malaysia dan adakah Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (*Malaysian Institute of Road Safety* -MIROS) telah membuat kajian yang teliti mengenai isu jangka hayat kenderaan di Malaysia dengan mengeluarkan kenyataan bahawa kereta berusia 12 tahun tidak selamat untuk berada di jalan raya dan adakah MIROS dan juga PUSPAKOM telah berunding dengan semua pihak yang berkepentingan (*stakeholders*); dan
- (b) adakah benar bahawa jangka hayat dan "*roadworthiness*" sesebuah kenderaan di Malaysia adalah bergantung kepada teknologi asal digunakan (buatan Jerman lebih tahan lama), penyelenggaraan yang baik (*good maintenance*) & berkala, mekanik yang berpengalaman & bengkel kereta yang lengkap dan penggunaan alat ganti asli dan lain-lain dan apakah kesannya kepada rakyat yang berpendapatan rendah, warga tua dan pesara kerajaan yang tidak lagi berkelayakan untuk mendapat pinjaman bank untuk membeli kenderaan baru jika Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengenakan had jangka hayat kenderaan 12 tahun.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Tuan Yang di-Pertua menurut laporan siasatan dan rekonstruksi kemalangan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) daripada tahun 2007 sehingga 2010, antara punca kemalangan jalan raya yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (i) pemanduan yang berbahaya dan berisiko tinggi;
- (ii) memandu secara laju;
- (iii) keletihan;
- (iv) kegagalan mematuhi peraturan *Industry Code of Practice Safety Health and Environment (ICOP-SHE)* bagi kenderaan komersial;
- (v) keadaan jalan yang rosak;
- (vi) memandu di bawah pengaruh dadah dan alkohol;
- (vii) kerosakan brek kenderaan;
- (viii) masalah penglihatan ketika memandu;
- (ix) kerosakan tayar, keadaan tayar yang haus dan botak; dan
- (x) membawa lebihan muatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tiada kajian khusus yang dijalankan oleh MIROS mengenai isu jangka hayat kenderaan. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah MIROS sebelum ini adalah berkisar mengenai kenderaan yang melebihi usia 12 tahun yang tidak selamat digunakan di jalan raya, memandangkan kemungkinan terdapatnya pelbagai kerosakan yang tidak disedari oleh pemandu atau pemilik kenderaan. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pemilik kenderaan untuk memastikan sesebuah kenderaan berada dalam keadaan baik dan *road worth it* demi menjaga keselamatan pengguna jalan raya.



Isu berhubung cadangan untuk menetapkan jangka hayat kenderaan adalah tidak berbangkit memandangkan perkara tersebut perlu diperhalusi terlebih dahulu terutamanya dari aspek sosioekonomi dan memerlukan konsultasi dengan semua pihak yang berkepentingan. Tuan Yang di-Pertua, jangka hayat kenderaan ataupun *roadworthiness* dengan izin, sesebuah kenderaan di Malaysia khususnya tidak hanya bergantung kepada teknologi asal yang digunakan. Perkara ini perlu dilihat daripada pelbagai perspektif. Antaranya ialah faktor keselamatan pasif dan juga keselamatan aktif.

Penyelenggaraan kenderaan dan penggunaan alat ganti yang tulen. Penyelenggara kenderaan merupakan salah satu aspek utama dalam menentukan tahap keselamatan sesebuah kenderaan yang merangkumi tiga penyelenggaraan iaitu:

■1100

- (i) penyelenggaraan berkala bagi memastikan fungsi sistem dan komponen kenderaan berada dalam keadaan baik;
- (ii) penyelenggaraan pembetulan bagi membaik pulih fungsi asal komponen subsistem dan sistem yang rosak; dan
- (iii) penyelenggaraan ramalan iaitu bagi mengesan sebarang kebarangkalian berlakunya kerosakan terhadap sistem ataupun komponen bagi memastikan tindakan penambahbaikan dapat diambil sebelum kerosakan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tekankan di sini bahawa kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk melaksanakan polisi jangka hayat kenderaan seperti mana yang telah dilaksanakan di negara-negara maju seperti United Kingdom, Perancis dan Jepun. Sebarang cadangan untuk melaksanakannya perlu diperhalusi dari aspek sosioekonomi kepada rakyat dan negara, terima kasih.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut seksyen atau peraturan nombor 19(1), (2) dan (3) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 pindaan 2002 yang telah berkuat kuasa mulai 20 Jun 2012. Seksyen Penjawat. Seseorang penjawat awam dilarang membuat kenyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, perancangan ataupun keputusan kerajaan tentang apa-apa isu tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Menteri. Terlebih dahulu dalam kes tersebut, adakah Ketua Pengarah MIROS telah mendapat persetujuan, keputusan bertulis daripada Menteri sebelum kenyataan akhbar dibuat? Apakah kementerian berpandangan negara kita terlebih banyak agensi dan badan-badan berkaitan dengan hal ehwal pengangkutan dan keselamatan jalan raya. Kita sudah ada MIROS, JPJ, PDRM, SPAD dan PUSPAKOM yang mengelirukan rakyat. Ini menyebabkan berlakunya *overlapping* tanggungjawab bersama dan *job scope*, dengan izin yang bertindih yang akhirnya menyebabkan kerenah birokrasi dan tiada yang mahu bertanggungjawab jika berlaku musibah dalam hal ini. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Seperti yang saya sebutkan, kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah MIROS adalah berkisar mengenai kajian mengenai kenderaan melebihi 12

tahun yang tidak selamat. Akan tetapi kenyataan tersebut tidak ada implikasi mengenai dasar ataupun keputusan kerajaan. Ia hanya melibatkan tentang apa penemuan yang telah dibuat oleh pihak MIROS tetapi biasalah, dalam konteks ini malah kenyataan saya pun telah diputarbelitkan oleh pihak pembangkang sehinggakan telah menjadi *viral* menyatakan bahawa kerajaan akan melupuskan kenderaan yang berumur berusia 12 tahun. Sedangkan kenyataan itu tidak dibuat oleh pihak MIROS ataupun pihak saya, pihak kementerian tetapi kadang-kadang telah diputarbelitkan tentang kenyataan-kenyataan yang pada dasarnya tidak melibatkan dasar-dasar kerajaan, terima kasih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Selalu apabila kemalangan berlaku, kenderaan yang terlibat adalah kenderaan komersial khususnya kenderaan berat. Kita sedar kenderaan komersial mesti dapat *fitness* oleh PUSPAKOM. Akan tetapi selalu kalau kita memandu di *highway* boleh nampak lori dengan asap yang begitu gelap, hitam. Jadi, soalan saya ialah bagaimana kementerian untuk memastikan kenderaan yang selamat diguna? Sebab memang ada sistem tetapi tidak berkesan. Itulah soalan saya.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator, mengenai kenderaan yang selamat diguna khususnya kenderaan komersial. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua kenderaan komersial diwajibkan untuk melalui pemeriksaan setiap enam bulan dan di PUSPAKOM untuk memastikan bahawa kenderaan-kenderaan komersial ini selamat digunakan di atas jalan raya, seterusnya memastikan pengguna-pengguna jalan raya dalam keadaan yang selamat. Maka kerajaan telah ada sistem yang memastikan bahawa kenderaan ini akan diperiksa setiap enam bulan sekali. Terima kasih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar ada sistem, tetapi soalan saya tidak terjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup itu Yang Berhormat, cukup.

**7. Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah formula yang diguna pakai menentukan nilai sesuatu hartanah bagi tujuan pengiraan cukai taksiran dan apakah rakyat faham untuk mengaplikasikan formula tersebut ke atas harta milik mereka.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Senator Tuan Mohamad Ezam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor, sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976, [Akta 171] asas penilaian bagi cukai taksiran adalah nilai tahunan, rujuk definisi nilai tahunan di bawah seksyen 2 [Akta 171]. Secara mudahnya, taksiran nilai tahunan adalah seperti berikut. Sekiranya di atas sesuatu tanah terdapat bangunan, nilai tahunan bermaksud anggaran sewa kasar setahun yang dijangka munasabah akan diperoleh dari harta berkenaan.

Sebagai contoh, jika bangunan tersebut ditaksir memperolehi sewa pada kadar RM1,000 sebulan, maka nilai tahunannya adalah RM12,000. Sekiranya tanah tersebut masih lagi tanah

kosong, nilai tahunan adalah 10% daripada nilai pasaran tanah tersebut. Sebagai contoh sekiranya nilai pasaran tanah adalah RM500,000 maka nilai tahunannya adalah RM50,000. Dimaklumkan juga nilai tahunan tersebut bukanlah jumlah cukai taksiran yang perlu dibayar, di mana ia beberapa peratus dari nilai tahunan. Peratus kadar cukai taksiran kebiasaannya ditetapkan setiap akhir tahun sewaktu pengumuman Bajet DBKL diadakan.

Pada masa ini jadual kadar cukai taksiran yang diguna pakai oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur DBKL adalah seperti berikut. Perdagangan dalam 36 batu persegi 12%, luar 36 batu persegi 10%, pangsapuri servis dalam 36 batu persegi 10%, luar 36 batu persegi 8 %, kediaman 6% di kedua-dua kawasan, tanah kosong perdagangan dalam 36 batu persegi 10%, di luar 36 batu persegi 6%, tanah kosong kediaman dalam 36 batu persegi 7%, luar 36 batu persegi 6%, Kampung Baru, Kampung Sungai Penchala dan Kampung Melayu Segambut Dalam 2% di dua-dua bahagian, lain-lain kampung, bangunan tanah kosong dalam 36 batu persegi bangunan 3%, di luar 3%, tanah kosong 2%, 2%. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1110

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang sempurna dan senang faham. Cuma persoalannya baru-baru ini dalam soal cukai taksiran DBKL ini menimbulkan reaksi yang cukup negatif pada masyarakat bandar Kuala Lumpur, memberi impak yang negatif kepada kerajaan secara keseluruhannya. Jadi, apa masalahnya? *What went wrong?* Di mana silapnya sehingga reaksi begitu berlaku? Apakah semasa cadangan kenaikan dibuat, diambil kira tentang masalah rakyat pelbagai, kadar kenaikan yang mungkin melampau. Apakah ini salah satu faktor yang diperlihatkan diambil kira oleh pihak DBKL? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Dalam keadaan soalan yang ditanyakan tadi boleh kita katakan bahawa cara penyampaian yang telah dikeluarkan mungkin tidak begitu terus terang dan ini menimbulkan kekeliruan. Kita dalam kerajaan kementerian faham bahawa masalah ini adalah masalah komunikasi di mana kenyataan ataupun cara penyampaian tidak lagi terus terang. Walau bagaimanapun ada juga pihak-pihak yang telah mengambil kesempatan ini untuk memanipulasikan dan mereka telah menggunakan kaedah-kaedah yang bukan terdapat dalam akta untuk menimbulkan prasangka terhadap kementerian dan DBKL. Inilah kita dapat masalah-masalah yang telah jadi seperti nilai mata wang yang ada pada masa sekarang dan masa dahulu adalah berbeza. Akan tetapi mereka menggunakan kadar peratusan atas nilai ini maka dengan ini timbullah kekeliruan kepada rakyat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Saya tertarik hendak tanya tentang masalah ini bagaimana tadi ditanya oleh kementerian tadi. Saya hendak tanya kenapakah satu perancangan teliti kita tidak uar-uarkan kepada rakyat umum selama ini yang mana telah menyebabkan akan timbul kekeliruan dan juga dalam pembangunan hartanah akibat kurang maklumat. Keadaan ini telah pun berjalan begitu lama yang mana menyebabkan kerja-kerja tertangguh dan juga melibatkan beribu-ribu surat dokumen rayuan dan pelbagai yang mana merugikan masa, tenaga dan wang ringgit bagi ramai pihak. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya mengikut prosedur yang telah dinyatakan dalam akta yang diguna pakai ini kita telah menjalankan semuanya seperti yang tertakluk pada undang-undang. Akan tetapi ini adalah *human interpretation*. Dia menggunakan interpretasi mereka sendiri dan mereka mengelirukan masyarakat semata-mata ada yang mahu tolong, ada yang mahu bantu dan sebagainya dan mereka mengelirukan. Akan tetapi, semua prosedur yang digunakan adalah mengikut akta dan yang telah ditetapkan mengikut akta tersebut. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**8. Dr. Arrifin bin S.M. Omar** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai pelajar-pelajar Melayu dihantar ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran mereka di negara Komanwel dan USA antara 2009-2013 dan berapa ramai telah berjaya menamatkan pengajian mereka dan balik berkhidmat untuk negara dan berapa ramai tidak mahu pulang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tahun 2009 sehingga 2013 seramai 3,397 pelajar bumiputera telah ditawarkan biasiswa JPA bagi mengikuti program pengajian peringkat ijazah pertama ke luar negara di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN), Program khas ke Perancis, Jerman, Korea dan juga ke Jepun. Penajaan di bawah PILN adalah meliputi negara-negara Eropah dan juga Asia termasuk Amerika Syarikat serta negara-negara Komanwel iaitu United Kingdom, Australia, New Zealand, Kanada dan juga India. Kesemua pelajar tajaan ini sedang mengikuti pengajian di luar negara dan dijangka terdapat sebilangan pelajar bagi *cohort* tahun 2009 akan menamatkan pengajian pada tahun 2014. Sehubungan dengan itu pada masa ini belum ada pelajar dalam *cohort* tahun 2009 sehingga tahun 2013 yang telah tamat pengajian.

**Dr. Arrifin bin S.M. Omar:** Saya memang sokong penuh usaha kerajaan untuk menghantar pelajar-pelajar bumiputera ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka. Ini pentinglah kerana kita perlukan pelajar-pelajar yang didedahkan kepada sistem pendidikan antarabangsa untuk menaikkan taraf pelajar-pelajar bumiputera. Akan tetapi yang menarik perhatian saya, bidang yang mana yang ditekankan untuk pelajar-pelajar bumiputera ini, bidang apa? Kalau bidang sains, sains apa? Bidang teknologi, teknologi apa? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sebagaimana yang telah saya maklumkan jawapan pada dua hari yang lepas iaitu kita ada program khas ke Perancis, Jerman, Korea dan Jepun. Ini lebih kepada bidang teknikal. Kemudian ke tempat-tempat lain kita menjuruskan kepada bidang perubatan dan juga lain-lain bidang yang ada permintaan yang tinggi. Kita tidak mahu hantar mereka pergi belajar begitu sahaja tanpa ada permintaan yang tinggi. Bidang yang diberi peluang kepada mereka ini ialah bidang yang ada permintaan yang tinggi dalam negara.

Kemudian bagi mereka yang lain terutamanya bidang perubatan yang sekarang ini menjadi perburuan utama, itu bahasa yang lebih tepat. Perburuan utama ibu bapa ialah menghantar anak-anak dalam bidang perubatan sehingga timbul pertelingkahan dahulu ada negara-negara di dunia yang tidak mengiktiraf bidang perubatan. Ada yang kita benarkan bidang perubatan itu hanya

setelah dia habis. Contohnya di Rusia dahulu sehingga dia habis lepas itu habis tidak diiktiraf lagi. Jadi ini perburuan.

Ini kebanyakan *student* yang mempunyai kelulusan yang cemerlang selalunya lepas tahun satulah mereka boleh memohon pinjaman biasiswa daripada JPA. Jadi JPA ini termasuk program yang saya sebutkan tadi tetapi di samping saya sebutkan tadi. Saya sebutkan tadi iaitu bidang perubatan yang saya sebutkan tadi menjadi buruan utama ibu bapa. Kemudian bidang yang lain itu saya sebutkan sebagaimana saya sebutkan ialah bidang yang ada permintaan yang tinggi kepada negara kejuruteraan sains, teknologi, ekonomi dan juga kewangan. Sekarang ini buruan utama ibu bapa ialah menghantar anak-anak ke Indonesia untuk belajar perubatan. Angka tidak rasmi yang ada kepada kita melebihi 6,000 orang dari semasa ke semasa. Sebahagian besar daripada mereka ini juga mendapat tajaan JPA.

Contohnya ada sebuah universiti yang kecil di Padang di Indonesia dan juga di Makasar, Sulawesi. Dia ada universiti yang membuat perubatan dan ada dalam universiti perubatan itu pelajar yang ditaja oleh JPA. Sudah pasti sebahagian besar pelajar-pelajar itu terdiri daripada mereka yang membuat perubatan. Mereka sanggup berbelanja sendiri pada tahun satu, kemudian mereka akan ambil akan mohon pinjaman daripada JPA pada tahun yang kedua. Kemudian saya juga hendak maklumkan sebelum ditanya sebab saya tahu soalan ini akan ditanya. Berapa orangkah yang tidak balik? Yang Berhormat saya tidak dapat tahun 2013 tetapi tahun 2012 terdapat 21 orang sahaja daripada beribu-ribu kita hantar ini 21 orang tidak balik kerana bekerja di luar negara ataupun kerana bercinta di luar negara dan berada dengan orang-orang di luar negara. Mereka tidak balik tetapi sebahagian besar daripada mereka yang tidak balik ini bayar balik biasiswa yang telah kita bagi pinjaman kepada mereka.

Jadi pada keseluruhannya 21 orang biarlah dia merantau di mana-mana sebab kita juga perlukan rakyat Malaysia berada di mana-mana di dunia termasuk Kutub Utara. Jadi dengan itu kalau kita pergi nanti kita tidaklah orang kata tidak sangat rasa kekok kerana kita boleh minta mereka masak gulai, kari, cili api dan sebagainya.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sejauh mana ya laporan yang menyebut mengatakan kita telah terlebih melatih pelajar-pelajar dalam perubatan, kedokteran?

■ 1120

Kedua ialah pemilihan universiti-universiti luar negara untuk pelajar-pelajar kita belajar dalam bidang perubatan. Ini kes terpencil. Saya dapati daripada perbualan saya dengan doktor-doktor pakar yang sedang berkhidmat di hospital di negara kita ini, pelajar-pelajar perubatan daripada Universiti Malaya adalah di antara yang terbaik dari segi latihan *houseman ship* mereka. Bila mereka ini keluar membuat *houseman* di hospital-hospital kita mereka tidak banyak masalah. Doktor-doktor yang telah senior itu tidak banyak masalah. Akan tetapi yang daripada universiti-universiti lain ini agak ada sedikit kekurangan. Sejauh mana benda ini berlaku? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Walaupun yang patut jawab ini adalah Kementerian Kesihatan tetapi oleh kerana saya mengalaminya sendiri, saya hendak beritahu bahawa sebenarnya memang ada kebimbangan di pihak kerajaan. Ini secara tidak rasmi. Secara rasmi

sudah pasti memang ada - Kita kena tengok laporan daripada hospital-hospital yang kita hantar *houseman* ini. Akan tetapi secara tidak rasmi ini ada cakapan daripada pakar, cakapan daripada pelbagai pihak bahawa ada sedikit masalah dari segi graduan-graduan perubatan yang kita hantar daripada pelbagai pihak yang mana apabila kita hantar kepada mereka, ia bukan melalui JPA. Dia ialah *student* persendirian termasuk yang kita hantar di China.

Di China ini ada universiti-universiti yang kebanyakannya pelajar yang pergi sana ialah pelajar China yang boleh berbahasa China. Mereka juga belajar perubatan. Kita ada pelajar perubatan yang pergi ke Indonesia. Kebanyakannya ialah mereka yang boleh berbahasa Malaysia. Akan tetapi secara *surprisingly* Tuan Yang di-Pertua, yang ramai pergi ke Indonesia sekarang ialah orang-orang India yang mereka sudah fasih berbahasa Indonesia dan kemasukan mereka itu ialah pelbagai. Ada yang masuk memang di bawah gred yang universiti tempatan dan Universiti Malaya tidak boleh terima. Universiti Kebangsaan tidak boleh terima. Malah universiti yang ada *twinning* program pun tidak boleh terima. Jadi mereka pergi ke luar negara.

Ke luar negara ini ada cara-caranya yang membolehkan mereka akan diterima. Saya hendak cerita di sini agak panjang. Kalau saya dedahkan benda ini saya harap – Saya tidak boleh dedahkan benda ini sehingga saya berbincang dengan Menteri Kesihatan. Bagaimana pelajar yang ada dua A sahaja boleh membuat perubatan dengan cara-cara tertentu dengan menggunakan media tempatan. Contohnya macam dia dapat dua A kemudian dia pergi ke sebuah negara itu, dia belajar melalui sistem negara itu dan diisytihar dalam surat khabar sebagai *student* yang boleh masuk perubatan. Dia masuk perubatan sebenarnya melalui cara negara yang berkenaan.

Oleh sebab itu dia balik, walaupun dia ada masalah di peringkat awalan kita kena terima hakikat mereka doktor dan diiktiraf mereka boleh cucuk orang. Mereka diiktiraf sebagai doktor. Peringkat awal memang mereka hadapi masalah sebab mereka datang dari pelbagai pusat pengajian di antaranya Indonesia, daripada Rusia, daripada Republik Czech. Di Indonesia pula daripada hujung pulau ke hujung pulau, daripada China daripada India dan lain-lain lagi. Oleh kerana kepelbagaian ini menyebabkan orang yang di tempat yang mereka berlatih di peringkat awal itu dia ada masalah.

Akan tetapi suatu hari nanti setelah bertahun-tahun mereka akan menjadi doktor. Kita sudah lupa bahawa mereka ini asalnya daripada Padang, Makasar apa-apa tempat ataupun di Bali. Bali ini sekarang ramai dan ramai pelajar India, 80% rakyat Malaysia yang belajar di sana ialah pelajar daripada India. Akhirnya setelah mereka ada pengalaman mereka boleh menjadi doktor. Akan tetapi mungkin Persatuan Perubatan Malaysia mungkin mengenakan syarat tertentu. Sekarang ini *houseman* dua tahun supaya mereka ini melalui satu proses lain supaya membolehkan apabila mereka juga doktor nanti biarlah menjadi doktor yang sewajarnya.

Orang yang menguruskan hospital sekarang janganlah beri penekanan demikian rupa seolah-olah bila *houseman* ini masuk dia rasa rendah diri. Sebahagian besar daripada mereka sekarang membuat protes terbuka di mana mereka dikenakan bekerja 15 jam satu hari. Ini saya akan bentangkan nanti, 15 jam satu hari yang mana kita akan lihat bukan doktor yang mengubat pesakit, pesakit akan melihat doktor sakit. Jadi inilah di antara benda-benda yang kita boleh ambil ingatan bahawa mungkin di peringkat awal dia ada kelemahan dan hospital orang-orang yang

senior pun asalnya tidak reti juga. Sekarang berilah perhatian di mana mereka berada. Jangan kata kamu daripada mana? Daripada Padang. Jadi tidak adil. Kamu daripada Mana? Republik Czech. Kamu daripada mana? Rusia. Kamu daripada mana? Cuba.

Cuba, pada tahun yang lepas saya melawat Cuba saya dapat 21 orang pelajar Malaysia di sana, 18 orang India, satu Melayu, dua Cina. Sebanyak 21 orang pelajar Malaysia berada di Cuba dan belajar bahasa *Spanish*. Mereka balik kita tahu macam mana mereka buat. Akan tetapi sudah pasti proses perubatannya sama, cucuk tempat yang sama dan sebagainya. Jadi kepada doktor-doktor pakar dan sebagainya bersabar kerana kita ada buat sistem pendidikan terbuka memang ramai doktor yang masuk tetapi saya tidak dapat beri angka yang sebenarnya. Biar Kementerian Kesihatan bagi angka.

Kalau kita banding dengan Cuba, tiap-tiap satu orang doktor kita ada lebih kurang 150 orang rakyat. Akan tetapi di Malaysia masih lagi satu bersamaan dengan 1,000 lebih. Jadi kalau kita ada banyak doktor pun kita hendak sampai ke tahap satu doktor 200 orang penduduk. *Wallahualam.*

**9. Tuan Lihan Jok** minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan Program Talent Corp dapat menarik minat golongan profesional Malaysia yang bekerja di luar negara untuk balik berkhidmat di Malaysia. Adakah program ini masih diperhebatkan, jika ya, apakah fokus utama dari segi kepakaran, dan bidang ilmu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Lihan Jok. Pertama sekali izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok bersekali dengan soalan Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman yang dijadualkan pada 17 Disember kerana ia menyentuh isu yang sama iaitu berkenaan dengan Talent Corp. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tentang kejayaan yang telah dicapai oleh Talent Corp dalam membawa pulang pakar-pakar kita daripada luar negara izinkan saya menjawabnya dalam dua bahagian.

Pertama sekali dari segi kualiti dan keduanya dari segi kuantiti. Dari segi kualiti sejak Talent Corp mengambil alih program ini pada tahun 2011 dan melalui beberapa penambahbaikan insentif kita telah berjaya membawa pulang meluluskan sejumlah 2,372 pakar-pakar daripada luar negara iaitu seramai 680 orang pada tahun 2011, 923 orang pada tahun 2012 dan juga 769 orang setakat bulan November 2013.

Jadi ini merupakan satu angka yang tinggi berbanding dengan jumlah 1,130 orang yang dibawa pulang dalam tempoh sepuluh tahun semasa program ini di bawah agensi yang lain yang pada ketika itu dikenali dengan program *My Brain Gain*. Dari segi kualiti kita telah membawa pulang pelbagai pakar-pakar daripada luar negara dan kita kalau lihat antara mereka yang kita bawa pulang yang terkini ialah Ketua Pegawai Eksekutif, AmG Insurance Berhad iaitu saudara Paul Low Hong Ceong, Timbalan Presiden Pelaburan FELDA Corporation, saudara Wan Azman Wan Abbas

dan juga Pengarah Strategi Transformasi di Maxis Mobile Berhad iaitu saudara Vitianathan dan ramai lagi pakar-pakar yang kita telah bawa pulang.

Tuan Yang di-Pertua program ini masih lagi diteruskan dan akan diperhebatkan lagi. Fokus utama kita adalah bergantung kepada permintaan industri-industri dan juga majikan-majikan yang meliputi pelbagai bidang keberhasilan ekonomi utama negara ataupun NKEA yang terdapat dalam *economic transformation plan* dengan izin. Lima sektor utama yang kita sekarang ini memfokuskan ialah perkhidmatan kewangan, perkhidmatan dan perniagaan, minyak gas dan tenaga, kandungan dan infrastruktur komunikasi dan juga perkhidmatan kesihatan.

■1130

Manakala dari segi kerjaya ialah perbankan, perakaunan, jurutera mekanikal dan ahli geologi, jurutera komunikasi dan juga pakar perubatan. Terima kasih.

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan. Soalan tambahan saya begini, anak Malaysia ramai sudah ke luar negara kerana berminat dengan kerjaya yang mendapat hasil yang lumayan di luar negara. Adakah kita melihat negara kita akan menjadi tumpuan dan apakah bidang-bidang yang akan ditumpukan oleh masyarakat luar di sana kepada negara kita pada masa kini dan pada masa hadapan? Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Lihan Jok. Kita kalau ikut statistik berdasarkan kepada Laporan Bank Dunia, *mission commitment* kita tahun 2011 dianggarkan seramai satu juta rakyat Malaysia bertugas di luar negara. Ini di pelbagai profesion dan kita sebenarnya mengambil sikap yang terbuka. Memang ramai rakyat Malaysia bekerja di luar sana dan yang mana yang mendapat peluang pekerjaan yang baik dari segi ganjaran yang baik, mereka boleh teruskan.

Apa yang kita inginkan ialah mereka yang kita perlukan untuk pulang ke Malaysia dalam bidang-bidang yang tertentu seperti yang saya sebutkan tadi di dalam bidang perbankan, *oil and gas* dengan izin dan lain-lain lagi di mana kita hendak mereka kalau boleh pulang. Kita tidak paksa dan mengambil sikap yang terbuka untuk mereka ini. Jadi bagi kami untuk mereka yang terus bekerja di luar negara itu, biar mereka menjadi duta Malaysia yang bakal mempromosikan negara kita dan juga bakal menjadi duta kita di luar negara di sana supaya kita dapat mempertingkatkan lagi Malaysia ini. Terima kasih.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan tambahan saya, memohon penjelasan bagi pihak kerajaan sebab mengenai struktur organisasi penggerak TalentCorp. ini yang kadang-kadang menimbulkan tanda tanya kepada rakyat di luar sana siapakah di belakang tabir, siapakah yang mengarah dasar dan siapakah yang membuat keputusan bagi pihak industri? Sekian, terima kasih.



**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih. TalentCorp. ini merupakan sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dan ia diketuai oleh saudara Johan Mahmood Merican yang telah menjadi Ketua Pegawai Eksekutifnya sejak tiga tahun yang dahulu.

Untuk memastikan kualiti permohonan ini ditapis dengan berkesan, kita mempunyai sebuah jawatankuasa yang bermesyuarat untuk Program Pemulangan Pakar ini ataupun Returning Expert Programme ini. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai kementerian, jabatan dan agensi termasuklah daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Jadi, kita juga mempunyai banyak program di mana kita berhubung dengan industri-industri untuk memastikan bahawa pakar-pakar yang mereka perlukan, kita membantu mencari di pusat-pusat di luar negara seperti di Amerika Syarikat, di United Kingdom, Australia dan sebagainya. Terima kasih.

**10. Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah Malaysia sudah mencapai hasrat untuk menjadikan negara ini sebagai hab halal dunia. Sebagaimana sasaran dalam Rancangan Malaysia ke-9 lalu, yang memperlihatkan keseriusan kerajaan menuju ke arah hab halal dunia menjelang 2010 seperti yang dirancang. Jika matlamat itu tercapai, nyatakan badan induk manakah yang mengiktiraf Malaysia sebagai pasaran hab halal dunia. Jika tidak mencapai sasaran, apakah punca yang dikenal pasti oleh kerajaan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Mashitah. Setakat ini belum ada badan yang mempunyai kuasa untuk mengiktiraf sesebuah negara ataupun institusi sebagai hab halal dunia.

Walau bagaimanapun, Malaysia sebagai sebuah pusat pengeluaran perdagangan dan inovasi halal, kerajaan telah berjaya mewujudkan satu ekosistem halal bagi pengeluaran produk dan perkhidmatan berkaitan halal termasuk logistik iaitu logistik halal, pelancongan Islam, perbankan dan kewangan Islam dan sebagainya.

Malaysia adalah satu-satunya negara di dunia yang mempunyai ekosistem halal yang menyeluruh. Di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) mempunyai usahawan-usahawan dan peserta-peserta industri sedia ada barangan dalam sektor makanan dan bukan makanan;
- (ii) infrastruktur sokongan seperti taman halal, persijilan halal, pembangunan standard, pusat ilmiah, pusat penyelidikan dan makmal ujian halal;
- (iii) sokongan kerajaan, kementerian dan agensi-agensi yang fokus kepada pemeraksanaan industri halal negara; dan
- (iv) tenaga kerja yang berpengalaman dan berkemahiran dalam halal.

Pada tahun 2012, negara telah mengeksport barangan halal bernilai lebih RM30 bilion di mana ia menyumbang 5% kepada keseluruhan eksport negara yang berjumlah RM700 bilion. Di kalangan sejumlah 2,886 pemegang Sijil Halal Malaysia, terdapat lebih daripada 740 syarikat telah mengeksport produknya ke luar negara.

Keluaran halal yang dieksport mengikut keutamaan adalah makanan dan minuman iaitu RM12.3 bilion, diikuti oleh bahan ramuan ataupun *ingredient* berjumlah RM10 bilion dan produk berasaskan minyak sawit berjumlah RM bilion. Jadi dengan kejayaan-kejayaan ataupun ekosistem yang telah pun diwujudkan, kita sedang mengarah kepada sebuah negara yang disebutkan tadi iaitu di antara negara hab halal dunia, *insya-Allah*. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi penerangan sebentar tadi. Soalan saya ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab *direct* kepada soalan saya, adakah kita sudah mencapai? Ini kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tentang ekosistem.

Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa kita sudah ada persijilan, kita sudah ada perbankan, kita sudah ada logistik tetapi persoalannya, sudah capai ataupun tidak? Ini kerana dalam masa yang sama, negara-negara lain seperti Singapura, Thailand, Indonesia juga mengatakan mereka merupakan hab halal dunia dan tidak ketinggalan pada baru-baru ini, Jepun dan China juga mengatakan mereka adalah merupakan hab halal dunia.

Apa yang saya tahu, jawatankuasa teknikal untuk menjadikan Malaysia ini sebagai hab halal dunia telah diwujudkan sejak daripada 10 tahun yang lalu. Jadi daripada Jawatankuasa Teknikal itu, Yang Berhormat jawab tadi indikasi-indikasi tetapi kita sampailah tidak? Macam orang sebut, saya sudah puasa, saya sudah cuba belajar bagi salam tetapi, masuk Islamkah tidak lagi ini? Dia sudah buat tetapi dia sudah *declare* atau belum? Jadi persoalan saya ini tidak dijawab.

Keduanya, taman-taman halal ataupun halal *park* ini. Berapa halal *park* yang kita ada dan adakah ia milik sepenuhnya daripada kerajaan. Bagaimana ia boleh menimbangkan untuk menjadikan Malaysia ini sebagai hal halal yang terkemuka di dunia? Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samurij:** Tuan Yang di-Pertua, sukar hendak menjawab sama ada negara kita telah mencapai status tersebut atau tidak kerana seperti yang saya sebut pada peringkat awal tadi ialah setakat ini belum ada satu badan dalam dunia ini yang boleh mengiktiraf sesebuah negara untuk menentukan negara itu sebagai hab halal dunia atau tidak. Maknanya, badan itu tidak ada. Kita boleh kata ya, kita boleh kata tidak. Negara-negara lain juga boleh dengan izin *claim*, bahawa mereka adalah hab halal dunia. Akan tetapi saya berpendapat, sekiranya kita telah menguasai sebahagian besar daripada eksport produk halal dunia, mungkin kita boleh *claim* negara kita ataupun negara lain sebagai negara hab halal dunia.

#### ■1140

Itu pada pandangan saya sebab tidak ada badan lagi. Badan belum muncul lagi. [Ketawa] Berkaitan soalan kedua tadi, terus terang saya katakan di sini bahawa setakat ini terdapat 21 buah taman halal di seluruh negara dan 13 daripadanya telah menerima status halal emas (HDC). Status halal emas ini adalah satu bentuk pengiktirafan yang melayakkan syarikat yang terletak di taman halal menikmati galakan pengecualian cukai. Jadi kalau maklumat selanjutnya ialah sehingga bulan September tahun ini terdapat 130 syarikat beroperasi di taman-taman halal dengan jumlah pelaburan mencecah RM8 bilion dan telah memberi peluang pekerjaan kepada lebih 4,000 pekerjaan. Sekian, terima kasih.

**11. Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan membeli rumah-rumah kedai kuota bumiputera di negeri-negeri, memandangkan pemilikan rumah kedai bumiputera seluruh negara cuma 5% sahaja dan nyatakan berapa buah rumah kedai telah dibeli oleh setiap agensi-agensi amanah bumiputera persekutuan di setiap negeri hingga sekarang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan menerusi pelbagai agensi seperti MARA dan PUNB yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam sendiri telah sekian lama mengambil pendekatan membeli rumah kedai kuota bumiputera untuk meningkatkan lagi pemilikan hartanah bumiputera. Jadi, dari segi bilangan rumah kedai yang telah dibeli oleh agensi amanah berkenaan kalau diikutkan sejak tahun 2008 sehingga bulan November 2013 ini, bagi MARA sejumlah 489 buah premis perniagaan bernilai RM144.36 juta dan untuk PUNB sebanyak 129 buah premis perniagaan bernilai RM136.43 juta. Selain daripada MARA dan PUNB, Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad (PHB) juga telah ditubuhkan pada tahun 2006 untuk melabur di sektor hartanah komersial yang bernilai tinggi dan ini membantu meningkatkan pemilikan hartanah bumiputera. Setakat bulan September 2013 sejumlah RM3.79 bilion telah pun dilaburkan oleh PHB untuk membeli bangunan-bangunan dan hartanah yang lain di Kuala Lumpur, Putrajaya dan juga Selangor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, usaha untuk meningkatkan pemilikan hartanah bumiputera ini bukan sahaja berdasarkan kepada pembelian rumah dari kuota bumiputera. Selain itu, ia juga dilaksanakan melalui pembinaan premis-premis perniagaan yang khusus untuk disewa atau pun dijual kepada kalangan bumiputera dan pembinaan premis perniagaan ini adalah di lokasi yang strategik terutama sekali di bandar-bandar utama. Terima kasih.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah kerajaan telah menetapkan sasaran, menjelang Malaysia Maju 2020 supaya sekurang-kurangnya 30% daripada kedai-kedai atau premis-premis perniagaan di Malaysia milik bumiputera? Sekarang baru 5%. Kalau ini tidak dilakukan, saya percaya menjelang tahun 2020 Malaysia maju berpendapatan tinggi, kita masih lagi mengeluh anak kecil main api.

Oleh kerana itu saya ingin cadangkan kerajaan perlu set *target*. Tahun 2020 sebanyak 30% dan berapa ribu serta siapa yang patut membelinya. Jika rakyat tidak mampu maka agensi bumiputera perlulah melakukan kerja-kerja ini supaya kita mencapai sasaran. Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Berkenaan dengan sasaran Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menetapkan sasaran 30% untuk tahun 2020. Ini merupakan satu jangka masa yang agak singkat. Kalau kita hendak meningkatkan daripada kadar 5% kepada 30% dan berdasarkan nilai hartanah yang tinggi, itu mungkin sesuatu yang tidak boleh dicapai dalam jangka masa tujuh tahun setakat tahun 2020.

Namun begitu, saya rasa kita perlu teruskan usaha kita. Selain daripada agensi yang saya sebutkan tadi iaitu MARA, PUNB dan PHB, banyak lagi agensi-agensi lain yang telah ditugaskan

seperti UDA. Saya rasa kalau semua kita memainkan peranan masing-masing kita bakal meningkatkan peratusan pemilikan bumiputera dalam hartanah perniagaan ini daripada tahap 5% kepada satu tahap yang lebih tinggi lagi. Akan tetapi maaf saya rasa kalau tahun 2020 itu kurang, mungkin selepas daripada itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana masa telah mencemburui kita, pukul 11.45 pagi dan kita masih banyak lagi khususnya hari terakhir membahaskan bajet dan dalam masa ini juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap, maka setakat itu sahajalah soal lisan kita pada pagi ini. Seterusnya, silakan setiausaha.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang"

**[11 Disember 2013]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mulakan dengan semalam agaknya Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh tidak habis lagi, bukan? Saya harap Dato' Jaspal Singh ambil masa yang munasabah. Jangan lama sangat tetapi di samping itu had itu berpatutan. Silakan.

**11.46 pg.**

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Selamat pagi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya menyambung perbahasan saya. Semalam sudah bermula berbahas. Sudah setengah jalan Tuan Yang di-Pertua, enjin pun sudah panas tetapi terpaksa berhenti. *[Ketawa]* Tidak cukup masa, nasib baik ada peluang hendak sambung balik.

Saya hendak *stresskan* sedikit bahawa saya beragama Sikh, bangsa Punjabi, orang kaum India tetapi dalam hati saya Tuan Yang di-Pertua, saya Malaysia dahulu. *I am a Malaysian first*, dengan izin. Saya membawa cadangan-cadangan atau membangkitkan *point-point* yang kadang-kadang sedikit sensitif sebab saya mahu lihat Malaysia maju ke hadapan. Malaysia untuk semua golongan dan kita bekerjasama tidak kira parti politik, tidak kira bangsa untuk mencapai visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuka jalan ke semua isi rumah menjadi isi rumah yang berpendapatan tinggi. Saya seperti adat di Malaysia ini hendak mula dengan serangkap pantun. *[Tepuk]* Ini *specially dedicated* kepada Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

*Anak selasih intan tempawan;*

*dipelihara oleh putera remaja;*

*terima kasih diberi kesempatan;*

*semoga bermanfaat kepada semua. [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sedang berbahas tentang sistem meritokrasi. Saya setuju dengan sistem ini jikalau tahap pendidikan negara kita adalah sama di setiap penjuru, sama ada di bandar, luar bandar, kampung, sekolah agama, sekolah Tamil, di pedalaman Sabah atau Sarawak. Bila akses dan kualiti tidak sama. Bagaimana seorang yang sudah dan terpinggir ini atau tertinggal hendak bersaing? Di negara maju pun memang ada cara untuk membantu kumpulan-kumpulan seperti ini. Saya hendak minta penjelasan daripada Kementerian Pelajaran, apakah program atau pun macam mana mereka bercadang hendak membantu kumpulan-kumpulan yang tertinggal ini? Untuk sistem meritokrasi yang saksama, adakah kementerian bercadang untuk satu peperiksaan kemasukan universiti yang sama atau *common entrance exam*, dengan izin, untuk kemasukan ke IPTA?

Selain daripada itu, saya juga telah mencadangkan bahawa kelayakan *A-Level*. Banyak yang minat *A-Level* ini. Bukan sahaja orang-orang India atau Cina tetapi kawan-kawan saya orang-orang bumiputera pun dia lebih minat kepada *A-Level* sebab opsyen yang mereka dapat selepas hendak pergi ke *A-Level* lebih banyak. Saya hendak cadangkan bahawa *A-Level* ini diterima dan difahamkan memang boleh. Saya minta penjelasan daripada Kementerian Pelajaran, berapa ramaikah pelajar yang masuk IPTA dengan kelayakan *A-Level* dan kursus yang telah ditawarkan?

■1150

Saya juga minta pecahan berapa banyak para pelajar yang masuk ke IPTA dengan kelayakan STPM dan matrikulasi. Tahun ini kita mempunyai isu baru iaitu mereka yang dapat *perfect score*...

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Jaspal menyebut tentang sistem meritokrasi sedia ada dalam kemasukan pelajar-pelajar kita ke IPTA. Saya amat bersetuju dengan pandangan beliau bahawa sistem meritokrasi sedia ada sangat-sangat tidak adil kepada golongan yang tidak mempunyai akses kepada infrastruktur pendidikan yang lama seperti yang dihuraikan. Pelajar luar bandar *versus* pelajar bandar. Miskin *versus* yang kaya. Kita bukan bercakap soal bangsa atau soal *race* di sini. Akan tetapi kita bercakap soal stratifikasi sosial atau pun susun lapis masyarakat kita yang tidak sama rata.

Seorang pelajar yang belajar di sekolah USJ atau Damansara. Mana mungkin sama dengan akses pelajar-pelajar yang berada di pedalaman Sarawak atau Sabah. Akan tetapi apabila sampai kepada hendak masuk universiti, mereka dinilai pada satu penilaian yang sama yang dikatakan meritokrasi. Ini ternyata menjurus kepada satu sistem yang sangat tidak adil kepada mereka dan mereka ini adalah majoriti yang tidak mempunyai akses yang sama.

Jadi, saya minta sangat kepada kerajaan, perkara ini kita sudah berulang-ulang kali, kalau kerajaan boleh meminda dasar PPSMI balik semula kepada penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran Sains dan Matematik, saya rasa sampai masanya lah kerajaan melihat semula secara serius sistem meritokrasi yang sedia ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat mencelah tadi tentang setuju atau tidak saja. Jangan hendak *lecture* lagi, masa Yang Berhormat sudah lepas.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Saya hendak kena lepaskan juga lah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lepas geram, pendekkan.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Okey, terima kasih lah yang memberi ruang. Terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana menyokong dengan cadangan saya yang saya bahaskan tadi. Saya hendak sambung ini, ada isu baru iaitu mereka yang mendapat *perfect score* dengan izin 4A atau pun 4.0 di matrikulasi, tidak mendapat tawaran kursus yang diminati mereka kerana kebanyakan mereka ini berminat jadi doktor, kursus perubatan, pergigian atau pun farmasi.

Mereka terpaksa mencari jalan lain untuk masuk ke universiti swasta. Pinjaman daripada PTPTN tidak mencukupi untuk membiayai yuran pelajaran. Saya berasa sedih kerana ibu bapa mereka ini daripada golongan-golongan yang tidak berupaya dan mereka terpaksa menggadai emas, menjual harta atau pun rumah. Kadang-kadang terpaksa pinjam daripada along. Saya mencadangkan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri menubuhkan sebuah tabung. Tidak payah banyak, jumlah RM15 juta saja untuk memberi geran sebanyak RM150 ribu. Bukan ramai yang dapat 4A atau *perfect score*.

Kepada pelajar-pelajar yang mendapat *perfect score* ini, yang tidak ditawarkan khusus yang diminati. Kalau kita buat sedemikian, kita dapat memberi harapan kepada 100 pelajar setiap tahun. Saya juga minta Kementerian Pendidikan menyemak balik amaun pinjaman PTPTN untuk kursus perubatan, pergigian dan farmasi. Naikkannya ke RM300,000. Saya berpendapat amaun yang sedia ada tidak sewajar dengan kos yuran ini.

Mengenai sekolah terutamanya sekolah Tamil, sekolah agama, sekolah-sekolah di luar bandar, saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengekshakan suatu bajet. Akan tetapi pendapat saya, apa yang diperlukan untuk sekolah-sekolah ini bukan satu bajet tetapi pelaksanaan mutu infrastruktur sekolah yang saksama atau pun akses kepada pelajaran yang sama dengan sekolah-sekolah nasional. Saya minta keterangan sama ada kementerian telah membuat kajian mengenai infrastruktur-infrastruktur sekolah-sekolah luar bandar, sekolah-sekolah Tamil, sekolah-sekolah pendalaman di Sabah, Sarawak dan sekolah-sekolah agama. Apakah *target* atau pun KPI untuk memastikan infrastruktur dan akses sekolah-sekolah yang terpinggir, yang kebelakangan ini dinaikkan ke taraf sekolah-sekolah nasional.

Saya juga meminta Kementerian Pelajaran memberi keterangan berapa banyak kah pelajar-pelajar sekolah Tamil yang telah mengambil peperiksaan UPSR pada tahun ini dan berapakah bilangan serta peratus yang gagal? Apakah langkah yang dicadangkan oleh kementerian untuk mengurangkan jurang prestasi sekolah-sekolah ini dengan sekolah nasional? Tuan Yang di-Pertua minggu lalu saya telah balik ke kampung. Kampung saya di Bidung, Kedah. Bidung itu bukan macam Raub, Dato' Lim ada banyak Musang King, sana ada benih getah sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada lebih dua minit saja lagi. gulung Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah lama semalam. Cukup.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Lima minit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey lah, bagi *you* lima minit.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** *Five minute.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Not more than that.*

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** *Just let the finish on* Lembah Bujang. Saya bernasib baik berjumpa dengan seorang tokoh sejarah Datuk Nadraja yang telah memberi satu taklimat dan mengiring saya melawat tapak candi nombor 11 yang telah di robohkan. Lembah Bujang bukan mengenai sesuatu agama atau pun bangsa, kita rakyat Malaysia sepatutnya begitu bernasib baik dan mestilah berbangga bahawa terdapat sebuah lembah yang begitu besar, yang mempunyai *evidence* arkeologi yang berumur lebih daripada 2000 tahun.

Selain daripada melawat tempat candi 11, saya begitu terharu melawati tapak arkeologi aktif USM di Sungai Batu. Daripada nota-nota atau pun dengan izin, *historical literature* dari Arab, India dan China. Semua menyebutkan bahawa ada aktiviti perniagaan di Lembah Bujang sejak abad pertama. Daripada *archeological finding* dengan izin oleh USM, memang *evidence* arkeologi pun membuktikan seperti itu. Saya hendak cadangkan seperti berikut sebab pendapat saya ini adalah tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia bekerjasama dengan kerajaan dan semua pihak untuk menentukan warisan kita atau pun *heritage* dengan izin, tidak terhilang. Selepas perbincangan dengan Datuk Nadraja, saya bercadang satu pengajian *archeology impact study* dibuat dengan serta-merta dan tempat-tempat yang bersejarah ini sama ada di gali atau pun tidak ditandakan, didokumenkan dan kawasan itu mempunyai sebagai petanda tapak sejarah supaya tidak dirosakkan.

Saya berpendapat memang susah untuk kita gazet semua kawasan Lembah Bujang. Kalau boleh bagus, tapi kalau tidak, candi-candi ini ada di banyak tempat. Jadi, ada yang kecil, ada yang besar. Kita menubuhkan satu *archeological heritage park* dengan izin, di mana candi-candi yang *stand alone* itu boleh dipindahkan ke tempat ini dan gazet kan tempat-tempat yang banyak *evidence archeology* yang seperti Sungai Batu, Lembah Bujang dan lain-lain.

Sudah tiba masa kita mendirikan satu institut arkeologi di tapak Sungai Batu dan institusi ini boleh dikendalikan oleh pihak USM. Kerajaan Negeri Kedah juga mesti memberi keterangan kepada pihak-pihak berkuasa terutamanya majlis tempatan untuk berwaspada dengan mempunyai syarat untuk penjagaan tempat-tempat bersejarah sebelum kelulusan pembangunan boleh diberikan. Saya juga cadangkan setelah kita menjelaskan aktiviti...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh mencelah, boleh celah?

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Tidak ada masa ini.

#### ■1200

**Dato' Lim Nget Yoon:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa tidak mengizinkan Yang Berhormat. Yang Berhormat gulung sekarang.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Sekejap lagi saya hendak gulung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa tidak mengizinkan. Yang Berhormat gulung sekarang.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya mohon untuk menyenaraikan kawasan ini sebagai UNESCO *world heritage site*. Saya hendak gulung dengan sebuah pantun lagi.

*Terbit matahari di ufuk timur,  
Indahnya pagi menyegar sukma,  
rakyat mewah negara makmur,  
Malaysia maju impian bersama.*

[Tepuk]

Sekian saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hebat wakil MIC ini. Sekarang saya persilakan kerana peraturan itu telah kita buat. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat dan selepas itu Datuk Raja Ropiaah.

12.01 tgh.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Kata-kata aluan dalam bahasa Arab]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbincang berhubung dengan bajet yang telah diutarakan kepada kita pada hari ini.

Pertama sebelum itu saya ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah 2012 dan Senator Tuan Mohamad Ezam.

Seterusnya saya mengambil kesempatan ini untuk melahirkan rasa simpati kepada mangsa-mangsa banjir yang telah menghadapi beberapa hari lalu dan pada hari ini mereka telah semakin baik dan semakin pulih dan saya berdoa kepada Allah SWT supaya musibah yang menimpa mereka dapat Allah beri ganjaran yang sebaik-baiknya dan meminta supaya mereka bersabar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya mengemukakan belanjawan pada tahun ini yang berjumlah RM264.2 bilion. Ini merupakan satu belanjawan yang diutarakan, satu dokumen penting yang mengharungi hidup dalam masa setahun akan datang ini. Dalam bajet ini diberikan satu jumlah yang telah ditentukan dan di sini juga kita dapati perbelanjaan dan juga perbelanjaan pengurusan dan juga pembangunan. Daripada hasil unjuran kutipan yang dicadangkan, terdapat RM41 bilion adalah defisit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kewajipan sebuah negara untuk memerintah dan diberi mandat oleh rakyat supaya kita melihat realiti masyarakat di dalam negara kita yang ada berbagai-bagai peringkat, ada yang kaya, ada yang sedang dan ada yang miskin. Diharapkan semua masyarakat kita mendapat perhatian dan juga mendapat hak di dalam kehidupan mereka.

Di dalam mana-mana bajet yang saya perhatikan sejak daripada dahulu sehingga kini ia tidak dapat lari daripada tiga asas yang kukuh. Pertama ialah *dhururiyat*, kedua *hajiyat* dan ketiga *tahsiniyat*. *Dhururiyat* bermakna keperluan asas yang perlu kepada setiap masyarakat dan rakyat seperti makan minum dan seumpamanya. Kedua ialah *hajiyat*, keperluan yang tidak dapat tidak



perlu ada seperti perhubungan, pendidikan dan sebagainya. Ketiga ialah *tahsiniyat* iaitu perkara-perkara yang boleh membantu memperelokkan kehidupan seperti perkakas rumah yang cantik dan sebagainya.

Kalau kita teliti dalam masyarakat kita, masyarakat golongan yang paling ramai ialah golongan-golongan yang tidak mempunyai kedudukan yang tinggi dan baik di dalam pendapatan mereka. Dalam hubungan ini, Islam meletakkan kaedah di dalam membuat penstrukturan dalam perbelanjaan dan juga pendapatan.

Di dalam hubungan ini, saya ingin memetik beberapa ayat al-Quran, pertama [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Maksudnya; “*Orang-orang yang berbelanja, tidak berbelanja boros dan juga tidak kedekut dan dia adalah sedang-sedang antara boros dan kedekut*”.

Kedua, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] “*Jangan kamu kikir sehingga kamu letak tangan kamu ke tengkuk dan jangan kamu hulur tangan kamu sehulur-hulurnya. Nanti kamu akan kecewa*”.

Dua ayat ini memberi gambaran kepada kita dari segi perbelanjaan tidak kira sama ada kecil ataupun besar, rumah tangga, negeri atau negara semuanya perlu kepada paksi ini supaya kita tidak menghadapi masalah-masalah di dalam kewangan ataupun apa-apa yang berlaku pada masa depan. Selain daripada itu, Rasulullah SAW...

**Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Celah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya amat teruja dengan hujah-hujah Yang Berhormat berikan tadi dan saya menunggu-nunggu Yang Berhormat menyebut perkataan *wasatiyyah* yang menjadi ikon Kerajaan Barisan Nasional sekarang. Adakah kerana kita berlainan parti, Yang Berhormat keberatan menyebut *wasatiyyah* itu? Terima kasih.

**Dato’ Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih. Sebenarnya *wasatiyyah* ini tidak parti mana-mana. Ia al-Quran sebelum parti lagi.

**Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Diamalkan oleh Barisan Nasional.

**Dato’ Dr. Johari bin Mat:** Kena semua orang beramal *wasatiyyah*.

Perkara yang kedua saya hendak sebut di sini untuk menjelaskan lagi kedudukan ini Rasulullah SAW menerangkan [*Membaca sepotong hadis*] “*Kita perlu berjimat semasa kita kaya dan juga semasa miskin*”. Maksudnya ialah supaya kita ingat-mengingat waktu kita senang supaya kita tidak akan menjadi masalah ketika kita kesempitan.

Seterusnya dalam perbelanjaan ini saya ingin menyebut sebuah hadis Rasulullah SAW, dia menyebut [*Membaca sepotong hadis*] “*Seorang insan itu dan akhirat nanti tidak berganjak berdiri di hadapan Allah sehingga ditanya tentang empat perkara*”.

Pertama tentang umurnya di mana dihabiskan. Umur kita panjang ini, rata-ratanya orang dalam Dewan ini 50 lebih tahun. Kedua tentang masa muda ke mana kita habiskan masa muda kita. Itu sangat penting. Ketiga ini yang terpenting daripada kedua-dua tadi, [*Berucap menggunakan bahasa Arab*] tentang hartanya [*Berucap menggunakan bahasa Arab*] dari mana dia dapat dan ke mana dibelanjakan? Jadi ini sangat penting. Keempat, [*Berucap menggunakan bahasa Arab*] tentang ilmu yang diperolehinya semasa hidup, dia guna ke mana?

Jadi tentang harta ini, tentang kewangan dan pengurusan ini akan ditanya kepada setiap orang dari mana dia dapat dan ke mana dia belanja. Kalau kita diberi sebagai seorang pengurus, akan ditanya. Kita diberi sebagai seorang menteri, kita akan ditanya dan begitulah sampai kepada Menteri Besar, Ketua Menteri, Perdana Menteri dan sebagainya.

Jadi ini tanggungjawab ini kalau kita laksanakan dengan baik ia akan memberi ganjaran besar dan dijadikan amal soleh dan diberikan ganjaran pahala menurut Islam. Oleh kerana itulah kalau kita baca dalam banyak hadis antaranya Rasulullah SAW menyebut golongan pertama yang mendapat bayang Arash di akhirat nanti [*Berucap menggunakan bahasa Arab*] Imam yang adil iaitu imam yang dapat melaksanakan tuntutan sebagai yang dikehendaki oleh Allah SWT di dalam pentadbirannya. Dialah orang yang mendapat kebaikan-kebaikan. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, memerintah adalah salah satu daripada bahagian ibadah dan ganjaran amal soleh yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dalam bajet ini ada lima teras yang telah dikemukakan;

- (i) Merencanakan aktiviti ekonomi;
- (ii) Mengukuhkan pengurusan fiskal;
- (iii) Mengungguli modal insan;
- (iv) Mempertingkatkan pembangunan bandar dan luar bandar; dan
- (v) Menyejahterakan kehidupan rakyat.

Ini ialah lima perkara yang telah diberi perhatian di dalam bajet yang telah dibentangkan ini. Saya hendak pergi kepada yang ketiga maaf pertanian sebab saya sebut tadi asas.

#### ■1210

Pertanian merupakan salah satu elemen yang terpenting di dalam kehidupan mana-mana insan terutamanya negara kita yang merupakan sebuah negara yang banyak kawasan pertanian. Dalam hubungan ini, kita melihat bajet ini telah memberikan peruntukan kepada bahagian pertanian sebanyak RM6 bilion dan ditambah lagi dengan RM2.4 bilion sebagai subsidi dan ditambah lagi dengan hal-hal yang lain. Kalau kita congakkan dan hitung kesemuanya lebih daripada RM8.5 bilion.

Saya melihat Malaysia merupakan sebuah negara yang subur dan di sinilah kita merasakan dengan perancangan ekonomi yang baik, dengan penjelmaan berbagai-bagai-bagai transformasi, maka sudah sampai masanya kita merancang dan berfikir supaya pada suatu waktu kita tidak lagi bergantung kepada pertanian atau seperti beras untuk dibawa ke negara kita. Sekarang ini kalau orang di Kelantan dan Kedah makan beras Siam kerana beberapa sebab tetapi kita masih bergantung daripada sumber luar. Begitulah juga buah-buahan dan sebagainya. Kalau kita boleh – saya minta kalau boleh pihak kementerian khususnya dan kerajaan secara umumnya membuat rancangan bilakah kita ini boleh berdikari di dalam pertanian dan kita boleh membuat unjuran berapa tahun lagi. Seperti Rancangan Malaysia tahun 2020 boleh buat unjuran. Sampai bila? Kita boleh meletakkan berapa bajet yang disediakan agar pada suatu waktu kita boleh berdikari selain daripada kita boleh mengeksport...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh mencelah? Boleh beri laluan? Tadi dikatakan Kelantan makan beras daripada Siam. Jadi sebelum pergi ke *Federal Government* apakah langkah-langkah

sudah diambil oleh kerajaan negeri Kelantan untuk mencapai tujuan yang tadi disebutkan oleh Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Saya tidak kata Kelantan sahaja, negeri di sempadan. Jadi negeri-negeri di sempadan ini banyak. Negeri Kelantan, Perak, Kedah dan Perlis. Jadi saya pergi sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya mengharapkan kita boleh membuat satu pelan supaya negara kita boleh berdikari pada masa depan. Tidak kiralah berapa banyak bajet yang diperlukan seperti mana kita membuat konsep atau Dasar 2020. Jadi saya rasa ini satu langkah yang perlu kita fikirkan bersama di samping kita mengharapkan supaya anak-anak kita dan sebagainya dapat berdikari di dalam hal ini. Saya tengok dalam bajet ini pun kerajaan telah mengunjurkan supaya kita dapat mengeksport tanaman-tanaman kita dan ini selaras dengan apa yang telah dicadangkan. Tujuh tahun lagi Malaysia akan mencapai Wawasan 2020, jadi kerana itulah saya rasa dalam tujuh tahun lagi kita hendak mencapai negara maju ini supaya kita lebih bersedia di dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyebut berhubung dengan TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia. TEKUN ini satu nama yang bagus, Ikhtiar juga satu nama yang baik, Ikhtiar walaupun nama itu ringkas tetapi mempunyai maksud yang tersendiri. Saya melihat dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua kerana saya tinggal di kampung, betul-betul kampung, tidak pinggir bandar, apa lagi jawapan, di kampung betul...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kampung mana Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kampung mana?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Kampung saya, kampung yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam Parlimen mana?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Kedai Menanti. Jauh di Pasir Puteh. Jadi masyarakat di sekeliling ada yang mengambil TEKUN dan ada yang mengambil Amanah Ikhtiar Malaysia. Saya mengalu-alukan bantuan dan pinjaman seperti ini. Namun saya minta kepada pihak yang bertanggungjawab yang mengurus kedua-dua ini supaya memberi perhatian kepada peminjam-peminjam. Ramai atau kebanyakan daripada yang diberikan pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia ini umpamanya, mereka tidak menggunakan pinjaman itu untuk berniaga, sebaliknya ada sebahagian mereka yang ada menggunakan pinjaman itu untuk membeli seperti motosikal, kereta atau barang kemas yang tidak ada kaitan dengan perniagaan. Akibatnya, mereka tidak akan dapat membayar balik pinjaman tersebut setiap minggu dan juga kawan-kawan yang dalam satu kumpulan itu menanggung beban dan ada yang cabut lari. Ini yang saya rasa perlu dipantau supaya mereka betul-betul berniaga. Ini salah satu persoalan yang saya hadapi dan saya rasai apabila kita berada bersama-sama dengan mereka.

Kedua berhubung dengan TEKUN. TEKUN juga merupakan satu nama yang cantik dan bagus tetapi saya mengharapkan pinjaman mudah dan tidak dipersulitkan. Saya ada mendapat maklumat bahawa pada peringkat yang akan datang ini akan diminta supaya membuat borang dan sebagainya, *proposal* sedangkan orang kampung mana tahu membuat *proposal*. Kalau sekadar RM10,000 atau RM20,000 berilah pinjaman atas dasar kepercayaan dan juga jaminan tetapi kalau

sampai RM50,000 itu saya rasa benar, itu sesuai dengan *proposai*. Jadi hal-hal seperti ini jangan kita mempersulit kepada mereka yang benar-benar berkeinginan dan berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Seterusnya, saya melihat dalam bajet kita ini, Malaysia merupakan negara peneraju pasaran modal Islam di dunia. Tadi kita juga telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tentang kedudukan ini. Kita berbangga bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang telah mempelopori walaupun kemudian datang orang lain untuk meniru dan membuat ha-hal yang sama. Walau bagaimanapun di dalam Dewan ini, kita juga telah – dalam tahun 2012, kita telah meluluskan Rang Undang-undang Kewangan dan Rang Undang-undang Kewangan Islam. Walau bagaimanapun, dalam setiap belanjawan sejak daripada tahun 2011 di mana saya berada di dalam Dewan ini, saya melihat setiap pinjaman yang ditawarkan di dalam bajet ini tidak memberi peluang dan juga dorongan untuk merangsang kepada kewangan Islam. Umpamanya pinjaman-pinjaman yang diberikan, selalu disebut dengan caj 4%. Jadi saya melihat kita sudah ada dua sistem kewangan dan di sinilah kita memberi pilihan kepada masyarakat untuk menggunakan sistem yang mana dan dengan itu, kita dapat lihat mana sistem yang lebih memberikan impak kepada perkembangan Islam.

Selain daripada itu, saya lihat pada awal tahun 80-an hanya satu bank Islam yang ditubuhkan di dalam negara kita dan selepas itu hanya takaful iaitu Takaful Islam yang ditubuhkan. Akan tetapi dengan peluang yang telah diberikan, kita melihat sekarang perkembangan itu sudah rancak dan juga berkembang dengan meluas di dalam negara kita dan ada berbagai-bagai perbankan dan juga takaful yang telah lahir sebagai Takaful Islam.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga bersama-sama di dalam Dewan ini membincangkan *Maqasid Syariah* dan *Al-Wasatiyah*. *Maqasid Syariah* itu bermaksud ialah supaya kehidupan masyarakat itu menurut syarak dan kita pun baru-baru ini bersama-sama berbincang di dalam Dewan ini, *Maqasid Syariah* itu ingin diterapkan di dalam pentadbiran negara. Jadi sebenarnya *Maqasid Syariah* itu ialah tujuannya secara khusus untuk menjaga lima perkara. Pertama menjaga agama, kedua menjaga jiwa, ketiga menjaga keturunan, keempat menjaga akal dan kelima menjaga harta. Itulah tujuan Islam diturunkan oleh Allah SWT supaya semua orang terpelihara tanpa mengira bangsa dan agama. Semuanya terangkum di dalam konsep *Maqasid Syariah*. Dalam melaksanakan *Maqasid Syariah* itu, ia bergandingan dengan *Al-Wasatiyah*. Tidak kiralah *Al-Wasatiyah* siapa yang kemukakan. *Al-Wasatiyah* itu maksudnya bukan pertengahan tetapi di tengah-tengah. Tidak ke kiri dan tidak ke kanan.

#### ■1220

Kalau kita ambil satu bulatan, titik di tengah itu maknanya *wasat*. *Wasat* itu maknanya di tengah-tengah, bukan ke kiri, bukan ke kanan, bukan ke depan, bukan ke belakang. Apabila *wasat* itu diberikan definisi, maka ia merangkumi adil dan baik, tercantik dan istimewa. Oleh kerana itu, Allah SWT menyebut [*Membaca sepotong ayat al-Quran*], "Begitulah kamu dijadikan, umat *wasata* supaya kamu jadi penyaksian kepada seluruh manusia".

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh mencelah sedikit?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Jadi, secara tidak langsung Yang Berhormat mengakui polisi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang? Betul atau tidak? *Wasatiyyah* dan kejujuran dan keikhlasan menjawab.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Ada lagi sambung [*Ketawa*]. Sebenarnya, *wasati* itu konsep yang tertera di dalam Islam. Seperti yang kita baca dalam surah al-Fatihah [*Membaca sepotong ayat daripada surah al-Fatihah*] “Wahai Allah SWT, tolong tunjuk aku jalan lurus”. Itu *wasat*. Mana jalan yang lurus? [*Membaca sepotong ayat daripada surah al-Fatihah*] “Jalan orang yang Engkau telah beri nikmat kepada mereka”. Di sini Allah SWT tidak jelaskan tetapi Dia jelaskan dalam ayat lain. “Orang yang telah Engkau beri nikmat kepada mereka” [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] “Siapa yang taatkan Allah dan Rasul, maka itulah orang yang telah diberi nikmat oleh Allah”. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] “Iaitu terdiri daripada para nabi, siddiqin, shuhada' solihin dan orang yang menurut jejak langkah mereka”. Jadi sebenarnya kena kembali kepada Islam tadi, Islam tadi *wasatiyyah* taat kepada Allah, taat kepada Rasul [*Disampuk*].

Kemudian, saya teruja juga dengan projek lebuhraya yang telah disebut di dalam bajet ini. Lebuhraya Pantai Barat dari Banting ke Taiping 316 kilometer, Landasan Keretapi Berkembar Ipoh-Padang Besar dan Gemas ke Johor Bahru. Saya lihat ini satu rancangan yang besar dan bagus dan untuk mempercepatkan perjalanan di antara satu sama lain, tempat ke tempat. Cuma apa yang saya tengok, rancangan ini banyaknya berlaku di Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan tidak berlaku di Pantai Timur. Apakah tidak boleh buat projek seperti itu ke Pantai Timur? Banyak di Pantai Barat. Begitulah juga hal ini. Kalau kita tengok di Pantai Timur, pun ramai orang. Pantai Barat pun ramai orang. Jadi, saya ingin menarik perhatian Perdana Menteri kita khasnya kepada Menteri Kewangan khususnya supaya bajet yang akan datang, supaya memberi perhatian juga kepada projek-projek yang besar seperti ini kepada bahagian-bahagian lain. Bukan saya kata Pantai Timur, seluruh negara dan tahun ini untuk Pantai Barat Semenanjung.

Begitu juga pembesaran beberapa buah lapangan terbang. Disebut sini, saya tidak perlu mengulang apa yang telah disebutkan di sini, kerana semuanya telah mengetahui. Akan tetapi saya ingin mengetahui sedikit, di dalam pembesaran penaiktarafan lapangan terbang ini, saya tidak terbaca tentang Lapangan Terbang Pengkalan Chepa. Tidak ada. Sedangkan saya mendapat maklumat bahawa pendaratan di Pengkalan Chepa itu banyak sekali, dalam satu minggu tidak kurang daripada 36 penerbangan. Jadi bagi saya, ini merupakan satu perkara yang perlu diberikan perhatian dan kita adalah semua rakyat Malaysia dan kita hidup dalam suasana rukun dan damai. Perkara-perkara seperti ini perlu diberikan perhatian supaya peningkatan kehidupan masyarakat terus terjamin.

Begitu juga saya melihat Kementerian Pelancongan, saya juga walaupun tidak kerap melancong tetapi saya suka orang melancong dan saya suka orang datang ke negara kita. Kementerian Pelancongan yang telah merangka pelancongan kepada seluruh negara namun pelancongan – orang-orang yang datang ke Malaysia ini, hanya tertumpu kepada beberapa tempat sahaja. Antaranya ialah Langkawi, Genting Highlands, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Pakej 14 hari dan saya temui ini kebanyakannya daripada negara-negara Arab. Saya bertanya kepada mereka, “Tahu atau tidak Pulau Besar di Terengganu?”.

**Seorang Ahli:** Melaka.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Tidak. Ini di Terengganu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pulau Redang.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Pulau Redang. Saya bertanya, "Tahu atau tidak Pulau Redang?". "Tidak tahu". Sebab tidak termasuk dalam pakej pelancongan sedangkan di tempat-tempat itu sangat menarik dan sesuai untuk dijadikan pusat pelancongan. Oleh kerana itu saya mengharapkan Kementerian Pelancongan supaya menyebar luaskan pakej pelancongan itu kepada seluruh tempat-tempat yang menarik di Malaysia.

Perkara yang seterusnya ialah pelancong ini apabila datang ke negara kita, bukan dia hendak tengok apa yang telah ada di negara mereka tetapi dia hendak tengok keaslian tempat kita. Inilah produk yang kita ada dan memang banyak kerana itulah saya mengharapkan kalau sekiranya kerajaan pada tahun 2012 dijangka dapat kehadiran 25 juta dan dijangka pada tahun 2014 28 juta, saya ingin mengharapkan ramai yang datang itu orang yang dari mana saya hendak tahu dan apakah mereka datang berbelanja? Apa yang saya dapat tahu, ada dari negara-negara tertentu ada yang berbelanja besar datang keluarga membeli-belah. Ada yang ramai juga daripada sebahagian negara, mereka hanya datang seorang diri dan duduk tidak lama. Jadi saya harap, ini merupakan salah satu perkara yang sangat penting diberi perhatian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ramai dalam kalangan ahli kita ini bercakap tentang Syiah. Saya hendak bercakap tentang lain sedikit. Saya hendak bercakap tentang Ahli Sunnah. Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah merupakan nama yang telah ada sejak zaman awal. Apabila kerajaan ingin memasukkan di dalam Perlembagaan, kalau tidak silap saya disebut, Agama Islam, hendak masuk nama Ahli Sunnah. Saya sangat bersetuju dengan hal ini walaupun pada asalnya tidak perlu dimasukkan, pada asalnya, pada pemahaman saya. Sebab apabila kita sebut Islam, ia sudah merangkumi Ahli Sunnah. Sebabnya ialah menurut Rasulullah SAW, apabila kita kata Islam, ia adalah sunnah dan sunnah adalah Islam. Ia adalah nama yang mempunyai kaitan yang sama antara satu sama lain. Apabila kita kata Islam ialah maksudnya Ahli Sunnah dan apabila kita kata Ahli Sunnah, ia maksudnya Islam. Walau bagaimanapun, kalau diperlukan yang terang lagi bersuluh itu lagi baik supaya orang-orang tidak mengambil kesempatan daripada hal ini.

Kedua ialah dalam memberi definisi nanti, saya harap pihak yang berwajib, yang berautoriti memberi definisi yang benar-benar tepat agar tidak ada percanggahan dan pertikaian di luar daripada Dewan ini maksud saya. Ini kerana macam-macam definisi yang telah dibawa dan akhirnya, akan jadi perebutan seperti seorang gadis yang cantik. Masing-masing hendak berebut dia kata saya punya. Syiah mendakwa dialah Ahli Sunnah. Muktazilah juga mendakwa saya lah Ahli Sunnah dan tidak ada orang...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh ustaz nyatakan Syiah dengan sunni boleh *married* kah? Boleh kahwinkah? Apakah hukum? Syiah dengan Sunnah.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Saya cuba jawab tetapi tidak beri fatwa ini...*[Ketawa]* Yang Berhormat Dato'...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bakar.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Kita tanya hukum. Kalau tanya hukum saya tidak layak memberi hukum sebab itu hak Mufti tetapi kalau pandangan boleh.

■1230

Syiah dengan Sunah ini dua golongan yang saling bertentangan antara satu sama lain. Tidak boleh. Ia tidak ada persamaan langsung, kerana itu kita lihat para ulama memberi pandangan perkahwinan mereka di antara dua kumpulan ini tidak dibolehkan dan...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, ada orang kata akad nikah itu adalah sah dan tidak halal kahwin. Akad nikah sah, kahwin tidak halal. Cuba huraikan.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Ini masuk bab fiqah ini. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Beri pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Akad itu sah termasuk berlaku akad tetapi tidak boleh. Ada benda yang sah. Berlaku, maksud sah itu ialah akad itu berlaku. Akan tetapi perkara ini tidak boleh berjalan. Jadi semacam tidak sah jugalah. Sama juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Jadi saya ingin menyebut Ahli Sunah. Ahli Sunah itu ialah golongan yang pada asalnya tidak- dalam masyarakat Islam pada zaman Rasulullah, tidak disebut nama "Ahli Sunah". Akan tetapi setelah berlakunya ada golongan serpihan, di dalam masyarakat seperti Khawarij, Syiah, Mu'tazilah dan sebagainya. Maka golongan yang asal ini perlu menampakkan diri dan memberi nama Ahli Sunnah Wal-Jamaah kerana merekalah orang yang betul-betul berpegang dengan ajaran Islam berdasarkan *kitabullah* dan sunah Rasulullah. Saya harap definisi itu perlu diperkemas dan jangan diberi kepada setiap orang membuat definisi. Ini kerana saya banyak membaca buku-buku dalam hal ini definisi itu berbagai-bagai sehingga kita payah hendak buat satu rumusan. Seterusnya, sayang negara ku...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya tanya sikit?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana satu ini Yang Berhormat?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya timbul ini sebab ada Syiah kahwin dengan Sunni di Malaysia, di mana-mana. Sedangkan al-Quran kata, tidak boleh kahwin wanita musyrik. Jadi bagi saya, bagi semua orang Syiah itu musyrik. Jadi saya hendak timbulkan satu cadangan, tidak sah. Kerajaan kena hati-hati ini. Tidak boleh sesekali wanita Syiah dikahwinkan dengan Sunni atau lelaki Syiah- lelaki Sunni dengan wanita Syiah. Jadi saya cadangkan, wujud satu peraturan baru. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih. Saya melihat hal ini daripada enakmen di majlis agama Islam telah mengharamkan Syiah. Apabila telah mengharamkan Syiah itu, maksudnya dia tidak boleh kahwin, tidak boleh terima dan sebagainya. Itu saya rasa sudah memadai. Walau bagaimanapun, terpulang kepada pihak kerajaan untuk membuat peraturan-peraturan. Bagi saya perkara ini telah jelas. Walau bagaimanapun saya melihat hal ini berkembang dalam negara kita

secara senyap-senyap dan juga terang-terang. Apabila kerajaan dan juga majlis agama Islam negeri-negeri telah mengharamkan fahaman dan ajaran Syiah ini diamalkan. Maka dengan sebab itu, setiap perkahwinan perlu diambil tindakan dan seterusnya dibatalkan...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, rasanya kalau sekiranya Dewan ini- kalau ini tidak panjang ini. Kalau boleh bagi Yang Berhormat, sudahkan itu kerana ramai hendak bercakap lagi hal berkenaan Yang Berhormat boleh jumpa ustazlah di luar *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu kedua-dua sahabat saya ini memang dia orang yang seronoklah hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus, tetapi Dewan ada masa terhadnya.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tarik perhatian kepada sayang negara ku. Kita semua adalah rakyat Malaysia dan sayang kepada dan negara kita. Namun, di dalam hal-hal seperti ini, semalam saya dengan Yang Berhormat Senator Dato' Boon menyatakan susah hati dia tentang layanan-layanan daripada pegawai-pegawai kita.

Saya di sini saya ingin menyatakan bahawa, tidak penting pihak mana tetapi ramai rakyat kita ke luar negara dan pulang dari bercuti, balik semula. Saya mengharapkan supaya ada mana-mana kementerian atau pihak-pihak mana yang mengucap selamat jalan, melalui telefon. Mengucap selamat jalan dan jaga diri baik-baik dan beritahu kepada mereka di mana tempat mereka pergi itu konsulat kita, kedutaan kita yang boleh dihubungi.

Ini merupakan salah satu daripada cara kita *touch* dengan maaf, rakyat kita supaya mereka ingat kepada negara. Begitu juga apabila pulang, selamat pulang dan ucap selamat pulang ke negeri atau negara tuan rumah kita. Hal ini sebenarnya boleh memberi rangsangan kepada rakyat Malaysia di mana mereka berada di luar negara hatta kepada orang yang lama berada di negara kalau kita tahu mereka kita boleh ucap selamat sempena-sempena hari-hari yang tertentu.

Dalam hubungan sayang negara ini juga, saya ingin menyentuh supaya jangan kita terlampau mengguna hadis-hadis yang tidak tepat. Itu pun satu hal. Banyak hadis yang tidak tepat tersebar dalam negara kita dan saya harap pihak yang berkenaan boleh saring hal-hal ini. Umpamanya ialah... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Cintakan negara itu dari iman.

Sebenarnya itu adalah hadis yang daif dan dipertikaikan oleh para ulama hadis. Jadi, kita tidak usah guna itu. Banyak lagi hadis yang lain yang dianjurkan supaya kita mempertahankan negara antaranya *[Berucap dalam Bahasa Arab]* Maksudnya, siapa yang mempertahankan hartanya termasuk negaranya maka dia mati syahid.

Jadi itu lebih kuat. Begitulah juga umpamanya hadis yang menyebut *[Berucap dalam Bahasa Arab]* Atau maksudnya, carilah ilmu walaupun sampai ke negeri China. Maka macam-macam syarah terberi. Sebenarnya hadis itu dipertikaikan kesahihannya. Kalau kita hendak bawa hadis yang lain, banyak lagi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah lagi?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Ada satu, dua perkara lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba *concentrate* satu, dua itu.



**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Seterusnya kurikulum Dini. Kurikulum agama yang akan diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran kita. Saya melihat dalam dua hari lepas tentang seorang pegawai kementerian dalam pengajian bahagian agama memberitahu tidak banyak lagi sekolah-sekolah dari negeri-negeri tidak mendaftar, negeri-negeri tidak memberi persetujuan. Saya ingin tahu apa masalah sebenarnya, yang menyebabkan ada negeri-negeri tidak memberi persetujuan kepada kurikulum Dini yang telah dicadangkan. Apa dia masalah dan duduk berbincang supaya kita semua dapat satu penyelesaian dan boleh memberi kebaikan-kebaikan semua pihak. Kalau sekiranya sistem yang sedia ada itu bagus, maka kita sokong sahaja dan teruskan. Kalau ada tambah baik, kita perlu tambah baikkan.

Kedua ialah saya ingin- semalam saya dengar, ada Yang Berhormat Senator kita yang sebut tentang gaji pensyarah di universiti. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, gaji pensyarah dan penjawat awam ini sama sahaja, dan tidak ada istimewa. Oleh kerana itu, cuma nama sahaja yang besar. Si 'A' nama pensyarah, si 'B' nama cikgu, guru tetapi skim gaji adalah sama. Kalau kita tengok profesor madyalah katakan, dia dapat DS54. Guru di kementerian pun ramai 54, tetapi nama cikgulah. Kalau sekiranya profesor itu, JUSAlah dalam bahasa mudah- kalau di kementerian, kalau di tempat-tempat lain. Oleh kerana itulah nama sahaja yang glamor. Akan tetapi gajinya sama. Kalau itu saya sokong supaya ada satu penyelarasan, satu kajian supaya diberi tahap yang lebih baik kepada mereka. Supaya mereka rasa dapat berbakti dengan baik lagi. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

#### ■1240

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Cukup? Sikit, banjir. Banjir satu. Satu minit. Banjir ini Tuan Yang di-Pertua, selalu berlaku dalam masyarakat kita. Saya harap pihak kerajaan dapat memastikan tempat-tempat yang selalu berlaku banjir khususnya di Rantau Panjang. Rantau Panjang itu antara sebab. Walaupun hujan tidak lebat, tidak banyak tetapi apabila hujan di Thailand, maka berlakulah banjir di Rantau Panjang kerana kedudukan tebing antara Rantau Panjang dengan tebing Sungai Golok di sebelah Thailand sangat berbeza dan tinggi. Air yang datang daripada sana akan mencurah masuk ke Rantau Panjang dan ini tidak akan selesai kalau kita tidak ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Tuan Yang di-Pertua ingin supaya saya berhenti. Saya ucap terima kasih atas peluang yang diberi dan yang baik dari Allah, kalau ada salah silap daripada saya. *Wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Wa'alaikumsalam warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah.

#### 12.41 tgh.

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta membahaskan Bajet 2014. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia yang juga Menteri Kewangan yang telah membentangkan Bajet

2014 pada 25 Oktober yang lalu. Ia sebuah bajet yang komprehensif merangkumi semua aspek bagi menentukan bahawa ekonomi negara diperteguhkan, transformasi terus berlaku dan segala janji-janji kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan sempurna. Dalam perbahasan ini saya ingin menyentuh lima perkara.

Pertamanya, saya ingin merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012 yang telah memaparkan ketirisan dan beberapa kelemahan. Perkara-perkara ini mestilah dipandang serius dan janganlah dibiarkan perkara yang sama berulang sekali lagi seperti yang telah dinyatakan dengan jelas Oleh Yang Berhormat Senator Izham tempoh hari. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kita seharusnya memandang berat tentang persoalan ketelusan, integriti dan *good governances* dengan izin, untuk mendapat kepercayaan daripada rakyat. Saya ada beberapa cadangan.

Pertamanya, saya ingin menyarankan bahawa Akta SPRM seksyen 23 – kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan dan seksyen 36 – kuasa untuk memperoleh maklumat dikaji semula supaya salah laku dan penyelewengan atau kecuaiian pegawai boleh dianggap sebagai salah laku *criminal* dan boleh didakwa kerana telah membawa kerugian besar kepada negara.

Keduanya, juga harga bagi tender pukal harus ada *benchmarking maximum* untuk menutup ruang-ruang kepada ketirisan.

Ketiga, patut sudah ada ditubuhkan *National Procurement Institute* kerana untuk membuat *procurement* berbilion ringgit memerlukan seseorang profesional yang berkemahiran, berpengetahuan luas supaya kita jadi lebih profesional dalam membuat keputusan dan dapat menjalankan kerja dengan telus, lebih berkesan, efektif dan cekap.

Keempat, kementerian mesti menyediakan *manual procurement* yang lebih jelas dan dengan ciri-ciri *best practices* diutamakan.

Kelima, saya ingin mencadangkan diadakan *hot job rotation system* di mana pegawai bahagian *procurement* tidak boleh bertugas lama-lama di satu tempat dan ada *rotation* berjadual untuk mengelakkan amalan ketirisan berleluasa.

Jabatan juga mesti mempertingkatkan dan mempraktikkan *automation* dan IT secara sepenuhnya iaitu *example* eBidding dan eProcurement digalakkan dan dipraktikkan dengan secara penuh, bukannya mengikut selera dan kemahuan individu-individu. Sekarang ini projek-projek yang biasa-biasa ada dipaparkan di bawah *procurement portal*. Mungkin untuk ketelusan, projek-projek *direct nego*, rundingan terus pun boleh mula dipaparkan. Diharapkan melalui tindakan sebegini boleh membantu mengurangkan ketirisan dan persepsi negatif rakyat.

Ketujuhnya, mungkin boleh juga kita kaji semula *General Order*, Perintah Am di mana kes-kes melibatkan kerugian besar bukan sahaja tindakan tata tertib dan diberi amaran sahaja yang secara bertulis atau kadang-kadang amaran mulut sahaja tetapi terus pegawai yang terlibat dibuang kerja. Ini kerana sebab nila setitik, rosak susu sebelanga. Imej kerajaan terjejas. Saya percaya bahawa majoriti daripada pegawai kerajaan mempunyai integriti yang tinggi terutamanya didahului oleh KSN sendiri yang tidak bertolak ansur dan berkompromi dalam isu-isu sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan Pelan Transformasi Kerajaan, sistem penyampaian mestilah *tip top*, dengan izin. Mesti ada *sense of urgency*, dengan izin, dan kecekapan yang tinggi, malahan kita patut dengan izin, *work hard with less*- maknanya orang tidak payah ramai, pegawai tidak payah ramai tetapi kerjanya dijalankan dengan baik dan cekap, kalau kita *hard working*. Dengan ini, setiap kakitangan sudah pastinya mempunyai produktiviti yang tinggi. Kerajaan akan menentukan pencapaian dan kejayaan yang lebih cemerlang menjelang 2020 kalau ini dapat dipraktikkan.

Tuan Yang di-Pertua, kecekapan kerajaan juga dilihat oleh rakyat dengan cara kita mengendalikan sesuatu musibah. Saya ingin merujuk kepada banjir yang sedang berlaku sekarang ini. Boleh dikatakan setiap tahun negara kita dilanda banjir. Ini bukanlah satu perkara yang aneh bagi kita, malahan kita sudah boleh meramalkan bila banjir itu akan berlaku dan persediaan awal boleh dibuat. Tidakkah Jabatan Kaji Cuaca memberi maklum yang cepat dan tepat? Dengan kecanggihan dan teknologi moden yang ada masa kini, tidakkah kita boleh adakan dengan izin, *earlier warning system* seperti dengan izin, *flood alert* macam kita ada *tsunami alert*.

Indikator-indikator yang boleh memberi amaran awal umpamanya seperti perubahan iklim yang mendadak, *rain fall* ataupun hujan dan paras air yang tinggi di empangan dan lain-lain indikator supaya kesiapsiagaan menghadapi risiko bencana alam boleh dijangka dan diramalkan dengan tepat dan kerugian nyawa dan harta benda boleh diminimumkan. Prasarana dan kemudahan-kemudahan untuk pemindahan seperti bot penyelamat yang mencukupi mesti *on standby* secukupnya untuk mengurangkan risiko kehilangan nyawa dan harta benda.

Malahan, saya difahamkan dari sumber-sumber yang amat dipercayai bahawa malapetaka yang berlaku kepada bapa dan anak yang menjadi korban itu boleh dielakkan kerana bot penyelamat tidak cukup dan mereka terpaksa menaiki sampan kecil bersendirian. Sungguh malang sekali dan kita bertanggungjawab dalam Dewan ini untuk menentukan kecelakaan sebegini tidak berulang lagi. Dengan izin, *Rapid Response Team* kita mesti bersiap siaga dan bertindak pantas apabila bencana berlaku di mana-mana sahaja.

Apa pun, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang telah berkeputusan meninggalkan Persidangan Agung UMNO untuk melawat mangsa-mangsa banjir. Keprihatinan kedua-dua Yang Amat Berhormat ini melawat kawasan-kawasan yang dilanda banjir dan dewan-dewan pemindahan amatlah dihargai.

Saya sekali lagi menekankan bahawa dalam proses menuju kepada negara maju 2020, prasarana untuk menghadapi sebarang bencana untuk menyejahterakan rakyat perlu diberi perhatian dan penelitian yang serius. Marilah kita sama-sama belajar dari insiden ini, adakan SOP dan segala kelemahan diatasi. Jabatan Kaji Cuaca harus boleh memberi *forecast* ataupun ramalan yang tepat untuk tindakan yang awal dapat diambil.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berterusan memberi pengiktirafan kepada wanita dan juga telah mengumumkan penubuhan Akademi Inovasi Wanita dengan tujuan untuk membangunkan pemikiran inovatif wanita dan meningkatkan lagi kemahiran dan profesionalisme wanita.

## ■1250

Saya juga merasa bangga bahawa dalam merasmikan *The World Islamic Economic Forum* (WIEF) baru-baru ini di London, Yang Amat Berhormat telah mengejutkan para tetamu dan pemimpin-pemimpin ulung negara di seluruh dunia dengan menumpukan 90% daripada ucapan Yang Amat Berhormat kepada isu wanita dan betapa pentingnya peranan wanita dalam pembangunan dan ekonomi negara. Sekali gus Yang Amat Berhormat memartabatkan status wanita Malaysia di persada dunia. Kami kontinjen dari Malaysia merasa amat teruja dan wanita berjanji akan dengan izin, *live up to expectation of the Prime Minister*.

Saya hanya ingin menyampaikan di sini di dalam *forum women* dalam *European Parliament* di Brussels baru-baru ini, ada diedarkan keputusan kajian yang dibuat oleh *United Nations Entity for Gender Equality and The Empowerment of Women in Politics*. Saya merasa agak kecewa apabila membaca laporan itu kerana sememangnya Malaysia ini sebuah negara yang hebat dalam pencapaian peratusan wanita dalam kedudukan membuat keputusan di dalam kerajaan. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga di dalam sektor korporat, angkanya nampaknya cepat meningkat dan *insya-Allah* akan mencapai sasaran 30%. Akan tetapi dalam politik, wanita Malaysia amat ketinggalan. Kajian itu menyatakan dalam tahun 2012, ranking wanita Malaysia dalam *ministerial position*, kedudukan Menteri adalah nombor 85 daripada 109 negara dan bagi wanita dalam Ahli-ahli Parlimen adalah dalam kedudukan 109 daripada 147 negara. Jadi kami wanita amat berharap bahawa perkara ini diberi perhatian oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Seperti yang dibawa semalam oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, dia juga telah meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi perhatian kepada kedudukan wanita dalam politik kerana sudah pastinya penglibatan wanita dalam politik dan ekonomi akan menguntungkan negara.

Walaupun negara begitu maju sekarang ini, saya ingin tahu dengan terperinci bagaimanakah negara hendak mencapai sasaran negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020, apakah kriterianya? Tanda arasnya? Berapakah kuantum pendapatannya dan peratusan rakyat yang diharapkan tergolong dalam berpendapatan tinggi ini pada tahun 2020? Dalam kita mengejar status negara berpendapatan tinggi, kita juga mesti menentukan bahawa kos sara hidup tidak naik terlalu tinggi. Bagaimana pula mekanisme yang harus ada untuk mengawal kos sara hidup supaya pendapatan tinggi itu mampu memberi kesan yang jauh lebih positif dan rakyat dapat merasai dan mendapat kenikmatan dan manfaat yang sebenarnya dari pendapatan yang lebih tinggi dan lumayan ini.

Sambil kita sibuk merancang membina sebuah negara berpendapatan tinggi, bagaimana pula sasaran kita kepada kumpulan miskin dan kurang upaya? Dalam enam tahun, bolehkah negara menghapuskan kemiskinan supaya kita lebih sama rata? Pada saya dengan izin, *it is sinful* bagi kita untuk hidup amat selesa sambil ramai lagi yang dalam keadaan daif dan perlukan banyak lagi usaha bukannya hanya dengan *handout* sahaja tetapi program yang lebih spesifik untuk meningkatkan kedudukan ekonomi mereka. Prasarana asas juga mesti cukup. Adakah masalah perumahan dapat diselesaikan sepenuhnya sebelum 2020? Jangan juga kita lupa bahawa

Malaysia walaupun bukannya sebuah negara yang menua atau *ageing nation*, tetapi banyak kehadiran warga emas yang memerlukan perhatian yang lebih khusus.

Prasarana bagi kumpulan warga emas dan OKU jauh daripada mencukupi dan Kerajaan Malaysia mestilah melihat contoh-contoh dari negara-negara yang lebih maju dalam aspek ini untuk penyediaan prasarana termasuklah kemudahan kesihatan, penjagaan kesihatan yang setimpal dengan sebuah negara maju dengan mengambil kira keperluan pecahan kaum yang ada di negara kita.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan sekali lagi kerajaan mesti memberi perhatian kepada kos sara hidup dan pendapatan rakyat supaya boleh hidup selesa dalam negara sendiri dan bukannya miskin dan lebih susah selepas sekian lama sudah merdeka. Apabila Malaysia diiktiraf sebagai negara maju, kerajaan mesti melihat isu kemiskinan dan keprihatinan rakyat sebagai salah satu isu utama negara. Ini kerana adalah tanggungjawab kita untuk menentukan bahawa semua rakyat Malaysia terbela.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**12.56 tgh.**

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Dua minit, ya? *Bismillahi Rahmani Rahim.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta semua Ahli Yang Berhormat yang ada beri nama itu tentukan berada dalam Dewan, ya? Terima kasih.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Masa pun tinggal empat minit, tidak apa. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masa dalam *injury time*, saya harap lepas ini mungkin saya dapat sambung lagi. Apa pun saya ucapkan terima kasih kerana saya diberikan peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan kita pada kali ini.

Pertamanya seperti apa yang kita tahu ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat kita bercakap tentang mangsa-mangsa banjir. Jadi saya juga ingin merakamkan perkara yang sama mengucapkan takziah kepada keluarga ataupun mangsa-mangsa yang terlibat di dalam bencana banjir kita dan tidak lupa kita juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kementerian, jabatan, agensi-agensinya kerajaan, pertubuhan badan bukan kerajaan, pihak swasta, sukarelawan dan individu yang terlibat bertungkus-lumus tanpa mengira masa bersama-sama untuk membantu tidak kira waktu siang dan malam menahan air membantu mangsa agar segala permasalahan dapat diselesaikan dengan cara 1Malaysia. Itu yang kita harapkan dari semasa dan semasa dan inilah yang perlu ada sebenarnya di dalam negara kita sebagai rakyat Malaysia.

*Biar hidup berbuat jasa kepada agama, bangsa dan negara;*

*Walaupun diri hancur binasa, bakti juga dikenang sentiasa.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berbahas berkenaan dengan beberapa topik. Pertama yang ingin saya membahaskan pada kali ini bila Datuk Halimah tengok saya agak gugup sedikit hendak bercakap sebab mungkin belum *lunch* lagi. Tidak apa, saya teruskan.

Prestasi ekonomi berkenaan tahun 2013 iaitu prospek 2014 dan juga keseimbangan ekonomi antara kaum. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan

menyatakan dalam ucapan Bajet 2014 beliau bahawa ekonomi dunia dijangka berkembang dengan perlahan dengan kadar 2.9% dan pada tahun 2013 negara tidak terkecuali dari perkembangan ini.

Namun asas ekonomi negara yang kukuh dan dasar *accommodative* beliau yakin bahawa negara akan terus mencatat pertumbuhan yang mampan malah dalam tempoh separuh pertama tahun ini ekonomi negara telah berkembang sebanyak 4.2%. Bagi keseluruhan tahun 2013, ekonomi negara pula dijangka berkembang pada kadar 4.5% hingga ke 5%. Prestasi tersebut disokong oleh pertumbuhan pelaburan swasta sebanyak 16.2% dengan anggaran pelaburan sebanyak RM165 bilion.

Di samping itu penggunaan swasta dan awam dijangka berkembang 7.4% dan 7.3% disokong terutamanya oleh kerancakan aktiviti ekonomi domestik. Pada tahun 2014, berdasarkan prospek ekonomi global yang dijangka lebih baik, ekonomi negara dijangka diunjurkan berkembang lebih kukuh pada kadar 5% hingga 5.5%.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, oleh kerana masa menunjukkan tepat jam 1 petang...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** *Intro* sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Maka kita tangguhkan mesyuarat kita sehingga 2.30 petang ini. Yang Berhormat boleh sambung semula selepas itu.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya harap lebih masa saya dapat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk makluman semua, Ahli Yang Berhormat kita ada majlis meraikan dua orang ahli kita yang tamat tempohnya dan saya jemput majlis makan tengah hari di *Lounge* Senator. Jemput juga pegawai-pegawai dari kementerian. Sekian, terima kasih.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1 petang.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Baharudin. Teruskan Yang Berhormat, sambung balik ya.

### 2.32 ptg.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya tadi perbahasan saya baru hendak mula sebenarnya. Jadi, saya berbalik-balik kepada tajuk asal saya berkenaan prestasi ekonomi 2012 dari segi prospek 2014 dan juga dari segi keseimbangan ekonomi antara kaum. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan mengatakan di dalam ucapan beliau Bajet 2014 bahawa ekonomi dunia dijangka berkembang perlahan dengan kadar 2.9% pada tahun 2013 dan negara tidak terkecuali daripada perkembangan ini. Namun asas ekonomi negara yang kukuh dan dasar *monetary* yang *accommodative*, beliau yakin bahawa negara akan mencatat pertumbuhan yang mampan malah dalam tempoh separuh pertama tahun ini, ekonomi negara telah berkembang sebanyak 4.2%.

Bagi keseluruhan tahun 2013, ekonomi negara pula dijangka berkembang pada kadar 4.5% hingga 5%. Prestasi tersebut disokong oleh pertumbuhan pelaburan swasta sebanyak 16.2% dengan anggaran pelaburan sebanyak RM165 bilion. Di samping itu penggunaan swasta dan awam dijangka berkembang 7.4% dan 7.3% disokong terutamanya oleh kerancakan aktiviti ekonomi domestik. Pada tahun 2014, berdasarkan prospek ekonomi global yang dijangka lebih baik, ekonomi negara diunjurkan berkembang lebih kukuh pada kadar 5% hingga 5.5%. Pertumbuhan ini akan dipacu oleh pelaburan swasta sebanyak 12.7% dan penggunaan swasta sebanyak 6.2%.

Sehubungan itu, Bajet 2014 ini menunjukkan peruntukan sebanyak RM264.2 bilion bagi melaksanakan langkah-langkah program dan projek kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara. Daripada jumlah tersebut, RM217.7 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus dan RM46.5 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Bagi Bajet 2014 ini adalah bajet yang, *“Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji.”*

Tiga perkara yang menjadi asas Bajet 2014 ini adalah amat berkait rapat. Bermula dengan memperteguh ekonomi kerana jika kerajaan tidak memperteguh sistem ekonomi negara, saya yakin kerajaan perlu mengambil langkah drastik di antaranya mengkaji semula ke semua pemberian subsidi.

Seterusnya diikuti dengan memperkasakan transformasi yang meliputi keseluruhan aspek berkaitan pentadbiran kerajaan, program-program kerajaan dan perkhidmatan awam. Akhir sekali, melaksanakan janji di mana ini tidak akan berlaku jika ekonomi negara tidak ditadbir urus dengan baik. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga sedar bahawa masalah ketidakseimbangan ekonomi di antara pelbagai kaum di Malaysia adalah antara punca yang boleh menjejaskan perpaduan antara kaum dan keamanan negara.

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 hingga ke akhir tahun 1960-an, pembangunan ekonomi didorong oleh kuasa pasaran. Hasilnya Malaysia mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi tetapi masih wujud ketidakseimbangan yang serius. Ini bermakna walaupun pertumbuhan ekonomi tinggi, kekayaan tidak diagihkan dengan baik. Golongan yang miskin kebanyakannya kaum bumiputera yang tinggal di kawasan luar bandar dan bekerja sebagai petani masih ramai dan masih mundur.

Manakala kaum Cina dan orang asing pula menguasai bidang perindustrian, perniagaan dan sektor korporat. Ini dinamakan *market failure* dengan izin. Ekoran dari peristiwa rusuhan kaum pada tahun 1969, Dasar Ekonomi Baru (DEB) diwujudkan. Ia bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menstrukturkan semula masyarakat supaya negara dapat membangun dengan stabil, aman di samping pembangunan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat. Penstrukturan semula masyarakat adalah supaya jenis kaum tidak sinonim dengan kegiatan ekonomi. Maknanya sesuatu kaum tidak sinonim dengan kegiatan sesuatu ekonomi.

Strategi serampang dua mata ini tertumpu kepada usaha menambah pendapatan golongan miskin dan penduduk di luar bandar, memodenkan sektor pertanian, meningkatkan tahap pembelajaran, mewujudkan golongan komersial bumiputera dan menambah pegangan ekuiti korporat bumiputera. Sasaran ini juga ditetapkan iaitu sebanyak 30% pegangan ekuiti korporat oleh

bumiputera. Penempatan kuota kemasukan pelajar bumiputera di universiti dan 30% daripada bilangan pekerja mestilah bumiputera.

Prinsip pokok penstrukturan ini adalah supaya sasaran ini dapat dicapai dari ekonomi yang sedia berkembang dan tidak mengambil dari kaum bukan bumiputera untuk diberikan kepada kaum bumiputera. Kejayaan Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi berserta dengan agihan keseimbangan telah diakui oleh pelbagai pihak termasuk Bank Dunia dan DEB merupakan satu elemen penting dalam kejayaan ini. Kejayaan DEB yang paling nyata dan membanggakan ialah penurunan kadar kemiskinan, peningkatan taraf pendidikan kaum bumiputera. Yang paling menonjol ialah penurunan kadar kemiskinan dari 49.3% pada tahun 1970 kepada 5.7% pada tahun 2005.

Di kawasan luar bandar, pendapatan penduduk telah meningkat dan pengangguran tidak ketara hampir hilang. Kemudahan moden seperti jalan raya, sekolah, klinik kesihatan, kuasa elektrik dan bekalan air telah menjadi satu kemestian. Pelajar bumiputera bukan sahaja mendapat pendidikan di peringkat rendah dan menengah tetapi ramai yang berjaya ke peringkat universiti. Ramai juga yang dihantar belajar ke institusi pengajian tinggi di luar negeri. Bilangan profesional bumiputera juga telah bertambah.

Kini terdapat ramai pakar perubatan bumiputera di hospital-hospital. Keadaan ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan kira-kira 45 tahun lalu di mana hanya segelintir saja doktor pakar bumiputera. Banyak syarikat besar di Malaysia sekarang diketuai oleh golongan profesional bumiputera. Ramai profesional bumiputera mampu berdaya siang untuk bekerja di luar negara. Dalam erti kata lain, DEB telah melahirkan golongan profesional dan golongan kelas menengah bumiputera yang mempunyai kuasa beli yang kuat. Ini dapat dilihat misalnya dari pemilikan rumah oleh kaum bumiputera di kawasan perumahan kota.

Sekarang ini terdapat ibu bapa bumiputera yang mampu membiayai anak mereka belajar di universiti di dalam mahupun di luar negara. Pegangan ekuiti korporat bumiputera telah meningkat dari 2.4% pada tahun 1970 kepada 19% pada tahun 2000. Jika dahulu tiada institusi perbankan yang mempunyai pemilik majoriti bumiputera tetapi sekarang bank-bank utama di Malaysia di miliki serta diuruskan oleh golongan bumiputera. Golongan peniaga bumiputera juga telah wujud walaupun kebanyakannya berstatus industri kecil dan sederhana.

Justeru, terbukti telah ada penstrukturan ekonomi di mana bidang pekerjaan tidak lagi dikenal secara automatik dengan kaum. Ertinya sebelum DEB, kaum bumiputera adalah petani dan nelayan yang tinggal di luar bandar sementara kaum Cina merupakan peniaga di kota. Kini, pelebaran automatik ini tidak lagi berlaku. DEB juga telah merapatkan jurang pendapatan antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera. Misalnya nisbah pendapatan bumiputera kepada Cina meningkat daripada 1% kepada 1.74% pada tahun 1990 kepada 1% kepada 1.64% pada tahun 2004.

#### ■1440

Data ini sudah berusia hampir sembilan tahun. Saya harap pihak kerajaan dapat menjelaskan nisbah pendapatan yang terkini. Maka, berpandukan sejarah dan wawasan menuju 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebaik sahaja mengambil alih tampuk pemerintahan



telah melancarkan Model Baru Ekonomi dan selaras selepas pilihan raya ketiga belas mengumumkan langkah-langkah yang diambil bagi memperkasakan ekonomi bumiputera.

Terkini, di dalam ucapan Bajet 2014, beliau turut menyatakan bahawa agenda pemerksaan ekonomi bumiputera akan memberi fokus kepada usaha memperhebat keusahawanan dan perniagaan bumiputera. Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan saya kali ini, ingin saya melihat kepada skop pembangunan ekonomi negara secara keseluruhannya. Akan tetapi, lebih kepada pembangunan ekonomi masyarakat bumiputera itu sendiri. Sehubungan itu, saya akan menyentuh mengenai urus tadbir dalam pendidikan, kesihatan, sukan dan hal-hal pelaburan perdagangan negara melalui halal hab.

Tuan Yang di-Pertua, laporan Bank Negara mengenai tadbir urus negara korporat mendefinisikan tadbir urus atau *good governance* dengan izin, sebagai *the processes through with institution, businesses and citizens group articulate their interest, exercise their right and obligation, and made their differences*. Manakala, *United Nations Development Programme* (UNDP) mendefinisikan tadbir urus sebagai, *“the exercise of economy, political and administrative authority to manage.”* Maka, tadbir urus mengandungi mekanisme proses dan institusi dalam mana masyarakat dan organisasi menyuarakan kepentingan masing-masing, melaksanakan hak dan tanggungjawab mereka serta menyelesaikan dan mengimbangkan apa-apa perbezaan di antara mereka.

Cakap terpaksa bercakap sedikit sebab masa. Proses tadbir urus sahaja tidak mencukupi untuk memastikan anggota masyarakat menikmati kualiti hidup yang diharapkan. Proses tadbir urus diamalkan secara baik, maka wujud istilah tadbir urus yang baik atau *good governance*. Menurut *World Conference of Governance* tahun 1999- tadbir urus yang baik ialah *system that is transparent, accountable, just fair democratic participatory that is responsive to people’s needs*, dengan izin. Ciri-ciri tadbir urus yang baik melibatkan semua pihak atau sektor bermesyuarat untuk mencapai persetujuan bersama, ada akauntabiliti, telus, responsif, cekap dan berkesan, adil dan saksama serta menjunjung kedaulatan undang-undang. Maka, akhirnya wujudlah perkhidmatan yang telus, bertanggungjawab, adil dan saksama.

Berkenaan dengan tadbir urus pendidikan, guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan. Guru adalah pelaksana kepada dasar dan matlamat kokurikulum yang telah digariskan oleh pihak kerajaan. Tanpa penglibatan dan sokongan kaum guru, segala perancangan pendidikan yang telah disediakan akan terbengkalai begitu sahaja. Justeru itu, kependidikan dan perguruan adalah aspek yang signifikan bagi menjamin kegemilangan sesebuah negara.

Guru merupakan pelaksana kurikulum dan menjadi teras dalam menentukan standard mutu dan keberkesanan sistem pendidikan. Pendidikan pula merupakan proses penyampaian ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Oleh itu, tidak dinafikan dalam memperkatakan tentang kepentingan pendidikan, maka guru memainkan peranan utama untuk menyalurkan ilmu dan kemahiran tersebut dalam pendidikan formal. Sememangnya guru banyak menyumbang khidmat bakti dalam pembangunan bangsa dan negara lebih-lebih dalam membentuk sahsiah pelajar.

Begitulah peranan guru, satu tugas yang amat berat tetapi mulia dan murni. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 memperkenalkan satu pakej kerjaya guru dalam usaha memartabatkan keguruan sebagai profesion pilihan termasuk kaedah memberi ganjaran sepanjang tempoh kerjaya sebagai guru. Menurut laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025, gelombang pertama memberi fokus kepada meningkatkan standard profesionalisme guru.

Usaha-usaha ini adalah amat penting dalam meningkatkan minat dan kesungguhan dalam kerjaya perguruan yang penuh dengan cabaran. Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan bagi memastikan tadbir urus yang lebih berkesan, pakej kerjaya guru ini diselaraskan dengan skala gaji mengikut pasaran terbuka dan tidak lagi berdasarkan skala gaji seperti penjawat awam yang lain. Ini sekali gus akan meningkatkan persaingan dalam mengisi perjawatan perguruan dan apabila berlaku persaingan positif, kualiti perguruan juga akan dengan sendirinya meningkat. Malah, jika kita berhasrat untuk mempertingkatkan daya saing dan kualiti guru, saya cadangkan untuk pihak kementerian mempertimbangkan kenaikan khas gred perjawatan yang boleh dikategorikan sebagai Khas Untuk Penyandang (KUP) kepada guru-guru yang menunjukkan kecemerlangan dalam penyelidikan pendidikan.

Dalam erti kata lain, di samping mengajar murid-murid di sekolah, guru-guru ini juga boleh digalakkan untuk membuat kajian pendidikan. Sebagai contoh, guru 'A' membuat kajian ke atas persepsi beban tugas guru dalam menghasilkan murid yang cemerlang di sekolah rendah kebangsaan dan sekolah swasta atau kajian kualiti mengenai pengajaran guru di sekolah rendah dan menengah. Pihak kementerian juga...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Agaknya masih banyak lagi Yang Berhormat?

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Sebab saya baru sangat mula Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, tadi tiga minit.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tiga minit kalau boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya bagi Yang Berhormat 10 minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Oleh sebab saya ada beberapa topik...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya bagi Yang Berhormat 10 minit lagi sebab kita masih ada 12 orang lagi.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Terima kasih, terima kasih. Saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Pihak kementerian juga boleh mengadakan kerjasama dengan universiti-universiti tempatan dengan menganugerahkan guru-guru ini kelayakan akademik seperti ijazah sarjana muda, sarjana atau doktor falsafah. Ini sekali gus akan membantu guru-guru yang berkelulusan maktab mahupun universiti untuk meningkatkan tahap kecemerlangan dan profesionalisme demi masa depan kerjaya masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, apabila menyentuh kecemerlangan guru-guru ini, saya mohon untuk pihak kementerian turut memaklumkan kepada Dewan ini akan statistik guru-guru di sekolah rendah dan menengah kebangsaan yang mahir bertutur dan menulis di dalam bahasa asing. Adakah ada sebarang insentif kepada pihak kementerian untuk menggalakkan guru-guru untuk

menguasai bahasa asing? Saya juga ingin turut menarik perhatian Dewan kepada isu lambakan graduan pendidikan yang masih belum mendapat tempat di sekolah-sekolah awam.

Saya mohon pihak kementerian untuk memaklumkan kepada Dewan ini apakah status terkini isu tersebut? Jika masih lagi isu ini tidak dapat diselesaikan dengan jelas, saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian bekerjasama dengan pihak sekolah swasta untuk graduan-graduan ini ditempatkan di sekolah-sekolah tersebut. Saya yakin dengan kualiti pendidikan yang dihasilkan oleh IPT tempatan, graduan-graduan tersebut bukan sahaja akan menerima skala gaji yang amat kompetitif, malah pihak sekolah swasta akan berbesar hati untuk bekerjasama dengan pihak kementerian dalam menangani isu kekurangan pendidik di sekolah swasta masing-masing.

Antara cadangan lain yang boleh dipertimbangkan oleh pihak kementerian adalah bekerjasama dengan pihak SME Bank dalam memberikan penerangan kepada graduan dalam bidang pendidikan bagi permohonan Tabung Usahawan Siswazah (TUS). Kerjasama ini adalah satu usaha khas bagi pihak kementerian untuk menggalakkan graduan-graduan pendidikan ini menceburi bidang perniagaan yang berteraskan pendidikan. Sebagai contoh, pihak kementerian menyediakan *green lane* untuk permohonan TUS bagi menyertai francais pendidikan seperti *Smart Reader*, KUMON ataupun membuka pusat tuisyen. Saya yakin lambakan saban tahun graduan di dalam pendidikan tidak akan menjadi isu lagi jika penyaluran perkembangan kerjaya seperti ini dapat dilakukan.

Ini juga akan sekali gus meningkatkan hasrat yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajet beliau bagi menjadikan Malaysia sebagai *entrepreneur nation* di mana program *1Malaysia Entrepreneurs* ataupun 1MET dilaksanakan untuk memberikan pendedahan aspek keusahawanan kepada golongan muda yang berminat menceburi bidang perniagaan. Jadi, itu sektor pendidikan.

Berbalik kepada tadbir urus kesihatan, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai tadbir urus di sektor kesihatan. Malaysia berhadapan dengan pelbagai isu yang kian mencabar yang boleh menjejaskan prestasi dan kelestariannya. Sistem pendidikan negara ini terdiri daripada rangkaian sistem kesihatan awam dan swasta. Rangkaian sistem kesihatan sektor awam adalah tunjang kepada sistem kesihatan negara ini. Prasarannya terdapat di seluruh pelosok negara dan ia memberikan perkhidmatan kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira kaum ataupun darjat.

Perkhidmatan kesihatan swasta pula lebih tertumpu di kawasan bandar dan memberi perkhidmatan kepada mereka yang berkemampuan atau mempunyai perlindungan pembiayaan kesihatan sendiri yang disediakan oleh majikan. Kedudukan sistem penyampaian sektor swasta memberi pilihan kepada rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan selain daripada yang disediakan oleh kerajaan. Di samping itu, ia juga menjadi pelengkap kepada perkhidmatan yang disediakan oleh sektor awam.

Walau bagaimanapun, sistem penyampaian sektor swasta turut memberi cabaran kepada sektor awam kerana kemampuannya menarik tenaga profesional supaya meninggalkan sektor awam dan memberi layan serta khidmat perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan. Ini

mewujudkan jurang antara sektor awam dan swasta seperti kekurangan tenaga kerja profesional, beban tugas yang tinggi serta kesesakan di kemudahan kesihatan awam.

Selain faktor kekurangan tenaga kerja, beban tugas yang tinggi dan kesesakan di kemudahan kesihatan awam juga disebabkan oleh keterbatasan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan di sektor swasta akibat kekangan kewangan. Ini adalah kerana perkhidmatan sektor swasta adalah berasaskan keuntungan. Kaedah pembayaran secara *fee-for-service* serta kadar caj perkhidmatan tidak diseragamkan mendedahkan rakyat kepada risiko kemudaratan kewangan sekiranya mendapatkan perkhidmatan di sektor swasta.

Selain itu, isu peningkatan kos penjagaan kesihatan sering diperkatakan sejak kebelakangan ini. Dalam jangka masa 13 tahun dari 1997 sehingga 2009, perbelanjaan kesihatan Malaysia telah meningkat. Secara purata, antara 12% hingga ke 13% setahun iaitu lebih daripada peningkatan kadar inflasi am. Antara faktor penyumbang kepada kenaikan kos ini ialah kenaikan caj perkhidmatan yang dikaitkan dengan perubahan kepada ubat-ubatan, teknologi serta kos sara hidup, peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan akibat perubahan pola penyakit, pola demografi penduduk serta peningkatan kesedaran terhadap kesihatan oleh penduduk.

Bagi mengatasi jurang perkhidmatan yang dikaitkan dengan kewujudan dwi-sistem ini iaitu awam dan swasta serta menangani isu peningkatan kos perkhidmatan kesihatan yang mendadak, satu mekanisme perlu dibangunkan bagi mengintegrasikan sistem penyampaian sektor awam dan swasta melalui kaedah pembiayaan kesihatan bersepadu.

#### ■1450

Saya mohon untuk pihak kementerian memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini status terkini pelan strategik yang telah dirancang bagi mengatasi permasalahan yang saya sebutkan sebentar tadi. Seperti cadangan saya kepada guru-guru, mungkin pihak kementerian boleh mempertimbangkan untuk memberi skala gaji yang mengikut pasaran bagi memastikan kepakaran perkhidmatan awam ini kekal di dalam perkhidmatan awam. Mungkin pihak kementerian perlu juga memaklumkan kepada Dewan ini kajian persepsi yang dijalankan terhadap kualiti perkhidmatan hospital-hospital kerajaan dan mohon juga dimaklumkan tindakan yang diambil dalam menangani persepsi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan tadbir urus yang berintegriti memainkan peranan dalam meningkatkan perkhidmatan kesihatan di negara ini. Penjawat awam di kementerian perlu mengamalkan dan mengekalkan tahap profesionalisme yang tinggi dalam memberikan perkhidmatan yang adil dan mengambil kira prinsip masyarakat yang bertanggungjawab. Pihak kementerian juga perlu berusaha untuk menerajui perkhidmatan yang cemerlang sentiasa bersedia memenuhi harapan masyarakat dan membudayakan semangat bekerja sebagai satu pasukan dengan mengekalkan budaya bekerja yang menggalakkan sifat bekerjasama bertanggungjawab boleh diharap, proaktif dan efisien.

Sehubungan itu saya mohon untuk pihak kementerian untuk memaklumkan kepada Dewan ini status aduan terhadap perkhidmatan yang disediakan di hospital-hospital kerajaan sepanjang tiga tahun yang lalu dan status tindakan pihak kementerian dalam menyelesaikannya terutama dalam menangani persepsi masyarakat yang sanggup menanggung bilangan kesihatan yang tinggi

di hospital swasta walaupun mengetahui bahawa kadang-kadang kelengkapan dan peralatan sesuatu isu kelihatan itu lebih baik di hospital kerajaan daripada hospital swasta semata-mata hanya untuk mendapatkan perkhidmatan ataupun layanan yang setimpal. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian untuk mempertimbangkan pemberian taraf bintang kepada hospital-hospital kerajaan yakni malahan sesuai yang juga dipanjangkan kepada hospital-hospital swasta dan juga mengklasifikasikan hospital kerajaan ini mengikut kepakaran perkhidmatan kesihatan yang khusus bagi mempermudah orang ramai untuk membuat penilaian dan memilih hospital mana yang dirasakan sesuai untuk mendapatkan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membahaskan kualiti perkhidmatan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Okey, saya habiskan untuk kesihatan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita membahaskan kualiti perkhidmatan, ianya bukan semata-mata untuk melihat kepada kepakaran doktor tetapi lebih kepada ekosistem keseluruhan perkhidmatan itu sendiri. Namun, saya mohon juga kepada pihak kementerian untuk memaklumkan kepada Dewan ini apakah nisbah di antara doktor pelatih dan doktor pakar kerana ini melambangkan keseluruhan kualiti perkhidmatan kesihatan yang diberikan. Saya juga memohon pihak kementerian untuk memaklumkan nisbah doktor bumiputera dan bukan bumiputera di hospital kerajaan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Persepsi perkhidmatan kesihatan yang baik apabila orang ramai berpusu-pusu datang untuk mendapatkan rawatan. Akan tetapi perkhidmatan hospital yang kurang baik adalah apabila orang ramai terpaksa datang untuk mendapatkan rawatan. Jadi, dalam bajet ini sebanyak RM10.5 bilion daripada peruntukan pembangunan berjumlah RM46.5 bilion adalah bagi sektor sosial termasuk kesihatan. Saya harap pihak kementerian mengambil serius perkara ini kerana peruntukan yang besar ialah diberi adalah kerana turut mengambil kira tanggungjawab besar yang dipikul.

Tuan Yang di-Pertua, apabila *rushing* ini apabila Tuan Yang di-Pertua cakap dua tiga minit sebenarnya banyak lagi. Bagilah ruang sedikit Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan NKEA pihak kementerian turut mengambil kira pewajaran kekayaan melalui kecemerlangan dalam industri kesihatan. Sebagai contoh, pada masa ini pengilang farmaseutikal tempatan lebih banyak memberi fokus kepada pasaran domestik. Apabila tempoh paten ubat-ubat iaitu *blockbuster* utama berkenaan ubat-ubat yang menjana keuntungan hampir RM3.2 bilion untuk setiap pemiliknya pada setiap tahun luput dalam 10 tahun yang akan datang, pasaran global yang dianggarkan bernilai RM435 bilion yang akan terbuka kepada pengeksport *generic* Malaysia. Secara umum industri farmaseutikal Malaysia adalah tidak kompetitif dalam konteks kos realiti berbanding India dan juga China.

Malaysia adalah satu-satunya negara persatuan persidangan Islam OIC yang mempunyai keahlian dalam *the Pharmaceutical Inspection Convention and Pharmaceutical Inspection Corporation Scheme* (PIC) berikutan daripada itu strategik berasaskan eksport ke negara OIC mampu membantu pertumbuhan industri farmaseutikal negara. Peralatan klinikal pula merujuk kepada segmen peralatan perubatan yang digunakan dalam pembedahan prosedur pergigian dan

juga alat-alat bantuan pendengaran serta penglihatan. Pada masa ini Malaysia mengimport lebih hampir 75% peralatan perubatan yang digunakan terutamanya peralatan perubatan bernilai tinggi. Pasaran bagi segmen tersebut masih terbuka luas memandangkan pada masa ini hanya terdapat beberapa pengusaha atau jenama peralatan perubatan yang kos efektif dan berkualiti di rantau Asia.

Industri pengeluaran peralatan perubatan secara kontrak pula dijangka pula terus berkembang pada tahap 12% setahun dijangka mencecah hampir RM239 bilion menjelang 2015. Ini didorong oleh peningkatan pengeluaran produk peralatan *original equipment manufacturer* secara penyubur luarannya. Pada masa ini industri tersebut masih lagi belum diterokai sepenuhnya oleh penguasa di negara ini di mana nilai eksport bagi komponen peralatan perubatan pada tahun 2010 aliran sebanyak RM600 juta. Dengan kekuatan yang sedia ada dalam sektor elektrik dan elektronik pengeluar-pengeluar di Malaysia berpotensi untuk sebagai pusat setempat bagi pengeluaran perubatan OEM. Dalam Bajet 2014 kerajaan juga terus menyediakan perkhidmatan kesihatan dalam perubatan yang terbaik serta berkualiti kepada rakyat.

Untuk itu sebanyak RM22.1 bilion diperuntukkan bagi sektor kesihatan yang merangkumi belanja operasi dan pembangunan. Selain itu kerajaan akan memperuntukkan RM3.3 bilion bagi menyediakan bekalan ubat dan alatan perubatan yang mencukupi bagi memastikan pesakit mendapat rawatan yang sempurna. Saya mohon untuk pihak kementerian memaklumkan kepada Dewan ini status terkini usaha-usaha penjanaaan kekayaan melalui NKEA tersebut dan apakah ada syarikat-syarikat bumiputera yang terlibat. *Rushing* betul. Lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Okey saya gulung. Saya ambil sedikit sahaja lagi. Banyak lagi topik-topiknya. Saya ambil pada topik yang agak boleh dikatakan serius iaitu berkenaan penggunaan bahasa. Kalau kita masih bercakap lagi dari segi memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam pelbagai kempen *Bulan Bahasa* dan sebagainya. Akan tetapi rata-rata kita lihat di luar sana, saya rasa ada Ahli Yang Berhormat kita banyak menyebut tentang, Datuk Rahman berkata tentang tulisan Cina dan sebagainya. Saya tidak faham kerana masih lagi berlaku dari segi pemantauan tidak langsung diambil kira Dewan Bahasa, apa fungsi yang sebenar juga kementerian-kementerian terlibat dan jabatan-jabatan terlibat termasuk juga PBT. Saya tidak faham kenapa perkara-perkara ini masih lagi berlaku, tulisan-tulisan begini masih lagi wujud kenapa bahasa Malaysia ataupun bahasa kebangsaan tidak lagi berlakunya di papan-papan tanda di dalam TV, di dalam bidang-bidang tertentu penulisan dan sebagainya masih lagi tidak lagi diperkasakan akan bahasa kebangsaan.

Itu kalau kita lihat ada disebabkan apabila bahasa-bahasa ini boleh dicacamarbakan maka berlakulah beberapa perkataan ataupun ayat-ayat yang tidak baik seperti apa yang digambarkan seperti anjing UMNO, kucing kurap, nenek *racist* dan sebagainya berlaku sebab apa, penggunaan bahasa itu boleh dicacamarbakan dan boleh dipergunakan sesiapa sahaja tanpa menilai akan fungsi-fungsi bahasa itu sendiri terhadap kesan penggunaannya. Sebab itulah saya menyeru kepada kerajaan penggunaan bahasa ini harus dijadikan satu akta yang paling tegas dan perlu kita wajibkan untuk semua sektor supaya tidak ada lagi bahasa-bahasa lain yang digunakan baik dalam

naskah yang bertulis mahupun penggunaan bahasanya itu sendiri. Sebab kita lihat yang paling mudah, saya tidak mahu ambil contoh di Singapura, saya ambil contoh di Thailand. Di Thailand segala-galanya baik di televisyen, di dalam penulisan, di dalam penerbitan apa sahaja semuanya digunakan bahasa di dalam bahasa Thailand, kenapa kita di Malaysia tidak boleh mempraktikkan perkara-perkara yang sebegini. Kenapa kita membiarkan bahasa kita Bahasa Kebangsaan terpinggir begitu sahaja sedangkan perlembagaan kita telah mengatakan bahawa Bahasa Kebangsaan kita adalah Bahasa Melayu? Akan tetapi ini tidak berlaku. Kita lihat di dalam TV dan sebagainya dan sekarang di dalam industri muzik pun dah berlaku bahasa campur aduk.

Bahasa Melayu dicampurkan dengan bahasa Inggeris dijadikan kononnya ini masalah trend yang terkini. Kononnya yang kita ikut sekarang, tetapi apa salahnya Bahasa Melayu itu dimartabatkan. Kenapa penulisan bahasa kebangsaan kita dipinggirkan? Kenapa perkara-perkara macam ini masih boleh berlaku dan kenapa dibiarkan begitu sahaja dan kita sentiasa berbahas, kita mencadangkan tetapi tindakan tetap juga tidak berlaku. Jadi kita mohon untuk persidangan kali ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat cukup.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Ya Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya ulas. Saya mencadangkan kali ini kita minta pihak kerajaan betul-betul tegas di dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan kita ini. Jangan lagi dibiarkan, jangan lagi dibagi kelonggaran dan sebagainya. Kita pastikan di mana-mana sahaja apabila kita berada di Malaysia, maka satu bahasa sahaja yang kita boleh nampak. Satu penulisan sahaja yang kita boleh lihat iaitu penulisan dalam Bahasa Kebangsaan. Jadi saya rasa saya rugi banyak benda yang saya hendak cakap, tetapi saya tidak dapat cakap Tuan Yang di-Pertua. Apa pun dalam kaedah ini, saya menyokong Bajet 2014.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, kerana kita masih ada 12 orang Yang Berhormat, terima kasih. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani.

**2.59 ptg.**

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam satu Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana turut diberi kesempatan untuk membahaskan RUU Perbekalan 2014. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib selaku Perdana Menteri Malaysia dan juga Menteri Kewangan kerana telah berjaya membentangkan satu bajet yang komprehensif dan eksklusif bagi membantu segenap lapisan rakyat daripada golongan miskin, pertengahan mahupun yang kaya. Ia juga meliputi masyarakat yang tinggal di desa dan juga di bandar yang bekerja sendiri baik pun yang bekerja di sektor swasta, penjawat awam dan juga golongan belia dan pelajar.

■1500

Semuanya telah mendapat pertimbangan kerajaan dan dibela dalam Bajet 2014 ini, syabas saya ucapkan. Bajet 2014 yang bertemakan, "*Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji*" benar-benar memperlihatkan komitmen dan iltizam kerajaan

untuk membantu rakyat dan mencapai matlamat Wawasan 2020. Sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi, saya yakin dan tidak sangsi lagi bahawa segala yang dicadangkan dan dirancang dalam bajet ini akan membawa kejayaan dan kesejahteraan kepada rakyat seluruh Malaysia. Dengan jumlah peruntukan sebanyak RM264.2 bilion saya percaya pelaksanaan langkah-langkah program dan projek kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara akan tercapai.

Peruntukan bajet pada tahun ini memperlihatkan pertambahan sebanyak RM12.6 bilion daripada jumlah peruntukan tahun 2013 iaitu sebanyak RM251.6 bilion. Ini menunjukkan kerajaan masih mampu membelanjakan dan mempunyai pendapatan yang baik walaupun dalam keadaan ekonomi global yang dijangka berkembang perlahan pada kadar 2.9% pada tahun 2013. Dalam bajet kali ini, saya melihat beberapa inisiatif baru telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk meningkat dan merencanakan ekonomi pembangunan negara. Justeru itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan beberapa perkara bagi memohon penjelasan daripada kerajaan dan juga memberi cadangan untuk dipertimbangkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal cukai barang ataupun perkhidmatan GST. Saya kira terlalu banyak sudah ramai Ahli Dewan yang membicarakan soal ini tetapi apa pun saya hendak tegaskan di sini. Saya hanya menyokong apa sahaja sistem percukaian untuk kebaikan negara dan kita rasa juga mendapat maklumat daripada seluruh Ahli Dewan bahawa cukai ini amat baik untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membawa perbahasan ini kepada isu memperkasa ekonomi bumiputera yang telah mendapat perhatian dan perbincangan secara meluas di kalangan rakyat jelata. Pelan Strategi Pemerksaan Ekonomi Bumiputera yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada 15 September 2013 merupakan satu anjakan drastik dalam membela nasib bumiputera yang mewakili 67.9% daripada 27.4 juta rakyat Malaysia. Kemuncak kepada pelaksanaan strategi berkenaan adalah penubuhan Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) bagi menggantikan Majlis Tindakan Ekonomi Bumiputera.

Saya menyanjung tinggi usaha kerajaan ini untuk mengangkat agenda memperkasakan ekonomi bumiputera sebagai agenda nasional. Sebagai penduduk majoriti di negara ini kedudukan ekonomi kaum bumiputera harus dibela seperti mana terkandung dalam tujuh wasiat oleh sembilan Raja-Raja Melayu. Ia jelas menyatakan tidak boleh diabaikan tentang ekuiti dan pemilikan orang Melayu. Kemudiannya diperluas kepada bumiputera melalui penyertaan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia.

Matlamat utama kerajaan dalam pelan strategi ini adalah untuk memastikan sasaran ekuiti bumiputera, ekonomi bumiputera sebanyak 30% dicapai. Di samping untuk meningkatkan kemampuan bumiputera dalam bidang keusahawanan dan pendidikan. Justeru adalah diharapkan kepada mereka yang membangkang dalam usaha ini supaya tidak menyifatkan pelaksanaan pemerksaan ekonomi bumiputera sebagai perkauman kerana agendanya adalah untuk meningkat daya saing dan mengangkat martabat bumiputera. Namun begitu, saya dapati terdapat beberapa kekangan untuk mencapai sasaran ini. Di antaranya ialah kurangnya sokongan oleh syarikat



berkaitan kerajaan ataupun GLC untuk menyokong dan membantu para usahawan bumiputera. Dalam mendapat kontrak perniagaan dengan GLC. Selain daripada itu pihak GLC juga didapati sering memberi kontrak dan keistimewaan kepada syarikat atau vendor yang berpengaruh dan telah lama berurusan dengan mereka. Lantas menyekat peluang bagi vendor-vendor bumiputera yang baru.

Masalah ini ditambah dengan tidak adanya ekosistem yang bersepadu di antara agensi untuk membantu usahawan bumiputera. Lantas cadangan yang disuarakan semasa sidang Perhimpunan Agung UMNO ke-67 yang baru lepas supaya pihak GLC membantu melahirkan seorang jutawan bumiputera pada setiap tiga tahun adalah idea yang baik. Bayangkan kalau lima GLC, sudah tentu dapat melahirkan lima jutawan bumiputera pada setiap tiga tahun. Ini ibarat umpama konsep payung di mana jutawan yang dilahirkan ini dapat membantu untuk menyokong usahawan-usahawan bumiputera yang lain. Konsep inilah yang dilakukan oleh masyarakat perniagaan orang-orang Cina. Di mana mereka saling bantu-membantu, bekerjasama untuk menaikkan rakan seperniagaan, sebangsa dengan mereka.

Justeru itu, saya memohon penjelasan kerajaan apakah caranya untuk membantu usahawan bumiputera yang ingin mendapat kontrak dengan syarikat GLC? Apakah mekanisme yang dapat diwujudkan agar ekosistem yang bersepadu dapat diwujudkan untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera? Pelbagai usaha telah dilaksanakan kerajaan untuk meningkatkan ekonomi kaum bumiputera tetapi pencapaiannya adalah jauh lebih memuaskan, jauh daripada memuaskan. Semasa Malaysia baru merdeka, Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak waktu itu telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru. Dalam tempoh 20 tahun pada akhir tahun 1990, DEB telah berupaya meningkatkan pegangan ekonomi bumiputera kepada 20.3%. Selepas DEB kerajaan memperkenalkan Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Wawasan Negara tetapi peningkatan ekonomi bumiputera hanya sekadar 2% iaitu jauh lebih perlahan daripada apa yang diharapkan iaitu keseluruhan 22% sahaja.

Persoalannya, dasar-dasar kerajaan itu apakah tidak bagus atau kaum bumiputera yang tidak mahu merebut peluang perniagaan yang disediakan oleh kerajaan? Justeru, saya memohon penjelasan kerajaan apakah langkah tindakan kerajaan untuk mengubah mentaliti kaum bumiputera supaya berani tampil ke hadapan untuk menceburi diri dalam perniagaan? Lantas saya juga ingin tahu bilakah sasaran 30% ekuiti bumiputera dapat dicapai? Adakah kerajaan telah menemui instrumen baru bagi mencapai matlamat yang disasarkan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebelum ini?

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak menyentuh soal perumahan rakyat saya rasa tidak adil sebab banyak sebelum ini soal-soal perumahan rakyat yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan. Satu lagi isu yang hangat dan sering menjadi perbualan rakyat ialah berhubung dengan masalah pemilikan rumah yang selesa khususnya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Ini adalah disebabkan oleh harga rumah yang terlalu tinggi dan di luar kemampuan untuk dibeli.

#### ■1510

Selain daripada itu adalah disebabkan juga oleh masalah bekalan rumah yang tidak mencukupi dan kesukaran untuk mendapat pinjaman daripada pihak bank. Bagi yang sudah

membeli rumah pula wujud pelbagai masalah lain yang melambatkan proses pemilikan rumah tersebut. Misalnya, masalah kelewatan mendapatkan sijil kelayakan menduduki CF yang mana ada terpaksa menunggu bertahun-tahun lamanya untuk menduduki rumah yang telah dibeli.

Kesukaran untuk membeli rumah ini juga adalah disebabkan oleh aktiviti spekulasi yang keterlaluan sehingga menjejaskan pasaran hartanah. Bagi pemaju perumahan pula, mereka lebih cenderung untuk membina rumah yang berharga tinggi demi untuk menikmati keuntungan yang lebih lumayan. Kebimbangan terhadap kos harga rumah ini ditambah dengan kenyataan oleh REHDA yang menyatakan bahawa harga rumah akan naik 10% kesan daripada kenaikan harga, kenaikan kadar cukai keuntungan hartanah atau RPGT yang diumumkan oleh kerajaan.

Saya menyanjung tinggi usaha kerajaan untuk membantu rakyat dalam mengatasi masalah pemilikan rumah melalui pelbagai program yang diadakan antaranya, usaha kerajaan untuk menyediakan 1 juta unit rumah mampu milik untuk rakyat dalam tempoh lima tahun akan datang. Ini disusuli inisiatif kerajaan untuk memberi subsidi antara RM15,000 hingga RM20,000 bagi membolehkan rakyat membeli rumah mesra rakyat yang dimajukan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Namun begitu, saya dapati usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan ini tidak akan tercapai jika rakyat yang memerlukan tidak berupaya mendapat pinjaman bank atau tidak mampu berupaya membayar ansuran bulanan yang tinggi yang di luar kemampuan mereka. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya kerajaan dapat menyediakan satu tabung khas bagi rakyat yang berpendapatan rendah membuat pinjaman dengan kadar faedah 1% untuk membeli rumah.

Selain daripada itu, saya juga mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat mewujudkan satu pusat penyimpanan data pemilikan rumah bagi memantau pembelian rumah di kawasan Program PPR, Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Perumahan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia dan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia. Ini bertujuan untuk mengelak seseorang itu memiliki lebih daripada satu rumah yang disediakan di bawah program kerajaan ini.

Saya juga mencadangkan tempoh pinjaman rumah kembali dipanjangkan kepada 45 tahun seperti yang diluluskan sebelum ini bagi mengatasi masalah terpaksa membayar ansuran pinjaman rumah yang terlalu tinggi setiap bulan. Bagi membantu penjawat awam pula, diharap pihak kerajaan dapat meluluskan permohonan CUEPACS supaya kadar pinjaman perumahan kerajaan dikenakan kepada kadar 1% sahaja. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh kes...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Datuk Haji Yahaya, minta celahan sedikit, boleh Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat. Silakan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Oleh sebab kita punya tajuk hampir lebih kurang sama tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Jadi saya pun seronok bila dengar Yang Berhormat bercakap mengenai spekulator, tentang harta tanah ini tadi. Permasalahannya sekarang kita

nampak dari segi nilai harta tanah ini berlaku disebabkan oleh ada dua perbezaan. Ini cuma pandangan saya kepada Yang Berhormat. Pertama, di pasaran luar kita selalu lihat bahawa spekulator memainkan peranan disebabkan oleh pasaran harga tanah, *freehold*.

Yang menjadi persoalan sekarang kenapa? Kita bercakap tentang bumiputera, kenapa kita tidak langsung melihat bagaimana untuk kita memperkasakan iaitu tanah-tanah *Malay reserved* ini supaya ia menjadi pengimbang di dalam memastikan pasaran ini tidak di *speculate* oleh satu *angle* sahaja? Kenapa tanah-tanah Melayu rizab dianggap tanah yang kurang nilai, tidak mempunyai pasaran yang baik dan tidak ada satu kaedah-kaedah tertentu yang mana kita boleh lakukan untuk memastikan perimbangan ini tidak lagi dimonopoli oleh satu konsep sahaja iaitu dari segi pasaran tadi? Itu pandangan saya kepada Yang Berhormat. Saya minta kalau Yang Berhormat boleh ulas.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih celahan Yang Berhormat sebentar tadi. Saya bersetuju apa pandangan yang telah dikemukakan sebentar tadi. Kita sebenarnya masih banyak lagi kawasan-kawasan *Malay reserved* terutamanya yang mungkin kita boleh bangun dan kita tukar *title* dan sebagainya untuk memenuhi kehendak rakyat seluruh negara. Terima kasih di atas pandangan tersebut. Seterusnya, saya ingin menyentuh...

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Mohon saya mencelah sedikit berhubung dengan kawasan bumiputera...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ya, saya .Sila. Banyak pula hendak celah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Tidak kalau berucap sahaja bererti- ini sedikitlah....

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Sila,sila.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Saya hendak celah berhubung dengan kawasan bumiputera ini. Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar kata kenapa kita tidak boleh bangun? Kenapa harganya lebih murah, bumiputera? Ini adalah *supply and demand*. Misalannya betul-betul di Kampung Baru, *right in the middle of town*, dengan izin, harga keluar daripada kawasan Kampung Baru ialah lebih daripada RM1,000 lebih sekaki. Akan tetapi walau bagaimanapun, Kampung Baru hanya RM300 sekaki. Sampai sekarang hendak jual lebih daripada RM300 kaki persegi memang susah. Ini ialah soal *supply and demand* sebab orang lain tidak boleh beli di Kampung Baru. Oleh sebab itulah *demandnya* tidak begitu. Oleh sebab itulah.

Keduanya untuk membangunkan kawasan Melayu ini. Saya memang setuju. Kerajaan mesti memikirkan dengan sekuat-kuatnya bagaimana kita boleh membangunkan kawasan Kampung Baru ini dekat kawasan-kawasan *Malay reservation* ini supaya ia akan membangun dan memberi peluang kepada orang-orang bumiputera untuk membeli di kawasan-kawasan Melayu itu sendiri. Akan tetapi minta maaf dengan izin, *it is easier said than donelah*. Kita hendak bangun Kampung Baru pun - kita sudah cakap benda ini sudah berpuluh-puluh tahun akan tetapi sehingga sekarang kita tidak dapat bangun. Oleh sebab masalah macam-macam. Apa pandangan yang terhormat?

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya melihat keadaan ini adalah sikap kita orang Melayu. Contoh, di dalam satu kawasan saya ada satu

kampung rizabnya *Malay reserved* iaitu Kampung Padang Balam yang dikelilingi oleh- semua pembangunannya telah dibuat. Kampung Padang Balam sekarang harganya lebih kurang RM30 kaki persegi. Dikira dalam bandar, kawasan Batu ini dalam bandar Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi sekitarnya lebih kurang dalam RM130 ke RM200 satu kaki persegi.

Itu apa yang saya beritahu tadi adalah sikap kita, perubahan minda kita. Kadang-kadang orang Melayu kita ini sudah duduk dalam kampung bertahun-tahun, sudah berturun temurun, kononnya daripada arwah datuk nenek dahulu teroka tanah itu, dia sukar untuk membuat perubahan. Apa yang dibicarakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Sama juga perkara itu berlaku di Kampung Baru. Kadang-kadang kita lihat satu geran tanah sampai 20 ke 30 orang. Orang luar datang hendak beli pun tengok geran tanah 30 orang, takut hendak beli. Oleh sebab itulah, saya bersetuju dengan apa semua pandangan apa yang telah diutarakan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara berhubungan dengan cadangan pembinaan tembok keselamatan. Di kawasan tebing Sungai Golok sepanjang 121 kilometer di sempadan Malaysia-Thailand yang telah diwartakan sebagai kawasan selamat. Cadangan pembinaan tembok keselamatan di Kelantan ini amat baik bagi mengelak berlakunya penyeludupan senjata api dan dadah serta menyekat penjenayah yang membolosi diri di antara Malaysia dan Thailand.

Kita tengok mutakhir ini Tuan Yang di-Pertua. Pelbagai kejadian jenayah berlaku di persekitaran sempadan terutamanya di negeri Kelantan, negeri Cik Siti Wan Kembang yang amat cantik namanya. Semalam, malam tadi kita tengok TV kita baca *paper* hari ini kita dikejutkan dengan lebih kurang RM1.5 juta barangnya lebih kurang 60,000 biji pil kuda yang sudah tentu datangnya daripada negara jiran kita.

#### ■1520

Ini harus dilihat dan dalam statistik di negeri Kelantan sahaja pil kuda ini sudah 122,400 biji yang dianggarkan nilai sebanyak RM3.06 juta. Kita tidak mahu melihat anak-anak Kelantan yang majoritinya beragama Islam dan orang Melayu, kita tidak mahu...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada 10 minit lagi, Yang Berhormat ya.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada 10 minit lagi.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Tuan Yang di-Pertua, bijak bestari, senyum menawan indah sekali, terima kasih waktu diberi, minta tambahan sedikit sahaja [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak boleh kena pujuk Yang Berhormat. Ada 10 minit lagi. Teruskan [*Ketawa*]

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Jadi itulah keadaannya Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita tidak mahu melihat anak-anak kita khususnya di negeri Kelantan yang rata-ratanya tidak semualah, tetapi ada yang mengambil pil kuda yang menyebabkan soal kehidupannya begitu susah, melibatkan keluarga, melibatkan ibu-bapa, adik-beradik dan sebagainya. Pil kuda ini hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, dia jadi ekstrem. Orang makan pil kuda ini dia jadi panas baran. Dia

jadi berani. Kalau Dato' Rahim pun makan pil kuda, Dato' Rahim pun jadi berani [*Ketawa*] Dia boleh pukul mak bapak dia pun boleh.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Sekarang tak makan pil kuda pun berani Yang Berhormat [*Ketawa*] [*Tepuk*]

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Jadi inilah perkara-perkara yang harus kita lihat. Sungguhpun demikian, saya juga mencadangkan supaya pembinaan tembok keselamatan ini didirikan di kawasan sempadan meliputi Perak, Kedah, Perlis kerana di kawasan ini juga banyak berlaku aktiviti penyeludupan, perdagangan manusia dan pembolosan penjenayah.

Selain daripada isu keselamatan, di laluan-laluan tikus yang menjadi pintu keluar masuk utama bagi penjenayah dan penyeludup yang bergerak aktif hendaklah juga dikawal dengan lebih ketat lagi dengan memperbanyakkan rondaan dan sekatan jalan raya. Adalah baiknya ditambah lagi anggota keselamatan seperti menambah lagi bilangan rejimen sempadan Angkatan Tentera Malaysia dan Pasukan Gerakan Am PDRM serta agensi penguat kuasa yang lain seperti Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen di kawasan sempadan. Selain daripada itu, kawasan laluan tikus itu juga hendaklah di pagar dengan kawad duri.

Saya juga tertarik dengan cadangan untuk memindah dan menempatkan semula kawasan penduduk dan kampung-kampung di sepanjang Sungai Golok dan daerah sempadan lain ke suatu tempat yang selamat dan mudah dikawal. Dengan cara ini, penjenayah dan sindiket yang cuba bergerak aktif di kawasan penduduk tetap di tepi sempadan akan tergugat dan mudah dikesan oleh pihak berkuasa. Bagi mengukuhkan sistem kawalan keselamatan yang sedia ada, kerajaan hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung bagi penempatan yang tiada jawatankuasa ini, ahli JKKK hendaklah dilatih dan diberi peralatan dan dipermudahkan saluran komunikasi untuk menyampaikan matlamat kepada pihak berkuasa peranan mereka sebagai mata dan telinga kepada kerajaan adalah amat berguna sekali. Namun begitu, saya berharap usaha untuk memindahkan penduduk di kawasan-kawasan penempatan baru hendaklah dirancang dengan teliti supaya tidak menjejaskan ekonomi dan urusan harian penduduk yang terbabit.

Justeru saya berharap pihak kerajaan dapat melaksanakan projek ini dengan segera memandangkan masalah jenayah seperti penyeludupan senjata dan dadah serta pemerdagangan orang yang semakin menjadi-jadi dapat dikawal dengan lebih baik agar rakyat dapat hidup dalam keadaan aman dan sejahtera. Semoga pada bajet yang akan datang, kerajaan dapat memberi peruntukan yang lebih bagi menjayakan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak lengkap kalau dalam perbahasan saya pada petang ini tidak menyentuh soal-soal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebab saya mewakili Parlimen Batu iaitu satu kawasan yang berada di Wilayah Persekutuan yang sudah tentunya secara langsung berhadapan dengan hal-hal Dewan Bandaraya.

Sebagaimana yang kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, Kuala Lumpur adalah jendela dunia. Kenapa saya membicarakan soal itu? Ini kerana kita tahu, setiap pelancong yang akan datang ke negara kita terutamanya mestilah majoritinya melalui Kuala Lumpur. Kita lihat hari ini Tuan Yang di-Pertua, kebetulan juga pada tahun 2014, tahun depan adalah tahun melawat Malaysia. Kita tengok

keindahan Kuala Lumpur hari ini, mungkin orang kampung baru datang Kuala Lumpur, dia tengok cantik Kuala Lumpur, dia tengok indah Kuala Lumpur. Akan tetapi kita yang berada di Kuala Lumpur, ya Allah, Kuala Lumpur ini suram rupanya.

Kuala Lumpurnya tidak indah sebagaimana yang digambarkan orang di luar sana. Dengan kalau kita masuk satu kawasan, Chow Kit Roadlah tempat tumpuan pelancong ataupun Bukit Bintang. Saya cakap Bukit Bintang, bukan saya selalu pergi Bukit Bintang, tidak *[Disampuk]* Orang cakap *[Ketawa]* Dalam keadaan malap Tuan Yang di-Pertua, dan saya mencadangkan- Dato' Nalla, diam! *[Ketawa]*

Saya mencadangkan supaya memperbanyakkan lagi lampu-lampu LED untuk menambah keceriaan di kota raya Kuala Lumpur dan ini harus dipertanggungjawab kepada Dewan Bandaraya dan Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk mengindahkannya itu.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya lihat keadaan gerai-gerai makanan tidak tersusun. Minta maaf saya cakap, adakah pegawai Dewan Bandaraya?... *[Memerhati di sekeliling Dewan]* Keadaan gerai-gerai yang tidak tersusun, kalau kita tengok ada satu tempat itu Dato' Rahim pun mungkin tahulah. Tempat itu makan dia, makan ikan singgang di Jalan TAR. Saya pun selalu pergi di situ makan *[Disampuk]* Ya, sama. Akan tetapi ramai orang makan di situ termasuk pelancong, Mat Salleh pun ada makan dekat situ. Akan tetapi ya Allah, tengah makan kadang-kadang tikus naik atas betis kita. Tikus besar-besar kucing, kucing pun lari daripada tikus. Naik atas betis kita ya Allah! Kita lihat keadaan ini berlaku dan apa salahnya Dewan Bandar Raya mengambil inisiatif untuk menaikkan taraf di situ? Buat lebih cantik, lebih indah supaya orang selesa untuk pergi makan dan sebagainya.

Sekarang ini macam-macam. Tikus, kencing tikus boleh bawa maut. Kita takutlah tuan-tuan, minta sedekah itu rezekilah juga banyak...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ya, Allah. Pantun pun tak jalan *[Ketawa]* Jadi itulah keadaannya Tuan Yang di-Pertua. Saya harap pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memerhati keadaan ini, melihat keadaan ini bukan sahaja gerai-gerai, tempat-tempat yang saya maklumkan tadi, malah banyak lagi kawasan persekitaran Kuala Lumpur ini supaya boleh menjadi cantik dan indah, supaya kita melihat, orang luar datang melihat. Pelancong datang akan menjadi imej yang baik kepada kita, kepada Kerajaan Malaysia.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua soal bandar raya ini, akan tetapi orang kata, saya ini macam tepuk air ke dulang, naik ke muka sendiri. Akan tetapi kadang-kadang ini minta maaf cakap. Saya sebagai Ahli Lembaga Penasihat yang tidak, orang kata, nasihat pun tak dengar *[Ketawa]* Nasihat pun tak dengar...

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Saya minta maaf hendak mencelah sedikit.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Apa lagi Yang Berhormat?

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Ini kalau jadi ahli jawatankuasa penasihat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Duduk dulu Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Kalau jadi ahli jawatankuasa penasihat, kalau mesyuarat tidak dipanggil, kalau nasihat tidak didengar apa gunanya ada jawatankuasa penasihat

ini? Tak bolehkah Yang Berhormat bawakan benda ini, dalam Dewan ini pun bolehlah. Akan tetapi kepada pihak berkuasa DBKL.

■1530

Kalau ada ahli jawatankuasa penasihat yang tidak duduk atau tidak *sit* macam mana? Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Bukan tidak duduk, duduk. Mesyuarat Lembaga DBKL ini enam kali dalam setahun.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ringkaskan Yang Berhormat. Selepas itu gulung.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nanti kita bincang di luarlah Yang Berhormat sebab masa sudah tidak berapa cukup.

Satu perkara lagi yang saya hendak beritahu adalah soal lampu-lampu jalan, soal *traffic light*. Kalau kita tengok musim sekarang ini musim hujan. Selalu *traffic light* di jalan-jalan utama di Kuala Lumpur ini apabila ada musim hujan, angin sedikit, terus *blackout*. Jadi ini menyusahkan rakyat dan saya dimaklumkan oleh rakan saya sebentar tadi di luar sana, Jalan Kuching menghala ke Pasar Borong Selayang, kedua-dua hala jem teruk, pagi, petang, siang, malam jem. Saya tanya kenapa? Dia kata dahulu daripada *divider* itu daripada besi, sekarang ini dia buang besi itu tetapi besi itu entah ke mana. Bertan-tan besi itu saya pun tidak tahu ke mana, diganti dengan *curve* yang tidak selesai-selesai bekerja. Saya tidak tahu dan saya minta penjelasan daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, *insya-Allah*. Saya rasa..

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Itu sahajalah. Kalau sudah pantun saya beri, Tuan Yang di-Pertua pun nampak masam tidak berapa hendak layan pantun saya. Jadi itulah ucapan ringkas saya dalam sama-sama turut serta dalam berbahas tentang rang undang-undang 2014 dan saya mohon menyokong. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sesi berbalas pantun kita boleh buat dekat nanti Yang Berhormat [Ketawa]

Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

3.32 ptg.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan dan saya bangun untuk sama mengambil peluang berbahas Rang Undang-undang Kewangan Bajet 2014 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 25 Oktober yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Demi menghormati masa, biarlah saya *straight to the point*, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus Yang Berhormat, teruskan.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** ...Yang bakal menyentuh beberapa agenda pokok, kupasan cadangan dan penambahbaikan. Tuan Yang di-Pertua, bersandarkan tema bajet kali ini iaitu 'Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksanakan Janji' dan lima teras utama Bajet 2014 iaitu merencanakan aktiviti ekonomi, mengukuh pengurusan fizikal,

mengungguli modal insan, mempergiat pembangunan bandar dan luar bandar, menyejahterakan kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil perkiraan angka Bajet 2014, ia telah memperuntukkan sejumlah RM264.2 bilion bagi melaksanakan program dan projek. Sejumlah RM217.7 bilion diperuntukkan untuk peruntukan koperasi, manakala RM46.5 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Peruntukan ini saya kira munasabah kerana jika dikaji pada tahun 2014, kutipan perolehan Kerajaan Persekutuan dianggarkan sebanyak RM224.1 bilion. Peningkatan sebanyak RM4 bilion berbanding kutipan yang dibuat pada tahun 2013.

Saya melihat pembentangan bajet ini adalah hasil iltizam dan kesungguhan kerajaan untuk menangani defisit fiskal yang besar di Malaysia, mengecutkan lebih akaun semasa dan mengurangkan bebanan hutang negara. Juga kerajaan jelas bersungguh-sungguh berusaha meningkatkan taraf hidup rakyat dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif dan skim terutamanya penambahbaikan yang diharap mampu memberi keringanan dan bantuan kepada rakyat khususnya golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Ini semua tidak pernah terlepas pandang oleh kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berhenti sementara Yang Berhormat. Saya ada memberi ruang kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan satu usul. Silakan Yang Berhormat Menteri.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**3.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua perbincangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2014, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10, pagi hari Isnin, 16 Disember 2013”.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*



**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus teruskan.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Juga kerajaan jelas bersungguh-sungguh berusaha meningkatkan taraf hidup rakyat dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif dan skim terutamanya penambahbaikan yang diharap mampu memberi keringanan dan bantuan kepada rakyat khususnya golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Jadi semua ini tidak pernah terlepas pandang oleh kerajaan yang meletakkan kepentingan rakyat dan pembangunan negara sebagai agenda utama pemerintahan yang mencecah 56 tahun berkuasa.

Dalam penantian rakyat setiap tahun, saya yakin apa yang ditunggu-tunggu oleh rakyat ialah isu berkaitan kos sara hidup yang saban tahun semakin meningkat. Saya melihat kos sara hidup terus menjadi isu yang amat penting kerana ia membabitkan kehidupan kita secara langsung. Justeru, saya ingin memberi kredit kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional di atas pelbagai inisiatif yang telah diambil di bawah laungan Program Transformasi Kerajaan (NKRA) dan Transformasi Ekonomi (NKEA) dalam menangani isu kenaikan kos sara hidup. Jelas Kerajaan Pusat amat memikirkan kepentingan rakyat, kesejahteraan dan kemampuan rakyat sebelum mengumumkan satu dasar yang baru.

Izinkan saya mentafsirkan Bajet 2014 ini dengan perincian kepada beberapa sektor terpilih iaitu mengenai dengan pelaksanaan GST. Ketegasan kerajaan untuk melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan GST telah menimbulkan kerisauan segolongan rakyat. Walau bagaimanapun, kebaikan pelaksanaan ini boleh dinilai kepada sudut pembayaran cukai pendapatan individu yang diberi jaminan oleh kerajaan akan dikurangkan. Selain itu, pelaksanaan GST turut meliputi cukai korporat. Pengurangan cukai korporat sebagai kaedah tersembunyi untuk menggalakkan syarikat-syarikat antarabangsa untuk melabur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya GST merupakan satu sistem percukaian pada setiap peringkat dan golongan rakyat di negara yang berkenaan. Perlu difahami bahawa dalam isu ini bukan pengguna sahaja yang terpakai dengan kadar pelaksanaan GST ini, pengilang, pemborong, peruncit dan peniaga turut dikenakan cukai barangan dan perkhidmatan ini. Saya melihat GST jika dibenarkan, ini kerana bermula April 2011, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 telah dikuatkuasakan. Ia bertujuan untuk memastikan harga barang atau caj perkhidmatan yang melambung tinggi tidak membebankan rakyat. Pada suatu sudut, akta ini membela golongan pengguna. Ia melindungi pengguna daripada kenaikan harga barang atau caj perkhidmatan yang dinaikkan para peniaga tanpa kawalan dan pada harga yang tidak berpatutan.

■1540

Saya ingin menyentuh dari segi sektor pembangunan. Antara perkara utama yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah pembangunan usahawan. Peruntukan kepada usahawan dan bakal usahawan, Projek Pembangunan Usahawan Nasional yang berfungsi sebagai perancang dan penyelaras aktiviti keusahawanan. Peruntukan sebanyak RM50 juta kepada Pusat Inisiatif dan Kreatif Global Malaysia, bimbingan lanjutan kepada usahawan 1Malaysia yang komited, sasaran tahunan kerajaan seramai 5,000 orang usahawan

muda yang akan dilatih. Malaysia sebagai tuan rumah Sidang Kemuncak Perniagaan Sosial Global ke-5 bermula 7 hingga 9 November 2013.

Peruntukan sebanyak RM50 juta di bawah Tabung Usahawan Siswazah bertujuan mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah. Skim Usahawan, pasar malam diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM100 juta di bawah Bank Simpanan Nasional. Peruntukan RM20 juta bagi Program Cabaran Perniagaan Luar Bandar dan Skim Usahawan Permulaan Bumiputera dengan dana berjumlah RM30 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memuji pendekatan yang diambil kerajaan dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi menerusi bidang perniagaan di mana jelas pengumuman inisiatif ini bakal merancakkan lagi sektor perniagaan termasuk memacu kembali industri perniagaan bumiputera dan industri kecil dan sederhana.

Saya juga menyokong usaha kerajaan untuk mendekati para graduan dan generasi muda dengan dunia perniagaan dan keusahawanan menerusi kemudahan pinjaman memulakan perniagaan termasuk inisiatif oleh Bank Simpanan Nasional yang menyediakan pinjaman mudah bagi memulakan perniagaan di pasar-pasar malam yang saya kira tidak pernah diumumkan sebelum ini. Langkah ini sedikit sebanyak dapat menarik minat golongan muda menceburi dunia baru selain bekerja di sektor swasta dan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha ini saya kira sebagai membuka mata golongan muda bahawa kerajaan tidak pernah menyisihkan keperluan menyediakan dana dan pinjaman kepada golongan peniaga dan usahawan terutamanya yang baru atau bercita-cita terjun ke dunia mencabar ini. Kerajaan memahami *facility* permulaan yang diperlukan oleh graduan khususnya dan peniaga-peniaga baru amnya. Langkah ini secara tidak langsung cuba membuka minda golongan muda agar tidak hanya bergantung kepada pekerjaan makan gaji sahaja tetapi bidang perniagaan merupakan punca rezeki yang menguntungkan jika segala kemudahan dan pinjaman dimanfaatkan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya bersyukur jika rakyat bakal melihat peruntukan ini dalam bahasa mudahnya seperti memanjakan. Anak-anak muda terutamanya graduan yang baru mahu berjinak-jinak dengan dunia perniagaan ibarat pepatah dalam bahasa Inggeris dengan izin, *“Too much for anything good can make you sick”*. Dalam konteks dunia perniagaan, ia boleh didefinisikan sebagai jika sering mengharapkan bantuan pinjaman, kemudahan itu dan ini daripada pelbagai pihak, dari peniaga dan usahawan baru tidak akan merasai kemanisan dan kesusahan, susah payah membina perniagaan sendiri. Lantas menyebabkan perniagaan yang dibangunkan hilang rohnyanya kerana ia begitu mudah dibina melalui dana pinjaman dan kemudahan yang disediakan.

Saya juga berpandangan apa yang lebih bermanfaat bukan sekadar dana dan kemudahan pinjaman, malah ia perlu lebih daripada itu. Isu-isu yang perlu diberi perhatian ialah berkaitan pendidikan, kursus, program-program mempersiapkan para graduan, bakal-bakal usahawan dan usahawan-usahawan kecil-kecilan dengan ilmu, memberi kesan jangka panjang yang jauh lebih bernilai daripada pinjaman bernilai jutaan ringgit yang kelak harus dibayar semula. Bukan saya bermaksud melemahkan semangat graduan muda menceburi bidang perniagaan, namun lumrah

dunia perniagaan ada jatuh bangunnya. Kita sebenarnya perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan azam, bukan modal dan dana semata-mata.

Ini boleh menjurus kepada perniagaan yang bakal mengalami kerugian, tidak menguntungkan, tidak meneruskan perniagaan. Jika ini berlaku, isu pokoknya ialah bagaimana mahu membayar semula pinjaman itu. Berbanding dengan menyeru ilmu menerusi apa yang telah berjaya melalui proses membina perniagaan atau disebut sebagai individu-individu melalui *firsthand experience* jauh lebih berfaedah berbanding kemudahan wang semata-mata.

Saya secara peribadi bersetuju dengan pemberian subsidi yang diterapkan dalam kedua-dua bajet yang diketengahkan tetapi pada masa yang sama saya juga kluatir jika terlalu banyak dana dan subsidi diwujudkan bagi membantu golongan peniaga dan industri IKS, hanya ia seperti menggalakkan rakyat untuk meminta-minta kepada kerajaan yang memerintah. Budaya meminta-minta di kalangan rakyat jika terus dibiarkan akan terus menjadi bahaya selain budaya subsidi perlu selalu dipaparkan oleh media agar rakyat faham mengenainya.

Saya ingin menyentuh mengenai dengan Ops Cantas bukan sahaja di tempat saya malahan di seluruh Malaysia. Saya terpanggil untuk menyentuh isu keselamatan dan kadar penjenayah yang semakin meningkat akhir-akhir ini khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan. Tidak dinafikan di sebalik pembangunan pesat sektor *oil and gas* dan pembangunan pesisir pantai, *offshore bank* pun menghadapi suatu bentuk masalah yang saya kira dihadapi oleh mana-mana turut pembangunan kawasan, unjuran pembangunan yang pesat membangun secara mendadak.

Kesannya permintaan tinggi sektor pekerja menyebabkan berlakunya kebanjiran pekerja asing. Kebanyakannya dari Filipina, Indonesia malah dari Sabah dan Sarawak, Semenanjung dan juga dari luar. Turut tidak terkecuali ialah *expatriated*, dengan izin, dari Eropah. Saya ambil contoh baru-baru ini suatu operasi besar-besaran di mana 1,273 pesalah trafik telah dikeluarkan waran tangkap dilancarkan di Labuan. Operasi Cantas Khas yang pertama kali diadakan melibatkan tiga unit polis iaitu Trafik dan Ketenteraman Awam, Narkotik dan Tugas-tugas Am.

Hasilnya pihak polis mengesan beberapa pendatang tanpa izin kerana didapati memiliki dokumen palsu dan mereka diserahkan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan. Saya ambil satu lagi contoh yang berlaku di Labuan. Kali ini kegiatan jenayah di laut pula. Baru-baru ini pasukan Polis Marin Wilayah Persekutuan Labuan telah berjaya merampas 6,584 tin pelbagai jenis minuman keras bernilai RM41,496 dalam satu Operasi Cantas Khas Laut yang dijalankan dekat tebing sungai diramalkan di Kampung Sungai Keling, minta maaf.

Hasilnya pihak polis telah berjaya membuat serbuan ke atas beberapa lelaki yang cuba memunggah barangan tersebut di kawasan tepi sungai Kampung Sungai Keling dinamakan. Ia disyaki untuk dibawa keluar melalui jeti yang tidak diwartakan. Hasil serbuan itu, pihak polis telah berjaya merampas sebanyak 6,558 tin minuman keras pelbagai jenis juga bernilai RM40,000 yang ditinggalkan di tebing sungai berkenaan. Dalam satu lagi operasi yang disebut Operasi Cantas Khas Laut yang berpaksikan Polis Marin juga menahan seorang lelaki tempatan yang disyaki terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah.

Hasil daripada pemeriksaan lanjut, polis telah menemui satu lipatan kertas berwarna biru yang di dalamnya mengandungi keratan penyedut minuman sederhana besar yang berisi laluan ketulan kristal yang disyaki adalah syabu seberat tujuh kilogram bagi satu...

■1550

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyak lagi Yang Berhormat? Yang Berhormat masih banyak lagi?

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Ya, ada sedikit. Ini isu tempatan. Kita ada orang Labuan pun dengar suara saya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ringkaskan Yang Berhormat, ringkaskan.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Nanti mereka kata saya tidak ada mengeluarkan masalah di Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Okey, terima kasih. Contoh-contoh tadi membuktikan walaupun Labuan mempunyai lokasi agak terpencil dan populasi penduduk yang rendah, namun penjenayah jelas mengambil kesempatan ini untuk melakukan kegiatan yang tidak bermoral. '*Jangan di sangka air tenang tiada buaya*'. Operasi ini hendaklah sentiasa dijalankan secara terbuka atau berskala dengan tumpuan tempat-tempat strategik termasuk melibatkan polis komuniti yang pada pandangan saya, penubuhannya adalah perlu sekarang di kawasan saya. Jangan hanya menanti jenayah besar berlaku baru hendak ambil tindakan. Cegah jenayah bukan rawatnya, jika tidak mahu insiden tunjuk perasaan seperti yang berlaku di Singapura minggu ini akibat kes kemalangan kecil merebak kepada tunjuk perasaan besar-besaran. Merosakkan harta benda, kenderaan polis dan ramai yang cedera hasil dari limpahan warga asing yang jumlahnya di luar kawalan.

Saya ingin perjelaskan, saya ringkaskan di sini ialah saya ingin mencadangkan unit polis komuniti haruslah dibentuk di kawasan kita di sana dan pada masa yang sama belia-belie dari sini mempunyai pekerjaan dan tidak akan keluar daripada Labuan, yang mana mereka ini tidak mempunyai pekerjaan dan mereka juga tidak mempunyai *skill*. Jadi, di sini saya ingin mencadangkan sebuah kolej komuniti harus ditubuhkan. Saya telah menyuarakan perkara ini dua kali saya rasa, jawapannya begitu mengecewakan kerana jawapannya ialah belum sampai masa.

Akan tetapi pemuda belia ini kebanyakannya semakin hari semakin ramai yang tidak mempunyai pekerjaan dan tiada tempat untuk mendapat latihan, kursus dan yang sewajarnya. Jadi, saya minta supaya kolej komuniti dipercepatkan di Labuan. Begitu juga rumah kedai yang mana tidak adil kalau tidak begitu seimbang di antara satu kaum dengan kaum bumiputera sendiri yang mana mereka ini memang penyokong tegar kerajaan. Akan tetapi selepas pilihan raya mereka juga akan menyokong kita.

Manfaat kemenangan kita itu tidak mendapat apa-apa. Saya minta supaya UDA, MARA dan sebagainya datang ke Labuan, saya sentiasa bekerjasama untuk membuat sesuatu aktiviti atau pun rumah kedai di sana. Biarlah kaum bumiputera ini sekurang-kurangnya mempunyai harta, harta yang mana mereka akan berniaga di sana atau pun buka pejabat dan sebagainya. Lebih kurang 90% harta di bandar Labuan di miliki oleh satu kaum saja. Itu tidak seimbang sebenarnya.

Satu hari akan berlaku perkara yang tidak baik. Jadi saya minta TEKUN, TNB atau pun UDA membantu dan melawat sendiri kawasan kita di sana. Saya sendiri akan bekerjasama, telefon saya, jumpa saya, di mana patut kita mencari jalan supaya kaum bumiputera ini sekurang-kurangnya seimbang dengan kaum-kaum lain. Jadi, saya ada banyak lagi Tuan Yang di-Pertua tetapi tidak mengapa.

Ini berkenaan sekolah maritim. Sekolah maritim ini sebenarnya dulu memang hebat. Satu Malaysia atau di Malaysia Timur cuma terdapat satu sekolah maritim di wujudkan di Labuan. Di mana nakhoda kapal laut ini mendapat sijil untuk bekerja sebagai nakhoda dan juga jurutera kanan laut. Sekarang Labuan mempunyai aktiviti industri *oil and gas*, di mana kebanyakan nakhoda ini terdiri daripada orang luar. Akan tetapi saya minta pihak berkenaan wujudkan semula sekolah pelaut di Labuan yang memberi peluang kepada anak-anak muda tempatan atau pun bagi orang-orang yang sudah bekerja sebagai kelasi untuk mungkin dinaikkan pangkat sebagai nakhoda yang berkelayakan. Sekolah ini juga mengambil tumpuan anak-anak muda di Sabah dan Sarawak malahan di semenanjung. Mereka mendapat latihan dan anugerah sijil kelayakan. Mereka menjadi nakhoda kapal dan ketua jurutera laut dan bekerja sebagai dek kapal dan pelbagai bidang berkaitan sektor perkapalan. Namun isu di sebalik sektor *oil and gas* yang semakin berkembang dan keperluan tenaga kerja mahir dan separuh mahir, sekolah pelaut ini tidak lagi beroperasi.

Justeru, sekolah ini diperbesar dan ditambah kapasitinya termasuklah pengambilan pelatih-pelatih laut bukannya ditutup, Okey. Saya minta pihak kerajaan, jikalau kerajaan tidak mampu untuk mewujudkan semula pusat latihan pelaut ini, maka kita minta supaya pihak swasta boleh mengadakan supaya industri-industri kapal laut, logistik dan sebagainya menjadi kapten, jadi kita tidak tercari-cari. Jadi, sekarang ini kita minta supaya sekolah pelaut ini di teruskan di Labuan baik pihak swasta atau pun kerajaan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Okey, saya gulung dengan pantun, boleh kah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak payah pantun Yang Berhormat

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Pantun suku saya sendiri. Tidak boleh barangkali, tidak mengapalah.

Satu lagi ialah ingin menambah mengenai dengan masalah Kuala Lumpur. Kuala Lumpur akan menganjurkan atau Malaysia sendiri akan mengadakan tahun melawat Malaysia. Saya tiap-tiap bulan, empat hingga lima kali datang ke Kuala Lumpur. Tiap-tiap kali saya datang ke Kuala Lumpur, saya hairan, saya kasihan juga, malu juga, marah pun marah. Macam mana boleh manusia tidur di atas kaki lima yang beralaskan selipar sebagai bantal dan tikar dari kotak-kotak dan kertas. Kadang kala hilang, tiada, kadang-kadang ada. Ini sudah berlaku sudah berpuluh-puluh tahun. Kuala Lumpur ialah bandar raya metropolitan. Jadi kalau ada masalah pengemis, kutu rayau, kutu malam tidak dibersihkan dalam bulan Disember ini maka tahun melawat Malaysia akan bermula pada Januari 2014 maka bukan saja di Kuala Lumpur, kita akan menjadi malu satu bandar yang landskap okey, cantik tetapi rosak kerana terbaring seorang manusia di kaki lima, yang mana kita tidak boleh- entah macam mana? Sengaja tidak tahu atau pun sengaja tidak ambil peduli.

Saya minta pihak bandar raya supaya meneliti dan melihat kutu rayau ini bukan saja bagi makan, kalau boleh buat satu bangunan, tempatkan mereka di rumah dan sebagainya, jangan bagi dia keluar, malu, kita malu. Saya tidak setuju dengan semua ini. Saya minta pihak Kuala Lumpur atau pun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur buat sesuatu bukan saja di Kuala Lumpur, mungkin di negeri-negeri lain tempat pelancong. Malaysia tidak mampu lagi berada atau pun kita nampak lagi seseorang terbaring, terlantar, kotor, comot lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup lah itu Yang Berhormat, gulung ya.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Jadi, saya gulung dengan... saya minta pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melaksanakan permintaan saya ini supaya tidak lagi kalau saya datang ke Kuala Lumpur nanti, esok saya nampak lagi. Saya rasa kita seolah-olah macam- dia manusia, mereka adalah manusia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menggulung dengan pantun. Pantun saya ini bukan bahasa Melayu, bahasa Malaysia, tetapi bahasa suku saya sendiri. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

■1600

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, silakan gulung.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Okey.

*Antap siuknya seorang Senator,*

*Bakarja menulung rakyat jelama,*

*Mun endak tahan antap endak banar,*

*Bakaja ani andangnya bahad dan antapnya bana.*

Sekian, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Ertinya esok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai.

4.01 ptg.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Selamat petang Tuan Yang di-Pertua.

*Dewan Negara sudah bermula,*

*Semua Senator sudah bersedia,*

*Kami semua amat berbahagia,*

*Kerana ada Tan Sri Speaker yang mulia.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberikan peluang untuk memulakan perbahasan ke atas Bajet 2014. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di atas pembentangan Bajet 2014 pada 25 Oktober 2013.

Bajet 2014 akan menyediakan peruntukan sebanyak RM264.2 bilion bagi melaksanakan program dan projek kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara. Daripada jumlah tersebut, RM217.7 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus dan RM46.5 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai presiden sebuah parti yang mewakili kaum India sangat bersyukur dan merakamkan sekali lagi rasa terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib kerana memberikan perhatian terhadap kaum India. Kaum India banyak dibantu dalam setiap bajet sejak dari merdeka sehingga ke hari ini *[Disampuk]* Hah, pembangkang buat apa? Mereka merosakkan orang India dan kasi racun tentang kerajaan. Saya percaya semua Ahli Parlimen dan Senator berbangsa India di pihak pembangkang pun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *enjoy the facilities* kerana kerajaan yang ada pada hari ini ialah Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kerajaan Barisan Nasional memberikan BR1M kepada rakyat. Mana ada kerajaan yang beri duit kepada rakyatnya tetapi Kerajaan Barisan Nasional memberikannya. Pembangkang ada duit lebih tetapi menaikkan gaji Menteri Besar dan *Exco* di Selangor. Rakyat di Selangor yang dalam kesusahan tidak dibantu. Semuanya hipokrit. Cakap sahaja tidak ada rasuah tetapi mereka lebih pandai memusing duit. Sebab apa? Sebabnya Ketua Pembangkang sudah menjadi penasihat ekonomi di Selangor. Pandai pusing depan belakang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang warganegara Malaysia berketurunan India berasa amat bertuah kerana masih dapat hidup dengan *family* saya sekarang ini. Suka saya memberitahu bahawa saya adalah seorang sahabat rapat dengan Ketua Pembangkang, Anwar Ibrahim.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Boleh saya mencelah Tuan Yang di-Pertua? Apakah kawan baik selama ini tetapi akhir-akhir ini, tiga tahun yang lepas nampaknya Yang Berhormat sentiasa membuat kenyataan yang keras dan sebagainya. Bolehkah menceritakan pengalaman pada tahun 1978 ketika bersama berjuang, ISA, ditahan di bawah ISA dan selepas itu bersama-sama *enjoy*, apa sahaja dibuat bersama-sama. Okey, terima kasih.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Boon Soom. Saya tahu siapa Anwar Ibrahim. Tun Dr. Mahathir sudah memberhentikan dia bekerja. Kerana apa dia diberhentikan kerja adalah kerana *moral activity* dia tidak betul. Dia dibuang kerja sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Lagi satu, saya sekarang kasi tahu bahawa saya berharap tidak ada sesiapa dan jangan mengganggu saya dalam ucapan saya hari ini *[Ketawa]* Terima kasih ya. Cukup ya? *[Disampuk]* Tidak usah, tidak boleh, duduk. Sudah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Baik, terima kasih. Tahun 1998 saya telah ditangkap. Ditangkap bukan kerana saya membawa kereta tidak ada lesen kah atau apa? Bukan, tetapi disebabkan oleh Anwar Ibrahim, Ketua Pembangkang sekarang ini. Dia pergi bikin liwat, Tun Mahathir sudah tahu.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** *[Bangun]*

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Dia orang panggil Bukit Aman, dia mari- bukan satu dua orang tau, dekat 35 orang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Nanti, saya sudah cakap tadi tidak perlu kacau.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tidak..

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Nanti, nanti. Lepas ini *you* boleh bercakap sama saya, sekarang tidak boleh kacau.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama diulang...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tidak boleh.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** ...Berulang-ulang kali.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Sekarang saya terus terang bercakap...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Perkara yang sama diulang-ulang kali dan kali ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak dengar, apa halnya, Yang Berhormat?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** ...Tuduhnya agak jelas melanggar peraturan Dewan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, peraturan berapa Yang Berhormat?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Kerana menyebut nama...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak Yang Berhormat, peraturan berapa?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya pun sudah lupa, tidak bawa buku merah saya.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** ...Akan tetapi saya jelas Tuan Yang di-Pertua pun tahu peraturan Dewan yang mana...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ini hari banyak orang sudah...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** ...Akan tetapi saya rasa perbuatan seperti ini harus dihentikan kecuali Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan bersedia dan mempunyai keberanian untuk mengulang pertuduhan yang sama di luar Dewan kerana saya yakin dan saya tahu kes-kes saman terhadap Yang Berhormat sudah pun kalah.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Yang Berhormat, saya sudah banyak kali cakap di luar Dewanlah.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Jadi kalau Yang Berhormat bersedia untuk mengulang di luar, tidak ada masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Saiful...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Sudah beribu-ribu kali saya bercakap. Sekarang pun saya boleh pergi sana datang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Nalla.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Saya boleh cakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Nalla, tunggu sekejap. Saya hendak membuat peraturan. Saya tidak mahu melihat dua orang berdiri pada satu masa. Masa Yang Berhormat Dato' Nalla berucap, Yang Berhormat Saiful boleh bangun menarik perhatian. Kalau sekiranya peraturan mesyuarat, beritahu muka berapa, yang ke berapa itu. Lepas itu saya hendak dengar



dan selepas itu saya hendak membuat keputusan. Dato' Nalla dengar dahulu. Okey, sekarang ini apa peraturan mesyuarat?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Peraturan Mesyuarat 35(1).

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan 25?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Peraturan 35(1)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana satu?... "*Seseorang Ahli hendaklah mengehendkan percakapannya kepada perkara-perkara yang dibincangkan dan tidak boleh mengeluarkan perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan.*" Ini perbincangan...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Itu satu tetapi ada juga satu yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 31 tidak kena, Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita minta Yang Berhormat Dato' Nalla teruskan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Sementara itu...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Sementara itu saya minta Dato' Nalla teruskan. Saya hendak beritahu dan hendak memperingatkan semua Ahli Yang Berhormat...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tunggu, tunggu sekejap Yang Berhormat. Semua Ahli Yang Berhormat boleh bercakap dalam Dewan. Setiap Ahli Yang Berhormat hendaklah bertanggungjawab atas segala perkara-perkara dan fakta-fakta yang dibangkitkan itu dan kalau sekiranya saya tidak boleh menahan Yang Berhormat berucap dalam Dewan tetapi Yang Berhormat hendaklah menentukan apa Yang Berhormat cakapkan itu mestilah tidak melanggar peraturan dan undang-undang. Kalau sekiranya Yang Berhormat mengeluarkan satu perkara yang difikirkan ada yang berkaitan dengan mengaibkan, dan ini Yang Berhormat adalah terbuka untuk menerima risiko, boleh didakwa dan sebagainya. Saya sudah beritahu dahulu dalam Dewan pun ada hadnya.

#### ■1610

Kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bersetuju, Yang Berhormat boleh buat *report* di luar. Sudah itu siasatan akan diambil. Akan tetapi saya tidak boleh menahan Yang Berhormat berucap, saya hendak dengar, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ya. 16 September 2008, tipu rakyat. Sudah mahu angkat kerajaan. Itu satu penipuan. Tahun 1996, dengan izin, *late Tun Ghaffar Baba* cakap, tidak berlawan tetapi lawan Timbalan Presiden UMNO itu. Ini kes, biseksual berapa kali dia naik mahkamah?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** [*Bangun*]

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** 65 kali sudah *postponed* kes sejarah di negara ini, macam mana kasi itu *special*? Lagi dia ada bangun.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya ingin merujuk kepada tadi ada beberapa perkara dalam peraturan Dewan. Pertama tadi saya sebut Peraturan Mesyuarat 35(1), saya juga ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 35(4), 35(5) dan 35(8).

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 35(4) adalah salah tertib Mesyuarat menggunakan bahasa biadab.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. So, bahasa...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** 35(5).

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan Peraturan Mesyuarat 35(5), tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli. Saya hendak beritahu...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** 35(8).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat mesti faham dalam perkara ini dan daripada segi sangkaan jahat tadi, bergantung kepada fakta Yang Berhormat akan nyatakan. Kalau sekiranya Yang Berhormat mengisahkan sesuatu, Yang Berhormat mesti bertanggungjawab atas apa Yang Berhormat perkatakan dalam Dewan ini. Yang Berhormat terbuka untuk didakwa dan sebagainya. Akan tetapi sekiranya Yang Berhormat sanggup menerima risiko itu, terpulang kepada Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Adakah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Saiful, saya tidak boleh tahan orang berucap dalam Dewan ini.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya rasa Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sekiranya ada menimbulkan perkataan, dia cuma mengisahkan apa yang berlaku yang dia sendiri tahu. Sudah itu sekarang kita hendak dengar.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali asas perbicaraan yang dinyatakan ini tidak ada kena-mengena dengan apa yang kita bincangkan. Jelas menyalahi Peraturan Mesyuarat 35(1). Keduanya, ia memberi sangkaan buruk kepada...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk dahulu. Ya silakan.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Keduanya, ia memberikan sangkaan buruk kepada Ahli Dewan yang mulia yang sama. Ketiganya, perkara ini masih di peringkat rayuan mahkamah. Sekiranya Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan bersedia untuk mengulang perkara yang sama di luar Dewan, saya tidak ada masalah kerana jangan berlindung di sebalik imuniti Dewan yang mulia ini dan jangan kita cemarkan imej kemuliaan Dewan ini dengan mengeluarkan pertuduhan yang tidak ada asas. Dengan itu saya mohon Tuan Yang di-Pertua, selain kita gunakan budi bicara, kita

juga gunakan bidang kuasa kita bagi memastikan tahap kemuliaan Dewan ini dan etikanya dapat kita jaga dengan baik dan dengan tertib. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau tadi Dato' Nalla tunggu sekejap, saya buat keputusan. Kalau sekiranya kes itu ada berkaitan dengan dalam rayuan, saya minta Yang Berhormat tolong jangan sebut. Akan tetapi sekiranya di luar kes- kalau Yang Berhormat tahu bagaimana hendak membawa perkara ini ke dalam Dewan dan sanggup bertanggungjawab, itu terpulang kepada Yang Berhormat. Sebagaimana saya kata dan saya hendak ulang sekali lagi, sungguhpun dalam Dewan, boleh bercakap tetapi ada batas-batasannya. Contohnya, kalau sekiranya dianggap sebagai perkara itu menghasut dan kes Mark Koding saya sebut dahulu, adalah jadi *precedent*, tidak boleh.

Kalau sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tersinggung dengan apa yang diperkatakan dalam Dewan itu, Yang Berhormat semua boleh buat laporan polis untuk siasatan dan sebagainya. *This is not, but* untuk Yang Berhormat berhujah, bercakap dalam Dewan, saya tidak ada kuasa menahannya. Menahan kalau ia melanggar peraturan, saya boleh. Setakat ini, dia belum melanggar apa-apa. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada ini, ketika kita membangkitkan bantahan dalam sesi yang lepas, alasan yang diberikan kepada saya, ketika saya membangkitkan bantahan ialah nama orang yang dirujuk terutamanya oleh Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan tidak pernah disebut dalam Dewan. Akan tetapi kali ini jelas, nama sudah disebut dari awal dan nama itu merujuk kepada Ketua Pembangkang.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Nama, budi bicara saya.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim telah disebut banyak kali termasuk dan juga oleh Ketua Pembangkang Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali dalam bila dia membuka mukadimah tempoh hari, mengisahkan Anwar semasa di itu. Soal nama itu, saya rasa boleh disebut, tidak ada masalah. Akan tetapi faktanya itu, sama ada ia dianggap melanggar undang-undang, melanggar peraturan, itu saya buat keputusan.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** *[Bangun]*

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Soalnya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Sebab saya rasa kalau hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Yang Berhormat Baharudin, tunggu sekejap. Yang Berhormat Saiful, saya sudah buat keputusan, teruskan Yang Berhormat. Jangan kacau lagi.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah hilang idea Yang Berhormat? Teruskan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Saiful. Sahabat saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua-dua ini dahulu kawan baik belaka ini.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ini kawan baik sahabat saya. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam bila dia ucap dia sebut nama Dato' Seri Anwar Ibrahim. Yang Berhormat Dato' Rahman pun dia ucap Anwar Ibrahim punya nama. Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, dia apa doktor saya tidak tahu, *medic doctorkah*, apa doktor tetapi sini ada doktor, Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, dia pun ada ucap. Pasal apa saya tidak boleh pakai dia punya nama? Saya kawan lama dia, 35 tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya buat keputusan, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terus. Terima kasih.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Yang Berhormat, saya celah sedikit dahulu boleh sebelum Yang Berhormat teruskan? Idea banyak tadi.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tadi saya sudah cakap tetapi tidak apalah.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Boleh ya?

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Sahabat punya pasal, tidak apalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat. Ada apa?

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Okey, terima kasih. Begini, sebab saya kalau dalam permasalahan sebegini apa yang saya nampak, kita baru sentuh sedikit dan penceritaan yang hendak diberitahu oleh Yang Berhormat Dato' Nalla melalui pengalaman. Akan tetapi kalau kita tengok di Dewan Rakyat sebagai contoh, Perdana Menteri kita diaibkan sebegini rupa dengan pelbagai isu yang telah diputuskan oleh mahkamah pun masih dibangkitkan dan masih lagi dituduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita begitu begini termasuk juga ahli keluarga beliau. Jadi saya rasa kalau kita ingin tahu tentang pengalaman Yang Berhormat Dato' Nalla terhadap sesuatu perkara yang mungkin boleh membantu rakyat di luar sana mengetahui keadaan yang sebenar, saya rasa kita boleh izinkan Yang Berhormat Dato' Nalla untuk bercakap. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat. Sudah itu sekarang ini saya silakan Yang Berhormat Dato' Nalla teruskan kerana nama sesiapa pun boleh disebut. Betul. Tadi kalau nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun boleh disebut, nama Menteri-menteri pun boleh disebut tetapi faktanya itu mesti sudah dipertanggungjawabkan oleh ahli-ahli yang berucap. Sekarang, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, di Dewan Rakyat tidak boleh ucap nama. Saya tahu. Mereka cakap tempat Ahli Parlimen Permatang Pauh tetapi di sini, bukan dia tidak ada di sini. Anwar Ibrahim bukan ada di sini. Boleh cakap dia punya nama. Ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih, terima kasih. Sudah hilang, semua kacau. Saya pun sudah hilanglah [Ketawa]

#### ■1620

Ketua Pembangkang, Dato' Seri Anwar Ibrahim selalu tipu. Terbaru, kata ada 40,000 orang Bangladesh sudah masuk dalam negara kita. Dia kata 500 orang mungkin akan didaftarkan oleh SPR. Apa tipu semua ini? Tadi saya pergi ada sini, ada makanan di sini. Saya pun tidak ada sana, saya punya orang telefon daripada saya punya rumah panggil saya pergi rumah- ada satu

*envelope*. Saya pergi tengok itu *envelope*, ada kawan saya, bekas sahabat saya di Amerika. Baru-gambar satu sama perempuan [Menunjukkan gambar berkaitan]

Sini banjir, dia sana pergi *enjoy*. Ini gambar semua, tengok [Menunjukkan gambar berkaitan] Tengok, tengok!...

**Tuan Yang di-Pertua:** Gambar apa ini Yang Berhormat?

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ini gambar kasi tunjuk sama Tuan Yang di-Pertua [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, tidak, tidak. Gambar apa itu?

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ini gambar ini sama satu perempuan, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ini gambar. Tadi dia orang taruh satu *envelope* saya punya rumah. Ini tunjuk Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah, tidak payah. Saya tidak mahu tengok. So Ahli-ahli...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ini betul punya gambar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu gambar siapa dan untuk apa?

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ini gambar saya kenal, saya punya sahabat, bekas sahabat- Dato' Seri Anwar Ibrahim sama satu perempuan. Ini perempuan saya tidak tahu. Akan tetapi perempuan ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa kaitan Yang Berhormat?... Ada hal-hal lain?

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Saya tidak tahu, ini perempuan saya tidak tahu. Ini di Amerika. Cuba tengok [Menunjukkan gambar berkaitan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Okeylah Yang Berhormat. Teruskan, teruskan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ini macam Ketua Pembangkang pun ada? Akan tetapi di sini banjir, tidak ada. Dia sudah pergi sana. Lari pergi, lagi cakap banyak. Kerajaan Barisan Nasional selalu cakap betul, tetapi Ketua Pembangkang yang penipu. Semua penipu. Saya bila kena tangkap, tadi Yang Berhormat Dato' Boon tanya sama saya, bila saya kena tangkap? Saya selepas kerja, saya balik rumah. Kita punya polis dari Bukit Aman, ada dekat 40 orang, seluruh saya punya rumah kawasan sudah. Saya pun tidak tahu. Saya pun terkejut. Apa pasal polis ada di sini? Saya tidak bikin apa-apa salah. Akan tetapi orang liwat, saya kena tangkaplah. Saya kena tangkap duduk di Bukit Aman dekat 52 hari...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Dekat... Diamlah! Bagi saya cakap dululah...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya minta pembedahan ya. Kalau tidak salah saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan, duduk sekejap.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan ditangkap di bawah Akta Senjata Api yang tidak kena mengena dengan ISA ketika itu. Saya minta tolong perelaskan dan perbetulkan dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat apa tajuk Yang Berhormat sudah bangkitkan?... Bangkitkan apa halnya?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Ini kerana saya minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Dia membayangkan bahawa dia ditahan ketika itu, awal tadi dia menyetujui saranan Yang Berhormat

Senator Dato' Boon Som tadi, yang dia ditahan di bawah ISA. Sedangkan pada ketika itu, dia ditahan di bawah Akta Senjata Api, kerana memiliki senjata api tanpa lesen. Jadi saya minta tolong perelaskan pada Dewan. Jangan kelirukan Dewan yang...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ini dia tarik balik. Siapa cakap saya tidak ada lesen? Saya ada lesen, tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Saya ada lesen, tarik balik. Mana *you check* sana Bukit Aman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Siapa cakap saya tidak ada lesen?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan, sekarang Yang Berhormat Saiful kata *you* minta- berkenaan itu. Rasanya ini kalau Yang Berhormat hendak mengesahkan satu keadaan, saya harap jangan- bagi peluang dia cerita dahulu. Kalau kita tidak dengar, terus cabar.

Saya tahu Yang Berhormat Saiful tahu perkara ini lebih dalam daripada itu. Satu kapal. So dalam perkara ini saya minta tolong Dewan ini dengan cara terbuka, bagi peluang Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan bercakap dahulu. Selepas itu, sekiranya ada melarat- tetapi saya minta kalau boleh Yang Berhormat ada berkaitan dengan perkataan "liwat" itu sekarang ini- kerana kes itu ada dalam rayuan. Saya minta tolong jangan sebut perkataan itu. Itu sahaja. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat, silakan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Apabila saya kena tangkap, saya duduk di Bukit Aman 52 hari. Bukan untuk senjata, pistol. Tidak, saya ada lesen. Semua saya ada. Dia orang simpan saya tanya pasal apa ini Dato' Seri Anwar Ibrahim, apa dia bikin? Semua itu sekarang Bukit Aman itu kes, semua dia ada. Pasal apa saya tidak mahu tunjuk satu kawan, dia bila Timbalan Perdana Menteri saya ikut sama dia. Bila dia susah saya tidak mahu tunjuk. Saya sudah duduk di Bukit Aman 52 hari, selepas itu hantar saya pergi Kajang Penjara. Yang Berhormat dengar baik-baik, nanti tidak usah kacau, dengar. Saya pergi Kajang duduk sana. Selepas itu dia orang angkat saya pergi tunjuk tempat gantung tahu? Gantung punya tempat, tali gantung. Saya sudah tengok...

**Seorang Ahli:** Apa rasa, apa rasa?

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Rasa itu malam tidak tidurlah. Malam tidak tidur. Saya sudah tengok tali gantung. Itu tengok tali gantung pun saya tidak tunjuk saya punya kawan yang ini bikin biseksual. Sekarang dia boleh cakap saya itu tidak ada, ini tidak ada. Dia sudah taruh kes untuk saya. *You* cakap saya ada kes. Dia sampai sekarang tidak angkat saya pergi mahkamah. Angkat pergi mahkamah, apa pasal 65 kali pergi *postponed* itu kes, ini kes? Angkat saya pergi.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya mohon penjelasan Yang Berhormat. Kalau tidak salah saya, Yang Berhormat sudah disaman dan sudah pun kalah dalam kes saman tersebut dan hari ini menunggu rayuan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Pasal apa saya? Itu bukan kes.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Yang Berhormat tidak berikan fakta yang jelas dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Saiful. Bercakap kepada saya. Jangan cakap kepada dia. *Address the Speaker*, dengan izin. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Semua pun tidak kasi saya peluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh saya minta bagi peluang dia bercakap, dengar dahulu. Saya pun dengar juga kalau- saya tahulah bertindak. Silakan Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di Bukit Aman saya duduk 52 hari, pagi sampai malam. Kita punya polis pandai tau, tidak bagi tidur. Makan tidak ada, makan teh O sama kecil punya itu nasi lemak. Itu nasi lemak cakap apa tidak tahulah. Bungkus kecil punya itu. Dia kasi itu okey Dato' boleh pergi tidur. Pergi mahu tidur, lagi panggil balik- 2 minit saya ingat. Saya ingat 20 minit saya tidur, panggil balik. Sampai 52 hari *the torture I went. Sorry*, dengan izin, *the torture. Of course of this man*, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Sekarang dia mahu kasi rosakkan negara. Pasal apa? Dia punya pangkat Timbalan Perdana Menteri sudah dibuang Tun Mahathir. Tun Mahathir sudah tahu, dia tahu apa dia orang buat. Bukit Aman bukan saya satu orang pergi Bukit Aman cakap, semua pun dia pergi sana itu jam dia ada duduk sana, tepi saya punya bilik. Saya cakap semua *you* tahan, tidak perlu bagi tahu apa-apa. Dia sudah pergi cakap ini Dato' Seri Anwar Ibrahim yang liwat saya. Dia cakap sana, Bukit Aman.

Sekarang itu fail semua ada sana, pergi tengok la itu fail. Dia ada kah, dia tidak ada kah tanyalah. Ini satu- saya pasal apa, ini cakap bukan untuk apa-apa, untuk negara ini. Satu bisexual punya orang tidak boleh jadi Perdana Menteri untuk negara ini, negara ini yang *Muslim [Tepuk]*

Itulah saya cakap bukan untuk saya punya keluarga kah, saya punya *family* kah, siapa-siapa, saya tidak cakap. Untuk negara ini, kita mahu jaga negara ini. Macam mana pun saya datang dari India, sekarang saya *citizen of this country*, dengan izin...

**Seorang Ahli:** Warganegara.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Warganegara ini. Saya mahu jaga negara ini. Siapa yang buat BERSIH? Siapa yang kata mereka kucing kurap? Siapa yang hendak kurangkan jumlah penjawat awam kalau berkuasa? Dan siapa kata pahlawan Lahad Datu sandiwara? Ini semua Ketua Pembangkang yang buat. Kata Ketua Pembangkang yang memburuk-burukkan negara dan...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** ...Kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tunggu sekejap. Yang Berhormat Tuan Saiful bangun lagi. Apa hal Yang Berhormat?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya sekali lagi hendak mengulangi pertanyaan awal saya tadi. Adakah Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan berani mengulangi kesemua fitnah dan pertuduhan palsu ini di luar Dewan? Jangan kita berlindung di sebalik kekebalan Dewan ini...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Berapa kali sudah saya mahu cakap? Di luar saya sudah banyak- baru dua hari dahulu saya sudah cakap dalam *Utusan* boleh tengok. Baru dua hari dulu pun saya ada cakap...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Bukan baru.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya tanya sekali lagi, jawab itu dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Saiful, saya sudah dengar tadi, sekarang saya hendak tanya Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan, Yang Berhormat Tuan Saiful mencabar sama ada Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan sanggup bawa di luar. Jawab Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Saya ingat Yang Berhormat Tuan Saiful tidak tengok *paperlah*, *newspaper*. Baru tiga, empat hari dulu pun saya ada cakap. Di *paper* ada keluar, *newspaper*. Tengoklah itu *paper*. Berapa ribu kali saya sudah cakap.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat, saya minta mencelah pulalah, boleh? Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sudah tengok surat khabar *statement* Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan, banyak kali sudah dia bawa benda ini di luar Dewan yang mulia ini. Saya fikir soalan, sama ada Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan berani bawa benda di dalam atau keluar Dewan tidak timbul. Dia sudah bawa banyak kali sudah. Setahu saya, terima kasih [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat Tuan Saiful...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Kenyataan Dato' Nallakaruppan dalam Dewan bukan di luar Dewan. Oleh kerana itu saya mencabar Dato' Nalla. Saya minta...

#### ■1630

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Di luar Dewan sudah banyak kali cakap, ceramah pun saya sudah cakap [*Dewan riuh*]

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya rasa tidak perlulah cabaran ini disahut oleh Dato' Nalla sebab ini bukan dia. Biar dia jawab dan biar dia berbahas sendirilah. Kalau hendak dicabar, cabaran ini...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Dalam perkara ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baharuddin, Yang Berhormat...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** ...Kita tidak boleh buat pertuduhan...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya minta perkara ini tidak perlu Yang Berhormat Dato' Nalla untuk menjawab ya ataupun tidak.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Kalau tidak ada pertanggungjawabannya, mana mungkin kita jaga ketertiban ini.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Biar dia teruskan.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** ...Siapa sahaja dan apa sahaja...



**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Saiful, cakap dengan sopan dan tertib. *Now, you* mencabar Yang Berhormat Senator Nalla, *you take* sana lihat *Hansard* dalam sidang yang lepas yang mana Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin juga membangkitkan yang sama. So dalam perkara ini, dalam *Hansard* itu Yang Berhormat Senator Nalla sudah cakap dia bersedia...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Sekarang duduk. Yang Berhormat duduk. Teruskan Yang Berhormat Senator Dato' Nalla.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Saya ingat Yang Berhormat Saiful tidak tengok *newspaper*lah. Sahabat kita tengok hari-hari. Oleh kerana banyak orang kacau saya, saya sudah kelim-kabut Tuan Yang di-Pertua. Sudah hilang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa Yang Berhormat. *Control* dan teruskan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tidak ada. Ini sahabat tanya *question* tidak salah tetapi saya jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sahabat Yang Berhormat selalu menyusahkan Yang Berhormat ini  
[Ketawa]

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** *Brother, brother.* Bukan sahaja di dalam negara kita tetapi juga di luar negara pun Ketua Pembangkang pergi rosakkan negara kita. Itu tidak patut. Mahu jagakan negara. *You* duduk sini, bukan turun dari negara lain, bukan Bangladesh. Baru-baru ini pun dia pergi Taiwan sudah rosakkan negara kita. Pergi semua tempat mahu rosakkan negara kita. Kita punya Perdana Menteri dia pergi semua negara, dia mahu majukan negara kita. Kerja sama-sama kita, boleh maju negara kita. Itu tidak ada. Dia mahu rosakkan semua. Saya rasa dalam negara ini juga. Saya banyak ada tadi, sudah habislah.

Saya mohon kerajaan ambil tindakan atas Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang ini rosakkan negara kita. Balik dari *airport*, tangkap sama dia, baru letak dia dalam. Ini kerajaan kita buat apa pun tidak tahu. Dulu tengok Mahathir sangat berani. Terus hantar tangkap. Saya cakap satu orang yang betul-betul berani itu Rahim Noor. Saya ada di Bukit Aman. Rahim Noor tumbuk satu kali, dia sudah jatuh. *You* orang tidak tahu, kita ada sana. Saya pergi Sungai Buloh, saya sudah tengok tali gantung. Itu malam tidak ada tidur. Saya ingat saya punya bini, anak-anak. Dua-dua kecil, baru lima tahun. Itu pun saya tidak ada ingat. Saya ingat kawan. Ini kawan dulu saya masa tahun 1998, saya duduk di penjara untuk kawan. Kawan itu sudah keluar, dia mahu rosakkan negara. Saya tidak boleh ikut kawan. Saya mahu jaga negara ini. Itu sebab sekarang saya cakap.

Bila kita tidak boleh ingat- saya tidak boleh ikut, bukan ingat, ikut pengkhianat agama, bangsa dan negara. Manusia ini tidak perlu ada di dalam negara ini. Saya sudah cakap banyak kali, Ketua Pembangkang, Anwar Ibrahim, pengkhianat bangsa dan negara. Apabila isteri saya pergi Bukit Aman, mereka tidak bagi tengok. Anak saya dua-dua kecil, tidak tidur. Hantar saya pergi Sungai Buloh, baru saya isteri saya datang di Sungai Buloh tengok saya. Saya cakap, *you* mahu tengok *you* punya anak, dua anak mahu tengok, bini tidak mahu tengok. *You* mahu kasi *you* punya nyawa untuk kawan? Apa saya boleh bikin, saya sudah ikut satu kawan baik.

Akan tetapi sudah ikut macam itu pun, dia sekarang lagi jahat. Isteri saya menangis. Anak saya semua lihat, menangis. Ini kerana saya sudah duduk dalam balik. Sekarang tengok, sekarang kita tengok dia bukan cakap betullah. Dia angkat satu epal, pergi sana dia boleh kata “Ini oren”, “Ini oren! Boleh tipu. Dia memang kaki tipu. Kalau dia duduk di Barisan Nasional, dia Timbalan Perdana Menteri, dia tidak ada. Barisan Nasional banyak baik. Ini Cina tidak baik, ini India tidak baik. Macam-macam dia cakap. Sekarang sudah keluar, India banyak baik. Cina banyak baik. Itu dia punya tipu. Batu pun sudah mari, Rahman tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, ini semua bukan saya sahaja mahu cakap. Ini betul punya cakap. Saya tunggu bekas sahabat saya angkat saya pergi mahkamah. Dia sudah letak kes saya RM100 juta, tidak cukup. *Paper* pun sudah kasi keluar. TV pun ada keluar- RM500 juta pun saya akan tidak lari, saya jumpa dia di mahkamah. Ketuklah. Ketuk sedikitlah [*Tepuk*] Saya bukan lari. Saya akan tengok dia di mahkamah. Dia mahu jadi satu Perdana Menteri negara ini. Kalau orang baik, maruah ada baik, tidak ada moral, tidak boleh. Kalau siapa yang mahu jadi Perdana Menteri, siapa-siapa pun bolehlah.

Akan tetapi negara lain di Amerika, di Britain, di India, di China, di mana-mana negara pun, dia tidak boleh angkat satu biseksual jadi Perdana Menteri. Mana ada dalam dunia satu biseksual jadi Perdana Menteri? Tidak ada. Di Amerika boleh kahwin, lelaki boleh kahwin dengan lelaki tetapi dia punya presiden, mereka pilih orang yang ada moral. Dia tidak ada cari satu biseksual mahu jadi Presiden di Amerika. Akan tetapi *you* boleh kahwinlah, lelaki boleh kahwin. Itu tempat mahu jadi Perdana Menterikah, jadi presiden, mereka tidak ada angkat. Dalam dunia, satu tempat pun kita tidak ada dengar orang biseksual jadi presiden.

Ini negara minoriti India. Cina nombor dua. Nombor satu Melayu. Melayu – 18 *million*, orang Cina – tujuh *million*, orang India baru dua *million*. Ini negara Muslim. Mahu jaga negara ini, bukan India boleh jaga. Kita boleh tolong sedikitlah mahu jaga negara. Melayu yang mahu jaga. *You* orang duduk diam-diam, semua orang pun naik kepala, bangun sedikit. Ini saya orang India, saya keturunan India, saya cakap sekarang saya warganegara Malaysia. Saya jaga negara ini. Bolehlah bagi Senator, kita sokong Barisan Nasional, tidak ada. Esok saya tidak ada sana, sampai mati saya akan sokong negara ini [*Tepuk*]

Saya punya darah untuk negara ini. Siapa-siapa mahu tahan saya pun, tidak boleh. Mahu rosakkan negara, saya akan berdepan, saya ada sana, bagi saya punya darah untuk negara ini. Orang ini sudah jadi Timbalan Perdana Menteri, sudah jadi Menteri Kewangan, sekarang sudah pergi seluruh negara mahu rosakkan negara, mahu cakap GST tidak baik. Apa tidak ada baik? Itu orang kaya-kaya tidak ada baiklah. Orang miskin apa tidak ada baik? Baik juga tetapi dia mahu bagi rosak. Mahu letak racun. Bila banjir, pergi duduk Amerika. Itu tidak mahu tengok kita punya negara sendiri. Macam ini dia mahu jadi Perdana Menteri negara ini, dia mahu jaga Malaysia? Kita fikir 1Malaysia tengok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada- tolong gulung.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya cakap sedikit sudah. Yang Berhormat sana dia cakap, Yang Berhormat sini dia cakap. Yang Berhormat sini dia cakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, saya bagi memandangkan banyak kacau tadi. Yang Berhormat jangan kacau-kacau lagi. Saya beri lima minit.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua punya hati banyak baik. Saya tahu. Dia kasi lima minit, lagi sejam dia kasi lagi 10 minit. Saya tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puji Yang Berhormat, tidak makan kepada saya.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Saya cakap betul, saya tidak ada cakap bohong. Tuan Yang di-Pertua punya hati baik. Itu sebab saya mahu cakap lebih sedikit. Fasal negara ini kita mahu jaga. Saya tidak boleh tahan Tuan Yang di-Pertua. Orang yang tidak tahu tidak apa, saya tahu siapa ini Anwar Ibrahim. Kita sudah tahu dia mahu jadi Perdana Menteri, mana boleh kita bagi lepas. Saya tidak boleh tahan. Dia bohong, semua bohong. Angkat apa Barisan bikin, bohong. Dia bikin semua betul, liwat betul. Itu tidak cakap, saya tahu.

#### ■1640

Apa dia cakap, betul punya, mana ada cakap. Siapa-siapa ahli-ahli sini boleh cakap? Apa dia buat betul punya? Sekarang saya tanya soalan, satu ahli-ahli pun tidak cakap. Satu orang pun tidak mahu cakap, satu orang pun tidak mahu cakap apa dia buat betul punya, apa dia ada buat untuk negara? Mahu rosakkan negara kita. Orang macam ini ada di sini banyak susah dengan izin, *I am a nationalist*. Negara ini saya sayang. Sesiapa mahu hancurkan negara ini, saya ada di depan sekali mempertahankan negara ini. Kalau Ketua Pembangkang mahu kasi hancurkan negara ini saya akan tentang sehingga titisan darah terakhir saya...

**Beberapa Ahli:** [Tepuk]

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih. Saya sesungguhnya di dalam Dewan Negara yang mulia ini menyokong Bajet 2014. Yang Berhormat pun bila saya cakap ada ingat ya, saya semua sudah beritahu, lain sidang lagi tanya, saya lagi boleh cakap banyak. Satu hari saya sudah tidak boleh cakap banyak fasal apa? Tuan Yang di-Pertua beri saya lima minit. Lima minit apa saya boleh beritahu sama Ahli-ahli Dewan. Akan tapi saya mahu beritahu siapa orang ini. Itu saja, bukan. Ahli Dewan semua boleh pergi ceramah, boleh pergi cakap tetapi bukan itu saya mahu, saya punya sahabat bawa saya pergi mahkamah. Baru tempat itu saya boleh beri lebih saya boleh bawa, saya boleh tunjuk dan saya boleh cakap siapa orang ini.

Sampai sekarang dia tidak mahu bawa pergi. Kes itu satu kes *postponed* 65 kali. Sejarah dalam negara ini. Kalau orang miskin satu hari sudah gantung, satu hari sudah cakap. "*Oh! you sudah sentence tiga tahun, lima tahun*". Ini 65 kali. Sahabat saya dia pun seorang peguam juga, dia pun tahu. Berapa kali dia orang boleh gantung itu kes? 65 kali. Lagi mahu *postpone*. Saya tunggu juga kes itu sudah mahu panggil, saya boleh pergi. Terima kasih. Ia telah diberikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih. Salam 1Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Abdul Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

#### 4.42 ptg.

**Abd Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih di atas peluang yang diberikan oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua untuk saya bangun

dan turut sama mengambil peluang berbahas Rang Undang-undang Kewangan, pembentangan Bajet 2014 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I pada 25 Oktober lalu di Dewan yang mulia ini.

Bajet 2014 menyaksikan peningkatan kira-kira RM31 bilion berbanding bajet tahun lalu iaitu sebanyak RM232.8 bilion dengan RM201.9 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM49.7 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Ia bertemakan, "*Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji.*"

Dengan lima teras utama jelas merupakan bajet yang komprehensif yang bakal memberi kebaikan kepada seluruh rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa kementerian. Pertama, Kementerian Kesihatan berhubung dengan hospital baru. Terdapat cadangan membina hospital baru di Padang Besar, Perlis ekoran hospital sedia ada di Bandar Kangar tidak lagi mampu menampung bilangan pesakit yang ramai. Ekoran itu, penduduk di Padang Besar mengharungi perjalanan sejauh kira-kira 40 kilometer untuk mendapatkan rawatan. Bayangkan kesulitan yang terpaksa dialami dari segi kos dan pengangkutan apatah lagi mereka yang sedang dalam kesakitan.

Di samping kos petrol, faktor masa dan hospital yang sentiasa sesak dengan pesakit dan pelawat. Kesukaran tempat meletak kereta serta pelbagai lagi kemudahan perubatan yang terhad menyebabkan penduduk Padang Besar mendesak agar sebuah hospital baru yang setaraf dengan Hospital Besar Kangar dapat dibina demi kebajikan dan kemudahan rakyat di sini. Saya difahamkan tanah sudah disediakan. Peruntukan pun sudah diluluskan, malah pelan pun sudah pun dimuktamadkan. Soalan saya, apakah status cadangan pembinaan hospital di Padang Besar ini? Berapakah anggaran kos, tarikh dijangka siap dan mula beroperasi?

Apakah kemudahan yang bakal disediakan bagi pesakit dan pelawat? Kemudahan pesakit luar, kemudahan ICU, CCU dan kemudahan infra lain seperti tempat meletak kereta yang mencukupi, kantin, bilik ruang rehat, surau, kemudahan ambulans termasuk *nurse* dan doktor pakar yang mencukupi. Bukan hanya bergantung kepada doktor pelatih atau doktor yang sedang dalam program *housemanship*, dengan izin. Satu lagi soalan, siapakah kontraktor yang dilantik, sudahkah dilantik? Jika belum, apakah kriteria pemilihan kontraktor? Saya harap tiada kejadian siling bumbung runtuh seperti yang berlaku di Hospital Serdang, Selangor yang sudah tujuh kali silingnya runtuh namun kontraktornya masih lagi bebas dan mendapat kontrak pembinaan baru di tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk mencadangkan jika ada kejadian seumpama ini yang boleh mengancam nyawa disebabkan kelalaian kontraktor, senarai hitamkan terus. Gantung lesen kontraktor dan siarkan di dada-dada akhbar agar menjadi pengajaran kepada kontraktor lain. Agar perlunya ada integriti dan *responsibility* dalam menyiapkan sesuatu projek. Perkara kedua ingin saya sentuh iaitu Tahun Melawat Malaysia. Saya mengalu-alukan pengumuman kerajaan yang menyasarkan tahun 2014 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Saya yakin pendapatan negara melalui pelancongan bakal bertambah, ditambah lagi dengan pelbagai program, promosi di peringkat domestik dan antarabangsa bakal menarik lebih ramai pelancong tempatan dan luar negeri untuk berkunjung dan seterusnya berbelanja di negara kita.

Namun di sebalik keghairahan menerima pelawat, saya terpenggil untuk menyentuh beberapa isu berkaitan kemudahan hotel di negara kita. Ini perkara fakta dan saya yakin semua orang pernah mengalaminya iaitu harga bilik hotel yang tidak konsisten serta tidak *transparent*. Imbas kembali saya salah seorang wakil persidangan UMNO baru-baru ini. Menginap di sebuah salah satu hotel berdekatan dengan PWTC dikatakan hotel jenama antarabangsa tersebut diiktiraf sebagai empat bintang.

Akan tetapi yang musykilnya, harga yang perlu dibayar dua kali ganda yang dipromosikan. Ia lebih kurang hampir RM500 semalam untuk bilik standard berbanding harga promosi RM300 yang dipamerkan di lobi hotel. Saya ada bertanya kepada beberapa *staff* di situ dan jawapannya pelbagai serta tidak memuaskan hati saya. Ada yang kata musim cuti sekolah, ada yang kata sebab persidangan UMNO dan pelbagai. Ini hanya satu contoh dan berlaku di mana-mana hotel di Malaysia terutama musim cuti sekolah kita melihat promosi di akhbar hanya menarik tetapi bila dibuat *booking* harga melambung naik.

Soalan saya ialah kementerian, agensi mana sebenarnya yang memantau harga bilik hotel ini? Bagaimana kementerian, agensi tersebut menggredkan hotel mengikut bintang, mengikut *facilities* sedia ada? Bagaimana harga sesebuah bilik ditetapkan? Bagaimana pula memantau promosi hotel dan akhbar dan juga *internet* yang jelas mengelirukan. Ini kerana kita tidak mahu ada pelancong baik tempatan mahupun warga asing yang merasa tertipu bila berkunjung ke Malaysia. Saya juga ingin menyentuh harga makanan di kedai-kedai makan. Kita ambil contoh semasa berlangsungnya LIMA di Langkawi, sudahlah harga hotel mahal, harga makanan juga melambung naik seolah-olah pengusaha restoran cuba mengambil kesempatan dari *event* dwitahunan ini.

Bukan sahaja di restoran-restoran besar, malah kedai makan kaki lima juga berkomplot menaikkan harga sewenang-wenangnya. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, pengalaman saya, saya bawa seramai lebih kurang 35 orang makan di sebuah restoran.

#### ■1650

Hanya makanan kampung. Ikan-ikan bukanlah ikan siakap, ikan bawal. Hanya ikan-ikan, ikan bendanglah kita kata. Ikan sepat dan sebagainya. Setelah makan, habis makan minum, saya minta bil. Bil tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Dia bawa datang harga dia kata RM1,400. Ini saya cerita perkara benar, RM1,430 dibawa makan. *Masya-Allah*. Cuba kita fikir. Tidak apalah, Saya ada duit. Bukan hendak cakap saya ada duit. hendak jaga maruah, saya bayar.

Akan tetapi, perkara ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian yang jaga hal ehwal ini, saya tidak tahu sama ada pelancongan atau KPDNKK, tolong perhati benda ini. RM1,400 harga untuk 35 orang jatuh lebih kurang RM45 ataupun RM50. Cuba tuan-tuan fikir. Ini tidak adil. Jadi, saya hendak cadangkan kepada agensi-agensi yang tertentu pastikan *itemised bill*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini supaya bila kita makan, tidak kisah berapa harga sekalipun, dia keluarkan bil bagi kita, kita pergi kedai mamak sekarang ini pun sudah ada. Kedai mamak kalau kita pergi makan Tuan Yang di-Pertua, teh tarik berapa harga. Nasi berapa harga. Tidak apalah, kita bayar kita puas hati. Lain kali kita pergi makan, kita tidak minta benda yang mahal. Itu maksud saya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya hendak cadangkan jika restoran baik kecil mahupun besar, perlu menyediakan *itemised bill* kepada setiap pelanggan agar pelanggan tahu apa yang dibayar dan tidak merasa tertipu. Sekarang ini saya nampak di mana-mana termasuklah di Perlis sekalipun, kalau dahulu ikan bakar di Perlis ini cukup 'Ahli Parlimen'. Sekarang ini harga sudah melambung. Tidak ada satu badan yang monitor perkara ini. Jadi, saya minta sangat-sangat daripada Dewan yang mulia ini, agensi-agensi yang berkenaan kena perhati perkara ini.

Satu perkara yang saya hendak bangkit, perkara ini mungkin panas kalau saya bangkit tetapi saya tetap untuk Dewan yang mulia ini berkenaan dengan isu tohmahan keluarga Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, acap kali kita mendengar pelbagai bentuk tohmahan dilemparkan kepada Perdana Menteri dan keluarganya. Antara tohmahan yang popular ialah isu cincin RM24 juta, isu penggunaan jet peribadi dan isu kediaman rasmi Sri Perdana yang tinggi kos penyelenggaraannya.

Benda-benda ini untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, dikeluarkan di *blog* yang kita baca. Pihak-pihak tertentu tidak buat kerja lain, walau Perdana Menteri buatlah kerja baik sebagaimana sekalipun, tohmahan bermacam-macam. Hari ini kalau kita tengok, anak Perdana Menteri pergi ke tempat banjir membantu orang banjir, sudah kata anak Perdana Menteri pula hendak jadi Menteri. Inilah kerja puak-puak ini. Tidak ada kerja lain. Tidak ada kata hendak ada simpati, orang tolong dan sebagainya. Kerja dia bangkang, tidak tentu hala.

Ini termasuk juga ada pihak-pihak yang sinis menyindir bila mana Perdana Menteri mendedahkan beberapa jasa yang telah ditaburkan oleh isteri beliau. Sehingga ada yang secara sindiran mahu isteri Perdana Menteri dilantik menjadi Menteri kerana hebat bekerja dan mempunyai *connection* yang lebih baik dari sesetengah Menteri yang sedia ada. Perkara ini ada dalam *blog* Tuan Yang di-Pertua. Ini semua hanya sindiran berbaur populis dari individu segerombolan yang hanya tahu menanggung di air yang keruh tanpa melihat fakta. Mungkin di Dewan yang mulia ini, walaupun saya tidak popular membangkit isu ini, saya ingin bertanya beberapa soalan berikutan isu ini. Bukan niat saya hendak mencari kesalahan tetapi lebih kepada fardu kifayah. Membetulkan segala tohmahan dan penghinaan yang selama ini berleluasa dan disebarkan oleh golongan tidak bertanggungjawab ini. Harapan saya selepas dijawab oleh pihak Menteri, puak-puak populis ini dapat menerima hakikat ini dan fakta tersebut.

Dari soal penyelenggaraan kos kediaman Perdana Menteri, berapa kos sebenar sejak lima tahun lepas? Bermula tahun 2008 hingga 2012. Mohon sedikit *itemised bill*, kos utama penyelenggaraan ini. Soalannya, mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan fakta sama ada benar atau tidak bahawa kediaman Seri Perdana bukan didiami oleh Perdana Menteri dan keluarga sepenuh masa. Akan tetapi, lebih kepada upacara rasmi, lawatan dan acara-acara lain yang kebbaikannya juga untuk seluruh rakyat?

Soalan yang kedua juga, isu dan tohmahan penggunaan jet kerajaan oleh isteri Perdana Menteri. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini akan peranan isteri Perdana Menteri semasa lawatan ke luar negara agar tidak berlaku salah faham bahawa lawatan tersebut bersandarkan kepada lawatan peribadi sambil melancong sahaja. Berikan

beberapa contoh lawatan jika perlu. Ini untuk saya mohon pihak Yang Berhormat Menteri menjawab soalan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi isu yang ingin saya bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah isu peruntukan kepada anak-anak yatim. Perkara ini sentiasa saya bawa di dalam Dewan yang mulia ini. Sudah beberapa kali saya bangkitkan isu peruntukan kepada anak-anak yatim yang menginap di rumah anak-anak yatim yang diluluskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bayangkan sehari untuk anak yatim hanya diperuntukkan RM8 sahaja untuk makan lima kali sehari. Anak yatim ini sedang membesar, tiada tempat bergantung dan sebatang kara. Sudah tentulah memerlukan belanja yang lebih supaya makanan yang dihidangkan itu seimbang dan sesuai untuk seorang kanak-kanak remaja yang sedang membesar. Ini tidak. Bajet lebih diberikan kepada banduan dan PATI. Sudahlah melakukan jenayah, masuk Malaysia secara haram, diberikan layanan dengan makanan yang sedap dan enak. Untuk rekod, tahanan pusat serenti pun mendapat RM20 sehari. Di penjara dan depot tahanan PATI mendapat lebih kurang RM34 sehari. Bolehlah saya andaikan, 'Kera di hutan disusukan, anak sendiri mati kelaparan'. Diharap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat membuat penyelarasan ini secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sentuh banyak kawan-kawan kita menyentuh berkenaan dengan Ops Cantas. Untuk rekod, saya juga hendak ucapkan tahniah kepada Menteri Dalam Negeri dan pasukan Polis Diraja Malaysia dan semua agensi yang terlibat dalam operasi Ops Cantas ini. Hasilnya banyak. Banyak kes jenayah terancang, kongsi gelap dan pembunuhan kejam dapat diselesaikan oleh pihak polis. Harapan saya supaya Ops Cantas ini dapat diteruskan malah diberi penambahbaikan agar kadar jenayah terus menurun. Seperti kawan-kawan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangkit dalam Dewan ini, saya juga tidak ketinggalan ingin menyentuh berkenaan dengan pendatang tanpa izin yang mana pihak KDN perlu mengambil iktibar apa yang berlaku di Singapura berkenaan dengan rusuhan warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada pendatang asing lebih kurang lima juta. Apa akan berlaku Tuan Yang di-Pertua kalau perkara ini kita ambil sambil lewa? Saya dengar kawan-kawan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbincang dalam Dewan ini, saya pun rasa takut Tuan Yang di-Pertua. Saya haraplah pihak KDN, Kerajaan Malaysia perhati perkara ini. Halusi benda ini. Di Singapura mereka boleh buat kerja apa yang mereka hendak buat. Kita di sini kita hendak buat bermacam-macam-macam, hendak jaga kawan itu, hendak jaga 'A', hendak jaga 'B', hendak jaga 'C'. Jadi, kita tidak tegas. Saya takut kalau perkara ini berlaku di Malaysia, minta Allah SWT simpang. Ya Allah Ya Tuhan. Saya mintalah pihak kementerian pandang serius berkenaan pendatang asing yang telah mencecah lebih kurang 5 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua, isu lagi satu yang ingin saya bawa berkenaan daun ketum. Bilakah daun ketum ini boleh dikategorikan sebagai Akta Dadah Berbahaya? Ini kerana di bawah akta sedia ada, daun ketum ini ditakrifkan sebagai bawah Akta Racun dan hukumannya terlalu ringan iaitu RM100, selepas bawa daun ketum, air ketum, RM100 lepas.

#### ■1700

Di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, maksud saya di Padang Besar, Perlis, aktiviti penyeludupan daun ketum ini berleluasa. Ia berlaku secara terbuka hari-hari di sempadan Chuping,

Perlis dan Thailand. Dia ada pagar yang sepatutnya *security route* ini dia ada satu pagar kanan, kiri dan di tengah-tengah dia ada *bark wire* tetapi dia ada lubang pula Tuan Yang di-Pertua, lorong tikus. Ini yang hebat. Jadi pesta, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya cerita ini orang kata sudah *exaggerate*, tapi sebenarnya jadi pesta. Petang-petang kita buat daun ketum, bawa belah Siam. Belah Siam, daun ketum ditakrifkan sebagai dadah. Belah kita di bawah Akta Racun. Dia bawa air ketum bawa *pi* belah sana, dia bawa masuk orang *mai* sini. Ini yang berlaku.

Jadi apa yang saya cakap di Dewan yang mulia ini, saya minta pihak-pihak agensi yang tertentu ambil iktibar benda ini. Silalah ke Chuping tengok aktiviti ini, setiap petang berlaku, jadi macam pesta pula, Tuan Yang di-Pertua,

Lagi satu isu yang saya hendak bangkit, isu pagar sempadan yang saya sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua. Di lihat di sempadan Perlis dan Thailand, keadaan pagar sempadan begitu daif sekali. Berlubang dan jelas tidak sengsara dengan baik, malah menjadi lorong tikus kepada aktiviti penyeludupan. Saya yakin, mengikut piawaian antarabangsa, sepatutnya dua pagar dibina secara berasingan dan di tengah-tengah dengan jarak 15 kaki perlu dilengkapi dengan kawat gulung yang berduri. Akan tetapi di Perlis, dan saya yakin sempadan lain pun begitu, sudahlah pagar tidak diselenggarakan dengan baik, terutama di sebelah Thailand, lalang, belukar tumbuh melangit seolah-olah Thailand dia tidak kisah langsung dengan aktiviti penyeludupan yang berlaku. Inisiatif untuk membina kawat duri bergulung di tengah-tengah antara dua pagar juga tidak dilaksanakan. Keselamatan pasukan peronda tentera dan agensi berkaitan yang meronda juga diabaikan. Kita tidak mahu tragedi di mana anggota tentera kita ditembak oleh penembak yang tidak dikenali baru-baru ini berlaku lagi.

Soalannya, bagaimana senario ini boleh berlaku dan apakah tindakan kementerian bagi menangani isu ini? Adakah faktor kos yang tinggi? Bagaimana pula status cadangan membina tembok batu seperti yang diuar-uarkan dahulu?

Satu lagi isu yang saya hendak bangkit, pelaksanaan fasa projek jalur lebar dan penaiktarafan kelajuan *internet*, Tuan Yang di-Pertua. Saya memuji hasrat kerajaan dalam melaksanakan fasa kedua projek jalur lebar berkelajuan tinggi, HSBB, bertujuan meningkatkan lagi kelajuan Internet di bandar-bandar utama. Projek ini mengkhususkan penduduk di kawasan bandar akan dapat menikmati kelajuan *internet* sehingga 10mbps sesaat. Bagaimana perancangan di kawasan luar bandar dan pedalaman termasuk di kawasan saya di Padang Besar? Hari ini kemudahan *internet* bukan lagi satu bentuk kemewahan, tetapi satu keperluan. Kita mahu pendedahan *internet* terutama kepada murid-murid sekolah di luar bandar dan pedalaman juga pada golongan dewasa agar mereka ini tidak ketinggalan dalam isu semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini memuji Kementerian KPDNKK ataupun Kementerian Kewangan yang mana baru-baru ini menarik subsidi gula. Subsidi gula, apabila kerajaan menarik lebih kurang 34 sen- saya ini rajin juga tengok-tengok dalam *blog*, Tuan Yang di-Pertua. Bukanlah pandai, tetapi seronok jugalah tengok. Ketua Pembangkang kata, dengan tarik subsidi ini, kerajaan membela kroni-kroni UMNO sebanyak RM1 bilion. *Astaghfirullah*.

Saya tengok dalam 25 Oktober di Dewan yang mulia ini, selepas keluar, dia buat *press statements*. Saya tengok juga dalam *blog*- "*Untungkan kroni-kroni UMNO*". Saya pun tak tahu



hendak rasional dia antara 34 sen- lebih kurang RM340 juta. Dia kata menguntungkan kroni-kroni UMNO. Jadi saya tidak mahu hendak *elaborate* banyak.

Saya sebut Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi peluang kepada orang lain.

Bab gula, bab diabetes ini saya pun panjang lebar, saya rasa dalam keadaan masa yang suntuk ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus Yang Berhormat, bagus Yang Berhormat. Teruskan.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada lagi dua perkara yang pendek, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat tidak sampai lima minit. Satu *issue privilege rights of Parliament* dengan izin. Saya berpandangan setelah hampir 20 tahun Parlimen ini diletakkan di bawah Kementerian Kewangan dan dari segi Bajet dan perbelanjaan, sudah sampai masanya hak tersebut dikembalikan kepada Parlimen. Cadangan saya biarlah Parlimen sendiri yang menentukan bajet tahunan, perbelanjaan pekerja dengan izin, *higher and fire* serta sebarang penambahbaikan fasiliti di Parlimen boleh diputuskan di peringkat Parlimen tanpa perlu merujuk kepada Kementerian Kewangan dan Jabatan Kerja Raya.

Sebelum saya akhiri Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membuat cadangan. Sudah sampai masanya elaun Ahli Parlimen dan Senator dinaikkan, dan kuantumnya perlu diperhalusi agar munasabah selari dengan kos kenaikan sara hidup pada masa ini. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, semasa kita memberi BR1M- maaflah saya terpaksa cerita di sini apa yang berlaku. Ahli Yang Berhormat dari Dewan Negara yang bersara juga terima BR1M, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, ini perkara benar. Mahukah kita pula yang terima BR1M?...

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Tuan Yang di-Pertua pun tergelak. Ini kenyataan. Sepenggal dapat RM1,000. Kerajaan punya bawah pendapatan RM3,000 ke bawah. Jadi benda ini, rasional yang saya bentang dan saya cakap ini supaya pihak kementerian kena dengar, olah betul-betul. Bukan saya suruh naik RM20,000 tapi fikirilah. Kalau kerajaan bagi BR1M harganya itu minimum RM3,000 hingga RM4,000- hah, bagi Senator ini RM8,000 atau RM10,000, terpulanglah itu. Supaya kesudahannya kita tidak hendak ahli *legislator* ini beratur sama-sama menerima BR1M.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf mungkin kalau saya terlanjur cakap dan sebagainya. Dengan ini, saya mohon menyokong Bajet 2014. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, bagus, bagus, bagus. Kemukakanlah benda yang Yang Berhormat rasa patut, sila kemukakan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Khalid Ahmad.

#### 5.08 ptg.

**Tuan Khalid Ahmad:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan penyampaian dalam pengurusan Bajet 2014 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 tahun hadapan memperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan sebanyak RM54.6 bilion yang bersamaan dengan 21%, jumlah yang cukup banyak. Ini menunjukkan kesungguhan dan keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional terhadap sektor pendidikan yang menjadi teras dalam mendidik generasi masa hadapan negara. Justeru, kita melihat jumlah RM56.6 bilion ini akan diagih-agihkan kepada pendidikan awal kanak-kanak, profesional, perguruan, penyelenggaraan sekolah, penyelidikan, universiti dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya, dalam memperkasakan sistem pendidikan negara, maka kerajaan bersetuju dengan melaksanakan penambahbaikan peruntukan berasas sekolah, PBS, dilaksanakan pada Tahun 1 pada tahun 2012 dan Tingkatan 1 pada tahun 2012. PBS merupakan satu bentuk pentafsiran yang bersifat holistik dan berdasarkan bidang akademik dan bukan akademik walaupun tujuan PBS ini adalah baik bagi menjadikan pelajar yang tidak terlalu bersifat *exam oriented*.

#### ■1710

Namun terdapat beberapa kekurangan dalam sistem ini yang perlu diterangi. Secara hakikatnya sistem PBS mempunyai prinsip yang baik untuk sejak di peringkat awal dilaksanakan sistem PBS yang dilihat tidak diuji di peringkat sekolah perintis. Walaupun kerajaan menyatakan bahawa PBS ini bukanlah sesuatu yang baru memandangkan sistem ini adalah kesinambungan penilaian seperti Penilaian Kerja Amali (PEKA), Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS), Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS), Perkara Asas Fardu Ain (PAFA), Projek Kuiz Soal Jawab dan lain-lain lagi. Namun kita harus belajar melalui pengalaman kita apabila diperkenalkan Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Maka sejumlah dana yang besar dikeluarkan sebelum ini, kerajaan memansuhkan untuk kembali kepada sistem yang lama. Justeru itu kita kluatir jika sistem PBS ini gagal, maka dikluatiri kerajaan akan berpatah balik akibat sistem ini tidak dicuba terlebih dahulu di beberapa sekolah pilihan. Atau yang dicadangkan agar satu kajian menyeluruh terhadap masalah-masalah dalam sistem PBS ini dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan PBS ini juga telah mengelirukan permintaan dengan beban guru bertambah. Bayangkanlah seorang guru bukan sahaja terpaksa menyediakan kertas soalan bagi ujian penilaian PBS dan juga kerja kursus bagi setiap pelajar mereka, jauh merumitkan lagi apabila sistem yang diwujudkan tidak mesra pengguna ataupun *not user friendly*, dengan izin, memandangkan kadang kala data yang telah di *key-in* hilang, terpaksa menunggu bangun awal pagi hingga ke awal pagi, sistem tergendala dan sebagainya. Saya menyambut baik idea kerajaan untuk menyediakan jawatan 10,000 orang pembantu guru dalam jangka masa terdekat bagi membantu menyelesaikan masalah ini. Namun persoalannya, setakat manakah pelaksanaan telah bermula dan pengambilan telah dibuat memandangkan beban guru semakin bertambah setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bajet 2014 kerajaan juga bersetuju untuk meningkatkan satu status universiti bertaraf pendidikan dengan membayangkan kajian dan penulisan untuk menerbitkan di peringkat antarabangsa. Peruntukan sebanyak RM600 juta bagi geran pendidikan ini akan dimanfaatkan di institut pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, isu pendidikan. Satu masa dahulu Perlis adalah satu negeri ilmu dipanggil negeri ilmu lima enam tahun kekal sebagai nombor satu di dalam Malaysialah. Akhir-akhir ini Perlis telah mendapat kedudukan di bawah sekali akibat perancangan ataupun kerjasama di peringkat Jabatan Pendidikan tidak begitu komitmen. Saya berharap perkara ini Kementerian Pendidikan akan melihat, mengkaji atau buat tinjauan kepada Jabatan Pelajaran Negeri. Ini supaya Perlis dinaik taraf balik supaya negeri ilmu itu dijadikan betul-betul negeri ilmu seperti mana yang telah diamalkan beberapa tahun dahulu.

Jadi ini hendak disalahkan siapa? Adakah kita salahkan kepada ibu bapa, pelajar, guru-guru, sekolah dan sebagainya? Apabila kita bincang dengan PIBG-PIBG dan juga dengan ibu bapa, guru-guru kesilapan ini adalah berpunca daripada orang nombor satu di Perlis iaitu maksudnya orang pendidikanlah. Pengarah sendiri, terus terang kita kata Pengarah, saya yakin kementerian sudah tahu kenapa kementerian diam diri tidak tukar kepada orang yang lain yang lebih memanfaatkan hal-hal pendidikan di negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Tan Sri Abdul Ghafar Mahmud. Selama beliau menjadi Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia banyak perubahan dibuat. Contoh perubahannya ialah Perancangan Pendidikan 2013 sehingga 2015. Tahniah juga kepada beliau, Tan Sri Abdul Ghafar Mahmud yang dicalonkan oleh Kerajaan Malaysia menduduki kerusi Lembaga Institut Antarabangsa di bawah Pertubuhan Pendidikan Strategik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Ini menunjukkan pengiktirafan jasa baiknya dalam pendidikan negara. Jadi kita berharap Ketua Pengarah yang baru **Datuk** Dr Khair Mohamad **Yusof** akan menyambung kerja-kerja yang dibuat oleh Tan Sri tadi. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, isu pendidikan hari ini ialah masalah sistem *online* seperti yang saya katakan tadi. Ini data Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS), sistem ada dalam masalah kerana terlalu lambat apabila guru-guru hendak *key-in* data. Ini melibatkan masalah server di kementerian. Saya cadangkan supaya kementerian baik pulih dengan segera pastikan *server* yang digunakan untuk guru-guru khususnya dia orang ini dapat dengan baik dengan *upgrade*. Perkara ini dalam peringkat tetapi masih dalam tidak berubah juga.

Tuan Yang di-Pertua, tadi sahabat saya Yang Berhormat Haji Abdul Shukor bangkit tentang daun ketum. Dahulu ada saya bangkit juga fasal daun ketum. Daun ketum ini saya tambah sedikit-sedikit apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Haji Abdul Shukor. Dahulu kita ungkit kenapa daun ketum tidak dijadikan Akta Dadah Berbahaya. Ini sebab ditentang oleh ataupun tidak bersetuju daripada majlis atau Persatuan Pengamal-pengamal Perubatan Tradisional. Jadi saya mencadangkan agar supaya kerajaan ataupun kementerian membuat satu undang-undang, akta kepada pengamal-pengamal perubatan tradisional ini, supaya ladang-ladang daun ketum ini dikenakan permit.

*Hang* yang hendak buat tradisional ini buat, *hang* hendak buat apa pun buat tetapi bagi permit kawasan dia. Jadi yang tidak ada permit tidak ada kebenaran tangkap. Jadi saya dengan rendah diri ingin menyatakan iaitu menanam, memproses, mengedar, memiliki dan menggunakan daun ketum adalah termasuk kepada Akta Dadah Berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan izin hendak mohon, minta persetujuan daripada semua Ahli Dewan Negara supaya bersetuju di atas cadangan ini supaya daun ketum dijadikan satu Akta Dadah Berbahaya 1952, agar tindakan penguatkuasaan dapat diambil dengan segera.

Lagi satu masalah gam. Masalah gam ini tidak habis-habis daripada dahulu sampai hari ini. Jadi bermakna gam dan bahan-bahan lain adalah menjadi amat serius di kalangan kanak-kanak sekolah dan orang dewasa. Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan undang-undang bagi mencegah gejala ini? Kalau kita perhati daun ketum dan gam ini di negara kita, negara jiran kita di selatan ialah negara Singapura. Adakah benda ini wujud di negara *depa*, sebab apa tidak wujud? Jadi kita kena ambil berat, belajar kenapa walaupun Singapura dengan kita agak tidak bersamaan dengan kerajaan, jadi kita fikir belajar dari segi ini. Macam mana daun ketum, gam tidak ada di Singapura. Kalau kita belajar daripada Siam tidak boleh belajar dekat Siam, Siam ini dia lain sedikit.

Jadi walau bagaimanapun seperti mana yang dikatakan Yang Berhormat Haji Abdul Shukur tadi, memanglah daun ketum bawa pergi ke Siam. Pada satu masa kerajaan negeri dengan bahagian keselamatan membuat satu rondaan di depan mata kepala kita Yang Berhormat, orang baling berguni-guni ke sempadan. Jadi ini adalah satu perkara yang tidak baik. Dalam buat rondaan itu pun *depa* boleh buat lagi, tambah di belakang. Jadi kita harap *G-to-G*, kerajaan *to* kerajaan tolong buat tembok. Malaysia buat tembok Malaysia, Siam buat tembok Siam seperti mana yang dikata Yang Berhormat Haji Abdul Shukur tadi di tengah gulung dawai kawat. Ini dapat mengelakkan. Akan tetapi kalau Malaysia sahaja buat tembok, Siam tidak buat tembok pun tidak jadi juga.

#### ■1720

Jadi dua-dua negara ini buat tembok dan di tengah ini ada lingkaran dawai berperang. Ini kemungkinan besar dapat atasi masalah ini. Walau bagaimanapun kita berharap kerajaan ambil titik berat hal ini. Tuan Yang di-Pertua, masalah ini masalah PEMADAM. PEMADAM adalah atasi untuk atau agensi NGO untuk membasmi dadah berbahaya. Jadi PEMADAM ini banyak aktiviti yang dibuat bukan di polis sahaja semua negeri buat. Akan tetapi PEMADAM tidak ada peruntukan untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti. Kalau ada pun hanya sikit sangat. Jadi berharap kepada kerajaan tolonglah tengok-tengok kepada PEMADAM ini. Bagilah sikit peruntukan kewangan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti sosial untuk membasmi ataupun untuk bersama dengan AADK bagi aktiviti dadah.

PEMADAM dalam usia lebih kurang 37 tahun lebih kekal lama dengan semangat sahaja, dengan duit tidak ada. Jadi berharap kerajaan dapat membantu sedikit dengan peruntukan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bercadang- ada kerajaan menyebut banduan-banduan penjara bila keluar penjara kena baik dengan masyarakat, kena baik dengan orang ramai supaya mereka ini berdikari sendiri. Saya tengok banduan-banduan ini bukan semua kes-kes jenayah yang berat-berat, kes dadah semua. Akan tetapi ada kes-kes yang berat tetapi berat cara lain. Contohnya berat cara penyelewengan, rasuah dan sebagainya. Dia tidak sama dengan kes dadah. Dia tidak sama dengan kes bunuh. Dia tidak sama dengan kes PATI.

Akan tetapi kes-kes yang penyelewengan, kes rasuah ini mereka ini bila keluar lima tahun ke, enam tahun kena hukum hendak daftar perniagaan tidak boleh. Ada satu borang saya tidak ingat borang apa, borang perniagaan di bawah itu dia akan tulis adakah tidak bankrap, adakah tidak ada hukum ke mahkamah, adakah bekas banduan. Jadi borang-borang ini hendaklah dikaji balik. Borang-borang ini adalah borang yang lama. Kalau borang yang baru ini kita minta satu jabatan atau kementerian kaji balik borang mana yang disebutkan tidak terlibat dengan mahkamah, tidak terlibat dengan penjara perlu dipertimbangkan supaya bagi peluang kepada orang-orang yang keluar penjara ini boleh mencebur diri dalam bidang perniagaan. Tuan Yang di-Pertua...

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Tuan Yang di-Pertua, pohon mencelah.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin memberi pandangan bersabit dengan banduan yang lepasan penjara di mana kalau dikaitkan dengan dadah dan sebahagiannya terlibat dengan AIDS, kesan AIDS masih ada saya difahamkan banyak melalui PEMADAM di mana kesedaran harus diberi kepada masyarakat kita. Di mana kalau suami ada jangkitan AIDS dan isteri itu juga ada jangkitan maka kesan kepada masyarakat di mana isteri yang bekerja sebagai goreng pisang atau bekerja di restorankah atau pencuci pinggan atau sebagainya ianya sangat berbahaya kepada jangkitan kepada masyarakat umum.

Jadi saya pohon penjelasan khusus daripada pihak yang berkenaan terutama melalui PEMADAM, daripada KKM dan sebagainya supaya memberi perhatian khusus apakah langkah yang patut diambil kepada mereka ini supaya tidak ada perluasan kes yang berjangkit kepada masyarakat umum. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan penjara juga. Penjara ini, ustaz-ustaz dalam penjara bila tengok ustaz juga hal agama juga Tuan Yang di-Pertua tetapi kalau boleh kita ambil ustaz-ustaz anak muda kita yang keluar daripada luar negara Mesir dan sebagainya. Mereka banyak pengalaman dalam bidang-bidang agama yang lebih arif lagi. Akan tetapi yang ada ini pun bagus, arif tetapi kita hendak mendalami lagi.

Oleh kerana apabila kita melawat di penjara kita nampak di dalam penjara itu orang Islam sendiri pun tidak boleh sembahyang, tidak boleh mengucap, tidak boleh apa-apa. Baru-baru ini adalah pengalaman saya melawat di penjara di salah sebuah penjara bersempang dengan pegawai penjara, bersempang dengan banduan sendiri. Dia beritahu ramai yang tidak boleh. Oleh sebab itu yang jadi permasalahan-permasalahan di luar akibatnya masuk dalam penjara. Jadi carilah ustaz-ustaz yang bagus.

Ketiga, penjara juga. Pihak kerajaan tolong mengkaji semula gaji-gaji dan elaun-elaun penjara. Bagilah setaraf dengan lain-lain jabatan sebab kita penjara kita nampak mereka tidak kerja di luar. Mereka kerja di situ. Akan tetapi tanggungan dan tanggungjawab mereka berat. Jadi kita berharap kementerian, tolong kaji semula gaji dan elaun bagi pegawai dan juga kakitangan penjara.

Tuan Yang di-Pertua dulu ada saya pernah bercakap dengan **Kementerian Kemajuan Luar Bandar** dan Wilayah berkaitan dengan jalan-jalan kampung. Jalan-jalan kampung kita tengok hari ini jalan memang kecil dan kalau boleh kita mintalah kementerian sediakan sedikit peruntukan untuk memperlebar jalan di kampung-kampung ini bukan ada motor dah. Motor ada tetapi yang banyak kereta pun banyak. Jadi di kampung hendak selisih pun tidak boleh disebabkan jalan yang diperuntukkan hanya terhad sahaja. jadi mintalah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah buat kaji semula jalan-jalan di kampung. Kalau perlu beli, belilah. Kata tidak perlu beli baiklah. Jadi kita hendaklah orang kampung ini buatlah amal jariah jalan-jalan untuk orang gunakan jalan tersebut.

Lagi satu Kementerian Kemajuan Luar Bandar juga. Ini Daya Wawasan. Daya Wawasan, cuba kementerian buat kajian supaya Daya Wawasan jangan guna satu kampung sahaja. Satu kampung boleh buat satu kampung. Akan tetapi jangan berlarutan. Setiap tahun kampung itu sahaja sebab peruntukannya tinggi. Bagilah peluang kepada kampung-kampung lain menggunakan Daya Wawasan ini sebab Daya Wawasan ini adalah satu kampung yang bersaing dengan lain-lain tempat peruntukan yang tinggi.

Jadi apabila buat Daya Wawasan di lain-lain kampung pertukaran, jadi kawasan itu banyaklah kawasan ada kampung yang wajahnya akan bertukar disebabkan dengan peruntukan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu banyak. Jadi tengok bagi kampung lain yang bersama terlibat.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua kita cakap bab kementerian, bab jabatan, bab itu, bab ini, bab guru, bab gaji semua tetapi kita terlepas pandang, kita alpa dengan gaji kita tadi seperti yang dikatakan tadi Y.B. Olian. Gaji kita, elaun kita ini dinaikkan. Saya rasa bukan saya dengan Y.B. Olian sahaja, orang lain pun bersetuju.

Selain daripada gaji, kita minta buat penyelarasan di antara negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Senator-senator ini, Yang Berhormat-Yang Berhormat ini, saya berani cakap sebab saya dua penggal sudah. Jadi yang dua penggal tidak apa, yang satu penggal ini setahun baru tiga kali mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Tiga kali mesyuarat tidak habis kenal lagi. Datang awal tahun, tengah tahun, hujung tahun habis. Makna dapat kerja balik. Kerja sibuk pula. Dia tidak kenal habis. Balik rumah. Kemudian itu kalau boleh kita buat penyelarasanlah, buat satu peraturan - saya minta izin Tuan Yang di-Pertua bersetuju tidak?

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Lebih suara bersetuju. *[Ketawa]* Bermakna jangan kiralah dia MCAkah atau parti apa-apa pun MIC kah, parti apakah tidak kiralah kita buat penyelarasan buat dua penggal. Setahun dua penggal. Kalau kita jadi Ahli Dewan Negeri dua penggal empat tahun ataupun sepuluh tahun. Ini dua penggal baru enam tahun.

Jadi saya ingat itu pihak kerajaan boleh buat tinjauan kaji semula. Itu semua orang bersetuju sudah yang dua penggal ini. Jadi yang sepenggal ini dia bimbang sudah. Ini aku sambung atau tidak sambung. Akan tetapi kalau hendak buat juga minta persetujuan daripada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua akan sokong. Ya, aku aktif. Mohd. Khalid bin Mani ambil aktif peranan bahagian, okey sokong sepenuhnya oleh sebab ambil bahagian. Katalah ambil

bahagian, saya sokong tetapi dia kurang ambil bahagian sokong-sokong juga tapi beritahu dia kurang ambil bahagian. Lepas itu 60. Yang 80 kata itu *insya-Allah* kalau kurang daripada 60 lebih kurang itulah maka miriplah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa selalu ponteng KPI tidak bagus Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Ya! Lebih KPI itulah. *[Ketawa]* Jangan marah. Setujukah?

Jadi...

#### ■1730

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya hendak Majlis *settle*, tolong kemukakan perkara ini kepada pihak atasan supaya perkara ini mereka pertimbangan demi kebaikan Ahli-ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan itu menyokong ucapan Bajet 2014. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terus kan Yang Berhormat. Sudah habis sudah? Baiklah, sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

#### 5.31 ptg.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut mengemukakan pendapat dan pandangan terhadap Rang Undang-undang Perbekalan 2014 yang kita rujuk dengan istilah bajet dan Yang Berhormat Tuan Dr. Syed Husin Ali menggunakan istilah 'belanjawan'. Tidak mengapalah perbezaan kecil ini dengan izin, meminjam satu bidalan Inggeris, "*rose, rose is a rose by any name*". Bunga mawar tetap bunga mawar walaupun apa pun nama atau gelaran yang hendak diberi".

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu membentangkan bajet atau belanjawan ini di Dewan Rakyat pada 25 Oktober yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali gus Menteri Kewangan telah memulakan ucapannya dengan memetik ayat suci al-Quran yang sangat relevan untuk mendapat berkat. Saya ulang kembali petikan ayat suci al-Quran itu, "*Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepada mu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagian mu daripada keperluan di dunia dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepada mu yakni di atas pemberian nikmat yang melimpah-limpah*". Selepas itu, petikan ayat suci tersebut ditambah pula dengan ungkapan bestari, hasil renungan manusia yang dikurniakan Allah fikiran yang kreatif. Sekali lagi saya ingin memetik ungkapan bestari itu, "*Berpadu ialah suatu permulaan. Terus bersatu merupakan kemajuan manakala bekerja secara berganding-ganding, bahu-membahu, itulah resipi kejayaan*".

Saya rasa kalau kita dapat menghayati petikan ayat al-Quran dan petikan madah bestari itu, kita dengan sendirinya dapat memahami betapa bajet ini sebenarnya telah menjiwei serta menentukan rentak dan irama keseluruhan. *Sorry*, minta maaf. Saya berpendapat bahawa petikan

ayat suci Al-Quran dan ungkapan bestari hasil renungan manusia yang kreatif itu telah menjiwai serta menentukan rentak dan irama keseluruhan bajet yang kita bahaskan ini. Saya yakin bajet atau belanjawan ini telah difikirkan masak-masak, ditimbang sama berat dan digubal dengan perhitungan-perhitungan dengan rasional dan objektif tanpa mengabaikan unsur-unsur emosi kemanusiaan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Walaupun ada beberapa perkara yang tidak saya setuju, pada amnya saya menyokong penuh belanjawan ini dengan harapan bahawa segala teguran membina yang disuarakan dalam kedua badan legislatif Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini akan diterima oleh pihak eksekutif dengan fikiran yang terbuka dan sikap berdada lapang, beralam luas. Kita juga menyedari, di samping teguran-teguran membina membahaskan bajet ini, juga terdapat mulut-mulut celopar yang mencemarkan bajet ini. Ertinya, perbahasan bajet ini juga telah tercemar oleh mulut-mulut celopar individu-individu tertentu terutama semasa didebatkan di Dewan Rakyat dulu.

Pada pandangan saya, lima teras utama bajet ini terlalu memberatkan aspek-aspek ekonomi yang rasanya tidak seimbang dengan matlamat Wawasan 2020. Ini kerana di samping aspek-aspek ekonomi, Wawasan 2020 juga memberatkan aspek-aspek sosial, psikologi dan pembinaan negara bangsa yang pada hemat saya kurang mendapat perhatian dalam lima teras bajet ini. Kalau kita perhatikan, lima teras utama, merancak aktiviti ekonomi masih lagi ekonomi sifatnya. Mengukuh pengurusan fiskal iaitu kewangan masih lagi ekonomi, mengunggulkan modal insan pun juga memberatkan kepada aspek ekonomi iaitu modal insan hanya untuk keperluan pembinaan sumber daya manusia. Sedangkan aspek-aspek pembinaan watak, rasanya kurang. Begitu juga umpamanya mempergiat pembangunan bandar dan luar bandar, aspek ekonomi lagi. Kemudian mensejahterakan kehidupan rakyat, aspek ekonomi lagi.

Tidak ada salahnya Tuan Yang di-Pertua, untuk kita memberatkan aspek-aspek ekonomi ini tetapi jangan sampai kita mengabaikan aspek-aspek sosial, pembinaan negara bangsa dan pembinaan watak angkatan yang akan mewarisi apa yang kita dipertanggungjawabkan sekarang. Ertinya kita menyedari bahawa bajet digubal untuk memenuhi hasrat dan keinginan yang berbagai-bagai ragam dan ditanggapi oleh fikiran pihak-pihak yang tidak sealiran. Itu adalah kekuatan kita menerima fikiran-fikiran yang tidak sealiran dengan semangat ukhuwah. Kita menyedari tentulah mustahil memenuhi kehendak setiap pihak secara mutlak. Oleh sebab itu, kita juga menyedari beban berat yang dipikul oleh pihak pemerintah.

Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun;

*Batu Pahat bersawah bendang,*

*Pak Amat Pak Ali baru mencangkul,*

*Betapa berat mata memandang,*

*Beratlah lagi bahu memikul.*

Pantun itu adalah gambaran beban dan tanggungjawab kerajaan memenuhi pelbagai tuntutan dan permintaan, menghadapi pelbagai rayuan dan ugutan, mendengar pelbagai teguran dan cadangan. Sebagai penyokong kerajaan yang setia, saya juga ingin membuat teguran yang membina khususnya mengenai perpaduan dan pembinaan negara bangsa dan beberapa isu sampingan yang lain.



Di dalam mukadimah tadi, saya sebenarnya saya telah mengemukakan teguran yang membina itu iaitu saya merasakan bahawa aspek-aspek pembinaan watak, aspek-aspek pembinaan negara bangsa, aspek-aspek sosial bukan tidak diperhatikan, tetapi seakan-akan digerhanakan oleh matlamat-matlamat ekonomi. Seakan-akan Wawasan 2020 itu hanya merupakan wawasan ekonomi sahaja.

Kalau kita baca buku ini dengan teliti iaitu buku *Melangkah ke Hadapan* yang merupakan buku asas yang menjadi, yang mengilhami Wawasan 2020 itu. Sembilan cabaran di sini kalau kita perhatikan, daripada sembilan cabaran itu, rasanya hanya satu atau dua yang merujuk secara khusus kepada ekonomi. Kepada yang lain merujuk kepada *insya-Allah* akan saya baca sekejap lagi. Merujuk kepada negara bangsa, apa corak negara bangsa yang kita mahu.

Akan tetapi sebelum itu, sebelum merujuk kepada perkara-perkara yang saya rasa relevan dalam dokumen penting ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terlebih dahulu membawa perhatian kita bersama kepada satu teks penting, satu ucapan penting, titah penting yang pernah dilafazkan oleh waktu itu masih bergelar Yang Amat Mulia Raja Azlan, semasa menjadi Ketua Hakim Negara kalau tidak salah saya pada masa itu, sekarang sebagai Sultan Perak.

#### ■1740

Dalam tahun 1979 sewaktu menjadi Canselor Universiti Malaya, waktu itu bergelar Yang Mulia Raja Tan Sri Azlan sewaktu menerima gelaran sebagai Doktor Honoris Kausa dari Universiti Malaya, baginda telah bertitah dan saya ingin memperkenalkan titah baginda dengan serangkap pantun:

*Telah bertitah baginda sultan,  
negara Malaysia terasnya Melayu,  
walaupun unsur pelbagai ragam,  
bahasa dan budaya mestilah satu.*

Kemudian Yang Amat Mulia Baginda Sultan Perak sekarang memulakan ucapannya dengan ayat-ayat berikut.

*“Malaysia ialah sebuah negara berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang adat dan berbilang resam tetapi walau bagaimanapun kita perlu beringat dan jika tidak ingat perlu diingatkan. Maka kita seharusnya diperingatkan bahawa dalam negara yang semuanya berbilang itu mestilah ada satu asas di mana kita mesti menumpukan perhatian kita dan perhatian asas yang sepatutnya menjadi perhatian itulah yang sekarang sejak akhir-akhir ini digugat oleh petualang-petualang nasional”.*

Baginda bukan sahaja menyebut sejarah Melayu sebagai teras khidmat negara Malaysia tetapi juga mengingatkan bahawa Persekutuan Tanah Melayu iaitu nama negara ini sebelum dipanggil Malaysia adalah diasaskan atas tapak Kesultanan Melayu Melaka sebelum Melaka dijajah oleh Portugis dalam tahun 1511 dahulu. Lalu baginda menegaskan lagi. Dengan perkataan lain titah baginda, *“Negara Malaysia adalah berteraskan sejarah Melayu, evolusi politik Melayu,*

*nasionalisme Melayu yang hidup subur di Kepulauan Melayu yang mempunyai sejarah kebudayaan Melayu.*” Ini seakan-akan kita lupakan. Dan di penghujung titah itu baginda menegaskan, “*Untuk menjadikan satu-satu masyarakat itu kuat, dinamik dan tahan lasak, maka perlulah seluruh masyarakat dalam negara itu bersatu padu di bawah satu bendera, satu bahasa, satu kebudayaan dan satu lambang*”. Lima tahun setelah Raja Tan Sri Azlan menyampaikan ucapan itu, Raja Tan Sri Azlan telah dimahkotakan sebagai Sultan Perak dan sejak itu dikenali dengan gelaran kebesaran Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk dan memetik kembali titah Seri Paduka Baginda Sultan Azlan yang dilafazkan lebih dari 25 tahun yang lalu itu untuk mengingatkan kita, untuk mengingatkan mereka yang lupa termasuk sebahagian dari kita. Kita jangan sampai lupa bahawa lima teras utama Bajet 2014 ini adalah satu persiapan untuk mencapai Wawasan 2020. Oleh kerana itu persiapan, lima teras dan teras-terras itu mestilah seimbang. Seimbang aspek-aspek ekonominya dengan aspek-aspek sosial dan aspek pembinaan negara bangsanya. Akan tetapi sayang...

**Dato’ Dr. Johari bin Mat:** Boleh mencelah?

**Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Oh ya, sila, sila.

**Dato’ Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato’. Tadi saya dengar ada asas negara bangsa. Antara lain ialah bahasa, bahasa Malaysia atau bahasa Melayu. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Dato’ kalau kita tengok sekarang ini pemimpin-pemimpin kita yang menjadi ikutan kepada masyarakat umum. Kalau bercakap dalam satu sidang akhbar atau pun seminar atau pun apa-apa, kalau sekiranya ada di dalam kehadiran itu orang-orang bukan Melayu, mereka sering berucap di dalam bahasa Inggeris. Akan tetapi kalau ada orang Melayu sahaja atau di kampung-kampung, mereka bercakap bahasa Melayu. Ini seolah-olah memberi pandangan kepada masyarakat bahawa orang-orang bukan Melayu termasuk seperti Cina atau India tidak fasih dalam bahasa Melayu sedangkan kita tengok dalam Dewan ini sangat fasih.

Jadi apa kata kalau sekiranya pada pandangan Yang Berhormat Dato’ bahasa Melayu itu perlu didahulukan pada bila-bila masa sahaja di dalam ucapan rasmi. Terima kasih.

**Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Dato’ Dr. Johari bin Mat yang sangat pandai membaca fikiran saya. Apa Yang Berhormat suarakan itu, itulah dia isi kalbu saya. Keprihatinan, kerisauan dan kerunsingan Yang Berhormat turut saya rasakan. Apabila saya memulakan ucapan ini dengan mengatakan bahawa aspek-aspek ekonomi terlalu diberatkan seakan-akan mengabaikan aspek-aspek yang lain. Itulah yang saya maksudkan. Kita sangat sedih dengan penderitaan kalau saya boleh menggunakan istilah itu, dengan nasib yang dihadapi oleh bangsa Melayu sekarang. Sebenarnya ada di bahagian akhir ucapan saya ini yang saya mengatakan bagaimana pengalaman, kalau saya sudah sebut sekarang barangkali tidak perlu sebut nanti sebelum saya teruskan yang ada di dalam teks ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh? Pengalaman. Malam tadi di suatu yang ada *briefing* daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Seorang

pelayan, saya bercakap bahasa Melayu, tidak faham. Saya minta kicap. Dia kata boleh bawa kicap atau tidak? Rupanya ternyata orang itu bukan warganegara kita. Kemudian, ini pengalaman lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi ke kedai dobi di Bangsar membandingkan harga mencuci atau *dry clean* jaket. Saya pergi ke satu kedai. Hanya itu sahaja. Saya tanya satu jaket berapa bayarannya? Dia tidak faham. Dia kata *"I am sorry sir. I am a Filipino. I cannot speak Malay"*, dengan izin. Itu satu. Kemudian saya pergi ke kedai yang lain, sengaja hendak membandingkan harga sekali lagi. Kedai dobi juga. Pelayan kedai itu seorang Pakistan. Saya tanya dengan bahasa Melayu yang sama. Dia jawab dengan bahasa Inggeris yang sama nadanya dengan orang Filipina tadi. Itulah nasib bangsa.

Satu lagi pengalaman. Di Bangsar...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Saya fikir teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Okey teruskan. Jadi maksud saya begitulah nasib bahasa Melayu sekarang yang sangat menyedihkan. Ini saya rasa memerlukan tekad dan iltizam kita untuk memperkasa bahasa kita. Kerajaan menyediakan beratus ribu ringgit malah berjuta. Selain daripada bajet tahun Dewan Bahasa dan Pustaka, bajet untuk Bulan Bahasa Kebangsaan sahaja beratus ribu ringgit tetapi apa hasilnya? Ini telah dilakukan tahun demi tahun demi tahun tetapi apa buahnya?

Begitulah kedudukan bahasa sebagai menjawab soalan Yang Berhormat tadi. Tadi saya menyebut Tuan Yang di-Pertua tentang bagaimana bajet ini saya rasa terlalu menekankan aspek-aspek ekonomi sehingga mengabaikan aspek-aspek yang lain dan seakan-akan tidak se... - dengan izin, *not in tandem* dengan Wawasan 2020. Kenapa saya katakan begitu? Dalam buku ini yang menjadi asas kepada Wawasan 2020, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir sekarang berkata. Saya baca dengan izin ya, *"Kita perlu menjadi negara maju menurut acuan sendiri"*. Sekarang acuan kita macam mana? Tiga tahu yang lalu Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sekarang, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi di sebuah seminar bukan dua atau tiga tahun, empat tahun yang lalu di sebuah seminar di Kuala Terengganu mengatakan bahawa sistem pendidikan kita cacamarba hingga menimbulkan kebudayaan yang juga cacamarba.

#### ■1750

Pengakuan daripada Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi sendiri dan ini bukanlah cakap-cakap bohong sahaja tetapi boleh saya dokumentasikan. Saya teruskan apa kata Tun Dr. Mahathir. *"Malaysia tidaklah harus menjadi negara yang maju dari segi ekonominya semata-mata..."*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada 10 minit Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *Sorry?*

**Timbalan Yang di-Pertua:** 10 minit lagi.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sahaja? Ya, saya cubalah kalau apabila patut berhenti Timbalan Yang di-Pertua beritahu saya berhentilah tetapi saya rasa kerana perkara-perkara yang saya hendak cakap telah banyak dicakapkan oleh kawan-kawan yang lain. Saya ingin hanya memberikan sedikit *angle* yang lain, yang berbeza kepada perbincangan ini agar kita jangan melupakan matlamat kita. Pembinaan sebuah negara bangsa yang seakan-akan kita abaikan. Saya

teruskan. *“Malaysia tidaklah harus menjadi negara yang maju dari segi ekonominya semata-mata. Negara kita mestilah menjadi negara maju dari segala seginya, dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan”*. Dengan 505 juta orang pendatang izin dan pendatang tanpa izin yang berada di negara kita ini, bagaimanakah kehidupan, kebudayaan dan sosial kita dalam masa yang singkat. Suatu yang sangat menggerunkan tetapi kita hadapi.

Kata Dr. Mahathir lagi, *“Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kepaduan sosial”*. Kelmarin, pada hari Isnin sahabat kita Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop menanyakan tentang apakah cabaran-cabaran utama dan kekangan yang dihadapi oleh kerajaan dalam meningkatkan perpaduan nasional? Apakah strategi jangka panjang kerajaan untuk mengatasi cabaran dan kekangan tersebut terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan hubungan antara kaum? Menteri terus terang mengatakan masih banyak masalahnya. Ertinya ini adalah soalan semangat daripada soalan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop ini ialah merupakan manifestasi daripada keprihatinan tentang masalah perpaduan kita sekarang yang rasanya memerlukan tindakan yang betul-betul penuh iltizam. Adakah itu kita lakukan? Sejauh manakah kita benar-benar mempunyai sikap yang tegas menghadapi petualang-petualang yang mencabar perpaduan kita ini?

Kita seakan-akan diperas ugut oleh pihak-pihak tertentu apabila kita hendak memperkenalkan pengajaran bahasa Malaysia di sekolah jenis kebangsaan daripada beberapa jam kepada beberapa jam, hanya perbezaan itu dan itu pun dipersoalkan. Perkara sekecil itu dipersoalkan dan kita layan dengan perundingan. Ini bagi saya seakan-akan kita membiarkan diri kita menjadi peras ugut yang bukan-bukan. Jadi, ini suatu yang merisaukan.

Selain daripada itu, yang patut juga untuk mengingatkan kita Tuan Yang di-Pertua, tentang sembilan cabaran yang harus diperhatikan di sini. Cabaran yang pertama kata Tun Dr. Mahathir adalah *“Membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu padu serta menjunjung masa hadapan yang dikongsi bersama”*. Adakah generasi selepas kita akan mewarisi apa yang kita warisi daripada generasi sebelum kita tentang perkongsian masa hadapan, menjunjung masa hadapan yang dikongsi bersama itu. Persiapan untuk generasi selepas kita supaya menjunjung masa depan dengan dikongsi bersama itu saya rasa tidak begitu serius. Bangsa itu mestilah sejahtera, terintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompok etniknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan hak dan keadilan membentuk sebuah bangsa Malaysia dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bahagi terhadap bangsa tersebut.

Saya tahu masa semakin singkat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin seperti yang saya katakan tadi bahawa bagaimana sembilan cabaran yang menjadi matlamat yang akan menentukan kejayaan kita mencapai Wawasan 2020 itu tidak merujuk kepada aspek-aspek ekonomi sahaja. Cabaran kedua kata Tun Dr. Mahathir adalah *“Melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang bebas, teguh dan terbentuk jiwanya, yakin akan dirinya sendiri...”* Tidak perlu bergantung kepada tenaga buruh asing, *“Bangga akan keadaannya kini dan segala sesuatu yang telah dicapainya dan cukup tangkas untuk menghadapi segala macam rintangan”*. Persiapan itu saya rasa yang patut diberi perhatian.

Cabaran ada tiga yang sentiasa kita hadapi adalah cabaran membentuk dan memperkembangkan sebuah masyarakat demokratis yang matang, yang mengamalkan satu bentuk demokrasi Malaysia yang unggul berasaskan muafakat dan musyawarah dan dapat pula dicontohi oleh negara-negara membangun yang lainnya. Ini secara beransur-ansur telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, itu kita akui umpamanya dengan melonggarkan peraturan-peraturan ISA dan seumpamanya.

Cabaran yang keempat adalah membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Apa yang kita dapati sekarang? Mat rempit, ibu tanpa suami melahirkan anak. Ini adalah antara masalah-masalah. Adakah kita *address* masalah itu?

Cabaran yang kelima yang terus kita hadapi ialah membentuk sebuah masyarakat matang yang bersifat liberal lagi toleransi. Dengan sikap warganegara Malaysia tanpa mengira keturunan mahupun kepercayaan, bebas mengamalkan dan melaksanakan adat resam, kebudayaan serta kepercayaan agama masing-masing tanpa merasa tersisih daripada bangsa tersebut. Kita dapati sekarang apabila berlaku kebebasan seperti ini, kebebasan ini disalahgunakan.

Cabaran yang keenam adalah membentuk sebuah masyarakat yang bersifat sains serta progresif, berdaya cipta, berpandangan jauh hingga ke hari muka. Cabaran yang ketujuh adalah membentuk sebuah masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang, sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri dengan kebajikan rakyat. Ini adalah Pemuda UMNO yang banyak menolong orang-orang banjir sekarang. Bolehlah kita lakukan. Memang sudah ada tanda-tanda ke arah itu.

Cabaran yang kelapan adalah menjamin terbentuknya sebuah masyarakat yang adil ekonominya, seimbang antara ekonomi bandar dan ekonomi luar bandar, seimbang antara ekonomi antara kaum dan seterusnya yang barangkali akan diusahakan. Cabaran yang kesembilan adalah membentuk sebuah masyarakat yang makmur dengan ekonominya yang mampu menghadapi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada dua minit lagi. Mungkin boleh mula gulung Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Okey, saya inilah, kerana telah banyak perkara yang hendak saya timbulkan disentuh oleh kawan-kawan yang lain. Saya hanya minta kita bersama memikirkan kembali melihat cabang sembilan cabaran itu kembali dalam konteks belanjawan ini. Selain daripada itu ada banyak perkara-perkara yang saya hendak timbulkan di sini Tuan Yang di-Pertua. Tentang warga asing telah ditimbulkan, saya sokong pandangan kawan.

Akan tetapi satu perkara yang penting mengenai Parlimen ini. Saya ada timbulkan soal kelengkapan-kelengkapan Parlimen ini yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat sahabat saya di seberang sana itu. Umpamanya ini, tidak tahulah saya berapa orang di antara kita yang betul-betul dapat manfaat yang optimum daripada komputer yang sudah menjadi dinosaur ini. Minta maaf Yang Berhormat, ini membazir betul. Saya ingat dahulu sahabat kita Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz empat lima kali memohon *printer*. *Alhamdulillah* akhirnya Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz tidak ada, *printer* baru dapat. Saya rasa saya sudah tidak ada dekat Dewan ini barulah

komputer ini akan tukar. Jadi saya harap, saya ada 13 bulan lagi sebelum saya cuti, sebelum habis terma saya, dapatlah saya menikmati komputer baru di sini.

Selain daripada itu, kompelin tadi tentang pengawalan Dewan ini dan juga tentang kewangan Dewan. Saya sokong sahabat kita tadi tentang perlunya Dewan ini, Parlimen ini diberi satu cabang tersendiri daripada kerajaan diberi *financial independent*, tidak bergantung lagi kepada badan-badan lain.

■1800

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah di bangkit Yang Berhormat, teruskan. Sudah dibangkit tadi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sudah dibangkit? Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Ini *last point* yang ada kaitan dengan perkara yang tadi. Antara kesilapan kita selama ini Tuan Yang di-Pertua, ialah kita mengabaikan pelbagai dasar-dasar nasional yang telah kita rumuskan dan telah kita persetujui. Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan dan Kebangsaan, Dasar Perfileman Negara, banyak dasar-dasar negara yang kita rumuskan dengan tujuan untuk mewujudkan negara bangsa yang bersepadu, kita abaikan, tidak kita laksanakan secara tuntas. Antara kelemahan-kelemahan kita selama ini.

Keadaan ini juga dalam bahasa, dalam ungkapan yang lain telah ditimbulkan oleh rakan-rakan yang lain, jadi inilah antara perkara-perkara yang saya rasa patut diberi perhatian. Kalau perlu *supplementary budget* untuk ini, tahun depan lakukan. Ini kerana saya rasa kehidupan bernegara tidak bergantung kepada kemewahan ekonomi saja. Apa lagi kalau kemewahan ekonomi itu hanya akan dinikmati oleh sebahagian pihak-pihak yang tertentu saja. Kita tidak mahu kehidupan kepada negara dirosakkan oleh petualang-petualang yang bermulut celopar. Saya tidak perlu huraikan lebih panjang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian *mafhum* maksud saya.

Saya patuh dengan arahan Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan itu saya ucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberi. Kalau saya terkeras suara, saya mohon maaf, tapi kata orang '*Sayang anak dipukul-pukuli, sayang isteri ditinggal-tinggalkan, sayang sahabat ditegur-tegur*'. *Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh*. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Chiew Lian Keng.

6.02 ptg.

**Tuan Chiew Lian Keng:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 iaitu Bajet 2014 pada hari ini.

Saya berpendapat bahawa bajet ini merupakan satu bajet yang memberikan penekanan terhadap penambahbaikan keadaan ekonomi negara kita. Tidak dilupakan juga adalah bantuan kebajikan dan mengurangkan beban hidup rakyat terus diberikan kepada kumpulan berpendapatan sederhana dan rendah oleh Kerajaan Barisan Nasional. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri yang menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang untuk memastikan kebajikan rakyat jelata dijaga dengan baik.

Perkhidmatan kesihatan awam merupakan salah satu aspek yang penting dalam membantu meringankan beban golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana yang mengidap penyakit. Komitmen Kerajaan Pusat BN dalam memastikan kos perkhidmatan kesihatan dapat dikekalkan rendah sehingga RM1 setiap kali ataupun percuma untuk warga emas rakyat Malaysia patut diberikan penghargaan kerana ia telah berjaya memastikan rakyat negara kita kekal sihat dan produktif.

Namun demikian, adalah amat penting untuk Kementerian Kesihatan memastikan bahawa kualiti doktor dan juga jururawat yang baru dilatih dan berkhidmat di hospital awam menepati piawaian. Sering kali kita telah mendengar rungutan daripada *Malaysia Medical Association* iaitu MMA dengan izin, menyatakan bahawa para doktor yang baru dianggarkan 5,000 orang setiap tahun akan menganggur kerana hospital awam tidak dapat menampung doktor pelatih yang terlalu ramai. Sebagai tambahan, doktor baru yang melimpah ini akan menyebabkan doktor pelatih itu tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi bagi merawat pesakit.

Saya memohon pihak kementerian mengambil jalan penyelesaian dalam memastikan doktor pelatih dan juga jururawat pelatih ini dapat diberikan latihan wajib dan pengalaman merawat pesakit yang mencukupi sebelum mereka dibenarkan untuk bekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat berpendapatan rendah dan sederhana hanya berkemampuan untuk mendapat rawatan di hospital awam. Maka, adalah amat penting bagi pihak kementerian memastikan bahawa perkhidmatan hospital perlu menjurus kepada golongan yang amat memerlukan ini. Saya telah menerima aduan dari beberapa kawasan dan negeri yang menyatakan bahawa hospital di kawasan mereka berada dalam keadaan kritikal kerana bilangan pesakit yang masuk wad semakin meningkat manakala pihak hospital tidak mampu menampung bilangan yang meningkat ini. Pesakit terpaksa di tempatkan di *walkway* dengan izin, wad kecemasan di hospital awam.

Hospital Serdang merupakan salah sebuah hospital yang mempunyai pesakit yang tinggi. Namun demikian, saya berasa sedih dan kecewa kerana kecacatan bangunan Hospital Serdang yang melihatkan siling runtuh dan struktur bangunan rosak berlaku dengan sangat kerap dan menyebabkan kecederaan kepada pesakit dan juga pekerja. Saya memohon pihak kementerian memberikan jawapan kenapa masalah dan kemalangan di Hospital Serdang ini masih berlaku, dan saya minta pihak kementerian membuat pemeriksaan yang menyeluruh dan membuat jaminan bahawa kemalangan sedemikian tidak berlaku lagi.

Menurut *Malaysia Medical Association* juga, pihak kementerian tidak mempunyai perancangan bagi membina hospital baru dalam tahun depan walaupun bilangan pesakit yang diwadkan adalah semakin meningkat. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian bagi mengambil langkah aktif dalam memastikan bahawa bilangan katil dan perkhidmatan asas di hospital yang dalam keadaan kritikal dapat ditambah sehingga mencukupi.

Klinik 1Malaysia merupakan salah satu inisiatif yang baik dalam memastikan rakyat kita mempunyai perkhidmatan kesihatan yang lengkap dan murah. Namun demikian, saya ingin

mendapatkan penjelasan berkenaan dengan kriteria pemilihan lokasi pembinaan Klinik 1Malaysia di seluruh Malaysia kerana terdapat rungutan penduduk bahawa sesetengah kawasan tidak mempunyai perkhidmatan klinik tersebut, manakala sesetengah kawasan yang mempunyai Klinik 1Malaysia, klinik desa dan juga hospital awam.

Pemansuhan subsidi gula telah diumumkan dan berkuat kuasa pada bulan Oktober 2013. Kerajaan telah menjelaskan bahawa penjimatan subsidi gula adalah sebanyak RM64 juta. Saya berharap bahawa pihak kerajaan dapat memastikan bahawa penjimatan ini akan disalurkan kepada penambahan baik kemudahan kesihatan negara kita. Pepatah menyatakan, '*Biar kita manis mulut, jangan manis minuman*'.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bajet 2014, pembangunan sukan dikatakan memerlukan ekosistem yang komprehensif meliputi infrastruktur, pengurusan dan kejurulatihan, pembentukan bakat daripada peringkat awal serta kebajikan atlet. Untuk ini, sebanyak RM239 juta diperuntukkan bagi meneruskan kecemerlangan sukan merangkumi penaiktarafan kompleks dan gelanggang sukan, mewujudkan program perintis, pengenalan bakat di peringkat sekolah rendah dan melaksanakan program *future professional coach* untuk mengilap kemahiran jurulatih berpotensi bagi sukan-sukan terpilih.

Di samping itu, kerajaan akan menyediakan RM150 juta kepada Kumpulan Wang Amanah Sukan bagi membangunkan sukan elit, rawatan perubatan dan juga penyelidikan.

#### ■1810

Seterusnya kerajaan akan membuat persiapan rapi bagi memastikan kejayaan atlet di sukan antarabangsa termasuk Sukan Asia 2014 di Incheon, Sukan Olimpik Remaja 2014 di Nanjing dan Sukan Komanwel 2014 di Glasgow. Cadangan pertama saya di dalam hal ini adalah untuk pihak kementerian melatih lebih ramai lagi graduan-graduan sukan universiti-universiti tempatan dan juga bekas-bekas atlet negara bagi menjayakan pelbagai program yang dirancang. Cadangan kedua adalah untuk pihak kementerian menumpukan kepada sukan-sukan Olimpik yang berpotensi untuk membawa pingat emas kepada negara dan seterusnya menimbangkan untuk mewujudkan konsep hab sukan Olimpik di negara-negara terpilih yang khusus menumpukan kepada satu Sukan Olimpik sahaja.

Cadangan ketiga tadbir urus yang baik seharusnya menonjolkan kejayaan sesebuah organisasi tersebut. Sehubungan itu saya memohon pihak kementerian membuat kajian terperinci mengenai hubung kait pengurusan persatuan dan juga kejayaan *athletic* ataupun sukan tersebut. Jika kajian tersebut dilakukan, mohon untuk pihak kementerian memaklumkan kepada Dewan ini hasil kajian tersebut, saya yakin hasil kajian tersebut akan dapat membantu pihak kementerian dalam membuat keputusan yang lebih strategik bagi membangunkan sukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman kenaikan cukai taksiran sekitar Kuala Lumpur telah mendapat pelbagai pandangan negatif daripada semua lapisan masyarakat berdasarkan aduan daripada penduduk dan juga peniaga. Peningkatan cukai taksiran adalah amat tinggi sehingga ada yang meningkatkan sehingga 260%. Peningkatan yang mendadak ini amat tidak rasional dan boleh menyebabkan masalah kewangan lebih mendalam terhadap penduduk di kawasan Kuala Lumpur.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyak lagi kah Yang Berhormat?

**Tuan Chiew Lian Keng:** Lima minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lima minit, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Chiew Lian Keng:** Apabila pihak berkaitan memberikan penjelasan bahawa sudah 21 tahun tidak membuat penyelarasan taksiran, saya telah menerima banyak aduan negatif serta suara yang tidak berpuas hati yang kuat, menyatakan bahawa pihak DBKL seolah-olah tidak menjalankan tugas taksiran selama 21 tahun, bukannya 21 tahun tidak membuat penyelarasan. Saya dimaklumkan oleh pihak DBKL bahawa pelbagai komitmen dan juga rancangan perlu dibuat di Kuala Lumpur contohnya penambahbaikan taman rekreasi termasuk menggaji syarikat kawalan keselamatan. Saya mengesyorkan agar pihak DBKL dapat memberikan perkhidmatan yang lebih bermutu dan berkesan. Saya juga ingin memohon pihak kementerian memberikan jaminan untuk menyelesaikan aduan daripada warga kota yang mengatakan jalan berlubang, longkang tersumbat, sampah lambat dikutip dan juga pokok yang berbahaya kerana tidak dicantas. Ini telah mengakibatkan setiap kali hujan kita akan berasa takut hendak membawa kereta kerana pokok akan tumbang dan menghempap kereta menyebabkan kemalangan maut.

Saya faham kenaikan taksiran tersebut adalah kebaikan kepada tuan punya premis ataupun rumah kerana mereka boleh menyewakan rumah mengikut kadar taksiran tersebut untuk disewakan. Manakala bagi yang diguna pakai oleh diri sendiri adalah satu beban di mana mereka perlu membayar ansuran rumah kepada bank dan juga membayar taksiran yang lebih tinggi. Sehubungan ini, saya memohon pihak DBKL perlu mengadakan satu kriteria perbezaan antara premis terpakai sendiri atau premis yang disewakan.

Selaras dengan perkembangan politik semasa, pihak kerajaan dan agensi-agensi di bawah harus mengambil langkah untuk menjalankan amalan baik dalam mengadakan majlis konsultan dan dialog bersama pihak yang berkepentingan. *Good practice on conducting stakeholder engagement* dengan izin, pihak kerajaan dan agensi patut mengadakan sesi dialog dengan penduduk sebelum keputusan dalam sebarang dasar kerajaan yang berkaitan. Maka dengan adanya majlis konsultan sedemikian, kita dapat mengelakkan salah faham, mengelakkan dasar sebegini dijadikan isu debat politik. Menguruskan kekeliruan dan juga mengelakkan kenyataan yang dikelirukan yang berbeza yang dilakukan oleh para pegawai kerajaan.

Sebagai tambahan, saya mengesyorkan supaya Kementerian Wilayah Persekutuan dapat menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang lebih berkualiti, mesra rakyat serta mengambil jalan sederhana dalam memastikan peningkatan mendadak cukai taksiran dan juga dikurangkan kepada tahap yang rasional. Ini agar dapat diterima oleh rakyat jelata dalam mengharungi keperitan hidup di ibu kota. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana berjaya mengadakan satu bajet negara yang komprehensif. Maka dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2014, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Puan S. Bagiam.

**6.17 ptg.**

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Salam sejahtera dan salam 1Malaysia, *Vanakam*. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan segulung penghargaan serta ribuan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Bajet 2014 pada 25 Oktober yang lepas. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan belanjawan negara kita yang dilihat merangkumi segala aspek-aspek untuk pembangunan dan kemajuan negara.

Sebelum saya memulakan ucapan saya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah di atas pelantikan baru Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan. Saya rasa bersyukur serta terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pelantikan ini yang mencerminkan keprihatinan beliau terhadap golongan orang kurang upaya. Seterusnya Bajet 2014 yang dibentangkan melibatkan keseluruhan RM264.2 bilion ini bukan sahaja tertumpu kepada usaha kerajaan menjadikan Malaysia negara maju tahun 2020, malah turut mengambil kira keperluan dan kehendak rakyat dari pelbagai latar belakang.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 yang dibentangkan baru-baru ini sekali lagi tidak terlepas daripada memberikan perhatian khusus kepada pembangunan usahawan wanita melalui bantuan Amanah Ikhtiar Malaysia. Saya ingin bertanya apakah keputusan kajian yang telah dijalankan oleh agensi Amanah Ikhtiar Malaysia yang tertumpu kepada wanita dari masyarakat India di negara ini bagi membantu kaum India untuk terus maju? Apakah kesimpulan yang diperolehi? Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk turut menyokong agar agensi Amanah Ikhtiar Malaysia ini dapat menukar imej agensi ini sebagai satu institusi perbankan bagi membantu golongan usahawan wanita khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya apakah kerajaan mempunyai satu pelan tindakan dalam mengagihkan kontrak-kontrak dalam perancangan pembangunan negara dalam Bajet 2014 ini?

**■1820**

Tibalah masanya seperti mana yang diseru oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kita agar kaum India tidak akan dipinggirkan dalam arus pembangunan seperti mana Dasar 1Malaysia. Saya pohon agar kontraktor-kontraktor India diberikan peluang yang secukupnya dalam membantu masyarakat India untuk membina dan mengukuhkan kedudukan ekonomi agar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara dan ekonomi. Walaupun saya telah diberikan jawapan bertulis daripada pihak kementerian semalam berhubung dengan kontraktor India, saya dapati jawapan bertulis tersebut adalah satu jawapan yang tidak memberangsangkan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebanyak 1,060 projek telah diberikan kepada kontraktor India dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya berterima kasih terhadap penawaran ini tetapi sedarkah kerajaan bahawa sejumlah projek yang ditawarkan ini adalah tawaran kepada pemain-pemain yang besar dan ternama? Persoalannya adalah, berapakah jumlah kontraktor yang ditawarkan kepada kontraktor India yang berjumlah RM500,000 dan ke bawah?

Satu lagi isu yang ingin saya bawa di Dewan yang mulia ini adalah mengapa hanya 1,102 kontraktor India sahaja yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB). Apakah kerajaan tidak sedar terdapat kekurangan dalam jumlah ini dan tidakkah kerajaan akan membantu mengenal pasti kekurangan ini? Kita sedar bahawa kaum India masih jauh ketinggalan dalam usaha memperkasakan ekonomi tempatan. Saya rayu agar kerajaan dapat meneliti dan membuat kajian yang terperinci dan membantu kontraktor-kontraktor India untuk terus maju dan bersaing dalam sektor industri ini?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beralih, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mengiktiraf pengorbanan serta bantuan dan sokongan kaum India membantu Barisan Nasional kembali memerintah. Saya percaya komitmen serta kepercayaan masyarakat India terhadap pimpinan Barisan Nasional tidak akan malap dan sentiasa setia sejak dahulu, kini dan selamanya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2014, peruntukan yang dibentangkan adalah sebanyak RM264.2 bilion manakala Kementerian Pendidikan telah diberikan peruntukan sebanyak RM54.6 bilion iaitu 21% daripada keseluruhan peruntukan Bajet 2014. Bajet 2014 ini merupakan bajet pragmatik, komprehensif dan perakui kepentingan semua lapisan rakyat daripada kanak-kanak sehingga warga emas. Memandangkan peruntukan yang begitu besar, maka diharapkan agar semua agensi Kementerian Pendidikan perlu diuruskan dengan baik supaya ia dapat sampai kepada kumpulan sasar yang sepatutnya. Adalah menjadi harapan kita semua supaya pihak Kementerian Pendidikan dapat melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dengan lebih terancang supaya objektif untuk mewujudkan satu sistem pendidikan bagi memperkembangkan sepenuhnya potensi setiap individu untuk mencapai aspirasi negara maju menjelang tahun 2020.

Isu yang ini saya bawa untuk perhatian Kementerian Pendidikan adalah mengenai tenaga pengajar. Saya telah menerima beberapa rungutan daripada kalangan guru-guru mengenai tugas guru-guru yang bukan hanya bertumpu kepada mengajar malah dibebankan dengan banyak lagi kerja-kerja pentadbiran dan pengurusan. Ada kalanya guru-guru ini terpaksa bangun pagi awal untuk mengemas kini Sistem Penilaian Berasaskan Sekolah (SPBS). Walaupun pengisiannya cepat tetapi masa yang diambil untuk memuat turun turut mengambil masa yang begitu lama dan sentiasa lambat. Seterusnya, mengapa pengisian ini hanya dibuka selepas pertengahan tahun walaupun ia dikehendaki diisi sejak permulaan persekolahan? Saya berharap Kementerian Pendidikan dapat meneliti kembali sistem ini yang cukup baik untuk ditambah baik daripada segi prestasi pencapaiannya.

Pada masa yang sama saya menyarankan agar kerja-kerja sedemikian diberikan kepada penjawat awam pentadbiran dan bukannya tenaga pengajar. Ramai di kalangan masyarakat yang bukan daripada golongan tenaga pengajar ini beranggapan bahawa cikgu hanya pergi ke sekolah pada pukul 7.30 pagi, balik ke rumah pada pukul 1 petang dan tidak ada kerja lain. Akan tetapi mereka tidak sedar bahawa semua di rumah pun cikgu-cikgu kena buat persediaan mengajar, kena buat alat bantu mengajar, kena semak buku, kena isi borang dan di dalam kelas pun banyak kerja yang ada kaitan dengan profesion perguruan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pada pengalaman saya, ini membazir masa dan seharusnya Kementerian Pendidikan melantik lebih ramai mungkin kakitangan bukan guru untuk bantu guru menyelesaikan hal kerja-kerja bukan mengajar. Dengan ini saya minta supaya pihak kerajaan akan bersikap adil, saksama dan berjimat-cermat. Jadi, gunakanlah peruntukan yang diperuntukkan dengan bijak melainkan satu *education system* yang baik dan cemerlang untuk kita semua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek sukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan RM239 juta untuk kecemerlangan sukan terutamanya dalam baik pulih kompleks sukan, gelanggang sukan dan untuk mengenal pasti bakat-bakat sukan daripada bangku sekolah rendah lagi. Perancangan ini dilihat amat baik tetapi masalahnya adalah daripada segi pelaksanaan. Saya lihat naik taraf kemudahan sukan dan mencungkil bakat adalah satu aspek pembangunan industri sukan di Malaysia tetapi kita masih menerima rungutan dan aduan bahawa ada sekolah-sekolah yang masih tidak ada padang permainan khasnya sekolah rendah jenis kebangsaan. Jika kemudahan padang ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Agaknya masih banyak lagi Yang Berhormat?

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Habis. Sedikit sahaja, lima minit. Sediakan bagaimana kita dapat memilih atlet-atlet kita daripada bangku sekolah lagi? Saya mohon Kementerian Pendidikan dapat berbincang dengan Kementerian Belia dan Sukan agar satu jalan penyelesaian yang konkrit dan pantas dapat dicapai untuk menjamin masa depan sukan di negara kita ini terus cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya *endorse* untuk sedikit tentang wanita. Walaupun Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mempunyai bajet yang lebih tinggi berbanding tahun lepas, namun saya rasa kerajaan telah tertinggal untuk menangani satu isu pokok iaitu membanteras budaya diskriminasi terutama diskriminasi gender khasnya di kawasan luar bandar.

#### ■1830

Dalam masa yang sama, saya juga ingin mencadangkan agar kaum wanita yang tidak bekerja, yang memilih menjadi suri rumah untuk menjaga anak suami dan orang tua mereka itu dihargai dan diberikan bantuan serta insentif bagi menjamin hari tua mereka. Ini kerana pengorbanan mereka itu tidak ternilai. Mereka ini adalah golongan yang terpenting dalam mewujudkan masyarakat penyayang dan bertanggungjawab. Tanpa asuhan dan didikan mereka secara rohani, saya percaya kita tidak akan berjaya melahirkan masyarakat makmur perhatian serta murni.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mohon menjelaskan mengenai program *NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW)*. Saya ingin tahu, apakah rancangan-rancangan yang telah digariskan bagi program ini? Setakat manakah penglibatan Malaysia dalam merealisasikan pembangunan wanita secara seluruh di peringkat antarabangsa?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhirkan ucapan saya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai kelulusan untuk projek-projek perumahan kondominium yang mewah. Sedarkah kerajaan bahawa terdapat terma dan syarat bahawa sebarang mayat tidak dibenarkan dibawa ke rumah-

rumah mewah itu walaupun rumah tersebut telah dimiliki oleh pembeli. Apakah ini tidak bercanggah dengan kepercayaan masyarakat kita di Malaysia? Harap Yang Berhormat Menteri dapat meneliti kembali semua syarat-syarat dan terma yang dikenakan kepada pembeli sebelum menjual unit-unit ini.

Saya percaya semua kemudahan harus disediakan tidak kira murah atau mewah. Saya menyarankan agar semua jenis projek perumahan harus dan wajib menyediakan dewan serba guna bagi pelbagai acara termasuk kematian, keraian dan sebagainya sebagai satu terma mandatori sebelum mengeluarkan barang kelulusan pembinaan. Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan – Sebelum saya persilakan Ahli Yang Berhormat yang seterusnya, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Kalau boleh siapa hendak berucap pun tunggulah dahulu menghormati Dewan. Ini kerana kalau tengok Yang Berhormat Datuk Pau Chiong Ung ini hari terakhir ada lagi dalam Dewan. So saya hendak, inilah KPI yang saya tengok agar masa depan Ahli-ahli kita.

Tanpa buang masa lagi saya hendak bagi peluang pada semua berucap dan kita sudah tentukan hari ini sampai akhir, sampai habis berucap. Sekarang kita ada empat orang lagi, saya harap empat yang sudah beri nama itu ada bersedia dalam Dewan. Sekarang tanpa buang masa, saya persilakan Yang Berhormat Dato' Khairudin Samad.

### 6.33 ptg.

**Dato' Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ini orang baru dan ini merupakan ucapan sulung membahas dan kebetulan pula kena yang terakhir, hampir-hampir akhir. Jadi teks ucapan yang saya siapkan pun saya dengar semua sudah pakai habis. Jadi oleh kerana itu, saya rasa saya akan hanya tumpu kepada *point* yang tidak disebut atau pun ada sedikit-sedikit yang telah disebut saya akan berucap untuk menambahbaikkkan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus Yang Berhormat. Itulah cara yang terbaik.

**Dato' Khairudin Samad:** Jadi kalau saya terbabas waktu, Tuan Yang di-Pertua tolong tegur saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Saya akan, saya akan. Teruskan.

**Dato' Khairudin Samad:** Takut kalau terbabas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan.

**Dato' Khairudin Samad:** Saya pertama sekali ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah pun membentangkan bajet yang tiap-tiap tahunnya bagus. Jadi kita tidak payah cerita yang itu sebab semua baik. Pertama yang saya hendak cerita ialah Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berkisar kepada ahli keluarga kita di dalam Dewan ini dulu. Ini saya minta kerjasama rakan-rakan yang masih tinggal dengan saya di dalam Dewan ini, Dewan yang mulia ini. Saya hendak menjurus kepada beberapa perkara. Ini

kerana waktu mengangkat sumpah, saya masih ingat lagi Tuan Yang di-Pertua ada menyebut bahawa kita mesti hilangkan persepsi bahawa kita ini *rubber stamp*.

Kedua tadi sewaktu makan, Tuan Yang di-Pertua juga ada menyebut bahawa Tuan Yang di-Pertua akan memperkasakan Dewan Senate ini. Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan saya Yang Berhormat semua, saya ini mempunyai sedikit pengalaman sebagai Setiausaha Sulit, Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Politik kepada Yang Berhormat Menteri. Jadi saya pernah menghadiri kursus di INTAN dan di situ saya telah pun dimaklumkan bahawa antara Dewan ini pun cukuplah, Dewan yang mulia ini dengan Dewan Rakyat. Dewan ini kita lebih mulia, lebih tinggi kerana kita ini Upper House, dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya sebut ini bukan oleh kerana saya ini Senator atau pun saya baru diangkat menjadi Senator. Akan tetapi saya sebut ini untuk kawan-kawan semua demi masa depan kita. Dulu, kini dan selamanya supaya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Institusi itu Yang Berhormat. Institusi itu yang penting.

**Dato' Khairudin Samad:** ...Ia diberi penghormatan. Contohnya, saya terima surat daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, menjemput kita makan durian baru-baru ini. Ahli Dewan Rakyat diutamakan, baru Ahli Dewan Negara. Itu tidak sepatutnya berlaku kerana protokolnya yang saya belajar ialah Ahli Dewan Negara dahulu, baru Ahli Dewan Rakyat. Jadi yang itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kaitkan sedikit. Kemudian waktu kita datang waktu pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya pun hairan juga, kerana kami Ahli-ahli Dewan Negara ditempatkan di atas. Kemudian buku bajet ini, tidak dibekalkan. Dia hanya berikan kepada kami fotostat yang ada di luar, yang kami pun berebut-rebut ambil. Saya satu pun tidak dapat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Dato' Khairudin Samad:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betulkah Yang Berhormat tidak dapat ini?

**Dato' Khairudin Samad:** Tidak dapat. Saya hanya dapat bila saya masuk Dewan baru ini, hari Isnin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak patut Yang Berhormat. Sepatutnya semua Ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen dua Dewan ini mesti memperoleh satu salinan.

**Dato' Khairudin Samad:** Akan tetapi kami tidak dapat, yang embargo ini kami tidak dapat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, saya akan ambil perhatian dalam perkara ini.

**Dato' Khairudin Samad:** Saya minta begitulah Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana saya rasa tidak patut berlaku. Saya tidak tahulah sama ada petugas-petugas kita di sini atau pun kita telah pun diambil alih oleh Kementerian Kewangan pada hari itu, pegawai-pegawai mereka yang menentukan segala-galanya. Saya pun tidak tahu. Saya minta Tuan Yang di-Pertua lihat perkara ini kerana ia tidak patut berlaku kepada kita. Ini kerana kita jadi macam *public* yang datang duduk di atas, melihat Yang Amat Berhormat. Kita daripada Dewan yang tertinggi. Saya pun tidak faham kenapa berlaku begitu sebab saya melalui kursus-kursus ini dan saya belajar soal-soal protokol ini. Siapa yang patut di depan. Sudah tentulah kami juga sebagai anggota Dewan, Ahli Dewan ini, kita

juga mahu melihat, Tuan Yang di-Pertua juga di tempat yang tinggi. Ini kerana itu institusinya. Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut satu ketika dahulu, saya masih ingat lagi bahawa ada *review* dengan izin, ada *review* atau pun *revise* terhadap *perks* dan elaun kita serta gaji sebagainya untuk Ahli-ahli Parlimen.

■1840

Saya ingin bertanyalah kepada yang berwajib ini, bila lagi hendak naikkan? Bukan untuk saya juga tetapi saya pun hendak menumpang. Akan tetapi ia perlu dinaikkan dengan keadaan ekonomi sekarang, saya rasa perlu. Saya menyokong Yang Berhormat Senator Haji Abdul Shukor tadi. Dia ada sebut tentang kenaikan ini perlu dilihat kembali.

Saya melihat, ada salinan saya dapat daripada kalau kita lihat negara-negara lain termasuk Nigeria. Nigeria itu sendiri kalau Ahli Dewan Negaranya jauh lebih hebat daripada kita. Itu Nigeria, jauh lebih hebat daripada kita yang gaji di Malaysia ini RM4,000. Australia pun RM30,000. Kanada pun RM30,000 lebih. Nigeria, RM50,000. *Singapore* saya tidak dapat yang *Senate* tetapi Ahli Dewan Rakyat, RM34,000. Saya tidak mintalah sampai 370%, saya tidak minta sampai macam itu, tetapi kita harus memberi pertimbangan supaya dinaikkan.

Bila saya sebut hari ini, penjawat-penjawat awam jangan risau, di belakang nanti saya akan perjuangkan untuk mereka. Saya bukan presiden *union* tetapi saya datang daripada Putrajaya Tuan Yang di-Pertua, saya datang daripada Putrajaya, jadi saya lihat keadaan penjawat-penjawat awam di Putrajaya yang menyokong Kerajaan Barisan Nasional yang kami menang dengan begitu banyak, yang keluar mengundi pun paling tinggi di dalam Malaysia tetapi hari ini kita hendak bagi sedikit wang untuk mereka ini supaya mereka tahu bahawa mereka lantik pemimpin daripada Putrajaya ini tidak rugi kerana kita perjuangkan nasib mereka di dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama, sebelum saya sebut ini – sudah selesai yang soal keluarga kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat pergi ke poin yang seterusnya, saya hendak tanyalah umumnya yang ada di Dewan ini. Adakah Yang Berhormat menyokong, bersetuju pandangan Yang Berhormat itu tadi? Angkat tangan.

**Dato' Khairudin Samad:** Tepuklah. Tepuk, tidak ada orang tepuk. Sudahlah tinggal sedikit. [*Tepuk*]

**Beberapa Ahli:** [*Angkat tangan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** So bermakna pihak pembangkang tidak mahukah naik gaji, naik elaun? Mahu?

**Dato' Khairudin Samad:** Kena sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tanya sekali lagi. Ini umum, *I like to hear*. Bahawa kalau ini sudah kehendak Dewan, bermakna bukan soal siapa-siapa. Ini soal *principle*. So dalam keadaan sekarang – sekarang pihak sebelah sini ada empat orang. Angkat tangan sekali lagi, saya hendak tengok.

**Beberapa Ahli:** [*Angkat tangan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** So maknanya menyokong. Pihak pembangkang menyokong, semua menyokong. So bermakna, saya sebut sekali lagi. Dewan Negara ini tidak ada pembangkang

apa. Kita ada satu Ahli Dewan Negara. Kalau boleh dalam isu-isu yang penting, kita mesti bersama. *[Tepuk]* Baik Yang Berhormat, teruskan. So bermakna saya ambil kira seolah-olah 100% yang ada dalam Dewan ini bersetuju.

**Dato' Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita berterima kasih yang amat sangat kerana saya pun terfikir sebab saya hendak bagi lengkap sahaja apa yang Yang Berhormat sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti dulu. Bermakna persetujuan itu diberi pertimbangan kenaikan elaun yang sewajarnya mengikut keadaan yang kerajaan fikir berpatutan. Ya? Bukanlah kita minta sampai yang bukan-bukan. Prinsipnya pertimbangan semula elaun yang berpatutan mengikut keadaan semasa. Terima kasih. Teruskan.

**Dato' Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, yang berpatutan dan yang munasabah... *[Ketawa]* Tidak adalah sampai 370%. Kita jangan risau.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh saya respons sedikit?

**Dato' Khairudin Samad:** Boleh, boleh.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Setahu saya, kepala, mandur pembinaan yang seorang pekerja asing, gaji dia RM7,000... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Khairudin Samad:** Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang penjawat awam di Putrajaya ini di mana baru-baru ini mereka telah menerima surat daripada Bahagian Hartanah yang pekelilingnya datang daripada Jabatan Perkhidmatan Awam meminta mereka mengosongkan rumah pada 31 Mac 2014 dan 1 April itu dia tidak boleh ada di dalam rumah oleh sebab mereka ini ada membeli rumah 25 kilometer radius mengikut udara. Ia 25 kilometer radius mengikut udara.

Jadi saya hendak bertanya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ini. Kenapa menghukum kakitangan kerajaan ini, penjawat awam ini setelah memberi sokongan yang begitu kuat kepada Barisan Nasional? Lepas itu hendak hukum mereka, suruh mereka keluar.

Dalam masa yang sama, Perbadanan Putrajaya sedang dalam proses untuk membangunkan berpuluh ribu rumah PP1Malaysia untuk penjawat awam. Sabarlah, dua tahun lagi rumah siap, mereka ini belilah rumah di situ. Dia pindah duduk di situ, tidak payahlah dia keluar daripada situ.

Jadi saya hendak bertanya kepada JPA ini dia ambil kira apa, saya tidak tahu. Sebentar boleh, sebentar tidak boleh. Sebelum ini, mereka ini dibenarkan. Sebelum itu, tidak boleh. Selepas itu, dibenarkan. Sekarang suruh keluar pula. Jadi orang ini berpindah-randah macam *nomad* dengan izin. Sebentar masuk, sebentar keluar. Sekarang ini pagi petang, pagi hendak masuk Putrajaya, petang hendak keluar dari Putrajaya lebih teruk daripada *jammed* di Kuala Lumpur.

Jadi, Jabatan Perkhidmatan Awam ini, dia seharusnya melihat perkara-perkara seperti ini. Mereka ini yang tinggal di kuarters kerajaan ini, bukan sahaja tinggal di kuarters kerajaan, malahan COLA pun tidak dapat. COLA ini Tuan Yang di-Pertua ialah *cost of living allowance*. Bukan kerana dia duduk dalam kuarters, dia tidak dapat COLA tetapi kerana *cost of living allowance* dengan izin



Tuan Yang di-Pertua ialah keadaan kita ini nak beli barang mahal. Sekarang ini cukup. Dengan keluar tariknya subsidi minyak, minyak naik harga, barang-barang naik harga. Tariknya subsidi gula – saya menyokong sebab kalau boleh kita hendak rating kita 'A', *first class*.

Akan tetapi kalau kita hendak keluarkan semua subsidi ini, kita juga kena seimbangkan dengan pendapatan penjawat awam ini. Ini kerana dari segi mereka yang menjaja, berniaga ini semua, dia juga boleh naikkan harga barang. Kalau sudah semua naik

Ini saya dimaklumkan. Saya tidak tahu. Semalam dalam *The Malay Mail*, Yang Berbahagia Tan Sri Syed Hamid, Pengerusi SPAD telah pun membuat kenyataan bahawa LRT, monorail ini semua akan dinaikkan tambang. Kemudian hari ini saya difahamkan pula ada juga jalan-jalan tol akan dinaikkan harga. Jadi kalau yang ini dengan gaji tidak dinaikkan, akan menjadi masalah. Ini saya perjuangkan untuk penjawat awam.

Kalaulah misalan sekarang ini – saya ada solusi Tuan Yang di-Pertua. Saya ada solusi. Kalau tidak boleh hendak naik peratusan gaji, kita boleh buat bagi peningkatan mungkin satu bar, dua bar. Jadi tahun depan daripada dia lompat satu lompatan, dia dapat dua atau tiga lompatan. Itu juga kenaikan gaji. Jadi bolehlah seimbangkan dengan apa yang berlaku sekarang kerana harga barang meningkat-ningkat dan rakyat menjadi susah. Ini kita perjuangkan kerana bagi saya penjaja ini semua, saya juga bersimpati, tetapi mereka ada peluang untuk naikkan harga. Naikkan harga roti canai, naikkan harga teh tarik, naikkan harga nasi campur dan sebagainya. Akan tetapi penjawat awam tidak ada peluang.

Tambah-tambah lagi penjawat-penjawat awam yang tinggal di Putrajaya. Hendak jual nasi lemak pun tidak boleh. Kita tidak benarkan. Hendak jual nasi lemak depan rumah pun tidak boleh. Hendak jual kuih-kuih manis di depan rumah seperti mereka tinggal di Cochrane dulu, tidak dibenarkan. Jadi kita melihat penjawat awam yang ada di Putrajaya ini, *tension* sangat. *Tension*.

Saya juga anggota Perbadanan Putrajaya, jadi Tan Sri Presiden bertanya dengan saya, kenapa rakyat Putrajaya ini *tension*? Saya kata sebab hutang banyak.

#### ■1850

Saya jawab senang sebab hutang banyak. Saya mengenali mereka. Saya mengenali mereka dan gaji tidak banyak. Ini yang menjadi masalah. Jadi, saya minta jabatan...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon mencelah.

**Dato' Khairudin Samad:** Silakan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih. Bilangan penjawat awam adalah 1.4 juta. Penduduk Malaysia 28 juta. Macam mana nasib 27 juta orang lagi pada pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Khairudin Samad:** Itu yang saya katakan tadi, kalau kita hendak ambil kira sebab saya datang daripada Putrajaya dan saya bercerita 1.4 juta penjawat awam melainkan orang lain memerintah dia hendak kurangkan saya tidak tahulah. Saya melihat mereka. Saya kasihan kerana mereka tidak ada peluang-peluang lain. Penjawat awam ini bukan semua hanya tinggal di Putrajaya. Tidak mungkin 1.4 juta di Putrajaya. Ada yang di Johor, ada yang di Kedah, ada yang di Perlis, ada di Pulau Pinang, ada di Pahang, ada yang terlibat dengan banjir. Ini penjawat awam Tuan Yang di-Pertua, kita cerita. Kalau hendak cerita yang 27 juta lagi itu, saya pun tidak mahulah

hendak pening kepala soal itu tetapi kerana mereka juga rakyat mereka ada peluang-peluang lain, yang bekerja swasta sudah tentulah pihak swasta juga kena ikut apa yang dibuat oleh kerajaan kerana swasta ini kita kata dia juga mempunyai perniagaan. Kebanyakan swasta ini mempunyai kilang dan sebagainya dan ia sudah tentulah harga barang, harga minyak naik Tuan Yang di-Pertua, naik sahaja harga barang sudah tentulah mereka ini juga menaikkan harga. Kalau dia sudah menaikkan harga dia kena bayarlah balik gaji kepada pekerja-pekerja dia. Kalau kita hendak jaga semua kita pun jadi masalah.

Akan tetapi saranan kerajaan sering kali, saranan kerajaan kepada pihak swasta suruh mereka ikut. Yang jadi masalah pihak swasta tidak mahu ikut ataupun kalau dia ikut ada diskriminasi. Itu sahaja. Orang ini dapat gaji puluh ribu, orang ini dapat gaji RM2,000. Itu bezanya. Itu diskriminasi. Bukan masalah – kita tidak boleh, dalam Dewan ini saya bercakap soal penjawat awam sebab saya melihat mereka kerana saya kasihan kepada mereka. Yang itu yang saya sebut. Sudah tentulah sekarang ini saya hendak sentuh juga tentang PDRM contohnya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM ini saya melihat tangga gaji mereka, konstabel yang baru masuk gaji RM800 lebih sedikit tetapi *minimum wage* dengan izin, RM900. Konstabel RM800 lebih. Lepas itu kita hendak minta dia supaya pergi cari penyagak, cari perompak, cari pembunuh. Perompak ini dia rompak bank. Dalam kereta dia ada RM2 juta. Dua orang atau empat orang pun tidak apa. RM2 juta dalam kereta. Dia pun lari. Petrol *car* kawan kita, konstabel ini yang gaji RM800. Isteri baru, anak pun mungkin baru satu dalam buai. Dia bawa kereta, dia fikir apa sekarang? Dia hendak kejar itu RM2 juta yang dengan izin dua... Dia bawa kereta ini, dia fikir gaji RM800, isteri di rumah, anak baru dapat. Dia akan fikir macam itu. So, apa salahnya orang-orang macam ini kita tingkatkan. Tambah-tambah lagi mereka yang tinggal dalam bandar. Yang kita hendak perjuangkan benda-benda macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak nyatakan di sini ini masalah di dalam JPA kerana mereka ini di JPA, saya minta maaf kalau ada pegawai-pegawai kerajaan yang ada di sini yang PTD. Mereka ini duduk di situ. Dia bukan melihat benda-benda yang saya sebut ini. Tangga gaji mengikut kelulusan SPM, sekarang ini PMR orang tidak pandang sudah. SPM, diploma hendak masuk kerja. Jadi, kalau SPM ini gajinya. Jadi kalau kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekarang saya dapati ada juga konstabel ini ada *degree*.

**Dato' Khairudin Samad:** Ada memang tetapi dia tidak bagi Tuan Yang di-Pertua, dia tidak tunjuk sebab dia tidak ada kerja, dia masuk dahulu konstabel. Oleh sebab dia minta inspektor tidak dapat. Jadi, dia jadi konstabel dahulu. Lepas itu baru dia keluarkan. Itu banyak berlaku. Dia ada *degree* tetapi sebab tidak ada kerja. Macam di Bangladesh, di India kita dengar ada PhD tetapi mencangkul pun ada. Jadi, dia sebab tidak ada kerja. Dia *survival* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. So, yang ini berlaku. Saya kasihan kepada mereka.

Kadang-kadang kita salahkan mereka. Demonstrasi pun mereka kena. Bila ada apa sahaja, mereka akan dilibatkan, mereka akan disuruh, hendak jaga keselamatan negara ini. Kemudian bila kita bagi sedikit, *then* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ada *opening* untuk *moonlighting* macam

baru-baru ini ada Yang Berhormat kita sebut. Saya tidak menuduh tetapi itu akan berlaku, ianya berlaku oleh kerana ada ruang. Penguat kuasa ini biasalah.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini tahniah dilantik sebagai pengerusi adalah satu benda yang harus kita lihat kerana mereka ini harus ditingkatkan dan bagi saya kalau kita tidak boleh kerana kadang-kadang peniaga-peniaga ini pun Tuan Yang di-Pertua, dia pun lebih cekap daripada kita. Sebelum gaji naik dia sudah naik harga barang. Jadi, kalau kita tidak mahu tunjuk yang kita naikkan gaji, kita bagi peningkatan yang lebih. Bermakna naikkan pangkat kah. Macam kalau konstabel, bagi satu calit, gaji lebih sedikit. Kalau hendak dapat daripada JPA, saya ingat masalah sedikit kerana mereka ini tidak faham apa yang kita faham. Kita yang berjuang untuk rakyat ini kita lebih faham. Pegawai-pegawai ini banyak yang tidak faham.

Bila saya perjuangkan saya hendak ambil kira ini, pegawai-pegawai kita yang ada di sini termasuk pegawai-pegawai yang bertugas di Parlimen, mereka juga seperti kita yang lain, harus diberi. Kalau tidak saya nampak akan menjadi masalah kerana kita bersetuju. Seperti saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju dengan pengurangan subsidi atau sifar terus. Tidak ada subsidi tetapi gaji kena naik, kena seimbangkan kerana bila tarik subsidi sudah tentu harga akan naik dan kita mesti seimbangkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu antara satu, dua perkara yang saya sebut. Kemudian rumah PR1MA ini, yang pertama sekali dibangunkan di Putrajaya. Rumah contoh. Hendak tunjuk di tempat lain tidak ada. Akan tetapi di Putrajaya ini diserahkan kepada Putrajaya Holding untuk membangunkan rumah PR1MA ini. Apa yang berlaku, saya pun – kerana tanah itu dia punya. Harga tanah di Putrajaya dahulu dia beli waktu mula-mula kita buka Putrajaya mungkin 50 sen sawit. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, harga sudah jadi RM400. Jadi bila dia bangun atas tanah dia, Putrajaya Holdings ini. Dia tidak boleh jual lebih daripada RM200,000. Apa yang dia buat, dia caj perkhidmatan RM150, *parking* RM100. Jadi, harga rumah kalau kita hutang dengan bank bayar RM800 sebulan sudah jadi RM1,050. Itu yang berlaku sekarang.

So, saya berharap supaya pihak JPM melihat supaya perkara ini tidak berlaku. ramai orang yang dapat, yang sekarang ini tidak mahu. Semua tunggu PP 1Malaysia kerana itu lebih murah kerana tanah kita bagi *free*. Kita bangunkan rumah di atas tanah kerajaan percuma. Jadi, tidak ada kos tanah. Kontraktor yang datang pun buat, tidak cari untung banyak. Itu yang kita selesaikan masalah perumahan. Yang saya minta tadi supaya JPA pertimbangkan dua tahun lagi baru suruh mereka ini keluar daripada Putrajaya.

Kemudian saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pengangkutan. Semalam saya dengar Yang Berhormat Dato' Dr. – kita punya *motivator* ini Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Daripada Kementerian Pengangkutankah?

**Dato' Khairudin Samad:** Tidak, tidak. Kita punya *motivator* semalam, Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah

#### ■1900

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey,

**Dato' Khairudin Samad:** Dia ada menyebut tentang *tinted*. *Tinted* ini Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini menjadi keperluan. *Tinted* ini menjadi keperluan kerana iklim, cuaca panas, *global*

*warming*, dengan izin. Itu *tinted*. Saya dengar dulu, tahun lepas kalau tidak salah saya, ada Ahli Dewan Rakyat minta supaya ditingkatkan tapi tidak pernah berlaku. Undang-undang masih undang-undang lama. Saya sekarang ini hendak menyuarakan supaya ditingkatkan. Bukanlah kita kata ini untuk hendak membantu perompak. Perompak tidak naik cermin gelap Tuan Yang di-Pertua, tidak naik. Kalau dia naik pun, dia sampai kalau ada *road block*, dia *u-turn* lebih awal. Dia tidak akan berdepan dengan polis dan yang selalunya merompak naik motosikal yang pakai *visor*.

Apa yang berlaku kepada Allahyarham Timbalan Ketua Pengarah Kastam – saya orang Putrajaya. Kereta dia kereta *bullet proof*, kalis peluru. Jadi sewaktu dia sampai di *traffic light*, sebelum belok masuk ke Presint 2 itu, dia sampai di *traffic light*, motosikal ini datang, pembunuh ini datang ketuk tingkap dia. Dia ingat apa hal, jadi dia buka. Dia buka itu yang dia kena. Jadi kita kena tahu cerita yang sebenar, baru kita cerita. Bukan dia pergi tembak macam itu. Masalah cermin gelap tidak timbul dalam soal ini. Dia ketuk tingkap cermin arwah ini memang gelap. Dia ketuk, jadi dia buka. Ini mungkin dia sudah ikut lama, dia tahu bahawa pegawai berkenaan duduk di depan, dia tahu semua. Ini mungkin dia *trail* daripada lama. Jadi ini berlaku.

Kita cerita soal cermin gelap ini sebab dia macam ini Tuan Yang di-Pertua, bila orang datang, kereta kita import, kalau tidak boleh, di situ kena *stop*. Kita kena tahu sekarang ini kita beli kereta... Saya pernah ambil gambar. Saya pergi di *used car*, saya ambil gambar kereta itu, memang cermin gelap, tetapi PUSPAKOM lulus. Macam mana PUSPAKOM boleh lulus? Kita pun bawa. Bila kita bawa, kena tangkap dengan JPJ dan JPJ sekarang ambil gambar, hantar notis, suruh kita bawa ke PUSPAKOM. Kita bawa ke kedai aksesori, kita boleh tukar. Kedai aksesori akan caj kita RM500. Dia tukarkah, dia tidak tukarkah, kita pun tidak tahu tetapi dia boleh *clear*kan apa yang kita kena ini.

Saman ini tidak kena. Itu sebab Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah semalam tidak tahu cerita yang sebenar. Saya tahu cerita yang sebenar kerana kita berkawan dengan mereka, kita tahu cerita. Dia macam ini. Kita bawa kereta itu, kalau kita cermin gelap, dia tangkap, dia tidak akan saman. Dia bagi notis untuk kita pergi ke PUSPAKOM. Bila kita sampai PUSPAKOM Tuan Yang di-Pertua, di situ baru dia ada alat untuk hendak *check* dan tidak ada yang lepas. Kalau pergi di PUSPAKOM, tidak ada yang lepas. Tapi kalau melalui kedai-kedai aksesori, lepas. Lepas sama ada dia tukar cermin atau tidak.

Saya tanya kepada Ketua Pengarah JPJ, macam mana *you* ambil tindakan van yang tutup di belakang, van perniagaan yang tutup langsung di belakang, bukan cermin gelap pun. Memang tutup terus. Macam mana? Oh, dia kata dia pun tidak terfikir yang itu. Jadi kita kena tengok isu.

Bagi kita Tuan Yang di-Pertua, ini ialah *global warming*. Jadi kita perlu ditingkatkan kepada 60% atau 70%, cukup. Bukan *total* gelap. Tidak boleh *total* gelap. Yang ini kalau boleh kita usahakan. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, nampaknya terbabaslah.

Kemudian saya *check* juga dengan JPJ, hampir 7,000 kemalangan maut pada tahun 2012. Daripada 7,000, 60% lebih adalah melibatkan motosikal. Jadi saya bersetuju sangat-sangat dan saya minta Kementerian Pengangkutan kalau boleh buat lorong motosikal. Lebih mahal nyawa daripada buat jalan itu. Tuan Yang di-Pertua, ada sesetengah negara, motosikal tidak boleh masuk jalan-jalan tol sebab dia tiga lorong, motosikal ini kadang dia di kanan, kadang dia di kiri, kadang

ikut suka dia. Jadi kalau kita boleh adakan lorong motosikal, biar dia ikut lorong motosikal, selamat nyawa dia.

Kemudian dalam masa yang sama, saya bersetuju dengan AES tetapi AES ini mestilah juga tangkap kereta yang *slow*. Jangan tangkap kereta yang laju sahaja. Dia masuk lorong laju, dia *slow*, dia mengakibatkan kemalangan. Jadi AES ini kena juga – AES ini saya bersetuju sebab AES dia ada *signboard* sebelum kita sampai, jadi kita sudah *slow*. Yang kita tidak *slow* itu yang duduk di bawah jambatan itu, yang *booby trap* itu. Dia bukan *speed trap*, dia *booby trap* Tuan Yang di-Pertua, sebab dia tunggu tempat menurun, dia duduk dekat situ. Kita tengah 110 km/j, bila turun dia laju sikit, masa itu kita kena. Yang *booby trap*. Ini anggota-anggota polis. Saya kasihan dekat dia orang. Daripada dia duduk dalam panas, bawah jambatan, lebih baik dia jaga keselamatan negara. Yang ini kita serah dekat JPJ. AES kita pasang seluruh negara kerana ianya amat berkesan sekali.

Kita tidak payah hendak bangkang ini sebab di mana pun dia ada *signboard* sebelum kita sampai. Itu lebih kurang Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak sebut. Kalau tidak, masa nanti tidak menyebelahi saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak lagi Yang Berhormat?

**Dato' Khairudin bin E.S Abd Samad:** Tidak, tidak, sikit saja. Saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanpa apa pun nampaknya hebat, terus. Ambil *point* saja, teruskan.

**Dato' Khairudin bin E.S Abd Samad:** Okey. Kemudian saya hendak sentuh pasal MAB ini. MAB ini semalam saya tengok ada perkataan baru sewaktu di KPDNKK punya majlis. Ada perkataan baru Tuan Yang di-Pertua, mencatut. MAB ini sama ada dia mencatut ataupun peniaga di situ mencatut. Apa *duty free* yang dia jual di lapangan terbang ini tidak ada yang murah. Lebih murah kita beli dekat *mall*. Dia jual di situ semua mahal. Bila saya tanya dekat peniaga di situ kenapa mahal? Kata dia sebab sewa mahal. Sewa ruang niaga di KLIA ini cukup mahal termasuklah di LCCT itu yang tambang murah tapi barang mahal.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, boleh pergi Tuan Yang di-Pertua, boleh pergi. Cuba makan nasi lemak pun cukuplah. Tidak ada yang murah di LCCT itu pun. Jadi, perlu ada satu perubahan MAB ini. Saya minta kalau boleh jangan, sebab coklat pun lebih murah di Langkawi. Cuma kita tidak tahu harga rokok di sanalah sebab saya pun memang perokok tapi tidak hisap rokok *duty free* ini. Yang laku di sana banyak. Kalau di KLIA ini, saya rasa tidak ada yang murah. Dia mencatut, sama ada MAB atau pun peniaga di situ. Jadi kita kena hantar KPDNKK, penguat kuasa dia pergi lihat siapa yang mencatut sebenarnya.

Kemudian dari segi sekuritinya, semalam ada Yang Berhormat sahabat kita sebut pasal kena buka tali pinggang. Saya pun mencelah sebab buka tali pinggang ini, kalau wanita pun kena buka tali pinggang, sudah tunjuk aurat dekat orang, semalam saya sebut. Jadi wanita sokonglah yang itu sebab tidak payah.

Ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, yang ini kita ditipu oleh Amerika kerana berlaku 11 September. Oleh kerana 11 September itu, satu dunia kena tipu dengan Amerika. Sampai saya ingat satu insiden di mana saya masuk hendak naik kapal terbang, anak saya ini bawa gunting kecil, dia hendak buat kerja sekolah, dia bawa sekali. Gunting kecil ini dia rampas. Saya tanya kenapa *you* rampas. Dia kata tidak boleh bawa gunting ini. Saya kata lebih besar pisau dalam itu

yang hendak *serve* saya nanti. Bila kita masuk dalam kapal terbang, dia *serve* makan, pisau dengan garpu itu lebih besar daripada gunting itu. Kalau saya hendak rompak, hendak rampas kapal terbang, saya pakai pisau itulah. Pasal apa saya hendak pakai gunting kecil ini? Hah, itu.

Jadi apa yang dia buat di sini tidak masuk akal. Kita bawa 50 ml minyak wangi lepas. Kalau lebih daripada 50 ml tidak lepas. Kalau kita bertolak satu keluarga, satu orang satu botol 50 ml, kalau lima orang 250 ml. Macam mana? Tidak masuk akal!

#### ■1910

Jadi, semuanya penipuan daripada Amerika fasal apa kita ikut? Kita ini menentang sangat. Benda yang tidak betul, kita kena terima hakikat bahawa tidak payah. Tidak payahlah kita hendak bersengkokol dengan dia benda-benda yang tidak betul ini. Kita perbetulkanlah. Ini tidak boleh, yang ini logik, yang ini tidak logik. Dia kena macam itu Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian saya hendak sentuh sedikit fasal Kementerian Kesihatan ini. Saya melihat terutama sekali orang-orang susah, orang-orang miskin termasuklah penjawat awam kumpulan sokongan. Mereka ini kadang-kadang – Putrajaya ini hebat Tuan Yang di-Pertua. Masa kita buka hospital, hanya Kelas II, Kelas I – VIP. Tidak ada Kelas III. Sampai hari ini, tidak ada. Ini kerana ianya kakitangan kerajaan, Kelas II.

Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri dahulu telah pun memberi ruang kepada penduduk di sekitar, di keliling, di luar kawasan Putrajaya ini untuk datang ke Hospital Putrajaya. Sekarang ini semua hendak datang, hendak bersalin pun di situ kerana hendak pakai alamat Putrajaya di surat beranak. Okey, kita setuju.

Oleh kerana terlalu ramai dan saya lihat di tempat-tempat lain juga berlaku benda yang sama, bila anak-anak kecil ada penyakit-penyakit kronik, yang ini kena tangguh lama. Kita melalui banyak pengalaman dalam soal ini. Jadi, saya minta Kementerian Kesihatan ini, kalau kes-kes yang macam ini, kes-kes kronik ini, bagilah keutamaan. Tidak payahlah kita tangguh, suruh datang kemudian.

Akhirnya, akan berlaku kematian. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat masa pun tidak mengizinkan. Tidak apa, lain kali kita berhujah lagi. Saya ucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang. Insya-Allah, kita berjumpa lagi di masa akan datang dan saya turut menyokong bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih. *Wabillahi taufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Waalaikummussalam. Yang Berhormat, sebagai *maiden speech* dengan izin, bagus. [*Tepuk*] Seterusnya, saya hendak jemput Yang Berhormat Tuan Saiful.

#### 7.12 mlm.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya sedikit ruang untuk turut sama membahaskan Belanjawan 2014 yang saya yakin sudah panjang lebar dibahaskan di Dewan yang mulia ini, yang memerlukan pertimbangan semula serta jawapan-jawapan yang tuntas daripada Menteri-menteri yang berkenaan pada hari Isnin ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbelanjaan yang lepas, yang dibentangkan pada Oktober yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan satu perbelanjaan yang agak besar. Daripada komposisi perbelanjaan yang dibentangkan itu yang berjumlah RM264.2 bilion, 82% atau 82.4% diperuntukkan untuk belanja mengurus iaitu berjumlah RM217.7 bilion serta 17.6% daripadanya iaitu berjumlah RM46.5 bilion sahaja diperuntukkan untuk belanja pembangunan.

Untuk sebuah negara yang membangun seperti Malaysia, konsep belanjawan itu agak bertentangan dengan semangat untuk membangunkan sebuah negara seperti ini. Kita bukan tidak menyokong, saya menyokong belanjawan ini. Cumanya, kita merasakan bahawa untuk sebuah negara seperti Malaysia, kita perlu lebih memperuntukkan kepada belanja membangun kerana ini adalah satu pelaburan jangka panjang untuk negara. Belanja mengurus yang semakin hari, semakin tahun semakin melebar, hanya menunjukkan bahawa kerajaan semakin tahun terpaksa membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk mentadbir negara dan seolah-olah konsep pembangunan itu kurang diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam belanjawan yang lepas, kerajaan juga telah membentangkan bahawa defisit fiskal negara untuk tahun 2014 adalah dianggarkan sekitar 3.5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar. Bajet yang dibentangkan ini ialah bajet yang dibentangkan selepas berlakunya semakin prospek penarafan kredit Malaysia dari sebuah agensi yang bernama *Fitch Ratings*. Prospek kita yang sebelum ini stabil, di taraf semula sebagai negatif pada Julai 2013. Berikutan apa yang di analisa sebagai kelemahan pengurusan kewangan awam negara dan juga kekurangan kemajuan dalam transformasi kerajaan untuk menangani defisit fiskal yang berlaku 16 tahun berturut-turut.

Dalam pada yang sama, hutang Kerajaan Persekutuan kalau kita ambil perbandingan ya, daripada tahun 2008, hutang Kerajaan Persekutuan, peratusan daripada Keluaran Dalam Negara Kasar, tahun 2008 (39.8%) meningkat tahun 2011 (51.6%), tahun 2012 hampir 53.3%. Ini berlaku defisit yang berlarutan selama 16 tahun berturut-turut. Saya mohon kerajaan untuk melihat dan meneliti semula dasar dan hala tuju belanjawan negara bagi membendung masalah defisit yang semakin tahun semakin melebar.

Pada 17 September 2013, sebuah bank yang meneliti perkembangan pengurusan ekonomi negara memberikan tafsiran atau tanggapan atau andaian bahawa anggaran kepada hutang Kerajaan Malaysia berkemungkinan besar pada tahun hadapan akan mencecah atau melampaui siling yang dibenarkan iaitu 55% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar. Dalam bajet yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menyatakan bahawa anggaran defisit fiskal untuk 2014 ini ialah pada 54.8% hanya kurang 0.2% sahaja daripada siling yang ditetapkan untuk menentukan dasar kecairan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun hutang negara belum mencecah siling 55% itu, kita dapati bahawa proses pembayaran semula hutang-hutang negara telah menyebabkan perbelanjaan mengurus negara atau *operating expenditure* dengan izin, meningkat secara mendadak sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Persoalan saya di sini ialah dan saya mohon Menteri yang berkenaan untuk menjawab kerana dalam pembentangan belanjawan yang lepas, tidak dijelaskan

bagaimanakah kerajaan bercadang untuk menguruskan perbelanjaan negara dan hutang-hutang ini?

Tidak ada pengkhususan pembentangan dibentangkan dalam pembentangan belanjawan yang lepas. Kita hendak tahu macam mana kita hendak selesaikan hutang-hutang kita, pada masa yang sama kita pertingkatkan juga belanja pembangunan negara bagi memastikan pelaburan sumber manusia dan pelaburan fizikal negara untuk masa depan terus terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, kita bandingkan pada tahun 1998. Kita berhadapan dengan serangan ekonomi yang sangat parah. Pada tahun 1998, ketika kita berhadapan dengan serangan ekonomi tersebut, hutang negara berada dalam tahap atau paras yang rendah. Ini bermakna apabila kita diserang lagi, mampu kah kita dengan kedudukan kewangan yang ada hari ini, bertahan daripada serangan ekonomi. Ini kerana kita tidak mahu berulang episod di mana ramai rakyat Malaysia berhadapan dengan kedudukan mufliis. Program-program pembangunan ekonomi negara terjejas. Oleh kerana itu kita minta sangat-sangat Menteri yang berkenaan untuk menjawab, bagaimanakah kita hendak menangani masalah kerapuhan pertahanan ekonomi negara bagi menghadapi satu lagi serangan ekonomi yang boleh berlaku pada bila-bila masa.

Sebelum tahun 1997 atau 1998, serangan ekonomi yang berlaku itu, kita pernah berhadapan dengan satu lagi serangan ekonomi pada tahun 1987. Saya ingat ketika itu saya masih bersekolah. Ketika itu selepas serangan ekonomi tersebut, Perdana Menteri ketika itu membawa pelbagai cadangan baru. Antaranya ialah untuk membantu siswazah yang menganggur, dihasilkan idea skim siswazah menganggur yang banyak membantu sebenarnya siswazah-siswazah yang menganggur ketika itu.

#### ■1920

Antara cadangan yang lain bagi mengelakkan - ketika itu 87 Tuan Yang di-Pertua ya. Antara sebab kita berhadapan dengan serangan mendadak ekonomi ketika itu kerana perbelanjaan kerajaan ketika itu sangat besar. Jadi cadangan Mantan Perdana Menteri itu untuk mengurangkan perbelanjaan negara. Apa yang dicadangkan ialah satu cadangan penswastan beberapa institusi penting negara. Antaranya Tenaga Nasional, Telekom dan sebagainya. Mujur ketika itu institusi pendidikan negara tidak diswastakan. Hasil gagasan tersebut beban atau kos mengurus negara menurun dengan mendadak menyebabkan negara mampu memberikan peruntukan yang lebih kepada belanja pembangunan. Itu membantu memacu ekonomi negara yang menikmati kecemerlangan pengurusan ekonomi yang baik pada awal tahun 90an.

Hari ini selepas 16 tahun perkara yang sebaliknya berlaku. Kos pengurusan atau peratusan kos pengurusan negara dalam belanjawan negara semakin tahun semakin meningkat. Di manakah letaknya kegagalan sistem penswastan negara. Sepatutnya penswastan ini menarik keluar kos atau belanja mengurus negara. Tetapi apa yang berlaku ialah sebaliknya. Ini bertentangan dengan hasrat kerajaan sendiri dan ini saya yakin tidak membantu sama sekali hasrat negara ini untuk mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020. Kita rujuk kembali kepada hasil pendapatan negara. Kita lihat peratusan sumbangan atau hasil pendapatan negara pada beberapa tahun kebelakangan dan kita bandingkan dengan tahun 2014, saya ingin menanyakan kepada Menteri



yang berkenaan, hari ini berapa peratuskah sumbangan industri petroleum negara kepada pendapatan negara untuk belanjawan tahun 2014.

Saya bertanyakan sedemikian kerana kalau kita lihat kembali, kalau kita kaji kembali sumbangan industri petroleum negara kepada belanjawan negara, bermula tahun 2009 sangat tinggi. Daripada hasil pendapatan negara 39.8% bersumberkan daripada petroleum. Menurun tahun 2012, 33% jauh lebih menurun pada tahun 2013, 29.8%. Bermakna negara ini terlalu bergantung kepada industri petroleum untuk dengan izin *the survival its economy*.

Saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah perancangan kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada industri petroleum ini, dalam menjana ekonomi negara. Kita harus faham dan kita harus insaf dengan hakikat bahawa industri petroleum ini ialah industri dengan izin *exhaustive*, ada jangka hayatnya dan ada jangka tempoh tamatnya. Kalau kita tidak segera beralih pergantungan ini daripada industri petroleum, kita khuatir dengan defisit tahun yang semakin lama semakin berkembang, kita punya kedudukan ekonomi yang semakin tahun, semakin rapuh.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara yang sama berkaitan dengan perkara yang berkaitan dengan industri petroleum, saya juga ingin menanyakan dalam Dewan yang mulia ini. Pada tahun 2012, berlaku pengeluaran hasil petroleum dan gas di kawasan yang dinamakan sebagai *Joint Development Area (JDA)* antara Malaysia dan Thailand. Saya ingin tanyakan berapakah jumlah royalti tahunan yang sebenar yang dibayar kepada Kerajaan Persekutuan hasil daripada pengeluaran minyak dan gas di kawasan ini? Yang kita tahu dan pernah dibentangkan dalam Dewan ini perjanjian itu antaranya memaktubkan bahawa 5% daripada hasil tersebut dibayar kepada kerajaan Malaysia dan 5% dibayar kepada kerajaan Thailand. Kita mahu tahu jumlah dan nilai sebenarnya. Jumlah yang dibayar kepada kerajaan Malaysia kerana kita tahu juga hasil daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dalam soalan saya, tiada peruntukan royalti yang dibayar kepada negeri yang berkenaan. Tidak apa, tidak bayar kepada negeri tidak apa. Tetapi kita hendak tahu berapa banyak yang dibayar kepada Kerajaan Persekutuan dan kita hendak tahu ke mana wang tersebut dibelanjakan?

Tuan Yang di-Pertua, persoalan ekonomi negara pada tahun hadapan kita akan berhadapan dengan situasi kenaikan harga barang yang secara beransur-ansur. Baru-baru ini diumumkan kenaikan tambang pengangkutan awam. Bagaimanakah kerajaan memastikan bila berlakunya kenaikan mendadak tambang kenderaan awam, ianya mampu mengawal harga barangan yang dinaikkan. Kita lihat bagaimana, kita khuatir sebenarnya kenaikan harga ini akan berterusan menjelang pelaksanaan GST pada April 2015. Kita tidak mahu nanti apabila kerajaan melaksanakan GST pada tahun 2015, kenaikan barang terus mendadak. Saya bersetuju sangat dengan cadangan teman Yang Berhormat Senator tadi yang membahaskan tentang soal keperluan kerajaan untuk menaikkan gaji terutamanya kakitangan awam. Kerana faktor atau kadar kenaikan ini, hari ini tidak sama dengan kadar kenaikan harga barangan di seluruh negara.

Hampir tidak ada peratusan simpanan yang mampu dibuat oleh kakitangan awam. Semuanya dibelanjakan untuk keperluan semasa. Saya masih ingat ketika pembentangan belanjawan pada awal tahun 90an. Kerajaan menggalakkan pelbagai skim simpanan dan tabungan

untuk rakyat Malaysia. Tetapi hari ini tidak ada benda yang depa boleh simpan. Semuanya terpaksa dibelanjakan. Kos barangan, kos persekolahan dan sebagainya. Kerana itu Tuan Yang di-Pertua, kita minta agar kerajaan mampu menilai semula segala kedudukan gaji bukan hanya kakitangan awam, tetapi juga bagaimana untuk memastikan harga barangan yang akan meningkat dan terus meningkat pada tahun 2014 tidak akan menjejaskan kedudukan dan cara hidup rakyat Malaysia dan juga tidak melebarkan lagi jurang antara golongan yang berpendapatan tinggi, sederhana dan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan ekonomi sudah banyak disentuh. Saya tidak mahu sentuh semua, saya cuma mahu sentuh sedikit sahaja sebentar tadi. Saya ingin terus kepada persoalan pendidikan negara. Kalau kita lihat dalam kepala peruntukan kepada Kementerian Pendidikan, secara keseluruhannya belanja mengurus untuk Kementerian Pendidikan berkurangan juga secara mendadak. Daripada tahun 2013 ianya diperuntukkan pada jumlah RM4,404.4 juta, untuk tahun 2014 berkurangan ke RM1.6195 bilion. Berkurangan sebanyak 63.2% iaitu untuk jumlah sebanyak RM2,785.2 juta. Secara umum, kita setuju berlaku pengurangan dalam kos pengurusan. Tetapi kita juga khuatir kerana sektor pendidikan ini ialah sektor yang penting, pelaburan jangka panjang untuk negara, sumber manusia kepada negara. Dalam keadaan kita mencatat defisit berterusan sejak 16 tahun saya merasakan bahawa kurang sesuai atau kurang wajar untuk Kementerian Pendidikan secara tiba-tiba dikurangkan peruntukan tahunannya.

Saya mohon penjelasan lanjut daripada pihak kementerian tentang kadar pengurangan ini kerana bagi kita sekiranya ia dikurangkan ianya boleh menjejaskan perencanaan kerajaan terutamanya selepas melancarkan dasar pendidikan baru negara nasional pada awal tahun ini. Saya hendak ambil sedikit daripada bahagian tersebut. Di bawah Kepala Pendidikan Tinggi, berkurangan daripada RM72.5 juta kepada RM63.8 juta, 12% berkurangan.

#### ■1930

Ini bagi kita akan terus menjejaskan kedudukan tahap atau kualiti pendidikan di peringkat-peringkat universiti awam seluruh negara. Kita sudah turun sudah ranking universiti di Malaysia, jangan kita biarkan ianya terus turun sehingga ke tahap kita terus dimomokkan oleh negara luar.

Satu lagi kepala yang saya ingin sentuh kerana ianya berkaitan dengan sistem penaksiran prestasi yang baru. Di bawah Kepala Teknologi Maklumat, ia berkurangan daripada RM501 juta kepada RM409 juta. Pengurangan sebanyak RM92 juta. Saya minta Menteri yang berkenaan untuk menjelaskan kerana memandangkan pada tahun 2011 atau tahun 2012 untuk peringkat sekolah menengah, kementerian telah memperkenalkan satu sistem baru yang dipanggil sebagai SPPBS. SPPBS ini sepatutnya pada peringkat awal hanya dilaksanakan dalam bentuk beberapa sekolah terpilih bagi memastikan sama ada ia mampu dilaksanakan ataupun ia berkesan.

Akan tetapi pada tahun 2012, ia terus dilaksanakan secara menyeluruh. Antara kesan daripada SPPBS ini, sistem peperiksaan PMR dimansuhkan. Tidak apa, cuma belum lagi kita dibentangkan apakah sistem bersepadu peperiksaan peringkat nasional untuk pelajar-pelajar di Tingkatan Tiga. Dalam pada itu, banyak rungutan yang juga telah dibangkitkan oleh teman-teman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini tentang kelemahan sistem sokongan teknologi

maklumat yang diguna pakai bagi melaksanakan SPPBS ini. Sistem sokongan itu dikatakan lapuk, tidak *compatible*, dengan izin, dan sering *breakdown*.

Tuan Yang di-Pertua, kita dilaporkan bahawa dalam jawapan yang diberikan oleh Menteri *bandwidth* Kementerian Pendidikan Malaysia adalah terhad. Oleh kerana itu ia jadi perlahan, ia sering *break down* akibat daripada akses oleh ribuan guru-guru yang terlibat dalam sistem ini. Sistem sokongan yang disediakan untuk ini tidak mampu menyokong atau menampung sistem pendidikan yang cuba dilaksanakan ini. Antara rungutan yang lain yang turut dikemukakan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (KPPKM) ialah ia menambahkan beban kerja yang tidak wajar kepada guru-guru yang terlibat. Kita minta penjelasan kepada Menteri, adakah sebarang kajian yang jelas dibuat sebelum ia dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh negara? Kenapakah kementerian tidak mengguna pakai cadangan awal, hanya memilih beberapa sekolah kluster untuk kita cuba dan kita uji sama ada ia berkesan. Kenapa perlu kita buat ke seluruh negara yang akhir kesannya bukan hanya kepada guru-guru yang mengajar tetapi juga kepada anak-anak kita.

Saya ambil contoh, guru-guru juga disebutkan sebentar tadi tidak boleh akses kepada sistem untuk masukkan data-data. Dia terpaksa bangun pukul 2 pagi, pukul 3 pagi untuk masukkan data. Itu bukan kerja guru. Kerja guru ialah mendidik dan mengajar, bukan masukkan data, bukan untuk menguruskan perkara-perkara yang remeh seperti itu. Akibat dan kesannya ialah kepada anak-anak kita. Bila ibu bapa cuba tanya tentang keputusan peperiksaan anak-anak, susah sekolah hendak bagi. Ini antara kesan-kesan yang orang tidak tahu kelemahan sistem yang cuba diperkenalkan ini. Oleh kerana itu kita minta kerajaan atau kementerian yang berkenaan teliti semula.

Kita pernah melalui pelbagai episod pelaksanaan sistem pendidikan yang akhirnya terpaksa berpatah balik, PPSMI antaranya. Oleh kerana itu, saya mohon agar kementerian kembali kaji. Saya tahu jawapannya ialah sekarang ini sistem itu sedang dibaik pulih, sedang dinaiktarafkan. Kenapa ia tidak dibuat sebelum daripada sistem tersebut dilaksanakan? Anak-anak kita yang dahulu Tingkatan Satu tahun 2012, tahun ini Tingkatan Dua, tahun hadapan Tingkatan Tiga. Di mana arah mereka? Kita jangan jadikan lagi sistem pendidikan negara ini sebagai bahan ujian dan anak-anak kita jadi mangsa kepada ujian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati selepas pelaksanaan sistem ini jelas guru-guru kita tidak bersedia untuk laksanakan sistem ini. Jelas, sistem sokongan logistik juga tidak bersedia. Oleh kerana itu kita mahu kerajaan hari ini segera bukan hanya mengambil tindakan untuk memulihkan suasana, tetapi juga mengambil tindakan untuk memastikan ujian-ujian dalam sistem pendidikan negara ini tidak terus dilaksanakan hingga menjejaskan masa depan negara. Saya juga ingin bertanya berkaitan dengan di bawah kepala kementerian kerana saya ada tanya soalan ini sewaktu soal jawab lisan ,tetapi tidak dijawab dengan jelas.

Semasa kerajaan menyiapkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, kerajaan telah melantik satu firma perunding yang bernama McKinsey and Co. Saya hendak tanya, berapakah jumlah yang dibayar kepada juru perunding ini? Kenapa kita tidak mengguna pakai segala kepakaran dalaman yang kita ada daripada kalangan pendidik-pendidik kita sendiri,

daripada kalangan bekas-bekas pegawai Kementerian Pendidikan yang ada. Mereka punya kepakaran, mereka punya pengalaman, mereka melalui zaman naik dan turunnya sistem pendidikan negara. Kenapa tidak diguna pakai mereka? Kenapa harus kita lantik firma luar yang akhirnya akan *engaged*, dengan izin, melantik orang tempatan untuk buat kerja. Kenapa tidak pakai orang sendiri? Firma ini tidak memahami dasar dan falsafah pendidikan negara. Saya menerima rungutan ini daripada mereka. Saya dimaklumkan juga banyak cadangan yang cuba disampaikan kepada firma ini tidak diguna pakai. Oleh kerana itu kita lihat penampilan atau persembahan pelan pembangunan ini cantik tetapi isinya di mana? Kita mahu isinya yang lebih jelas, bukannya persembahannya yang cantik dan indah belaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merubah sedikit kepada Kementerian Luar Negara. Kementerian Luar Negara diberikan sejumlah yang agak besar untuk beroperasi. Ada dua perkara yang ingin saya sentuh tentang Kementerian Luar Negara. Pertamanya yang sudah dibangkitkan sebelum ini dalam bentuk soalan tentang isu intipan kerajaan Amerika dan Australia melalui kerajaan Singapura. Kita difahamkan dalam jawapan yang diberikan, nota bantahan telah dihantar kepada Kedutaan Singapura dan Australia. Akan tetapi kita mahu tahu, apakah respons dan maklum balas daripada kedua-dua kedutaan ini. Kenapakah kita tidak bertindak lebih tegas? Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, kita bandingkan tindakan yang diambil oleh Indonesia terhadap isu pengintipan yang berlaku di negara mereka. Ketika mereka mendapat maklum kerajaan Australia mengintip negara mereka, mereka mengambil tindakan tegas bukan hanya sekadar menghantar nota bantahan. Mereka panggil semula duta mereka pulang ke Indonesia dan panggil Duta Australia menghadap dan menjelaskan kenapa perkara ini boleh berlaku?

Kita perlu memberikan mesej yang jelas terutamanya kepada negara jiran yang di bawah ini. Isu keselamatan ini isu kedaulatan negara- jangan bermain-mainkan isu keselamatan dan kedaulatan negara. Saya juga ingin hendak bertanya, adakah nota bantahan yang sama dihantar kepada Kedutaan Amerika dan Kanada yang dikatakan turut terlibat dalam isu intipan ini. Sehingga hari ini, kita belum menerima sebarang jawapan daripada kedua-dua kedutaan ini. Kita tidak mahu masyarakat luar melihat kita lemah bila berhadapan dengan isu intipan. Cukuplah ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada empat minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Oh! Pendek, tidak apa. Kita tidak mahu isu intipan ini terus dijadikan sebagai bahan momokan masyarakat antarabangsa.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kembali kepada Akta Pemandangan Antarabangsa Banduan 2012 yang kita luluskan di Dewan yang mulia ini. Lulus tahun lepas. Saya pernah membangkitkan tentang suasana dan situasi rakyat Malaysia yang ditangkap, dipenjarakan di negara luar khususnya di Thailand dan di Indonesia, kedaifan, kehidupan yang mereka alami. Antara jawapan yang diberikan ketika itu oleh Timbalan Menteri ialah kita perlu luluskan dahulu akta ini dan selepas itu baru kita boleh tanda tangani perjanjian bersama untuk memindahkan bantuan. Saya ingin tanya kepada kementerian berkenaan, apakah statusnya perjanjian tersebut? Berapa banyak negarakah yang turut bersama menandatangani perjanjian pemindahan banduan ini daripada negara Malaysia ke negara Amerika?

## ■1940

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit kerana saya disarankan tempoh hari untuk menyentuh mengenai SPRM dan saya ingin sentuh tentang SPRM. Saya telah membaca laporan tahunan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah 2012 bertarikh 2 Disember 2013. Saya cukup bersetuju dengan ulasan pada muka tujuh hingga 22 dan cadangan-cadangan pada muka 22 hingga 26. Bagus, tuntas dan berpandangan ke hadapan.

Cumanya, saya juga ingin mencadangkan agar pihak kementerian mengambil juga langkah-langkah untuk meminda satu lagi peruntukan di bawah Perlembagaan Negara di bawah Artikel 145(3). Kita mahu kuasa mendakwa hari ini yang diserahkan secara mutlak dan sepenuhnya kepada Peguam Negara untuk kes-kes rasuah, pecah amanah dan sebagainya dipindahkan kepada Suruhanjaya SPRM. Selain daripada pinda juga artikel yang berkenaan di bawah Bahagian X, Perlembagaan Persekutuan untuk meletakkan SPRM sama taraf dengan Ketua Audit Negara dan Peguam Negara. Saya rasa tidak ada masalah untuk sokongan diberikan sebulat suara sama ada di Dewan Rendah, Dewan Rakyat atau di Dewan yang mulia ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Begitulah harapan kita Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Oleh kerana *target* kita, sasaran kita adalah kita mahu menghapuskan amalan rasuah yang merosakkan ekonomi negara yang menyebabkan pelbagai ketirisan ekonomi negara. Saya yakin kalau masalah rasuah ini kita dapat bentangkan dan dipersetujui bersama, insya-Allah kita tidak lagi akan berhadapan dengan masalah kerapuhan ekonomi negara akibat ketirisan yang keterlaluan. Amalan rasuah ini Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya menjejaskan ekonomi negara tetapi sekiranya ia terus diamalkan juga boleh menjejaskan keselamatan negara.

Saya juga mohon menteri yang berkenaan menjawab tentang dakwaan mantan Perdana Menteri akan wujudnya ejen CIA di pejabat Jabatan Peguam Negara. Saya tidak mahu kata ianya berlaku kerana rasuah tetapi kealpaan kita dalam menangani perkara yang kita nampak remeh ini akan menjejaskan masa depan negara. Kita melihat dan kita belajar episod kita hilang Pulau Batu Puteh, kita hilang tanah-tanah KTM di Singapura, kenapa? Kita hilang Blok 'L' dan 'M' di Sarawak, kenapa? Adakah kita hendak tuduh Pejabat Peguam Negara itu pejabat yang mengamalkan rasuah? Tidak mungkin. Akan tetapi kita mahu perkara ini dijelaskan seterperincinya kerana kita tidak mahu tohmahan ini terus berlaku...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kelestarian dan kemapanan ekonomi negara hanya mampu dan boleh dipertingkatkan dan dipertahankan dengan kaedah menguruskan amanah pentadbiran ini dengan telus, adil dan berkesan. Seruan untuk penjimatan sumber negara harus bermula daripada rumah. Kita jangan minta rakyat berjimat cermat. Kita jangan minta rakyat untuk kurang makan gula atau untuk kurang guna bekalan elektrik. Kalau kita tunjuk kepada rakyat di peringkat amalan pentadbiran kita, kita banyak membazir. Kita mulakan dengan apa yang berlaku di rumah. Rakyat akan ikut pemimpin yang mengamalkan amalan berjimat cermat. Akan tetapi kalau mereka lihat pemimpin dan keluarga pemimpin itu mengamalkan pembaziran yang keterlaluan, saya yakin, rakyat juga tidak akan

pandang enteng sebarang seruan kerajaan untuk rakyat ini berjimat cermat dan cuba untuk membangunkan negara melalui proses-proses ekonomi yang disarankan oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi perkara saya ingin mencadangkan tapi terima kasih kerana memberikan saya ruang yang sedikit ini, *insya-Allah*, di masa-masa akan datang kita akan terus memberikan cadangan dan kita mohon agar pihak menteri menjawab dengan jelas dan tidak mengelak di sebalik jawapan-jawapan yang kita mohon daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Maznah binti Mazlan. Silakan Yang Berhormat.

#### **7.44 mlm.**

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang mengizinkan saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2014.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia, walaupun dalam landskap dunia di mana ekonominya begitu suram dan muram, kita dapat berkembang dengan kadar sehingga separuh tahun pertama 2013 ini di tahap 4.2% berbanding dengan keseluruhan dunia mengalami kadar di sekitar 2.9%. *Insya-Allah*, dengan tema yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperteguh ketahanan ekonomi, memperkasa transformasi dan melaksanakan janji, tahun 2014 akan dapat bertahan di tahap yang sama ataupun lebih daripada itu.

Saya ingin terus kepada teras kedua di dalam belanjawan ini iaitu yang berkaitan dengan pengukuhan pengurusan fiskal yang mana kita dapati bahawa kerajaan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan transformasi perkhidmatan awam di mana perlu dipertingkatkan keyakinan rakyat dan usaha ataupun daya penyampaian perkhidmatan dan juga peningkatan imej dan kredibiliti sektor awam perlu dipertingkatkan. Di sini kita lihat banyak aspek integriti diberi fokus oleh pihak kerajaan.

Ketua Setiausaha Negara sendiri akan menerajui jawatankuasa untuk mengambil tindakan ke atas salah laku penjawat awam dan kesungguhan ini dapat dilihat melalui lebih daripada 100 kes ketidakpatuhan kepada prosedur-prosedur kewangan dan juga tidak mengikuti prosedur-prosedur perolehan dan 15 kes pendakwaan sedang dalam pelbagai peringkat tindakan mahkamah. Itu adalah usaha yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan kita lihat juga bahawa tiap-tiap penambahbaikan kerajaan akan diteruskan dengan menubuhkan unit pengurusan integriti di setiap kementerian.

Terlanjur saya menyentuh tentang soal integriti ini, saya ingin juga berkongsi maklumat mengenai dengan persepsi rasuah, indeks persepsi rasuah untuk 176 negara yang mana kita dapati bahawa boleh dikatakan dua pertiga daripada 170 lebih negara ini mendapat skor satu hingga seratus di mana seratus skor penuh, kita dapati dua per tiga daripada negara ini berada di bawah 50. Saya jelaskan, ini adalah persepsi terhadap sektor awam yang dibuat oleh *World Transparency International* yang mana kita dapati Malaysia berada dalam satu pertiga lagi yang

skornya adalah 52 di tangga 53. Saya yakin dengan usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan ini, ia dapat meningkat lagi seterusnya dan dapat meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sektor awam.

Jadi, tidak lengkap kalau saya hanya bercakap tentang sektor awam kerana integriti ini adalah satu perkara yang perlu didukung dan dikongsi oleh semua. Ia merentasi sempadan politik, ia merentasi sempadan kaum, kelas dan lain-lain.

Oleh itu, saya ingin berkongsi maklumat yang saya peroleh mengenai bancian oleh *Business Etiquette Institute of Malaysia* pada tahun 2005 yang mana ia membuat kajian bancian berkenaan dengan pandangan orang awam atau rakyat terhadap 15 pekerjaan di dalam- yang disenaraikan, dan pekerjaan manakah yang paling dihormati oleh orang awam. Saya dapati 15 pekerjaan telah disenaraikan dan yang paling dipercayai adalah profesion perubatan ataupun doktor yang mendapat 72% daripada 100 markah dan guru, 67%, dan seterusnya kerana masa tidak mengizinkan untuk saya menyenaraikan kesemua 15.

#### ■1950

Kita dapati pegawai kerajaan berada di tangga yang mendapat 23% kepercayaan dan yang paling rendah, yang paling kurang dipercayai ahli politik. Jadi, ini kena dipertingkatkan. Oleh itu, kita perlu menghormati bancian ini yang mana bancian yang sama dibuat juga di United Kingdom berasaskan kepada soal selidik yang sama dan ia juga memaparkan gambaran yang lebih kurang sama.

Ini merupakan pandangan jujur rakyat yang mempunyai harapan yang begitu tinggi kepada jawatan-jawatan yang saya sebutkan tadi terutama sekali ahli politik, pegawai kakitangan kerajaan dan lain-lain. Oleh itu, *insya-Allah* dengan usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan, yang mana mewujudkan Institut Integriti Malaysia dan lain-lain usaha, saya percaya perkara ini dapat dipertingkatkan. Kalau kita lihat pula kajian yang dibuat oleh Institut Integriti Malaysia, Indeks Persepsi Integriti Nasional di antara tahun 2008 hingga tahun 2012, ia menunjukkan trend yang meningkat dan trend kepercayaan rakyat meningkat tetapi dengan kadar yang agak sedikit. Oleh itu marilah bersama-sama kita menyokong usaha-usaha untuk memastikan bahawa integriti di negara kita ini yang merangkumi semua masyarakat, semua profesion, semua rakyat dapat sama-sama diusahakan.

Akhir sekali berkaitan dengan integriti, saya ingin menyentuh tentang kajian yang pernah dibuat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dan SPRM pada tahun 2002 di kalangan pelajar mahasiswa. Di kalangan mahasiswa di IPT di negara kita yang merumuskan 30.5% pelajar universiti sanggup menerima rasuah sekiranya mereka ada kuasa-kuasa dan peluang-peluang berkenaan. Saya difahamkan inilah yang merupakan faktor yang telah membuat kerajaan membuat keputusan untuk mewujudkan Institut Integriti Malaysia. Saya percaya pelajar-pelajar ini sekarang ini sudah berada di peringkat pengurusan pertengahan, sama ada dalam sektor awam, swasta ataupun mereka bekerja sendiri. Mungkin dapat Institut Integriti Malaysia mengadakan satu kajian di kalangan kumpulan mereka di tahap yang saya sebutkan tadi untuk melihat bagaimana kedudukan sikap dan kesannya setelah begitu lama.

Oleh itu, saya percaya usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan dalam sektor awam juga saya percaya usaha-usaha lain yang dibuat melalui agensi, jabatan, NGO dan lain-lainnya sudah

pasti dapat meningkatkan lagi aspek integriti di negara ini yang merupakan prasyarat untuk memastikan negara kita dapat menjadi negara maju dan negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dan mendukung nilai-nilai dan budaya yang positif.

Seterusnya, saya ingin bertanya kepada kerajaan bahawa pada tahun 2010, satu akta iaitu Akta Persaingan 2010 telah digubal dengan izin, *Competition Act 2010* dan ia telah diwartakan, dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 oleh Yang Berhormat 'Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna'. Saya telah cuba melihat sedikit sebanyak dan akta ini bertujuan untuk memecahkan monopoli dan juga untuk memastikan wujud daya saing yang sihat di dalam pasaran dan ia memberi manfaat kepada pengguna-pengguna dan mereka ada pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan, bekalan dan lain-lainnya. Saya lihat pada masa ini bahawa pendekatan seakan monopoli ini ada banyak pada masa ini dan saya faham bahawa sebahagian tujuannya ialah kerana terdapat pelabur dan syarikat-syarikat ini terpaksa melaburkan wang yang begitu banyak dan mengambil risiko yang begitu tinggi dan mungkin terlibat dengan teknologi-teknologi yang sukar ditanggung oleh mereka yang tidak mempunyai modal yang tinggi.

Namun saya percaya, contohnya kalau kita lihat di sesi awal tahun ini, saya ada menyentuh tentang monopoli untuk membekal dan juga menyelenggarakan, membaiki kenderaan sektor awam. Saya ada menyebut dan bagaimana saya difahamkan kontrak ini adalah untuk daripada tahun 1994 sehingga tahun 2029 dan ia merangkumi 39 buah kementerian dan agensi dan untuk membekalkan kereta salun kepada kerajaan. Saya juga difahamkan baru-baru ini syarikat ini telah membeli 2,500 *Proton Waja* dan 10 unit *Mitsubishi Evaluation*. Kesemuanya bernilai dalam RM100 juta dan akan disewakan kembali kepada kerajaan.

Saya juga mendapati bahawa kajian-kajian yang pernah kerajaan buat menunjukkan bahawa kaedah ini lebih *cost saving*, adalah lebih ekonomik dan *reliable* walaupun pengalaman saya sendiri dulu semasa dalam anggota kerajaan, saya tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat ini. Akan tetapi sekarang ini oleh sebab perjanjian telah dimeterai, sudah tentu tidak dapat dibubarkan tanpa implikasi kos kepada kerajaan. Saya ingin mencadangkan kalau boleh diwujudkan lagi mungkin syarikat-syarikat atau tawaran-tawaran kepada beberapa syarikat yang lain kerana saya melihatkan setelah sekian lama, negara kita juga dalam usaha memperkasakan tenaga teknikal...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh mencelah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Ya, silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat tadi. Untuk pengetahuan bersama, sekiranya perjanjian dengan syarikat berkenaan itu bersifat *exclusive* yang bermakna bahawa kerajaan tidak boleh membuat perjanjian dengan syarikat-syarikat yang lain atau apa cadangan Yang Berhormat supaya hak monopoli yang entah bagaimana dapat dikaut oleh syarikat tersebut dapat dicairkan sehingga dengan demikian. Hak monopoli itu tidak lagi *exclusive* sifatnya sebaliknya dapat dikongsi dengan pihak-pihak lain. Kalau sekiranya ada informasi.



**Dato' Maznah binti Mazlan:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa apa yang saya cadangkan serupa dengan apa Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus cakapkan tadi. Tujuannya adalah kerana saya rasa bidang automobil, pengurusan, pengendalian, pembaikan, penyelenggaraan adalah satu bidang yang bukan lagi memerlukan *technical know how*, yang sukar diperoleh di negara ini. Ya...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya minta begini, cuma saya mengharapkan supaya perkara butiran atau *point* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi mendapat jawapan yang spesifik bila kementerian menjawab nanti. Dengan izin, *please, don't gloss over. Thank you*, terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kerajaan dapat menjawab sama ada boleh atau tidak kerajaan membuka sebahagian daripada peluang dan *exclusivity* atau monopoli ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' tadi dapat dibuka pintu...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah, sebelah Yang Berhormat itu.

#### ■2000

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Saya *neighbor* hendak mencelah sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kita nampak sementara kita membentangkan Undang-undang Anti Monopoli di Dewan Rakyat dan juga Dewan yang mulia ini, nampaknya yang menjalankan monopoli ini adalah kerajaan kita sendiri ataupun agensi-agensi kerajaan yang lain. Misalannya TNB, *complete monopoly*. Selain daripada kontrak seumpama itu, tidak adakah perkhidmatan-perkhidmatan seumpama ini boleh dibukakan supaya sekurang-kurangnya tiga atau empat syarikat seumpama itu akan memberi perkhidmatan seumpama itu? Kita bandingkan dengan negara-negara lain, monopoli ini di negara-negara maju yang lain, dia amat serius berhubung dengan monopoli ini supaya *consumer* atau orang yang menggunakan perkhidmatan itu mendapat pilihan di antara satu sama lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan tersebut. Jadi saya rasa rakan-rakan menyokong supaya kerajaan dapat menjawab.

Cadangan ini, pertamanya, memandangkan bidang ini bukan satu bidang yang sukar untuk mendapatkan kepakaran dan tenaga berkemahiran tinggi di negara ini. Bahkan, daripada Kementerian Sumber Manusia dahulu daripada tahun 2000 hingga semasa kita telah mengeluarkan tenaga mahir dalam bidang automotif ini yang memiliki Sijil Kemahiran Malaysia 1 hingga 3 dan ada yang sampai empat dan lima seramai 66,005 orang. Jika mereka ini graduan tahun 2000, maknanya sekarang ini sebahagian mereka sudah mempunyai pengalaman 13 tahun dalam bidang ini. Ini tidak termasuk keluaran IPTA dan yang lain-lainnya yang mengeluarkan tenaga jurutera dalam bidang ini dari luar negara dan dalam negara.

Oleh itu, saya berharap kerajaan dapat melihat tujuan Akta Persaingan 2010 dan kalau saya tengok di rantau Asia Pasifik ini boleh dikatakan semua negara ada akta tersebut yang sesetengahnya dipanggil Akta Monopoli atau *Anti Monopoly Act*. Saya telah melihat ia

dilaksanakan di seluruh Asia Pasifik dan ia adalah senafas dengan Akta Persaingan 2010 yang saya sebutkan tadi.

Oleh itu, saya minta kerajaan dapat, pertama, memberitahu sejak ia dikuatkuasakan...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh mencelah? Memang kita semua sedar tentang monopoli ini langsung tidak ada faedah. Pada pandangan Yang Berhormat, kenapakah negara kita ada banyak *company* seperti tadi TNB, Puspakom dan semua ini di negara kita yang kita sudah tahu tidak bagus. Kenapa?

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon soalan itu dijawab oleh pihak kerajaan. Akan tetapi saya faham bahawa sesetengah daripada bidang ini kerana saya menyenaraikan banyak seperti Puspakom, Syabas, Alam Flora, yang buat mesin timbang pengangkutan itu iaitu Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd., Prasarana Berhad, Indah Water, BERNAS, TNB, SPANCO dan lain-lain, mungkin ada banyak lagi. Sebahagiannya adalah atas usaha untuk membantu pelaburan tempatan untuk terlibat dalam bidang yang berteknologi tinggi yang memerlukan bukan hanya kepakaran tetapi pelaburan yang begitu besar. Jika mereka tidak mendapat sokongan atau dukungan daripada kerajaan, mungkin sukar. Saya faham.

Akan tetapi dalam masa yang...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh mencelah sikit? Barangkali kita telah belajar daripada pengalaman itu. Untuk pengajaran di masa akan datang, pastikan setidaknya-tidaknya ada *escape clause* atau klausa-klausa mengelakkan diri daripada terperangkap seperti yang telah lalu berdasarkan pengalaman ini. Kalau boleh saya minta dikemukakan kepada Yang Berhormat untuk dijadikan sebagai sebahagian daripada cadangan Yang Berhormat dalam- kan ini adalah modal Yang Berhormat. Jadi saya cadangkanlah supaya pada masa yang akan datang bila kita memberikan- dikatakan tadi untuk menggalakkan kemahiran, untuk membina kemahiran tempatan tetapi jangan hendaknya dalam membina kemahiran tempatan itu kita memerangkap diri sehingga memberikan kontrak sampai berpuluh tahun tanpa menyedari bahawa zaman bertukar dan keadaan akan berubah. Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa dapat dirumuskan bahawa kita memohon pihak kerajaan, pertama, memandangkan ada Akta Persaingan 2010 yang telah diwartakan pada 1 Januari 2012, apakah kedudukan dan pelaksanaan akta ini dari perspektif untuk melihat semula wujudnya banyak syarikat yang dianggap melaksanakan pendekatan monopoli yang pada lazimnya kalau kita belajar ekonomi, itu adalah merupakan iklim yang tidak sihat dan tidak memberikan pilihan dan juga memanfaatkan pengguna-pengguna negara ini.

Saya juga tadi mencadangkan adakah boleh seperti SPANCO contohnya, dibuka? Adakah tidak bertentangan dengan perjanjian yang ada sekiranya peluang untuk melaksanakan kaedah yang sama sekarang ini, tiba masanya untuk dibuka kepada mereka-mereka yang berkemahiran, berpengalaman dan yang mahu terlibat? Ini kerana saya lihat bahawa bidang ini sungguh menguntungkan kerana ada jaminan daripada kerajaan di mana kalau kita lihat bahawa kos contohnya, pernah pada satu tahun saya lihat jumlah 4,000 lebih kereta melibatkan sewaan sebanyak RM87 juta kepada syarikat tersebut dan juga kerja penyelenggaraan dalam RM25 juta

lebih. Lebih kurang begitulah angkanya saya tengok tiap-tiap tahun. Jadi saya rasa kalau jaminan ini dapat daripada pelanggan, daripada kerajaan, saya rasa ramai orang yang berani untuk menceburkan diri dalam bidang tersebut.

Izinkan saya untuk terus kepada perkara yang lain. Minta maaf, satu lagi tadi saya hendak merangkum semua apa yang telah dibangkitkan. Satu, bolehkah *exclusivity* atau monopoli yang dinikmati oleh sebahagian syarikat khususnya SPANCO ini kini dibuka pintu dan diwujudkan kaedah yang sama untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat lain di negara ini di bidang-bidang yang dirasai sudah bersedia untuk berbuat demikian? Seterusnya saya hendak tahu akta yang telah digubal itu, apakah kemajuannya, pelaksanaannya sehingga ini termasuklah penguatkuasaan dan lain-lainnya?

Seterusnya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada lima minit lagi Yang Berhormat ya.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Okey. Saya ingin menyentuh tentang pelaksanaan tentang gaji minimum yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Julai 2012 tersebut. Ada dua perkara, kerana tujuan pelaksanaan gaji minimum itu adalah untuk memastikan bahawa 12.6 juta tenaga kerja di negara ini yang berusia 15 tahun hingga 64 tahun ini membawa pulang pendapatan lebih daripada RM1,000.

Isu yang ingin saya bangkitkan di sini ialah berlaku penyelewengan dan manipulasi dalam pelaksanaan gaji minimum oleh segelintir majikan yang mana dengan kaedah menstrukturkan dan menyusun semula elaun-elaun yang dibayar kepada pekerja seperti elaun insentif, elaun perjalanan, elaun kedatangan, komisen dan sebagainya untuk menjadikan sebahagian daripada gaji bagi mencapai keperluan kadar gaji minimum.

#### ■2010

Gaji minimum di Semenanjung RM900, dan di Timur Malaysia RM800. Jadi kita dapati contohnya sebelum gaji minimum dilaksanakan seorang pekerja mendapat gaji pokok RM800 sebulan, elaun kedatangan RM50, elaun perjalanan RM50. Melalui penguatkuasaan gaji minimum, pekerja itu dibayar gaji RM900 tetapi elaun-elaun tadi tidak dibayar. Jadi samalah juga keadaannya seperti sebelum itu.

Jadi saya berharap bahawa mulai pada 1 Januari 2014 hingga 31 Disember ini, kita dapati bahawa majikan akan menikmati potongan cukai tambahan bagi perbezaan gaji minimum yang dibayar. Maknanya mereka yang di dalam senarai yang menstrukturkan semula gaji dan tidak mematuhi hasrat dan matlamat gaji minimum ini akan dapat pula nikmat daripada perkara ini. Jadi saya harap kerajaan benar-benar meneliti kelemahan peruntukan undang-undang ini supaya para pekerja benar-benar dapat menikmati gaji minimum.

Seterusnya ada satu lagi satu isu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bahawa apabila gaji minimum dilaksanakan seseorang itu masuk dengan gaji RM900 dan gaji pekerja lama yang sudah berpengalaman masih ditakuk yang sama. Jadi saya berharap bahawa pekerja yang baru masuk yang akan dibayar gaji minimum dan yang setaraf dengan pekerja yang sudah lama bekerja di situ. Ini dapat dipastikan ada peruntukan undang-undang yang mewajibkan majikan menyusun semula gaji pekerja yang sudah berpengalaman ini supaya ia berada di tangga yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap tentang pekerja ini, saya hendak sentuh sedikit tentang pekerja asing. Oleh kerana pada masa ini kita dapati pekerja asing di negara kita telah meningkat kepada 2.2 juta orang. Kalau tahun 2008 selepas kita mengalami *recession* dahulu, ia sudah turun kepada 1.8 juta orang tetapi sekarang sudah naik balik 2.2 juta orang. Ini tidak termasuk pekerja asing yang tidak ada dokumen yang tidak ada sesiapa hendak bagi saya angka itu kerana ia tidak ada dokumen. Akan tetapi mungkin ada 500,000 orang di negara kita atau mungkin lebih saya tidak pasti. Akan tetapi kita dapati bahawa kebimbangan rakan-rakan dalam Dewan apabila berlakunya rusuhan di *Little India* di Singapura baru-baru ini adalah *real*, adalah dengan izin, kebimbangan yang sewajarnya. Ini kerana sudah pun berlaku beberapa kes di negara kita yang mana kita dapati rusuhan pekerja telah pernah berlaku.

Kita dapati contohnya di sebuah kilang tekstil di Nilai, 23 orang yang pernah cedera kerana berlaku rusuhan pekerja di sana. Begitu juga di Bintulu ada rusuhan 16 September. Di kawasan industri Bukit Rambai pernah berlaku pada tahun 2011, agen pekerja diserang oleh pekerja-pekerja asing. Lagi satu di Parit Jamil kita dapati seorang pengurus dan tiga penyelia diserang oleh 150 pekerja asing. Ini sudah ada berlaku. Ini contohnya.

Oleh itu saya memohon jawapan daripada kerajaan, apakah usaha-usaha yang tegas dibuat untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing? Saya juga ingin bertanya tentang ramainya pekerja-pekerja asing di dalam sektor-sektor yang tidak sewajarnya seperti di bahagian hadapan hotel contohnya dan lain-lain yang tidak sepatutnya. Begitu juga kita juga bimbang kesan penyakit yang dahulunya tidak ada di negara ini yang kini sudah merebak kembali. Bagaimana tanah mereka ini juga duduk di tanah-tanah haram sebagai *squatters* dan bukan sahaja ada unsur keselamatan yang kita bimbangkan tetapi juga kesihatan kerana tempat itu tidak ada kawalan daripada majlis daerah dan lain-lain.

Sudah tentu kita semua tahu kesan jenayah daripada mereka. Pada tahun 2008 kita dapati ada 2.1 juta orang pekerja asing di negara ini. Kini saya diberitahu 2.2 juta orang dan nisbahnya lebih kurang ialah satu warga asing kepada empat pekerja di negara ini. Bilangan pekerja di negara ini lebih kurang 13 juta orang dan saya rasa wajar tindakan tegas dibuat. Pertama untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap pekerja-pekerja yang membolos pintu-pintu masuk negara dan mengesan dokumen-dokumen palsu dan lain-lainnya.

Juga kalau boleh diberi insentif saya ingin mencadangkan kepada kerajaan diberi insentif kepada majikan yang menggunakan tenaga tempatan, mungkin dalam bentuk pengurangan cukai berganda contohnya. Sekiranya mereka ramai pekerja asing seperti salah satu tempat rusuhan tadi, kita dapati pekerja asing ada dekat 3,000 pekerja asing di Recron Sendirian Berhad Nilai tempat yang ada rusuhan pekerja tadi dan mungkin boleh dikenakan levi yang berperingkat-peringkat supaya majikan rasa keperitan ini. Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan apakah insentif yang diberi kepada syarikat-syarikat yang melabur dalam bidang teknologi terkini yang boleh mengurangkan *labor intensive* dengan izin dan mereka ini dapat membangun serentak dengan usaha kerajaan memperkasakan tenaga kerja terlatih dalam bidang teknikal dan vokasional. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Sila.

**Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Ya saya ingin hendak bertanya pandangan Yang Berhormat. Kita tahu Yang Berhormat dahulu sebagai Timbalan Menteri Sumber Manusia, jadi apa yang telah Yang Berhormat tadi kata ada peningkatan jumlah bilangan pekerja asing ini. Tahun lepas berbanding dengan tahun ini sudah meningkat 2.2 juta orang.

Jadi peningkatan itu kalau tidak salah ingat saya, saya sudah duduk dalam Dewan ini, menganggotai Dewan ini sudah masuk dua penggal. Penggal pertama dahulu saya masih ingat ada beberapa orang rakan-rakan Senator ada menyentuh tentang kebimbangan kita tentang peningkatan bilangan pekerja asing datang ke bekerja di sini. Jadi bagaimana angka itu masih lagi meningkat tahun ini? Adakah penerangan dan komentar yang dibuat di dalam Dewan ini tidak diterima pakai selama ini. Mengenai pekerja yang sudah melakukan jenayah, adakah mereka masih terus bertugas dan bekerja sehingga tamat tempoh kontrak atau pun mereka dihantar pulang ke negara masing-masing? Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu saya minta dijawab oleh pihak kerajaan. Seterusnya kalau boleh saya ingin menyentuh tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Agak lama lagi kah Yang Berhormat?

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Ada dua tiga perkara lagi saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berapa minit itu?

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Mungkin 10 minit. Okey terima kasih. Bercakap tentang kerja dan pekerjaan, rakan-rakan Dewan ada banyak menyentuh tentang penglibatan wanita kerana memang di dalam rantau ini, Rantau Asia ini memang tahap tenaga buruh ataupun tenaga kerja wanita Malaysia masih di tahap 46%, sedangkan negara jiran kita ada yang sudah 60% lebih.

#### ■2020

Kita berusaha untuk meningkatkan kepada 55% pada tahun 2015. Jadi saya tidak mahu bangkitkan soal taska dan lain-lain tadi yang telah disebut oleh kawan-kawan untuk membolehkan wanita bekerja. Ini merupakan kemudahan yang perlu dipertingkatkan. Cuma dalam pewujudan Taman Asuhan Kanak-kanak ini, saya ingin menjurus, memberi fokus kepada aspek keselamatan anak-anak dalam jagaan.

Tuan Yang di-Pertua saya sempat mengumpul sedikit data yang mana menunjukkan antara tahun 2010-2013, dalam tiga tahun ini kecederaan yang berlaku di Taman Asuhan Kanak-kanak ini sudah 10 orang yang cedera, mati 19 orang. Jadi jumlahnya 29 orang. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang memberi saya maklumat-maklumat yang saya minta ini dan kita dapati bahawa usia mereka yang terlibat ini adalah antara tiga bulan dan satu tahun setengah. Kematian kita dapati lima orang di taska berdaftar, 13 orang di taska yang tidak berdaftar.

Jenis kecederaannya ada yang patah bahu, retak tulang betis, cedera di kuku dan jari tangan, mesti dia titik itu agaknya ya, luka di tangan seperti dihiris, tersedak susu, ini yang paling banyak tersedak susu Tuan Yang di-Pertua dan satu terlekat pepejal susu. Jadi kita dapati kenapa saya ingin meneliti jenis-jenis kecederaan yang menyebabkan cedera atau mati ini kerana saya

rasa ia ada kaitan dengan satu perlunya pendaftaran semua pusat-pusat ini didaftar kerana saya dapati angka yang tidak berdaftar setakat ini mengikut Jabatan Kebajikan Masyarakat agak banyak dalam 200 lebih yang tidak berdaftar. Akan tetapi kemalangan ini berlaku juga di pusat-pusat yang berdaftar.

Kemudian kita dapati *ratio* atau pun jumlah pengasuh kepada murid juga kita dapati tidak dapat memenuhi piawai yang ditetapkan oleh jabatan. Jadi di sini saya tidak mahu bercerita panjang, saya ingin rumuskan supaya aspek latihan tenaga pengasuh ini diambil berat oleh kerajaan dan dapat sekiranya mereka ini diberi kemahiran, kepakaran, persijilan untuk mengiktiraf kompetensi mereka kerana ini sangat-sangat diperlukan. Saya harap bahawa ini satu langkah yang boleh mengurangkan bencana yang saya sebutkan tadi.

Kedua aspek saringan tenaga pengasuh ini mestilah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ketat kerana bukan hanya ia perlu kepada seseorang yang sihat untuk menjadi pengasuh tetapi mental, jiwanya juga perlu sihat. Ini kerana hanya orang yang saya rasa yang bercelaru jiwa dan mentalnya yang sanggup menyakiti anak-anak kecil ini. Saya harap ini antara langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan.

Ketiga untuk memastikan supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat dipertingkatkan keupayaannya bukan hanya, saya difahamkan bukan hanya ada 104 pegawai kebajikan yang melaksanakan kerja ini di seluruh negara dan mereka juga ada tugas-tugas lain. Oleh itu perlu diperkasakan, diwujudkan satu jabatan khas di bawah **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** yang mengendali aspek taska ini bukan hanya dari segi pendaftaran, pemantauan, latihan tenaga pengasuh dan juga untuk memastikan pemantauan terhadap standard-standard yang di tetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengakhirlah, sebenarnya banyak ini tetapi saya faham rakan-rakan semua sudah pukul lapan setengah [*Ketawa*] Saya akhirlah kerana tidak lengkap kalau saya tidak mengakhiri ucapan saya ini tanpa menyatakan hormat dan penghargaan saya kepada seluruh pasukan keselamatan di negara ini tidak kira mereka daripada Polis Diraja Malaysia, daripada tentera, Jabatan Bomba dan Penyelamat. Ini kumpulan-kumpulan yang pernah disebut tadi oleh salah seorang Yang Berhormat Senator yang sentiasa mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berat sama ada dalam bencana, perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan, kemalangan, mereka ini sentiasa di sisi masyarakat.

Saya ingin terus menjurus kepada cadangan supaya bekas anggota tentera yang tidak berpencen ini di timbangkan untuk memberikan pencen kepada mereka kerana saya difahamkan bahawa hanya mereka yang genap 21 tahun baru layak mendapat pencen. Saya di fahamkan ada juga mereka yang dulu pernah terlibat dengan mempertahankan kedaulatan negara dan terlibat dengan berperang, komunis menentang musuh dan ada yang terlibat dengan konfrontasi yang mungkin hari ini usianya sudah 70 tahun, sudah uzur, tidak mempunyai harta dan lain-lainnya dapat kiranya perkara ini di timbangkan oleh kerajaan.

Bagi mereka yang bersara awal, mereka juga walaupun ada program-program penyesuaian untuk mereka memasuki pasaran buruh tetapi kita dapati bahawa ia tidak begitu mudah. Jadi jika mereka ini diberi pencen, saya percaya bahawa mereka ini akan menjadi tenaga

bukan sahaja yang berpengalaman dalam bidang keselamatan, yang perlu ada merata negara tetapi juga kita dapat memberi mereka keselesaan sejajar dengan semangat *inclusiveness* atau keterangkuman di dalam era transformasi ini. Saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok yang merupakan yang terakhir yang akan membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2014.

### **8.27 mlm.**

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, masih ada kesempatan untuk terlibat dalam topik yang amat penting dalam persidangan kita pada kali ini. Jadi dalam perbahasan saya, saya akan menumpukan kepada teras ketiga iaitu Mengungguli Modal Insan. Di mana dalam Bajet 2014, sebanyak RM54.6 bilion diperuntukkan untuk pendidikan. Daripada peruntukkan tersebut, perkara pertama yang dipentingkan ialah untuk sejumlah besar iaitu RM530 juta diperuntukkan untuk prasekolah dan bahan-bahan prasekolah.

Saya bawa perkara Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini kalau tidak silap saya, saya bawa perkara ini sudah dua kali dalam Dewan ini, tetapi belum mendapat tindakan, jawapan yang saya rasa belum memuaskan daripada pihak kerajaan. Memang kita banyak menceritakan negara akan menjurus kepada PPPM supaya bertaraf antarabangsa dan semuanya bertaraf antarabangsa, semuanya nombor satu.

Akan tetapi saya melihat kedudukan kita duduk di dalam dua-dua Dewan ini tujuannya untuk kita membahaskan, membawa perkara, membincangkan perkara berhubung dengan bajet ini supaya ianya akan menepati sasaran yang menyeluruh. Perkara kedua supaya cara penyampaian itu boleh disalurkan dengan sempurna. Saya melihat golongan yang tidak bernasib baik kalau ini pun mungkin jangan terlepas pandang dalam bajet kita pada kali ini. Kalau kita lihat dalam bajet ini, RM350 juta untuk prasekolah. Ya kita memang harus melihat kemudahan prasekolah ini hanya di perkampungan-perkampungan yang besar sahaja atau bandar-bandar sahaja.

### **■2030**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi, di mana kampung-kampung yang kecil tidak ada kemudahan yang berikut. Jadi oleh sebab yang demikian, ada kanak-kanak di Malaysia ini contohnya di dalam kawasan P.220 Baram, terdapat 176 lebih buah kampung tetapi di situ hanya ada 69 kemudahan prasekolah. Jadi, kampung-kampung yang lain itu tidak ada kemudahan prasekolah. Jadi kanak-kanak yang berumur empat tahun, lima tahun dan enam tahun yang sepatutnya duduk di bangku sekolah seperti anak-anak lain yang di bandar masih merayau-rayau di kampung, belum belajar apa-apa pun. Akan tetapi apabila umur sudah meningkat tujuh tahun sama-sama masuk ke tahap satu, tahun satu dengan anak-anak yang lain. Betapa tidak adil keadaan yang telah kita letakkan di hadapan anak-anak kita ini. Jadi jumlah anak-anak ini ramai.

Dalam perhitungan saya sebelum saya mengatakan ini, saya mendapati ada tidak kurang daripada 1,200 orang kanak-kanak yang tercicir di dalam kawasan ini sahaja. Jadi nasib kanak-kanak inilah yang saya hendak bawa di dalam Dewan ini supaya Bajet 2014 ini mengambil kira. Kita kerajaan Malaysia, kerajaan kita ini bercakap beria-ia sangat sehingga hendak membantu, anak-anak pendatang asing pun kita hendak latih juga tetapi kena melupakan anak kita sendiri. Memang benar mungkin kerajaan mengatakan, "*Hoi Yang Berhormat Senator Lihan, susah sangat hendak membina tadika prasekolah tiap-tiap penempatan itu*". Saya mengakui memang susah, tetapi takkan tidak ada cara yang lain supaya proses P&P perlahan-lahan boleh kita sampaikan menggunakan wang ringgit dalam bajet ini untuk perlahan-lahan membawa proses pengajaran dan pembelajaran kepada anak-anak Malaysia, anak-anak kita yang tidak bernasib baik khususnya masyarakat Penan.

Saya mengambil contoh dalam kawasan Akah terdapat Long Tebangan, Long Tap, Long Buken, Long Beku dan di kilometer 10- kampung-kampung ini tidak ada kemudahan prasekolah tetapi kanak-kanaknya ramai. Persoalannya di sini, kenapa kanak-kanak ini tidak pergi ke kemudahan sekolah yang ada? Mana boleh. Penempatan mereka ini jauh. Kanak-kanak ini berumur kecil lagi, tidak boleh tinggalkan ibu bapa. Mereka ini tidak boleh duduk di asrama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum Ahli Yang Berhormat membawa perkara yang saya dengar ini, adakah Yang Berhormat telah mengemukakan kepada pihak yang berwajib di peringkat negeri dan juga di peringkat Pusat- ada tidak Yang Berhormat?

**Tuan Lihan Jok:** Ini yang kedua kali Tuan Yang di-Pertua, saya bawa perkara ini. Pada *sitting* yang lepas saya telah membawa perkara ini juga. Ini perkara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau begitu saya- dirakamkan di dalam *Hansard*. Saya meminta kementerian yang berkenaan, pegawai yang ada mesti jangan lupa menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu apabila kementerian menjawab nanti. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dalam persidangan yang lepas, saya juga yang terakhir membawa perkara ini tetapi apabila dijawab oleh pihak kerajaan, langsung tidak ada jawapan yang menyentuh perkara yang saya bangkitkan. Jadi demikian juga dalam satu kawasan lagi di mana terdapat enam buah kampung lagi penempatan sedemikian iaitu terdapat sembilan kawasan ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya hendak merakamkan juga- saya berharap semua pegawai daripada kementerian yang berkenaan contohnya ini, saya hendak menentukan diberikan jawapan. Kalau dahulu Yang Berhormat bangkitkan dan pihak kementerian tidak memberikan jawapan yang sewajarnya, maka saya fikir ini adalah suatu perkara yang serius dan perlu jangan terlepas pandang. Sila teruskan.

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab yang demikian, kalau perwujudan ataupun pembinaan kemudahan prasekolah mahal, susah dan menelan belanja yang besar, sebab itulah pada sesi yang lepas saya mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan apa yang saya maksudkan konsep guru bergerak ataupun sekolah bergerak ke tempat-tempat penempatan ini secara bergilir-gilir. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Long



Banga. Di penempatan ini ada lima, Long Beruang, Long Ballong, Long Peluan, Lepo Ke dan Long Puak. Kesemua penempatan ini tidak ada kemudahan prasekolah tetapi boleh dihubungi oleh pengangkutan darat. Apakah salahnya guru-guru yang bergerak itu pada hari Isnin pergi ke Long Beruang, hari Selasa pergi ke Long Ballong dan selepas habis satu minggu ulang balik *rather than* dengan izin, meninggalkan anak-anak kita ini begitu sahaja. Ini maksud saya.

Kalaupun tidak ada cara yang serupa ini di mana mungkin cara ini tidak berapa tepat, saya memohon supaya kerajaan memikirkan cara mana kita membawa prasekolah yang makin hari makin wajib kita sampaikan kepada anak-anak kita, bukan lagi kita letak badan-badan NGO sahaja. Malah saya melihat penyampaian perkhidmatan prasekolah ini sudah menjadi tanggungjawab total kerajaan kita. Oleh sebab yang demikian, saya merayu sangat supaya nasib anak Malaysia yang tidak berpeluang ini dilihat melalui Bajet 2014 ini nanti.

Kalau kerajaan tidak bersiap sedia untuk memikirkan cara ini, kerajaan boleh juga memikirkan mengalihkan tanggungjawab ini kepada syarikat-syarikat yang besar seperti pada masa sekarang, kita ada syarikat gergasi Petronas yang sedang memasang saluran paip gas daripada Sabah melalui kawasan-kawasan yang saya sebutkan ini. Apa salahnya syarikat gergasi Petronas ini mengambil inisiatif sebagai *Blue Ocean Strategy* ataupun sebagai CSR syarikat ini untuk membantu dalam penyampaian prasekolah mengikut konsep guru atau sekolah bergerak ini tadi. Inilah rayuan saya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya rasa itu sahaja sedikit pandangan saya. Kalau perkara ini dapat...

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lihan Jok:** Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh silakan. Banyak masa lagi.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat, saya sangat terkejut apa yang terjadi di dalam kawasan Yang Berhormat itu. Saya fikir tidak guna kita mendapatkan status negara yang berpendapatan tinggi jika ramai lagi rakyat seperti di kawasan Yang Berhormat tidak mendapat kemudahan yang sepatutnya diberikan.

#### ■2040

Berhubung dengan komen Yang Berhormat bahawa benda ini telah dibawa di dalam sesi yang lama dan malangnya pada masa barangkali pukul 8.30 malam. Saya nampak, sementara kita ada pegawai-pegawai kerajaan ramai di sebelah pagi, sekarang tidak lebih daripada dua orang atau tiga orang sahaja. Jadi saya tidak tahu sama ada apa yang dicakapkan pada pukul 8 malam ataupun hampir pukul 9 malam ini, akan mendapat perhatian yang sama. Kalau tidak, setiap orang akan bercakap sebelah pagilah kerana tidak mendapat perhatian. Saya harap perkara ini akan diambil perhatian dengan teliti dan secara betul-betul oleh pihak kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sebagai respons juga kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim ya. Saya selalu menegur waktu ini orang Islam solat. Solat sekejap sahaja. Selepas itu semua kita akan menunaikan fardu juga tetapi pegawai-pegawai dan khususnya wakil kementerian, saya rasa tidak ada *compromise*, mesti mengambil kira dengan

serius setiap perbahasan yang dikemukakan oleh Dewan yang mulia ini. Sama ada pada sebelah petang, pukul tiga pagi, dengan izin, *that is our responsibility*, tanggungjawab kita.

Saya harap teguran saya ini dipanjangkan, disampaikan di semua peringkat kementerian. Saya sudah pernah tegur dahulu, kenapa agaknya seorang pun tidak ada tetapi mungkin dia ada duduk di bilik-bilik. Akan tetapi isu-isu ini, duduk dalam bilik, kalau tidur siapa yang tahu? Sudah itu saya hendak tentukan kepastian bahawa apa-apa sahaja isu yang dibangkitkan oleh Dewan yang mulia ini, mesti diberikan jawapan yang sewajarnya. Sekarang Yang Berhormat teruskan,

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya supaya pendapat saya, pandangan saya lebih jelas berhubung dengan konsep guru atau sekolah bergerak ini tadi. Contohnya, dalam kawasan Ulu Tutoh, ada empat buah penempatan iaitu Long Long, Long Kawa, Long Seang, Long Magoh. Masyarakat Penan ini tidak ada kemudahan prasekolah tetapi ia berdekatan dengan sebuah sekolah yang bernama SK Long Seridan. Apa salahnya guru-guru yang bergerak ini akan berpusat di SK Long Seridan dengan menggunakan kereta, pergi ke sekolah-sekolah tersebut ulang-alik. Pagi pergi ke sekolah tersebut dan balik waktu petang, esok pagi pergi ke tempat yang lain lagi. Ini maksud saya sekolah yang gurunya bergerak, maksud saya tadi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri perbahasan saya pada petang ini...

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat, silakan.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar rintihan Yang Berhormat tadi kerana kalau di Semenanjung, di bawah JAKOA, Masyarakat Orang Asli, memang kerajaan menyediakan peruntukan untuk disewa kenderaan untuk membawa mereka pergi ke sekolah yang berdekatan. Jadi saya tidak pasti sama ada ini dapat dilaksanakan di sana atau tidak, satu.

Kedua, tentang tadika kerana di tempat saya pun banyak tadika di kawasan-kawasan pedalaman yang mana sudah ramai kanak-kanak di bawah 4 tahun dan juga 4 tahun hingga 5 tahun sebelum pergi ke sekolah, usia persekolahan yang tidak mendapat perkhidmatan prasekolah dan juga taman asuhan. Kalau boleh dahulukan yang prasekolah ini dan ia tidak boleh mengikut peraturan dan cara-cara biasa.

Saya berharap saya boleh menumpang jugalah apa perkara yang dibangkitkan itu supaya pihak kerajaan boleh memberi pandangan atau memberi jawapan. Boleh atau tidak di kawasan-kawasan pedalaman di mana ada keperluan tadika dan taska, satu tindakan khas dibuat yang tidak mesti tunggu, tunggulah peruntukan tahun hadapan atau tunggulah Rancangan Malaysia ke lagi satu dan lain-lainnya. Akan tetapi keperluan itu mesti diwujudkan secepat mungkin dengan mengambil tindakan-tindakan di luar kebiasaan dengan melatih orang setempat contohnya dan lain-lainnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan:** Boleh mencelah? Saya ada pandangan, di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan. Minta maaf. Saya tidak nampak Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan:** *[Ketawa]* Tidak apa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pengangkutan bagi murid-murid sekolah di bahagian pedalaman, ada

satu peruntukan di bawah Akta Pendidikan 1996. Kalau tidak silap saya, seksyen 24 yang menyatakan bahawa Menteri Pendidikan ada kuasa untuk memberi kemudahan ataupun *not to allow for transportation*, memberi kemudahan pengangkutan bagi murid-murid yang memerlukan. Kalau pelajar memerlukan kemudahan pengangkutan, Menteri ada kuasa untuk memberi kemudahan tersebut. Mungkin bahagian ini boleh diguna pakai untuk mengagihkan peruntukan di bawah bajet dan juga Rancangan Malaysia yang akan datang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mendapat maklum balas daripada bentara di sini, dia sudah pusing keliling dan dapat tahu sekarang ini yang berada di persekitaran ini pegawai daripada Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja Raya dan lain-lain macam mana? Saya memandang serius dalam perkara ini. Bahawa kalau kita semua- sebab itu saya selalu pesan supaya saya hendakkan Ahli Dewan Negara ini betul-betul komited dalam menjalankan tanggungjawab. Saya harap Yang Berhormat jangan risau, teruskan iltizam Yang Berhormat itu dan kita hendak lihat supaya semua yang bertanggungjawab, mesti menjalankannya dengan penuh semangat. Sekarang, silakan Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk sedikit boleh? Berkenaan dengan pegawai-pegawai kerajaan ini sebab kita tahu bila keadaan macam ini berlaku, nanti bila Menteri menjawab, selalunya dia akan cakap, "*Kita akan cuba beri jawapan secara bertulis*". Memang kita tahu dia tidak melanggar peraturan mesyuarat tetapi kalau keadaan macam ini berlaku berterusan, jadi, saya tidak nampaklah cara perdebatan kita, idea-idea yang diberikan selama ini cuma sekadar antara kita sahajalah. Walaupun kita tahu itu adalah tidak melanggar peraturan, bermaksudnya daripada segi tindak balas, tindakan selepas susulan perbahasan kita ini hanya sekadar perbahasan setakat ini sahaja. Jadi, benda ini sudah berlaku. Pengalaman pun saya sudah rasa. Saya sudah tengok memang tidak ada tindakan dan perkara berulang sama dipersoalkan dalam Dewan kalau begini juga keadaannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa Yang Berhormat, tidak apa. Saya akan ambil perkara ini secara serius bahawa persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara ialah satu perkara penting dalam menentukan legislatif dalam negara ini. Sudah itu perkara ini saya tidak ada kompromi. Saya hendak beri jaminan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Perkara yang benar mesti kita tentukan dilaksanakan. Saya percaya pemimpin-pemimpin memang itu sub nya, tetapi apabila berlaku di peringkat bawah, inilah selalunya. Tidak mengapa, teruskan Yang Berhormat. Jangan kita risaukan perkara ini. Kita anggap semua kita akan terus menjalankan tanggungjawab walaupun sampai malam.

**Tuan Lihan Jok:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya hendak mencelah sedikit. Kalau mungkin tidak agaknya diadakan satu peraturan bahawa pegawai-pegawai tertentu daripada kementerian tertentu, senarai yang bertugas itu diserahkan kepada Setiausaha Dewan Negara umpamanya, untuk memastikan ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya tahu. Semua kementerian ada memperuntukkan pegawai bertugas di sini semasa persidangan. Ini yang menjadi masalah kadangkala.

■2050

Saya tidak menuduh bahawa kita tidak mahu ada pegawai curi tulang, maknanya tengok dan ambil sambil lewa sahaja. Ini saya tidak mahu. Saya hendak tentukan, saya minta catatkan di sini, saya hendak tahu daripada kementerian-kementerian, siapa pegawai yang bertugas pada waktu ini dan saya hendak dapat laporan sepenuhnya. Jangan ambil ringan perkara ini. Tidak apalah, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas perhatian yang begitu serius. Saya berdiri di sini mewakili negeri Sarawak dan saya dipilih untuk datang di sini bagi mewakili masyarakat saya, masyarakat peribumi, masyarakat minoriti. Kalau saya tidak bawa perkara ini, perkara penting pendidikan ini dan tidak ambil endah oleh Dewan yang mulia ini, di manalah saya hendak mengadu keperluan kita minoriti? Di sini sahajalah.

Jadi, saya menaruh harapan penuh Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak kerajaan pegawainya tidak ada. Tolong sampaikan *Hansard* kerana dua kali saya bawa perkara ini, dan tidak mendapat jawapan. Saya ramal juga sebenarnya yang kedua ini jawapan pun tidak ada tetapi apa boleh buat? Ini tanggungjawab saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kagum dan memuji cara Tuan Yang di-Pertua membawa Dewan ini. Ingin memartabatkan dan memperkukuhkan serta membawa Dewan yang mulia ini ke tahap dan peranannya yang begitu tinggi. Seperti Tuan Yang di-Pertua selalu katakan. Saya juga mohon menyokong. Akan tetapi sebelum saya duduk, saya ucapkan selamat menyambut tahun baru bagi semua kita. Ini sesi kita yang terakhir...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ada seminggu lagi Yang Berhormat.

**Tuan Lihan Jok:** Ya, selamat menyambut tahun baru untuk kita dan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya amat terbuka dalam perkara ini. Segala teguran saya itu, saya buat kerana Allah SWT untuk kebaikan semua. Sekarang ini saya dapat maklum balas lagi satu daripada Bentara menyatakan untuk isu berkaitan Jabatan Perdana Menteri, "*Setakat ini terdapat 33 isu untuk Jabatan Perdana Menteri dan telah diambil perhatian oleh pegawai Jabatan Perdana Menteri yang duduk di Bilik Pegawai Bertugas, di mana kami memantau perbincangan melalui televisyen. Di bilik ini kami...*" Tulisan pun macam tulisan doktor, susah saya hendak membaca "*Walau bagaimanapun, kemudahan telefon, komputer dan...*" Maknanya dia ada. Ini ditandatangani oleh saudara Nizam Mydin. Tidak apa, kalau betul-betul saudara Nizam telah rakamkan semua itu. Saya ucapkan syabas tetapi saya hendak pastikan bahawa segala isu yang telah dibangkitkan dalam Dewan Negara ini mesti diambil kira secara serius.

Saya tidak mahu nanti saya dapat- sudah lama juga, tiap-tiap kali bila ada jawapan daripada kementerian, "*Akan ambil kira*". *I do not think that*, dengan izin, pemimpin kita hendak macam itu. Tidak mengapalah.

Jadi, dengan berakhirnya ucapan daripada Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Tuan Lihan Jok tadi, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang masih berada dalam Dewan ini, sungguhpun sudah malam [*Tepuk*] Inilah semangat yang saya hendak. Akan tetapi kepada kawan-kawan yang menghilangkan diri itu, dengan kebenaran saya, tidak mengapa. Namun begitu, siapa yang menghilangkan dari tanpa izin saya, saya ambil kira.

Oleh yang demikian, sampailah masanya. Selesai sudah kita membahaskan bajet bagi tahun 2014. Berakhir pada ketika ini dan seterusnya pada hari Isnin minggu depan, bermula jawapan daripada kementerian-kementerian. Oleh itu, saya harap semua Yang Berhormat berada dalam Dewan dan dengar baik-baik. Kalau sekiranya ada isu-isu yang tidak dijawab. Bangun dan bertanya. Saya hendak memberitahulah, saya di sini hendak melihat maka kalau semuanya sudah dapat bekerjasama dan bekerjasama dengan pegawai-pegawai, *insya-Allah* inilah yang kita harapkan.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat semua, Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 16 Disember 2013. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.55 malam]***